DIAN BAHASA

JILID 3



MALAY LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

DIAN BAHASA

JILID 3



MALAY LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

Ministry of Education
SINGAPORE

Academy of Singapore Teachers
lead. care. inspire.

e-Penerbitan Jun 2026

Hak cipta terpelihara @ 2026 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan e-makalah ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta e-makalah ini.

ISBN: 978 – 981–94–5757–1

Diterbitkan oleh

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Catatan

Pendapat dan pandangan yang terkandung dalam e-makalah ini merupakan pendapat dan pandangan penulis masing-masing dan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Kandungan

08 **Sekapur Sirih**
Puan Norhayati Awang
Mantan Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura

10 **Seulas Pinang**
Encik Abdul Harris Sumardi
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura

13 **Makalah 1**
Dr. Mohamed Fatris bin Bakaram
Bahasa Dijunjung, Guru Disanjung

29 **Makalah 2**
Dr. Raudhah Yahya
Melentur Rebung Pengguna Bahasa Melayu

46 **Makalah 3**
Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam
Mengajar Bahasa Melayu kepada Pelajar Bukan Penutur Jati

72 **Makalah 4**
Prof. Dr. John Miksic
Singapura Purba dalam Kaitan dengan Alam Melayu

118 **Makalah 5**
Dr. Sa'eda Buang
Membaca Secara Kritis: Memanusiawi Pendekatan

136 **Makalah 6**
Mohamed Raman Daud
Dinamika Kewartawanan Melayu dalam Arus Perubahan Bahasa dan Budaya Melayu di Singapura

161 **Makalah 7**
Dr. Roszalina Rawi
Segar, Sedar, Peduli: Pedagogi dan Penilaian Bahasa Melayu 2.0

197 **Makalah 8**
Muhamad Rafi Abu Bakar, Nurul Huda Muhammad Yassin dan Elyyah Kamsin
Penerapan Digital dan Pedagogi Inovatif dalam Mempelajari Artifak Budaya

231 **Biodata**

241 **Jawatankuasa Penerbitan**

242 **Sekalung Budi**

DIAN

DIAN BAHASA mencerminkan aspirasi dan wawasan guru-guru Bahasa Melayu di Singapura. Akronim **DIAN** membawa maksud '**d**aya kita untuk menajamkan akal fikiran menerusi bacaan dan kajian serta mengukuhkan ikhtiar kita untuk meluaskan dan mendalami **i**lmu, meningkatkan kemahiran demi membina keupayaan sebagai guru Bahasa Melayu yang berkesan dan cemerlang. Daya dan ilmu inilah yang membentengi **a**spirasi kita yang andal untuk terus melestarikan dan membangun bahasa, budaya, peradaban dan kesusasteraan Melayu berasaskan **n**ilai-nilai agama, masyarakat, negara dan kemanusiaan'.

Sekapur Sirih



Puan Norhayati Awang
Mantan Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura

Salam sejahtera para pembaca yang budiman.

Penerbitan **DIAN BAHASA JILID 3** merupakan usaha yang berterusan Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura untuk menyediakan wadah rujukan berkaitan bahasa, budaya, pedagogi, sejarah, pemikiran, peradaban dan yang berkaitan dengan teknologi. **DIAN BAHASA JILID 3** menyediakan ruang untuk para ilmuwan berkongsi ilmu dan pandangan mereka tentang bahasa, sastera, budaya dan peradaban Melayu. **DIAN BAHASA JILID 3** juga merupakan wadah bagi Guru Pakar dan guru bahasa Melayu untuk menyumbangkan hasil kajian yang dijalankan bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Singapura.

DIAN BAHASA JILID 3 memuatkan lapan makalah sumbangan rakan-rakan MLCS dari dalam dan luar negara. Makalah pertama ditulis oleh Dr. Mohamed Fatris Bakaram, mantan Mufti Singapura. Beliau membincangkan tentang gagasan 'berbahasa budi' iaitu menjunjung bahasa sebagai jiwa bangsa Melayu yang perlu disegarkan melalui proses yang bermula dengan meluhurkan budi penuturnya terlebih dahulu melalui makalah beliau yang berjudul 'Bahasa Dijunjung, Guru Disanjung'. Makalah yang kedua ditulis oleh Dr. Raudhah Yahya. Beliau menjelaskan tentang pentingnya pengalaman yang diberikan kepada kanak-kanak pada usia dini

akan membentuk minda dan kemampuan kanak-kanak untuk belajar, bergaul dengan orang lain dan bertindak balas terhadap tekanan dan cabaran harian. Makalah tulisan beliau berjudul 'Melentur Rebung Pengguna Bahasa Melayu'. Makalah ketiga ditulis oleh Prof. Dr. Vijayaletchumy dari Universiti Putra Malaysia. Beliau membincangkan pembudayaan ilmu yang perlu dipupuk dan dibajai dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Makalah beliau berjudul 'Mengajar Bahasa Melayu kepada Pelajar Bukan Penutur Jati'. Makalah seterusnya ditulis oleh Prof. Dr. John Miksic yang menyingkap sejarah Singapura melalui temuan-temuan arkeologi dalam makalah beliau yang bertajuk 'Singapura Purba dalam Kaitan dengan Alam Melayu'.

Makalah kelima ditulis oleh Dr. Sa'eda Buang yang berjudul 'Membaca Secara Kritis: Memanusiawi Pendekatan'. Dr. Sa'eda memberikan penekanan tentang aspek membaca secara kritis dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Makalah yang keenam ditulis oleh Mohamed Raman Daud. Beliau menyingkap peranan dan fungsi kewartawanan dalam perkembangan dan pelestarian bahasa dan budaya Melayu melalui makalah beliau yang diberi judul 'Dinamika Kewartawanan Melayu dalam Arus Perubahan Bahasa dan Budaya Melayu di Singapura'. Makalah yang ketujuh ditulis oleh Dr. Roszalina Rawi. Tulisan beliau berjudul 'Segar, Sedar, Peduli: Pedagogi dan Penilaian Bahasa Melayu 2.0' membincangkan prinsip-prinsip integrasi teknologi pendidikan secara sengaja dalam pengajaran Bahasa Melayu, dengan penekanan kepada pendekatan pedagogi dan penilaian yang berwawasan. Makalah yang terakhir ditulis bersama oleh Cikgu Muhamad Rafi Abu Bakar (Guru Pakar), Cikgu Nurul Huda Muhammad Yassin (Guru Kanan) dan Cikgu Elyyah Kamsin (Guru Kanan) yang berjudul 'Penerapan Digital dan Pedagogi Inovatif dalam Mempelajari Artifak Budaya'. Makalah ini menyerlahkan keberkesanan penerapan teknologi dan inovasi dalam melestarikan bahasa dan budaya Melayu menerusi program e-Jejak Budaya anjuran MLCS.

Semoga **DIAN BAHASA JILID 3** ini akan menjadi sumber dan inspirasi kepada para pendidik khususnya guru-guru bahasa Melayu bagi meraih pengetahuan dan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di bilik darjah.

Seulas Pinang



Encik Abdul Harris Sumardi
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura

Salam sejahtera para guru yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah tahun ini MLCS berjaya menerbitkan **DIAN BAHASA JILID 3** secara digital. Dengan penuh rasa syukur, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Puan Norhayati Awang, atas usaha gigih dan kepimpinan berwawasan beliau dalam menerajui pusat ini. Dedikasi dan komitmen beliau telah meletakkan asas yang kukuh bagi pembangunan profesional guru-guru Bahasa Melayu serta memperkukuh peranan MLCS bukan sahaja sebagai pusat latihan untuk guru-guru bahasa Melayu di Singapura tetapi juga menjadi wadah pemikiran dan wacana ilmiah.

Penerbitan **DIAN BAHASA JILID 3** merupakan kesinambungan usaha murni tersebut. Makalah digital ini amat signifikan dalam memperkasakan guru-guru Bahasa Melayu melalui bahan rujukan yang bukan sahaja menumpukan pada aspek bahasa, bahkan merangkumi dimensi budaya, pemikiran, sejarah, peradaban dan jati diri. Pendekatan yang holistik ini penting bagi membina perspektif pengajaran yang lebih luas, kritis dan berakar pada warisan serta konteks masyarakat kita.

Usaha penerbitan ini wajar diteruskan dan diperkukuh kerana ia menghimpunkan sumbangan berharga daripada para pakar, pensyarah dan guru Bahasa Melayu, sama ada dari dalam mahupun luar negara. Semoga inisiatif ini terus menjadi obor ilmu yang menyinari perjalanan pendidikan Bahasa Melayu di Singapura.

Selamat membaca.

Guru budiman, pelajar cemerlang!

Objektif

- Meningkatkan pengetahuan guru, pelajar dan penggiat bahasa dan budaya Melayu tentang perkembangan bahasa, sastera, budaya, sejarah, pemikiran dan peradaban Melayu;

- Memperkaya ilmu dan memperkasakan guru, pelajar dan penggiat bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam menggunakan dan melestari bahasa, sastera dan budaya Melayu; dan

- Menyediakan ruang dan peluang bagi guru, pelajar dan penggiat bahasa dan budaya Melayu untuk mendapatkan pengetahuan daripada pakar tentang perkembangan bahasa, sastera, sejarah, pemikiran, peradaban dan budaya Melayu serta memahami kerelevanannya dalam pembinaan dan pengukuhan jati diri masyarakat Melayu dalam mengharungi pelbagai perubahan dan cabaran yang mendatang.

MAKALAH 1

Bahasa Dijunjung, Guru Disanjung



Dr. Mohamed Fatris bin Bakaram
fatris_bakaram@yahoo.com.sg

ABSTRAK

Pengertian bahasa dalam budaya Melayu bukan sekadar alat komunikasi untuk menyampaikan hasrat dan pemikiran si penutur. Lebih daripada itu, bahasa ialah alat untuk menzahirkan kebaikan akal dan perasaan si pengguna bahasa melalui kedua-dua pertuturan dan perbuatan, sehingga perlakuan yang mulia dan sopan diistilahkan juga sebagai 'budi bahasa'. Frasa seperti 'tidak tahu bahasa' dan peribahasa 'orang berbudi, kita berbahasa' memberi perlambangan jelas betapa bahasa Melayu amat bersifat kultural dan berkait rapat dengan falsafah budi serta nilai naluri manusia yang murni. Ini terutama sekali setelah orang-orang Melayu menerima Islam, bukan hanya sebagai satu sistem kepercayaan dan ritual, tetapi juga sebagai salah satu tunggak identiti dan budayanya. Kertas ini bertujuan untuk mengenengahkan gagasan 'berbahasa budi', bahawa konsep menjunjung bahasa sebagai jiwa bangsa Melayu perlu disegarkan melalui proses yang bermula dengan meluhurkan budi penuturnya terlebih dahulu sebelum memperbetulkan penuturan kalimatnya mahupun memperhalusi nahunya.

PENGERTIAN DAN FALSAFAH BAHASA DALAM BUDAYA MELAYU

Sejarah bahasa manusia adalah setua sejarah kewujudan manusia itu sendiri. Umat Islam mempercayai bahawa manusia ini ialah ciptaan Allah, dan manusia yang pertama diciptaNya adalah Adam. Al-Qur'an mengkhabarkan bahawa sejurus selepas Adam dicipta Allah, dia diberi kemahiran untuk berbahasa dengan diajarkan kepadanya nama-nama kepada segala perkara, lalu diikuti pula dengan perintah Allah ke atas Adam agar menyebut nama-nama itu di hadapan para malaikat. Perintah ini bertujuan untuk mengingatkan para malaikat bahawa mereka tidak memiliki kesemua ilmu kecuali apa yang diajarkan Allah sahaja.[1] (al-Baqarah:30-33)

Terdapat pelbagai definisi bagi istilah 'bahasa'. Saya tidak berhasrat untuk membentangkan kesemua atau kebanyakan definisi tersebut untuk dianalisis ketepatannya. Sebagai asas kepada pembentangan saya ini, adalah memadai untuk menyatakan pengertian umum kepada istilah 'bahasa' yang boleh dirumuskan daripada kebanyakan definisi yang diketengahkan oleh para pakar, bahawa bahasa itu ialah alat komunikasi manusia untuk menyampaikan fikiran atau perasaannya melalui simbol-simbol suara, tulisan, lukisan dan isyarat-isyarat yang seumpamanya, dengan tujuan untuk dapat difahami orang lain. Untuk itu, ia perlu bersifat arbitrari, iaitu bentuk bahasa yang digunakan dalam komunikasi adalah yang disepakati bersama oleh si penutur dan yang menerimanya.

Bagaimanapun, manusia ialah makhluk yang tidak dapat terpisah pemikiran, perasaan, bahasa dan sikapnya daripada pengaruh sekitarannya, termasuk budaya masyarakat sekelilingnya. Banyak kajian yang dibuat dalam memahami hubungan antara bahasa dan budaya sesebuah bangsa menonjolkan kaitan yang amat rapat antara kedua-duanya. Bahasa Melayu juga tidak terkecuali. Malah, kajian-kajian yang dijalankan terhadap bahasa dan budaya masyarakat Melayu menunjukkan bahawa Bahasa Melayu amat bersifat kultural dan berkait rapat dengan falsafah budi serta nilai naluri manusia yang murni, yang merupakan teras kepada budaya dan jati diri orang Melayu. Dengan lain perkataan, Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi untuk menyatakan pemikiran atau perasaan si penutur. Lebih daripada itu, orang

[1] Ayat 31-31, Surah al-Baqarah.

Melayu turut memahamkan bahasa sebagai proses menzahirkan nilai kebaikan yang ada dalam akal dan hati bukan sahaja melalui pertuturan, malah juga melalui perbuatan. Ini sehinggakan perlakuan yang mulia dan sopan diistilahkan sebagai 'budi bahasa'. Demikian definisi 'bahasa' menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat:

> ***bahasa I*** *1. sistem lambang bunyi suara yg dipakai sbg alat perhubungan dlm lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dgn individu yg lain dsb): ~ Melayu; ~ Tagalog; 2. percakapan yg baik, tingkah laku yg baik, sopan santun; kurang ~ kurang sopan; tidak tahu ~ tidak sopan santun.*

Ini dapat dilihat pada peribahasa 'orang berbudi, kita berbahasa', yang tidak membawa maksud sekadar menuturkan bicara yang sopan sahaja sebagai tindak balas kepada kebaikan yang dilakukan orang. Sebaliknya, berbahasa di sini bermaksud membalas kebaikan dengan kebaikan juga melalui tindakan, pertuturan dan sikap. Begitu pula dengan frasa 'tidak tahu bahasa' atau 'tak reti bahasa'. Falsafah Bahasa Melayu yang bersifat kultural ini dinyatakan jelas oleh Pendeta Muhammad Ariff Ahmad:

> *Di Alam Melayu (termasuk Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura), bahasa itu rapat hubungannya dengan tata tertib, sopan santun dan adat resam. Falsafah bahasa bagi orang-orang Melayu adalah kultural. Wacana dalam bahasa Melayu bukan sahaja membawa makna leksikal, bahkan banyak pula membawa makna kultural, sehingga apabila seseorang melafazkan wacana tidak tahu bahasa, frasa itu tidak semata-mata bermakna tidak tahu akan bahasa, tetapi ia membawa juga makna tidak tahu aturan; tidak tahu adat; tidak terpelajar; jahil; biadab atau kurang ajar.*[2]

Adakah penggunaan istilah 'bahasa' untuk membawa maksud ketertiban dalam perlakuan selain makna universalnya sebagai satu alat perhubungan sesama manusia unik bagi bangsa Melayu? Saya tidak pasti. Mungkin satu kajian perbandingan merentas bahasa-bahasa dunia perlu dijalankan untuk mendapatkan jawapannya.

---

[2] Muhammad Ariff Ahmad, "Penggunaan bahasa Melayu di Singapura: Masa dini, masa kini dan masa lini", dalam Pesan: Kumpulan makalah sempena Bulan Bahasa 1993, (Singapura: Jawatankuasa Bulan Bahasa, 1994), 241-259.

Namun, kaitan yang begitu rapat antara kedua-dua pengertian tersebut merupakan satu ciri falsafah Bahasa Melayu yang amat perlu diteliti jika budaya orang Melayu hendak difahami. Ia mengisyaratkan beberapa kemungkinan, antaranya ialah:

a. Kemuliaan dalam keperibadian dan akhlak seorang manusia ialah sesuatu yang amat diutamakan oleh orang Melayu. Orang Melayu amat sensitif terhadap dualisme kesopanan, iaitu nilai kebaikan dalam pertuturan dan perlakuan tidak boleh dipisahkan, apatah lagi bertentangan.

b. Begitu sekali darjat yang sangat tinggi dan mulia diberikan orang Melayu kepada bahasa sehingga seolah-olah ia dianggap sebagai epitome nilai kebaikan yang pengertiannya merentas daerah komunikasi sesama manusia.

c. Tindak-tanduk serta perlakuan seseorang dan sistem simbol yang digunakan sebagai alat perhubungan ialah aspek-aspek luaran dalam kehidupan manusia bermasyarakat. Menjadikan kekata 'bahasa' untuk merujuk kepada kewajaran dalam ruang komunikasi dan kewajaran dalam tindak-tanduk menandai wujudnya satu faktor sepunya yang diambil berat oleh orang Melayu, iaitu nilai kemuliaan dalaman yang menjadi asas kepada maksud dan proses bahasa dalam kedua-dua pengertian tersebut. Pada pandangan saya, itulah yang dinamakan budi.

TUNGGAK BUDI DALAM BUDAYA DAN BAHASA MELAYU

Terdapat perbincangan yang rencam dan luas mengenai erti budi dalam budaya Melayu. Terdapat empat definisi kepada kekata 'budi' dalam Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, iaitu: 1) akal, kebijaksanaan; 2) perangai, akhlak, tingkah laku, kelakuan, watak; 3) sifat baik, perbuatan baik, kebajikan; dan 4) bicara, daya upaya.

Untuk tujuan mengenengahkan gagasan berbahasa budi ini sebagai bahasa yang layak dijunjung, saya memilih untuk memahami budi dalam erti kata yang tidak tersenarai dalam keempat-empat definisi Kamus Dewan Bahasa ini, walaupun saya akur terdapat kaitan antara empat makna ini dan makna yang saya pilih. Agak ganjil untuk mengertikan budi sebagai akal dan kebijaksanaan, sedangkan ia dipasangkan dengan perkataan akal itu sendiri dalam frasa 'akal budi' untuk melambangkan kebijaksanaan pemiliknya dalam berfikir.

Begitu pula ada sebahagian orang yang mengertikan budi sebagai hati atau ruhani manusia, sedangkan ia turut dipasangkan dengan hati dalam frasa 'hati budi' untuk menggambarkan kemuliaan seseorang dalam mengendalikan perasaan serta pemikirannya sehingga membentuk jiwa yang murni dan kaya dengan kehalusan dan keindahan.

Saya cenderung untuk mengertikan budi sebagai satu nilai dalaman atau batin manusia yang membawa maksud keindahan, kebaikan, kehalusan, kemuliaan, kemurnian, keaslian, ketulusan dan yang seumpamanya. Budi, menurut pandangan saya, adalah sumber kemuliaan yang memenuhi keseluruhan dimensi dalaman seorang insan. Ia merupakan nilai kebaikan bersifat intrinsik yang mencorak serta memberi kesan secara langsung kepada kesemua pemikiran, perasaan, keputusan dan tindak tanduknya, sama ada terhadap dirinya sendiri mahupun terhadap makhluk lain. Budi tidak hanya merujuk kepada akal ataupun hati secara neutral kerana kedua-duanya berpotensi menatijahkan pemikiran atau perasaan yang baik dan juga sebaliknya. Budi juga tidak hanya merujuk kepada perbuatan baik atau daya upaya kerana ia bersifat luaran, sedangkan ada perilaku yang baik itu tidak bersumberkan niat atau perasaan yang murni.

Oleh itu, apabila dipasangkan 'budi' dan 'hati' dalam frasa 'hati budi', ia bermaksud hati - sebagai wadah perasaan, naluri, kecenderungan dan pilihan seorang manusia - yang indah dengan nilai-nilai kemuliaan dan kebaikan seperti yang dinyatakan di atas. Begitu pula apabila dipasangkan 'budi' dan 'akal' dalam frasa 'akal budi', ia memberi gambaran akan keupayaan seorang manusia untuk berfikir secara wajar dan dengan bijaksana sehingga mampu menghasilkan buah-buah fikiran yang kaya dengan kebaikan. Pengertian budi yang seperti itu juga dapat dilihat pada pemadanannya dengan kekata 'pekerti' dan 'bahasa' dalam frasa-frasa 'budi pekerti' dan 'budi bahasa'.

Dapat diandaikan bahawa pengertian budi seperti yang dinyatakan ini menjadi asas kepada pembahagian Pendeta Muhammad Ariff Ahmad terhadap istilah budi kepada tiga, iaitu budi pekerti, budi bicara dan budi bahasa. Menurut beliau, budi pekerti ialah perilaku seseorang yang dilakukan untuk kebajikan dan manfaat bagi dirinya sendiri mahupun terhadap orang lain dan masyarakat. Budi bicara pula ialah prakarsa atau inisiatif serta

kebijaksanaan seseorang mewujudkan minda dan rasa (hati) yang baik dalam dirinya. Manakala budi bahasa ialah perilaku yang merupakan manifestasi peribadi seseorang yang jadi ukur tara untuk menentukan nilai, maruah dan harga dirinya.[3]

Konsep budi yang menjadi tunggak jiwa dan budaya orang Melayu sejak zaman berzaman boleh dijejak asal-usulnya kepada pengertiannya yang telah sedia terpakai semenjak agama Buddha dan kemudiannya Hindu menjadi agama umum bangsa Melayu sebelum mereka menerima Islam. Malah istilah 'budi' berasal daripada kekata 'buddhi' dalam bahasa Sanskrit yang bermaksud kecerdikan dan keupayaan untuk membentuk makna, berfikir, bertaakul, menilai, memahami, dan berfungsi untuk membezakan kebenaran daripada kepalsuan. Kata akarnya ialah 'budh' yang bermaksud sedar, berjaga, memerhati, mendengar, belajar dan hadir.[4]

Kedatangan Islam ke alam Melayu dan penerimaannya secara meluas oleh orang Melayu tidak menghakis sama sekali falsafah buddhi ini. Sebaliknya ia terus menjadi nilai teras kepada jiwa dan budaya Melayu kerana keserasian dasarnya dengan ajaran Islam, dengan pengolahan dan peluasan kepada konsep asalnya sesuai dengan nilai-nilai Islam. Ini dapat difahami melalui ayat-ayat al-Qur'an yang banyak memberi penekanan terhadap nilai kemurnian dan kebaikan pada dua fakulti tunggak dalaman manusia, iaitu hati dan akal.

Pemurnian hati dan pembangunan akal merupakan proses yang dimestikan dalam Islam untuk umatnya lakukan. Malah, apapun yang dilakukan oleh seorang Muslim tiada nilai kebaikan sama sekali jika tidak bertitik tolak dari niat yang ikhlas, dan keikhlasan itu juga perlu dikekalkan sampai bila-bila. Dalam Islam, perbuatan mendabik dada dengan kebaikan yang telah dilakukan atau mengungkit-ungkit kebaikan itu kepada si penerima kebaikan mengakibatkan nilai kemuliaannya hilang dan si pelaku itu kerugian ganjaran yang diharapkan daripada Tuhan. Di samping keikhlasan, Islam juga menekankan peri pentingnya untuk disuburkan pelbagai sifat kemuliaan yang menghias indah jiwa manusia, seperti kejujuran,

[3] Muhammad Ariff Ahmad, Nilam (Singapura, Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu, 2007).

[4] Sir Monier Monier-Williams; Ernst Leumann; Carl Cappeller, A Sanskrit-English Dictionary: Etymologically and Philologically Arranged with Special Reference to Cognate Indo-European Languages (Delhi, Motilal Banarsidass, 2002).

keikhlasan, kerendahan hati, kesetiaan, perasaan malu, kesabaran, keberanian, pengharapan, kewaspadaan dan sebagainya. Ini dipadankan pula dengan senarai nilai-nilai buruk dalaman manusia, yang sering disebut sebagai penyakit-penyakit hati, yang perlu disedari setiap Muslim supaya mampu dijauhi. Kefahaman terhadap adab-adab hati ini, yang merangkumi kedua-dua nilai mulia untuk disuburkan dan yang berlawanan dengannya untuk diwaspadai dan dielakkan, berkembang menjadi satu gugusan bidang ilmu yang tersendiri yang dinamakan Tasauf. Nilai kemurnian hati yang diberi penekanan dalam Islam ini turut menjadi sebahagian penting daripada budaya Melayu, seiras dengan apa yang diistilahkan sebagai hati budi.

Kedudukan akal pula yang tinggi dan mulia dalam Islam juga amat jelas terpapar dalam al-Qur'an. Bermula dengan ayat-ayat al-Qur'an yang pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad lagi, sudah tersebut istilah-istilah 'bacalah', 'mengajar' dan 'pena'.[5] Diikuti dengan ratusan ayat-ayat yang lain yang menyuruh manusia berfikir, merenung, memerhatikan, membaca, memahami, belajar, menggunakan akal, mengambil iktibar dan seterusnya. Begitu sekali pentingnya akal dalam Islam, sehingga para ulama menyenaraikan keperluan memelihara akal sebagai salah satu daripada lima keperluan asas hidup manusia yang membentuk matlamat kepada keseluruhan lembaga syariat Islam. Kerangka lima keperluan asas ini yang dinamakan sebagai Maqasid Shari'ah terdiri daripada pemeliharaan nyawa, pemeliharaan agama, pemeliharaan akal, pemeliharaan harta dan pemeliharaan keturunan. Sepertimana nilai kemurnian hati, perhatian yang begitu besar diberikan Islam kepada akal dan pembangunannya turut menjadi antara tunjang budaya Melayu sehingga terbit apa yang diistilahkan sebagai akal budi.

Terdapat sedikit perbezaan antara penekanan dimensi budi dalam budaya Melayu pra-Islam dan apa yang diketengahkan sebahagian penulis kontemporari mengenai dimensi yang perlu diberi keutamaan apabila nilai budi digarisbawahi dengan neraca Islam. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, erti budi dalam falsafah Hindu lebih menjurus kepada dimensi akal dengan keupayaan berfikir yang berfungsi untuk mengenal kebenaran dan menjauhi kepalsuan, atau apa yang diistilahkan sebagai akal budi. Dalam sebahagian penulisan kontemporari pula terdapat kecenderungan untuk meletakkan

[5] Ayat 1-5, Surah al-'Alaq.

hati budi di kedudukan yang lebih signifikan sebagai teras jiwa dan budaya Melayu.[6]

Tanggapan ini ada dasarnya dalam ajaran Islam yang menekankan peri pentingnya kemurnian dan ketulusan hati dipelihara demi membentuk keperibadian yang mulia di kedua-dua peringkat zahir dan batinnya. Hati menurut Islam adalah umpama tuan atau raja yang berkuasa mempengaruhi malah mengarahkan anggota tubuh yang lain untuk bertindak mengikut keinginannya. Ini dinyatakan, antara lain, dalam hadis Nabi Muhammad yang bermaksud, "Ketahuilah bahawa sesungguhnya dalam tubuh ini ada segumpal darah. Jika hati baik, baiklah juga seluruh tubuh, dan jika hati rosak, rosaklah pula seluruh tubuh. Ketahuilah bahawa itulah hati."[7]

Walaupun secara literal, hati dan akal merujuk kepada dua fakulti dalaman manusia yang berbeza, Islam menekankan kesepaduan fungsi keduanya yang tidak wajar terpisah dalam proses mencernakan kemuliaan dan kebaikan. Isyarat ini jelas terakam dalam al-Qur'an melalui ayat yang bermaksud, "Maka apakah tidak mereka berjalan di bumi agar mereka memiliki hati yang digunakan untuk berfikir, atau telinga yang mereka gunakan untuk mendengar. Sesungguhnya bukan pandangan mata yang menjadi buta, tetapi yang buta ialah hati yang berada dalam dada."[8]

Berdasarkan konsep persenyawaan hati dan akal yang dituntut oleh Islam ini dalam berperanan sebagai pencetus kemuliaan naluriah manusia, saya cenderung untuk memahaminya sebagai budi. Budi merupakan naluri kebaikan yang terhasil daripada gabungan hati budi dan akal budi. Apabila wujud manifestasi kebaikan naluriah ini pada perlakuan, hal tersebut dipanggil budi pekerti. Apabila kebaikan itu terserlah pada akhlak seseorang, hal tersebut diistilahkan sebagai budi bahasa. Apabila kebaikan tersebut terpancar pada sesuatu pertimbangan, hal tersebut disebut budi bicara. Namun,

---

[6] Rozita Che Rodi, "Hati Budi Melayu dalam Pengajian Melayu: Analisis Kata Fokus "Nilai" berdasarkan Teori Medan Makna" dalam e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019 (Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2019), 73-93.

[7] Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

[8] Ayat 46, Surah al-Hajj. Lihat juga ayat 179 Surah al-A'raf yang bermaksud, "Dan demi sesungguhnya telah Kami sediakan untuk neraka itu ramai daripada kalangan jin dan manusia (kerana) mereka memiliki hati yang tidak mereka gunakan untuk memahami, mereka memiliki mata yang tidak mereka gunakan

apabila kekata 'budi' itu disebut secara tunggal, ia mencerminkan satu nilai kebaikan yang murni dan inheren dalam segenap ruang batin seorang manusia yang mewarnai seluruh proses pemikiran dan perasaannya, lalu mempengaruhi setiap aspek lahiriahnya, sama ada pada perbuatan, pertuturan, perhubungan, tingkah laku, pekerjaan, gaya hidup, akhlak, adat istiadat, dan sebagainya.

ISLAM DAN KONSEP BUDI MELALUI BAHASA

Di sebalik keluasan erti bahasa dalam budaya Melayu yang melangkaui makna universalnya dengan memaknakannya juga sebagai tingkah laku dan akhlak yang baik, kita dapat memahami bahawa penggunaan bahasa sebagai alat perhubungan tidak dapat diterima oleh orang Melayu dalam bentuknya yang neutral dari sudut moral, atau boleh terasing daripada nilai kebaikan dan kemuliaan. Oleh sebab budi telah menjadi falsafah induk kepada jiwa dan budaya orang Melayu, terutama setelah kedatangan Islam, setiap dimensi dalam proses perhubungannya melalui alat yang bernama bahasa perlu turut tunduk kepada nilai budi itu. Ini menjadikan orang Melayu amat menitikberatkan kejujuran, kemuliaan, kebenaran, kebijaksanaan, kesopanan, kelembutan, kehalusan, dan keindahan dalam pertuturan dan peluahan maksud yang ada di hati dan fikirannya.

Islam menyediakan asas yang kukuh kepada gagasan ini, bahawa proses berbahasa perlu lahir daripada telaga hati dan akal yang kaya dengan nilai-nilai kemurnian dan kebaikan. Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad ialah ayat-ayat al-Qur'an yang mengisyaratkan ketuanan bahasa melalui kalimat 'bacalah' dan frasa 'Tuhan mengajar dengan pena'.[9] Namun perlu ditekankan bahawa elemen bahasa yang disentuh oleh ayat-ayat pertama al-Quran ini tidak hanya tertumpu kepada proses penyampaian dan penzahiran maksud dalam berkomunikasi, sama ada melalui pertuturan (baca) atau penulisan (pena). Sebaliknya ia terkait rapat dengan kesedaran akan kewujudan Tuhan dengan sifat-sifat penciptaan serta kemuliaanNya (Bacalah dengan nama Tuhanmu Yang Menjadikan). Ia turut merangkumi, malah bermula, dengan proses pemerhatian dan pemikiran yang mendalam,

untuk melihat, dan mereka memiliki telinga yang tidak mereka gunakan untuk mendengar. Mereka itu adalah umpama haiwan ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai."

[9] Ayat 1-5, Surah al-'Alaq.

kerana dalam ayat-ayat berkenaan disebut juga tentang kejadian dan ciptaan manusia daripada asal air mani. Pemerhatian yang mendalam terhadap kejadian dirinya sebagai manusia bertujuan mencetuskan kesedaran akan hakikat dirinya sebagai makhluk yang diciptakan Tuhan, seterusnya membangunkan keimanan dan kepatuhan terhadap Tuhannya itu, yang dinyatakan sifat-sifatNya dalam ayat-ayat tersebut sebagai 'Yang Mencipta', 'Yang Maha Mulia' dan 'Yang Mengajar'.

Ia juga bersifat futuristik dari dua sudut. Pertama, perintah untuk membaca, sebagai permulaan kepada satu siri penurunan wahyu yang berlanjutan selama lebih dua dekad dan mencakupi aspek-aspek kehidupan individu dan masyarakat yang sangat luas, ditujukan kepada seseorang yang tidak mempunyai kemahiran membaca atau menulis. Masyarakat sekelilingnya juga, yang menjadi golongan sasaran pertama kepada dakwah yang disampaikan Nabi Muhammad, umumnya merupakan masyarakat yang tidak membaca atau menulis. Kedua, anjuran untuk membaca itu dipadankan dengan pernyataan tentang asal ciptaan manusia daripada air mani yang bersifat tersangkut dan melekat ('alaq), sedangkan ilmu mengenainya belum diketahui manusia dan tidak menjadi bahan renungan pada zaman itu.

Islam turut meletakkan pertanggungjawaban yang besar ke atas setiap lafaz bicara yang ditutur manusia. Apa sahaja yang diperkatakan oleh manusia tidak akan terlepas daripada catatan malaikat untuk diperkirakan Tuhan pada Hari Perhitungan nanti, berdasarkan ayat al-Qur'an yang bermaksud, "Ketika dua malaikat mencatat (perbuatan manusia), satu duduk di sebelah kanan dan satu lagi di sebelah kiri. Tidak ada satu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada bersamanya malaikat pengawas yang senantiasa bersedia."[10] Pertanggungjawaban itu malah sudah bermula sebelum maksud fikiran atau perasaannya diluahkan dalam bentuk pertuturan, kerana apa yang dibicarakan suara hatinya atau fikiran mindanya juga diambil kira oleh Tuhan. Ini bersandarkan ayat al-Qur'an yang bermaksud, "Dan demi sungguh telah Kami jadikan manusia dan Kami mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedangkan (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya."[11]

[10] Ayat 17-18, Surah Qaf.

[11] Ayat 16, Surah Qaf..

Walaupun kumpulan ayat al-Qur'an yang pertama diturunkan sudah ada sebutan tentang pena, terlalu sedikit teks-teks agama Islam yang berbicara tentang aspek penulisan dan adab-adabnya dalam berbahasa. Ini disebabkan oleh faktor ketiadaan penulisan sebagai satu medium perhubungan yang digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Arab pada zaman tersebut. Pertuturan ialah medium perhubungan yang utama, malah boleh dikatakan sebagai satu-satunya yang digunakan oleh masyarakat pada ketika itu. Oleh sebab itu, al-Qur'an menggunakan perkataan lisan atau lidah untuk merujuk kepada bahasa dalam ayat-ayatnya. Antaranya ayat yang bermaksud, "Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan kepelbagaian lidah-lidah (bahasa) kamu serta warna (kulit)mu. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat bukti-bukti untuk orang-orang yang mengetahui."[12] Begitu juga disebut dalam ayat yang bermaksud, "Dan sebelum al-Qur'an itu sudah ada kitab Musa sebagai petunjuk dan sebagai rahmat, sedangkan ini (al-Qur'an) adalah kitab yang mengesahkan kebenaran (kitab-kitab sebelumnya) dalam lisan (bahasa) Arab untuk memberi amaran kepada mereka yang zalim dan berita gembira kepada orang-orang yang berbuat baik."[13]

Pernyataan-pernyataan seperti ini menjelaskan bahawa berbahasa menurut Islam ada adab-adabnya yang berpusat kepada kemuliaan naluriah manusia yang berasaskan keimanan dan hati serta akal yang jernih, atau budi menurut falsafah orang Melayu seperti yang telah dinyatakan. Ini, bagaimanapun, tidak menafikan bahawa adab-adab yang zahir dalam berbahasa turut diberi tumpuan oleh Islam. Terdapat banyak teks agama, sama ada al-Qur'an mahupun hadis, yang menggariskan dengan jelas bagaimana sewajarnya adab kesopanan seorang yang beragama Islam dalam berkomunikasi dan berbicara. Penceritaan-penceritaan mengenai akhlak Nabi Muhammad apabila berbicara menjadi piawai tauladan yang dicontohi umat Islam zaman-berzaman, seperti bercakap benar, pilihan perbendaharaan kata yang mulia dan terhormat, mengikut tatabahasa yang baku, susunan ayat yang indah dan sedap didengar, tidak menjatuhkan maruah atau menghina, lembut dan tidak kasar, penuh dengan nada kerendahan hati, tiada kata-kata celupar atau lucah, menyatupadukan bukan

[12] Ayat 22, Surah al-Rum.

[13] Ayat 12, Surah al-Ahqaf.

memecahbelahkan, menumbuhkan pengharapan, menyuburkan kesedaran, kaya dengan unsur-unsur kebijaksanaan, menatijahkan kesan baik kepada kehidupan dan keperibadian si pendengar, dan seterusnya.

Saya tidak berhasrat untuk menyenaraikan hadis-hadis berkaitan dalam pembentangan ini. Cukup untuk ditegaskan bahawa bahasa menurut Islam ialah satu anugerah yang dipertanggungjawabkan ke atas manusia. Aras kesopanan atau kemuliaan bahasa dalam Islam merangkumi kedua-dua dimensi dalaman dan luaran, batin dan zahir, dan tidak boleh dipisahkan. Keindahan bahasa secara zahir tanpa padanan kemuliaan dalam hati dan akal ialah kemunafikan yang merendahkan martabat insan. Malah, apabila si penutur bahasa tidak memperbaiki keadaan yang sedemikian, kebusukan batinnya akan akhirnya terluah juga melalui kata-kata dan perbuatan. Demikian berbudi dalam berbahasa.

BAHASA BUDI BAHASA DIJUNJUNG

Frasa 'bahasa jiwa bangsa' sering digunakan untuk membawa maksud bahawa bahasa adalah milik mutlak sesuatu bangsa yang menunjukkan jati dirinya. Bahasa dikatakan jiwa kepada bangsa kerana ia mencerminkan penggunaannya bukan sekadar sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai alat perpaduan untuk saling memahami dan juga sebagai bahasa ilmu bangsa tersebut. Lantaran itu, kekuatan bahasa mempunyai kesan besar kepada kekuatan sesuatu bangsa. Untuk maksud yang demikian, menyifatkan bahasa sebagai jiwa kepada bangsa adalah wajar dan tepat, kerana sepertimana seorang manusia tidak mampu hidup tanpa jiwa maka begitulah juga sesuatu bangsa tidak akan mampu terus wujud teguh jika bahasanya lumpuh dan runtuh.

Selain itu, saya mencadangkan agar kefahaman mengenai frasa 'bahasa jiwa bangsa' ini diluaskan untuk tidak hanya merujuk kepada bahasa sebagai jati diri atau identiti yang menjamin kelangsungan hidup bangsa Melayu. Lebih daripada itu, bahasa ialah isyarat bahawa bagi orang Melayu, kemuliaan bangsa bukan sekadar diukur dengan keindahan atau ketepatan bahasa yang digunakan secara zahir dalam perhubungan sesama, tetapi bahasa ialah cerminan telus akan hakikat budi yang membentuk jiwa dan budayanya. Dengan lain perkataan, bangsa Melayu ialah satu bangsa yang dengan penuh sedar, ingin terus menyuburkan jati

dirinya sebagai bangsa yang berbudi bahasa dan berbahasa budi: berbudi bahasa dalam akhlak dan pekertinya, dan berbahasa budi dalam komunikasi dan pertuturannya.

Berdasarkan bahagian-bahagian terdahulu dalam pembentangan ini, saya berpendapat bahawa bahasa budi ialah bahasa yang memiliki ciri-ciri berikut:

Pertama: Ia bermula terlebih dahulu dengan fasa perbualan dan bisikan dalaman seseorang itu sebelum berpindah ke fasa peluahan maksud dalam bentuk suara atau lambang-lambang selainnya. Dialog dalaman ini berkisar kepada kesedarannya akan kehadiran dan pengawasan Tuhan, berasaskan kepada kewaspadaan tentang pertanggungjawaban bagi setiap yang dituturkan, bahawa pelanggaran tatasusila dalam berbahasa akan merosakkan diri dan kehidupannya, sama ada di dunia atau di akhirat.

Kedua: Ia didorong oleh keinginan naluri yang murni dan niat yang ikhlas untuk meraih keredaan Tuhan serta memperolehi kebaikan untuk dirinya dan orang lain. Untuk itu, ia melalui proses pemikiran yang waras mengikut piawai kebijaksanaan akal dalam mempertimbangkan dan seterusnya menentukan apa yang baik untuk diluahkan dan bagaimana ia diluahkan. Ini memberi kesan kepada pemilihan kosa kata serta pengolahan ayat yang paling sesuai untuk menyampaikan maksud akal dan hatinya. Unsur keindahan dan kehalusan dalam ekspresi bahasa membentuk ciri yang konsisten kerana ia terpancar daripada sumber budi yang indah juga.

Ketiga: Ia dipengaruhi kesedaran bahawa setiap yang dituturkan atau diluahkan akan mempunyai kesan kepada pihak penerima. Oleh itu, kemungkinan corak tindak balas dan tindak lanjut oleh si penerima terhadap apa yang diluahkan si penutur menjadi faktor yang tidak kecil dalam penggunaan bahasa budi. Ia menjurus kepada pengolahan kata-kata yang membangunkan rasa hormat diri si penerima, mencetuskan keinginannya untuk membalas kebaikan dengan kebaikan, membangkitkan rasa yakin diri yang mendorongnya untuk berani melangkah ke

hadapan, meniup semangatnya untuk melaksanakan tanggungjawab dan menghulur keihsanan, menjernihkan kemahuannya untuk memperbaiki kesalahan yang telah dilakukan, dan yang seumpamanya.

Saya berpendapat bahawa bahasa budi inilah yang menyempurnakan ketinggian martabat bahasa Melayu, sehingga layak dijunjung bangsa. Konsep menjunjung bahasa sebagai jiwa bangsa Melayu perlu disegarkan melalui proses yang bermula dengan meluhurkan budi penuturnya terlebih dahulu sebelum memperbetulkan penuturan kalimatnya mahupun memperhalusi nahunya. Jika gagasan bahasa budi ini dapat disemai subur di halaman kesedaran bangsa Melayu, ia akan menganjakkan persepsi orang Melayu terhadap bahasanya dari hanya berperanan sebagai alat komunikasi kepada martabatnya sebagai salah satu daripada teras keteguhan jiwa dan jati diri bangsa. Ini, antara lain, akan sangat membantu dalam menangani kekhuatiran akan ketidakmampuan anak-anak bangsa untuk mengekalkan kelestarian bahasa Melayu di tengah-tengah persaingan dengan bahasa Inggeris yang semakin dianggap lebih relevan dalam kehidupan hari ini.

Bahasa budi dapat dimanfaatkan untuk berfungsi sebagai salah satu wadah yang amat instrumental untuk mempersiapkan anak-anak bangsa dengan keupayaan yang diperlukan bagi mengharungi cabaran-cabaran hidup pada hari muka mereka. Ini kerana bahasa budi, seperti yang telah dinyatakan, merangkumi proses pengukuhan nilai, penjernihan hati, pemerkasaan minda, pembangunan ilmu, penguasaan emosi dan peneguhan jiwa. Ini ialah kemahiran-kemahiran kritikal yang tidak dapat tidak perlu dimiliki mana-mana individu atau masyarakat untuk mampu berhadapan dengan segala jenis cabaran. Oleh itu, jika Pendeta Muhammad Ariff Ahmad menegaskan bahawa bahasa Melayu standard, atau yang disebut sekarang sebagai bahasa Melayu baku, perlu mengandungi komponen kosa kata baku, ejaan baku, tatabahasa baku dan sebutan baku,[14] saya pula mencadangkan agar ditambah satu lagi komponen iaitu naluri baku, sehingga bahasa orang Melayu ini kekal anggun dan lestari sebagai bahasa budi.

[14] Muhammad Ariff Ahmad, "Penggunaan bahasa Melayu di Singapura: Masa dini, masa kini dan masa lini", dalam Pesan: Kumpulan makalah sempena Bulan Bahasa 1993, (Singapura: Jawatankuasa Bulan Bahasa, 1994), 241-259.

KEDUDUKAN DAN PERANAN PARA GURU BAHASA MELAYU

Kedua-dua tamadun Islam dan budaya Melayu meletakkan guru di kedudukan yang sangat mulia. Para guru disanjung atas jasa yang dicurahkan untuk membangunkan potensi insan, lantas seterusnya membina masyarakat dan negara. Bidang-bidang ilmu yang diajar oleh para guru secara umum boleh dibahagikan kepada kategori-kategori seperti penyampaian maklumat, penajaman minda, pelatihan kemahiran, pembentukan keperibadian, dan pemurnian hati. Dalam dunia pendidikan hari ini, pendidikan bahasa sering kali dilihat hanya sebagai proses pelatihan kemahiran untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mahir menggunakan bahasa dengan berkesan dalam perhubungan mereka. Ini walaupun komponen pengajaran dan pembelajaran bahasa berkembang untuk merangkumi aspek-aspek yang lebih luas, seperti budaya, sejarah, pemikiran, sastera, adat warisan dan sebagainya, sesuai peningkatan para pelajar ke tahap yang lebih tinggi dalam laluan persekolahan mereka.

Dalam konteks bidang perguruan di Singapura, terdapat semacam persepsi kurang positif oleh sebahagian anggota masyarakat terhadap guru-guru Bahasa Melayu, seolah-olah berstatus lebih rendah berbanding guru-guru mata pelajaran yang lain. Tanggapan sedemikian mungkin terbentuk oleh faktor penggunaan bahasa Melayu yang semakin berkurangan dalam kehidupan seharian sosio-ekonomi mereka, di rumah, sekolah, tempat kerja, dan sebagainya. Kemungkinan juga disebabkan oleh pengambilan kira markah yang tidak setara antara subjek-subjek yang diuji di peringkat sekolah untuk tujuan penilaian prestasi dan kelayakan pelajar. Atau mungkin juga kerana masih banyak segmen dalam masyarakat yang melihat pendidikan sebagai program yang bersifat utilitarian semata-mata, untuk memenuhi keperluan ekonomi diri, keluarga dan negara, dan tidak lebih daripada itu.

Berdasarkan falsafah dan fungsi bahasa Melayu yang bertunjangkan nilai budi seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, tanggapan yang berkenaan terhadap mata pelajaran serta guru Bahasa Melayu tidak wajar dibiarkan meluas dan berpanjangan.

Pendidikan Bahasa Melayu bukan sekadar satu pelatihan kemahiran sahaja. Sebaliknya, ia merupakan proses pembangunan kemahiran hidup yang amat mendasar kepada kelangsungan kesejahteraan para pelajar dalam mengharungi masa depan mereka. Nilai budi dalam bahasa menjadi elemen yang membangkitkan keperibadian yang kaya dengan kemuliaan, hati yang teguh dengan ketabahan, jiwa yang penuh dengan aspirasi kebaikan, dan akal yang unggul dengan kebijaksanaan, di sebalik kemampuan berkomunikasi secara efektif melalui penguasaan bahasa yang baik. Bangsa yang melakar perjalanan ilmu generasi mudanya semata-mata dalam bentuk timbal balik kepada desakan ekonomi ialah bangsa yang akan kehilangan arah.

Oleh yang demikian, sanjungan kepada para guru Bahasa Melayu perlu kekal mekar dalam kesedaran masyarakat. Ini memerlukan tindak upaya yang bersungguh-sungguh oleh pelbagai pihak. Namun para guru sendiri perlu turut meneruskan langkah memartabatkan bahasa Melayu tanpa jemu dan tanpa terkesan dengan tanggapan rendah yang mungkin masih dilontarkan sebahagian orang. Pacakkan budi dalam berbahasa, dan semai benih-benih budi dalam jiwa anak-anak bangsa. Mereka akan tumbuh segar sebagai pepohon-pepohon bangsa yang kuat tunjangnya, teguh batangnya, redup dedaunnya, mekar kuntumnya, subur hasilnya.

Jika tidak, saat bangsa Melayu ini kehilangan budi daripada bahasanya, jiwanya dan jati dirinya, saat itu kelangsungan hayatnya akan menghampiri noktah terakhir dan keseluruhan perjalanan sejarahnya pasti habis terhenti.

MAKALAH 2

Melentur Rebung Pengguna Bahasa Melayu



Dr. Raudhah Yahya
Pakar Kanan Kurikulum Bahasa Melayu
Institut Nasional Pendidikan
Awal Kanak-Kanak (NIEC HQ)

ABSTRAK

Perkembangan awal kanak-kanak merupakan asas yang membentuk jati diri, keperibadian, pembelajaran, tingkah laku dan kesihatan sepanjang hayat. Pengalaman yang diberikan kepada kanak-kanak pada usia dini membentuk minda dan kemampuan kanak-kanak untuk belajar, bergaul dengan orang lain dan bertindak balas terhadap tekanan dan cabaran harian. Oleh itu, pembentangan ini akan dimulakan dengan pendahuluan dan kemudian perkongsian tentang kepentingan perkembangan awal kanak-kanak. Seterusnya, ia akan memberikan gambaran ringkas mengenai proses pembelajaran bahasa untuk kanak-kanak dan disusuli dengan perbincangan faktor-faktor utama dalam pembelajaran bahasa. Akhir sekali, pembentangan ini akan mengetengahkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melentur pengguna bahasa Melayu dan juga saranan-saranan yang boleh digunakan oleh para pendidik dan ibu bapa.

PENDAHULUAN

Peribahasa lazim, 'melentur buluh biarlah dari rebungnya', memberi makna didikan yang diberikan kepada kanak-kanak haruslah bermula dari kecil lagi agar kesannya yang membina menjadi sebati dalam diri mereka. Peribahasa ini juga membawa peringatan bahawa sekiranya didikan itu hanya bermula sesudah kanak-kanak itu mencapai usia remaja atau dewasa, seperti buluh yang sudah keras dan tidak mudah dilentur, maka tidak mudah bagi mereka menerima nasihat dan teguran.

Objektif kertas kerja ini adalah untuk membincangkan peri pentingnya pendidikan bahasa Melayu untuk kanak-kanak dimulakan dari tahap awal perkembangan kanak-kanak. Kertas kerja ini akan memberi gambaran ringkas mengenai perkembangan awal kanak-kanak supaya tahap perkembangan awal kanak-kanak dapat difahami dengan lebih jelas. Seterusnya kertas kerja ini akan membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi ibu bapa dan para pendidik dalam konteks Singapura. Akhir sekali, kertas kerja ini akan memberikan saranan-saranan bagaimana para pendidik dan ibu bapa dapat memupuk penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak.

PERKEMBANGAN AWAL KANAK-KANAK

Perkembangan awal kanak-kanak bermula dari lahir hingga usia lapan tahun (Levine & Munsch, 2018). Untuk lebih memahami pentingnya pendedahan bahasa dari peringkat awal kanak-kanak, guru atau ibu bapa perlu mendapatkan pemahaman mengenai perkembangan awal kanak-kanak, walaupun secara ringkas.

Semasa seseorang bayi itu lahir, saiz otaknya adalah 25% atau suku daripada saiz otak orang dewasa. Penumbesaran isi padu otak berlaku dengan begitu cepat dan pesat sekali sehinggakan pada umur 2 tahun, isi padu otak kanak-kanak itu sudah mencapai 75% isi padu otak orang dewasa. Apabila mencapai umur 5 tahun, isi padu otaknya boleh mencapai 90% daripada isi padu otak orang dewasa. Pertumbuhan isi padu otak ini bukan sahaja suatu perkembangan fizikal, malah penumbesaran yang cepat ini bermakna fungsi otak juga sedang berkembang dengan pesatnya.

Kanak-kanak dilahirkan dengan neuron dan sambungan sinaptik yang sangat berlebihan. Sekiranya mendapat rangsangan, sambungan sinaptik itu akan menjadi lebih kukuh dan pengukuhan ini membolehkan informasi diproses dengan lebih cepat. Namun, di bahagian yang kurang atau tidak mendapat rangsangan, pemangkasan (atau 'pruning') akan berlaku. Proses pemangkasan ini ialah proses semula jadi yang melibatkan sinaps yang tidak mendapat rangsangan dihapuskan. Proses pengukuhan sambungan sinaps dan pemangkasan ini berlaku dengan pesat sejajar dengan penumbuhan otak yang amat cepat. Dari itu, amatlah penting untuk ibu bapa dan guru memberikan rangsangan yang diperlukan semasa tahap kritikal penumbesaran otak dan perkembangan minda iaitu di peringkat awal kanak-kanak.

Bishop (1999) membincangkan dua perbezaan utama antara minda kanak-kanak dengan minda orang dewasa. Yang pertama, minda orang dewasa memerlukan rangsangan yang lebih berbanding dengan kanak-kanak untuk mendapatkan hasil yang sama. Yang kedua, automasi minda lebih cepat dicapai oleh kanak-kanak daripada orang dewasa. Contohnya, semasa baru belajar membaca, kanak-kanak biasanya akan belajar fonik dan bagaimana hendak menggabungkan bunyi huruf dan kemudian menggabungkan suku kata. Namun, setelah kemahiran membaca meningkat, ia merupakan satu proses automatik semasa membaca. Proses automatik ini bukan sahaja untuk kemahiran membaca, malah juga untuk pelbagai kemahiran lain. Mengikut kajian Bishop (1999), proses automatik ini lebih mudah dicapai oleh kanak-kanak dibandingkan dengan orang dewasa. Secara ringkasnya, proses perkembangan minda adalah lebih pesat dan cekap di peringkat awal kanak-kanak.

Menurut kajian Burns et al. (2007), bayi berusia seawal 6 hingga 8 bulan sudah dapat memberi tumpuan kepada bunyi bahasa yang didedahkan kepada mereka dan mereka mula kurang fokus kepada bunyi bahasa yang mereka tidak biasa dengar. Dari itu, kajian menunjukkan kesan pendedahan awal kepada bahasa dapat dilihat sejak bayi berusia seawal 6 hingga 8 bulan. Tambahan, kajian Weikum et al. (2007) menunjukkan perbezaan antara kanak-kanak yang mendapat pendedahan awal kepada satu bahasa dengan kanak-kanak yang mendapat pendedahan awal kepada dua bahasa. Menurut kajian Weikum et al. (2007) yang menggunakan diskriminasi

bahasa visual (visual language discrimination), pada awalnya semua bayi pada umur 4 hingga 6 bulan boleh membezakan bunyi dua bahasa (bahasa Inggeris dan bahasa Perancis). Bagaimanapun, setelah berumur 8 bulan, hanya bayi yang mendapat pendedahan dwibahasa yang dapat membezakan bunyi dua bahasa. Setelah mencecah usia 8 bulan, bayi yang tidak mendapat pendedahan dwibahasa tidak lagi dapat membuat perbezaan bunyi antara dua bahasa tersebut. Ini bermakna bayi akan lebih sensitif terhadap perbezaan bunyi bahasa sekiranya mereka diberikan pendedahan awal kepada sekurang-kurangnya dua bahasa yang berbeza.

Secara ringkasnya, teori pendidikan awal kanak-kanak dan maklumat mengenai perkembangan minda kanak-kanak memberi penekanan terhadap kepentingan pendedahan bahasa dari lahir lagi, terutama pendedahan dwibahasa kepada kanak-kanak.

PROSES PEMBELAJARAN BAHASA UNTUK KANAK-KANAK

Dari lahir, seseorang bayi dengan semula jadi akan lebih sensitif terhadap suara manusia, terutama suara ibu, dan bahasa yang sering didengar. Bayi juga mempunyai daya reseptif yang peka terhadap bunyi dan corak bunyi, terutamanya terhadap 'Infant-directed speech' (IDS) dan intonasi yang ceria. 'Infant-directed speech' (IDS) ialah ucapan yang berciri ayat yang mudah, kadar ucapan yang perlahan, nada yang lebih tinggi dan perubahan intonasi yang berlebihan (McMurray et al., 2013). Walaupun belum boleh bertutur, bayi menunjukkan pembelajaran bahasa melalui pemerhatian yang lebih kepada pertuturan yang lazim didengar. Setelah berusia beberapa bulan, bayi akan mula berkomunikasi menggunakan 'cooing' dan 'babbling'. 'Cooing' dan 'babbling' ialah komunikasi bayi yang masih dalam proses mengeluarkan bunyi-bunyi awal tetapi belum menghasilkan perkataan yang dapat difahami.

Di tahap yang seterusnya, kanak-kanak akan dapat berkomunikasi menggunakan 'joint attention' iaitu kanak-kanak dapat memberi fokus kepada objek yang ditunjukkan oleh orang lain. Kanak-kanak kemudian akan dapat meningkatkan kemahiran bersosial dengan menunjuk kepada sesuatu dan kemudian pandang kepada ibu bapa atau pengasuh. Komunikasi menggunakan tangan ini

menunjukkan bahawa kanak-kanak itu inginkan perhatian orang lain terhadap sesuatu perkara. Sebelum mula bersekolah, perkembangan bahasa kanak-kanak amat bergantung pada interaksi antara kanak-kanak dengan ibu bapa serta anggota keluarga. Setelah bersekolah, perkembangan bahasa kanak-kanak bergantung pada persekitaran dan interaksi di rumah dan di sekolah.

Pembelajaran bahasa ini terbahagi kepada empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran ini harus diajar mengikut urutannya. Contohnya, kemahiran membaca dan kemahiran menulis mestilah diajar selepas kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Dari itu, di peringkat prasekolah, penekanan utama ialah kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Setelah kanak-kanak itu menguasai kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur dan mempunyai keyakinan dan kemampuan untuk bertutur dengan orang lain dalam bahasa tersebut, barulah penekanan boleh dibuat untuk kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

FAKTOR-FAKTOR UTAMA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA

Pembelajaran bahasa ialah proses semula jadi untuk setiap kanak-kanak kerana kanak-kanak dilahirkan dengan minda yang reseptif terhadap bunyi-bunyi untuk berkomunikasi. Walaupun demikian, terdapat beberapa faktor yang akan menyokong perkembangan dan pembelajaran bahasa yang baik untuk kanak-kanak. Kertas kerja ini akan membincangkan lima faktor utama dalam menghasilkan pembelajaran bahasa yang baik untuk perkembangan bahasa kanak-kanak.

1. Persekitaran Yang Menyokong Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak

Keupayaaan kanak-kanak untuk mempelajari sesuatu bergantung pada kestabilan emosi mereka. Kanak-kanak yang berasa gembira, ceria dan selamat akan lebih berupaya untuk mempelajari sesuatu yang baharu berbanding dengan kanak-kanak yang rasa tertekan dan terancam. Dari itu, adalah amat penting supaya para pendidik dan ibu bapa memastikan persekitaran pembelajaran yang menyokong kestabilan dan perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Antara perkara-perkara yang boleh diambil kira ialah respons seseorang apabila kanak-kanak melakukan kesalahan

atau kesilapan sama ada dari sudut pertuturan atau kelakuan. Respons yang baik adalah membetulkan kanak-kanak itu dengan tenang dan memberi peluang kepada kanak-kanak itu memperbaiki pertuturan dan kelakuannya. Apabila dia berasa tenang dan selamat, dia akan lebih cenderung untuk mencuba dan mempelajari sesuatu yang baharu.

2. Persekitaran Yang Memberikan Pendedahan Yang Berkualiti

Perkembangan bahasa kanak-kanak bergantung pada interaksi mereka dengan persekitaran dan interaksi dengan orang lain. Dari itu, untuk memastikan perkembangan bahasa yang baik, kanak-kanak harus mendapat pendedahan yang berkualiti. Pengalaman pembelajaran bahasa mereka bersumberkan interaksi mereka dengan orang dewasa di sekeliling mereka. Lantaran itu, ibu bapa dan para pendidik harus senantiasa memastikan kesantunan bahasa apabila bertutur dengan kanak-kanak atau bertutur dengan orang lain di hadapan kanak-kanak.

3. Motivasi Untuk Mempelajari Sesuatu Bahasa

Pembelajaran bahasa akan lebih berkesan sekiranya kanak-kanak mempunyai motivasi untuk mempelajarinya. Selain motivasi ekstrinsik atau luaran seperti mendapat sesuatu yang mereka suka sebagai ganjaran, motivasi intrinsik merupakan pendorong yang lebih kuat dan berkesan. Motivasi intrinsik datang dari dalaman iaitu perasaan gembira, seronok atau rasa puas hati kerana telah dapat mencapai sesuatu. Ibu bapa dan para pendidik dapat memupuk motivasi intrinsik dengan memberi peluang dan ruang kepada kanak-kanak menggunakan bahasa Melayu dan memberikan kata-kata rangsangan supaya kanak-kanak bertutur dengan kesantunan bahasa.

4. Sokongan Dan Pengajaran Yang Bersesuaian Dengan Tahap Perkembangan Kanak-Kanak

Mengikut teori Vygotsky, kanak-kanak akan dapat belajar dengan baik sekiranya tahap keupayaan mereka dikenal pasti dan kemudian sokongan atau pengajaran diberikan di tahap itu supaya mereka dapat maju ke tahap seterusnya. Untuk menggunakan strategi 'Zone of Proximal Development' yang dipelopori oleh Vygotsky, ibu bapa atau para pendidik harus mengenal pasti tahap

keupayaan kanak-kanak. Seterusnya, ibu bapa atau pendidik harus menentukan tahap lanjutan yang mudah dicapai oleh kanak-kanak. Kemudian, 'scaffolding' atau sokongan dan pengajaran diberikan kepada kanak-kanak agar mereka dapat mencapai tahap lanjutan yang telah ditentukan sebagai matlamat pembelajaran.

5. Usaha Yang Dirancang Dan Konsisten

Usaha dalam mengembangkan kemahiran bahasa kanak-kanak haruslah dirancang dengan baik dan dilaksanakan dengan konsisten, terutama dalam memupuk kemahiran dwibahasa dalam kanak-kanak. Perancangan ini harus juga mengambil kira empat faktor yang telah dijelaskan. Contohnya, dalam perancangan tersebut, ibu bapa dan para pendidik harus mengenal pasti keupayaan kanak-kanak. Faktor fleksibiliti juga amat penting untuk membolehkan pengajaran dan sokongan diubah suai apabila perlu.

CABARAN-CABARAN PENGGUNA BAHASA MELAYU

Walaupun pelajaran di Singapura menekankan peri pentingnya dwibahasa, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi pengguna bahasa Melayu. Kertas kerja ini akan membincangkan tiga cabaran utama dalam memupuk penggunaan bahasa Melayu.

Cabaran yang pertama ialah pendedahan dan peluang penggunaan bahasa yang tidak seimbang, iaitu antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu. Dalam konteks Singapura yang berbilang bangsa dan budaya, tambahan bangsa Melayu merupakan kaum minoriti di Singapura, peluang penggunaan bahasa Melayu agak terhad jika dibandingkan dengan peluang penggunaan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian.

Dari sudut pendedahan pula, persekitaran di Singapura menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama. Ini bermakna maklumat yang diterima sama ada di persekitaran atau di tempat kerja dan sekolah adalah dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, stimulasi yang diberikan kepada minda dari persekitaran adalah lebih kerap dalam bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu. Lantaran kurangnya pendedahan dan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian, kehalusan bahasa Melayu semakin berkurangan (Norliza Jamaluddin, 2019).

Cabaran yang kedua adalah kurangnya penggunaan bahasa Melayu di rumah dan di sekolah. Semasa pelajar berada di sekolah, masa yang diperuntukkan untuk penggunaan bahasa Inggeris adalah lebih banyak daripada bahasa Melayu. Dari itu, murid-murid Melayu akan lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris di sekolah berbanding dengan penggunaan bahasa Melayu. Berkenaan penggunaan bahasa Melayu di rumah pula, kajian menunjukkan penggunaan bahasa Melayu di rumah semakin berkurangan. Maklumat yang diperoleh bukan sahaja menunjukkan pengurangan penggunaan bahasa Melayu dari tahun ke tahun, bahkan ia juga menunjukkan bahawa pengurangan itu berlangsung semakin cepat (The Straits Times, 2019).


Cabaran yang ketiga, khususnya untuk pendidik bahasa Melayu, pula ialah keperluan untuk senantiasa meningkatkan diri dalam pedagogi supaya dapat memberi pengalaman pengajaran yang bermakna dan efektif untuk pelajar-pelajar. Keperluan untuk merancang pelajaran yang dapat menarik perhatian pelajar lebih runcing lagi disebabkan pelajar lebih selesa dan lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu. Dalam era perkembangan teknologi yang pesat, para pendidik perlu senantiasa mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mengajar menggunakan aplikasi teknologi. Keperluan kemahiran teknologi di pihak para pendidik menjadi lebih genting dengan cabaran COVID-19 yang memerlukan pengajaran dilakukan secara dalam talian sepanjang tahun 2020.

Walaupun cabaran-cabaran ini tidak mudah diatasi, bahagian selanjutnya merupakan saranan-saranan supaya para pendidik dan ibu bapa dapat menyokong pembelajaran bahasa Melayu untuk kanak-kanak agar mereka boleh menjadi pengguna bahasa Melayu yang baik.

SARANAN UNTUK PENDIDIK

Demi mencapai perkembangan bahasa yang baik untuk kanak-kanak, pendidik harus menggunakan pendekatan yang menarik perhatian kanak-kanak, menyeronokkan untuk kanak-kanak dan sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Pengalaman pembelajaran dan bahasa yang digunakan juga harus berkait rapat dengan kehidupan harian kanak-kanak.

Pendekatan yang terbaik ialah pendekatan yang mengambil kira naluri semula jadi kanak-kanak. Naluri semula jadi kanak-kanak ialah kecenderungan mereka untuk bermain dalam kehidupan harian mereka. Aktiviti bermain ini tidak sahaja mendatangkan perasaan seronok dan gembira kepada kanak-kanak, malah ia juga amat diperlukan untuk perkembangan holistik kanak-kanak. Pendekatan belajar melalui bermain ini ialah pendekatan yang menerapkan unsur-unsur bermain seperti penglibatan aktif kanak-kanak dan juga mengambil kira pandangan dan idea-idea mereka. Rangka kerja 'Hubungan antara Belajar dengan Bermain' yang akan diterangkan merupakan panduan untuk pendidik menggunakan pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.



Rangka kerja Hubungan antara Belajar dan Bermain

PSA: Pengetahuan Sedia Ada

Rangka kerja 'Hubungan antara Belajar dengan Bermain' dibangunkan berasaskan gabungan teori dan pedagogi untuk menggambarkan hubungan antara aktiviti bermain dengan aktiviti belajar. Objektif rangka kerja ini adalah menjadi panduan ringkas untuk merancang dan melaksanakan kurikulum yang berteraskan pembelajaran melalui bermain. Ia menempatkan pelbagai pendekatan

pengajaran dan pembelajaran dalam suatu garisan kontinum. Ia juga menyarankan pendidik merancang pengalaman pembelajaran yang melibatkan aktiviti-aktiviti dari pelbagai tahap kebebasan pemilihan dan kawalan dalam pembelajaran. Rangka kerja ini menggabungkan strategi pedagogi untuk pengajaran yang melibatkan pelbagai unsur permainan (Broadhead dan Burt, 2012; Wood, 2013).

Semasa kanak-kanak bermain, mereka senantiasa mempelajari sesuatu. Namun, pembelajaran ini kadang-kadang tidak difahami atau dihargai oleh orang dewasa (Hirsh-Pasek dan Golinkoff, 2008). Namun, apabila kanak-kanak belajar, tidak semestinya ini dianggap sebagai mereka sedang bermain. Ini kerana unsur-unsur bermain mungkin tidak ada dalam aktiviti pembelajaran tersebut. Ini bukan hujah yang menyokong hubungan dikotomik antara bermain dengan belajar; sebaliknya, ia mengakui bahawa pembelajaran kanak-kanak terutama dalam persekitaran pendidikan tidak semestinya merangkumi unsur-unsur permainan. Sebilangan budaya menganggap aktiviti bermain menghambat pembelajaran, seperti yang ditunjukkan dalam pepatah Cina berikut: 'Ketekunan menghasilkan ganjaran, sementara bermain tidak akan membawa anda ke mana-mana' (Cheng, 2011). Oleh sebab aktiviti bermain senantiasa mempunyai unsur-unsur pembelajaran dan bukan sebaliknya, aktiviti bermain dianggap sebagai subset pembelajaran. Hubungan subset ini digambarkan dengan bulatan bermain ditempatkan dalam bulatan pembelajaran.

Secara ringkasnya, bulatan belajar adalah lebih besar daripada bulatan bermain kerana tidak semestinya kanak-kanak itu belajar melalui bermain. Contohnya, latih tubi *(drill practice)* ialah aktiviti belajar tetapi bukan aktiviti bermain.

Garisan dua arah di bahagian atas rangka kerja menunjukkan pelbagai tahap kebebasan untuk memilih aktiviti pembelajaran dan garisan dua arah di bahagian bawah rangka kerja menunjukkan kebebasan kawalan pelajar dalam pembelajaran. Konsep kebebasan memilih dan mengawal adalah berdasarkan penemuan penyelidikan yang menunjukkan bahawa definisi bermain dipengaruhi oleh dua faktor ini (Howard, 2010).

Garisan dua arah di pertengahan rangka kerja menunjukkan kepelbagaian dalam pendekatan pembelajaran. Walaupun hanya beberapa pendekatan pembelajaran yang penting disorotkan di garisan tersebut, garisan tersebut merangkumi pelbagai pendekatan pembelajaran yang lain.

Pendekatan latih tubi atau hafalan diletakkan di luar bulatan permainan. Pendekatan ini tidak dianggap sebagai pendekatan belajar melalui bermain kerana terdapat aspek pembelajaran pasif dan pengajaran yang menggunakan komunikasi satu hala (Kennedy, 2002). Contohnya, aktiviti penghafalan fonik dan latih tubi penulisan huruf secara berulang-ulang.

Tumpuan pada pendekatan belajar melalui bermain digambarkan melalui garisan pendekatan pembelajaran yang berada dalam bulatan bermain (ditebalkan). Ia merangkumi pelbagai pendekatan termasuk *pengajaran secara langsung yang menyeronokkan, belajar melalui permainan yang berstruktur tinggi, belajar melalui permainan terarah dan belajar melalui permainan bebas*.

Pengajaran secara langsung yang menyeronokkan terletak dalam bulatan bermain. Objektif pelajaran latih tubi boleh dicapai melalui pendekatan pengajaran secara langsung yang menyeronokkan. Contohnya, penghafalan fonik menggunakan muzik dan pergerakan, dan menulis huruf menggunakan pasir atau cat. Kegiatan lain termasuk berkongsi maklumat dengan kanak-kanak semasa sesi bulatan dan lawatan di luar sekolah. Contohnya, sekiranya guru ingin memberikan pengetahuan am mengenai pentingnya menjaga kebersihan kepada murid-murid, guru melakukannya dengan cara yang menyeronokkan menggunakan bahan-bahan maujud dan video serta penglibatan pelajar. Ini bererti objektif latih tubi boleh dicapai melalui pendekatan yang lebih menyeronokkan yang menggunakan nyanyian, muzik dan pergerakan, bahan-bahan maujud, video dan lawatan.

Belajar melalui permainan yang berstruktur tinggi merupakan pembelajaran yang melibatkan guru menetapkan matlamat dan objektif pembelajaran. Guru juga telah menetapkan peraturan dan cara-cara aktiviti tersebut dijalankan. Contohnya ialah aktiviti yang

memerlukan pelajar bermain berpasangan atau berkumpulan dan kemudian melengkapkan lampiran tugasan aktiviti tersebut. Dari itu, setiap pelajar akan menghasilkan produk yang sama di akhir aktiviti.

Belajar melalui permainan terarah juga memerlukan guru untuk menentukan matlamat dan objektif pembelajaran dan garis panduan aktiviti. Bagaimanapun, pendekatan ini biasanya memberi kebebasan yang lebih kepada pelajar. Contohnya ialah aktiviti yang melibatkan pelajar melakonkan semula buku cerita yang telah dibaca tetapi mungkin dengan kesudahan yang berbeza. Dari itu, pelajar dapat berbincang dan menghasilkan jalan cerita yang berbeza mengikut idea-idea mereka sendiri. Contoh yang lain ialah pelajar menghasilkan lukisan untuk menggambarkan suatu pengalaman. Dari itu, setiap pelajar akan menghasilkan sesuatu yang berbeza di akhir pelajaran itu.

Belajar melalui permainan bebas merupakan aktiviti yang memerlukan kreativiti pelajar dan kebebasan yang lebih untuk pelajar dan biasanya aktiviti ini dilakukan dalam kumpulan. Pendekatan ini memberi kebebasan kepada pelajar memilih dan mengawal aktiviti. Contohnya ialah pelajar diberi tugasan menghasilkan suatu projek atau dramatisasi yang memerlukan mereka berbincang dan menyatukan idea-idea kreatif mereka agar mereka dapat bekerjasama untuk menghasilkan produk yang autentik.

Untuk menghasilkan kurikulum yang menyeluruh, rangka kerja ini menyarankan perancangan yang menggunakan pelbagai pendekatan yang digambarkan dari hujung ke hujung garisan yang telah ditebalkan di rangka kerja ini. Noktah-noktah di atas garisan tersebut melambangkan aktiviti-aktiviti pembelajaran. Untuk peringkat rendah, noktah-noktah ini akan lebih padat di bahagian kiri dan di peringkat yang lebih tinggi, noktah-noktah ini akan lebih padat di bahagian kanan. Dengan perancangan yang menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran, murid-murid akan dapat meraih pengalaman pembelajaran yang lebih menyeluruh dan holistik.

Selain kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran, rangka kerja ini juga mementingkan pengetahuan sedia ada pelajar. Pengetahuan sedia ada ialah maklumat, kemahiran dan pengalaman pelajar yang berkait rapat dengan pelajaran yang akan diajarkan oleh pendidik. Dari itu, rangka kerja ini menyokong pentingnya pertukaran maklumat, idea dan pengetahuan dua arah antara rumah dengan sekolah. Oleh itu, para guru perlu mengambil tahu pengalaman rumah pelajar agar bekalan pengetahuan pelajar dari rumah dapat digunakan dalam aktiviti sekolah. Dengan demikian, guru dapat memperluaskan atau memanfaatkan pengetahuan sedia ada pelajar. Ibu bapa juga diberitahu tentang pembelajaran anak-anak mereka di sekolah dan cadangan diberikan tentang bagaimana mereka dapat menyokong pembelajaran anak-anak mereka di rumah. Objektif komunikasi dua hala ini adalah merapatkan pengalaman pembelajaran pelajar di rumah dan di sekolah.

Selain mengambil kira pengetahuan sedia ada pelajar dalam perancangan pelajaran, rangka kerja ini juga menggalakkan guru supaya mengambil tahu minat pelajar-pelajar agar ia dapat disertakan dalam pengajaran guru di sekolah. Sekiranya guru menggunakan bahan pengajaran yang diminati pelajar, ini akan menjadikan pelajaran tersebut lebih menarik untuk pelajar.

Secara ringkasnya, rangka kerja hubungan belajar dan bermain ini menyarankan kepelbagaian dalam pendekatan yang dirancang dalam kurikulum. Ia juga menyarankan penglibatan aktif pelajar yang memerlukan komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar dalam setiap sesi pelajaran. Seterusnya, ia juga menekankan kepentingan komunikasi dua hala antara guru dengan ibu bapa agar dapat mencapai kesinambungan dalam pengalaman pembelajaran pelajar di sekolah dan di rumah. Rangka kerja ini dibangunkan untuk menjadi panduan buat kurikulum yang menggunakan pendekatan belajar melalui bermain.

SARANAN UNTUK IBU BAPA

Sebelum memasuki alam persekolahan, pendedahan utama yang akan dialami oleh kanak-kanak dalam pembangunan bahasa mereka adalah melalui interaksi mereka dengan ibu bapa. Dari itu, ibu bapa merupakan pendidik barisan pertama dan utama untuk kanak-kanak. Kertas kerja ini mengemukakan tiga saranan utama yang boleh dilaksanakan ibu bapa untuk menyokong perkembangan bahasa anak-anak mereka dalam konteks Singapura.

1. Rancangan yang Berstruktur Serta Usaha yang Konsisten untuk Mengimbangkan Pendedahan dan Peluang bagi Penggunaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu

Oleh sebab persekitaran di Singapura memberikan pendedahan dan peluang lebih banyak bagi penggunaan bahasa Inggeris, ibu bapa perlu merancang demi memberikan ruang dan masa untuk pendedahan dan penggunaan bahasa Melayu. Rancangan berstruktur ini boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara. Contohnya, ibu bapa boleh mengambil pendekatan 'One Parent One Language (OPOL)' iaitu salah seorang dewasa di rumah bertutur dengan anak-anak sepenuhnya dalam bahasa Melayu dan seorang lagi bertutur dengan anak-anak sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab kanak-kanak akan mendapat pendedahan pada bahasa Inggeris lebih kerap di luar rumah, maka adalah lebih baik sekiranya orang dewasa (ibu atau bapa atau waris) yang bertutur dalam bahasa Melayu merupakan orang yang lebih kerap mendampingi kanak-kanak tersebut. Contoh yang lain adalah merancangkan hari atau waktu tertentu untuk penggunaan bahasa Melayu. Ini mungkin lebih mudah untuk ibu atau bapa tunggal kerana beliau merupakan satu-satunya orang dewasa di rumah. Sungguhpun rancangan berstruktur ini kelihatan mudah, ibu bapa harus melaksanakannya secara konsisten sekiranya menginginkan hasil yang baik dalam perkembangan bahasa kanak-kanak.

2. Kerjasama Antara Ibu Bapa dengan Guru Bahasa Melayu

Untuk mendapatkan kerjasama yang baik antara ibu bapa dengan guru, penting bagi kedua-dua pihak saling memahami dan menghormati. Ibu bapa ialah pendidik pertama dan utama anak-anak dan tanggungjawab ini tidak boleh diserahkan bulat-bulat kepada guru sekolah. Pada masa yang sama, guru mempunyai tanggungjawab memberikan pendidikan yang terbaik untuk kanak-kanak di sekolah dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dengan ibu bapa. Dari itu, ibu bapa boleh mendapatkan panduan daripada guru untuk menyokong perkembangan bahasa anak-anak mereka.

3. Sokongan Pembelajaran dan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Suasana Santai

Keupayaan kanak-kanak mempelajari sesuatu amat bergantung pada perkembangan sosioemosi mereka. Sekiranya kanak-kanak berasa takut atau tertekan, minda mereka akan menjadi lebih payah untuk memproses sesuatu maklumat atau pengetahuan yang baharu. Dari itu, untuk memastikan perkembangan bahasa yang baik, ibu bapa harus prihatin terhadap perkembangan sosioemosi anak-anak mereka. Pendedahan dan penggunaan bahasa Melayu di rumah haruslah dilakukan dengan santai supaya kanak-kanak tidak berasa tertekan. Pada peringkat awal dalam pembelajaran bahasa, penekanan pada perkembangan bahasa ialah kemahiran mendengar dan bertutur supaya kanak-kanak selesa berkomunikasi dalam bahasa Melayu dalam situasi tidak formal. Pada masa yang sama juga, kanak-kanak boleh diberikan pendedahan membaca dan menulis mengikut tahap kemampuan masing-masing. Perkara penting yang perlu diambil kira oleh ibu bapa adalah memberikan kanak-kanak pengalaman yang bermakna dalam bahasa Melayu yang mengaitkan bahasa, budaya dan nilai-nilai murni bahasa Melayu.

PENUTUP

Melentur buluh biarlah dari rebungnya. Melentur rebung pengguna bahasa Melayu memerlukan ibu bapa yang menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu di rumah dan para pendidik yang memahami cara pembelajaran kanak-kanak, menyesuaikan pengajaran pada tahap keupayaan kanak-kanak dan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi untuk menarik minat kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran. Ibu bapa menggalas tanggungjawab utama dalam pendidikan anak-anak mereka, akan tetapi mereka mungkin tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mendidik kanak-kanak. Lantaran itu, para pendidik yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam mendidik kanak-kanak perlu berkongsi pengetahuan dan kemahiran mereka untuk membantu ibu bapa memberi sokongan pembelajaran di rumah. Secara ringkasnya, proses perkembangan bahasa Melayu kanak-kanak memerlukan hubungan, komunikasi dan kerjasama yang baik antara guru dengan ibu bapa.

RUJUKAN

Bishop, D. V. M. (1999). How does the brain learn language? Insights from the study of children with and without language impairment. Developmental Medicine & Child Neurology, 42, 133–142.

Broadhead, P. dan Burt, A. (2012). Understanding young children's learning through play: Building playful pedagogies. USA: Routledge.

Burns, T. C., Yoshida, K. A., Hill, K. dan Werker, J. F. (2007). The development of phonetic representation in bilingual and monolingual infants. Applied Psycholinguistics, 28, 455–474.

Cheng, P. W. D. (2011). Learning through play in Hong Kong: Policy or practice? Dalam S. Rogers (Ed.), Rethinking play and pedagogy in early childhood education: Concepts, contexts and cultures (m.s. 100-111). London: Routledge.

Ervina Mohd Jamil. (2019, Oct 23). PM Lee: Penggunaan bahasa Inggeris di rumah termasuk keluarga Melayu terus meningkat. The Straits Times.

Hirsh-Pasek, K. dan Golinkoff, R. M. (2008). Why play = learning. Dalam R. E. Tremblay, M. Bovin dan R. Dev. Peters (Eds.), Encyclopedia on Early Childhood Development (online) (m.s. 1-6). Montreal, Quebec; Centre of Excellence for Early Childhood Development and Strategic Knowledge Cluster on Early Child Development.

Howard, J. (2010). Making the most of play in the early years: The importance of children's perceptions. Dalam P. Broadhead, J. Howard, dan E. Wood (Eds.), Play and learning in the early years: From research to practice (m.s. 145-158). London: SAGE.

Kennedy, P. (2002). Learning cultures and learning styles: myth-understandings about adult (Hong Kong) Chinese learners, International Journal of Lifelong Education, 21(5), 430-445, DOI: 10.1080/02601370210156745

Levine , L. E., dan Munsch, J. (2018). Child development: An active learning approach (3rd edition). London: SAGE.

McMurray, B., Kovack-Lesh, K. A., Goodwin, D. dan McEchron, W. (2013). Infant directed speech and the development of speech perception: Enhancing development or an unintended consequence? Cognition, 129(2), 362-378.

Norliza Jamaluddin. (2019). Amalan Pengajaran Bahasa Melayu: Cabaran dan Harapan. Dalam Malay Language Centre Singapore, Seminar Bahasa Melayu 2019: Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura (m.s. 12-36). Singapore: MLCS.

Santrock, J. W. (2014). Child Development (14th edition). New York: McGraw Hill Education.

Weikum, W. M., Vouloumanos, A., Navarra, J., Soto-Faraco, S., Galles, N. S. dan Werker, J. F. (2007). Visual language discrimination in infancy. Science, 316(5828): 1159. ScienceDOI: 10.1126/science.1137686

Wood, E. (2013). Play, learning and the early childhood curriculum. London: SAGE.

MAKALAH 3

Mengajar Bahasa Melayu kepada Pelajar Bukan Penutur Jati

Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
vletchumy@upm.edu.my



ABSTRAK

Kertas ucaptama bertajuk Pengajaran Bahasa Melayu kepada Pelajar Bukan Penutur Jati membincangkan pembudayaan ilmu yang perlu dipupuk dan dibajai dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Usaha mentransformasikan ilmu kepada generasi yang dikategorikan sebagai technology savvy merupakan satu cabaran kepada warga pendidik selaku arkitek pembangunan manusia. Oleh sebab itu, proses penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dapat dilaksanakan dengan mempertimbangkan empat faktor utama, iaitu eksplisasi, induksi, daya ingatan, dan kemahiran motor. Seterusnya, terdapat lima pendekatan yang harus diketengahkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk memancing penutur bukan jati. Antaranya ialah wpengetahuan strategi pembelajaran bahasa Melayu mengikut tahap perkembangan minda murid, penghasilan inovasi berteraskan abad ke-21, pengaplikasian kaedah yang lebih mudah dipraktikkan dalam menguasai komponen bahasa, dan pengamalan Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri (IPPK) serta penggunaan Sistem Penarafan Bintang (SPB) dalam menjana motivasi pelajar. Justeru penerapan kelima-lima pendekatan tersebut dalam PdP nescaya memberangsangkan keinginan generasi abad ke-21 yang mendahagakan keunikan dapat menguasai bahasa Melayu secara holistik.

Kata Kunci: penguasaan, penutur bukan jati, bahasa kedua, inovasi

PENGENALAN

Semua kanak-kanak bermotivasi untuk menguasai bahasa pertama (B1) masing-masing supaya dapat berkomunikasi di persekitarannya. Sebaliknya, setiap individu yang mempunyai motivasi belajar bahasa kedua (B2) pula berbeza. Walaupun dalam keadaan dimotivasikan oleh pihak ketiga, murid itu sendiri yang menentukan keinginannya untuk mempelajari bahasa selain B1 yang telah dikuasainya (Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam, 2017). Lazimnya, penguasaan B2 dalam lisan atau tulisan melibatkan amalan instruksional yang tidak wujud dalam proses pemerolehan B1 secara lisan. Pembelajaran bahasa dapat berlaku dengan mudah kerana bahasa dapat dipindahkan dengan senang apabila pola, bentuk dan penyebaran B1 sama dengan B2. Namun demikian, murid akan gagal melakukan pemindahan bahasa sekiranya fungsi dan pola yang terdapat pada B1 dan B2 mempunyai ketidaksamaan. Situasi sebegini menyukarkan murid sehingga mereka melakukan kesilapan (Noor Zila Md. Yusuf & Vijayaletchumy Subramaniam, 2015).

Penguasaan BM mungkin tidak menimbulkan masalah yang besar dalam kalangan murid sekiranya BM merupakan B1 ataupun bahasa ibunda kepada murid tersebut. Sebaliknya, perkara ini menjadi satu cabaran kepada penutur bukan jati. Hal ini kerana, B1 atau bahasa ibunda diperoleh melalui pemerolehan bahasa manakala B2 diperoleh melalui pembelajaran bahasa, maka murid dapat menggunakan B1 dengan betul tanpa melalui pendidikan formal malah menguasainya secara semula jadi (Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam, 2014). Manakala, murid memerlukan pengajaran atau pendidikan formal untuk mempelajari B2 tetapi belum pasti berjaya (Zulkifley Hamid, 2005). Kegagalan dalam penguasaan bahasa kedua amat menonjol dalam kalangan murid. Kajian tentang masalah yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran bahasa kedua masih sedang dijalankan dengan harapan agar penyelesaian yang sewajarnya dapat ditemui. Setelah meneliti kajian-kajian lepas, masalah yang dijumpai boleh diklasifikasi kepada 4 aspek utama, iaitu sosial, diri, keluarga, dan guru seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Masalah Pembelajaran Bahasa Kedua



Rajah di atas memberikan gambaran tentang cabaran yang dihadapi oleh penutur bukan jati dalam menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Berdasarkan masalah yang disenaraikan, didapati penutur bukan jati harus disuntik dengan teknik pengajaran yang bertepatan dengan generasi abad ke-21 agar dapat melahirkan sikap yang positif dan motivasi dalam kalangan mereka. Selaras dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang mengutamakan lima prinsip utama untuk memancing pemikiran generasi abad ke-21 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.

Rajah 2: Prinsip Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)



Sejurus itu, kajian telah dijalankan selama 5 tahun untuk mengetahui kehendak penutur bukan jati dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua supaya dapat diaplikasikan dalam pengajaran bahasa Melayu kepada penutur bukan jati. Hasil kajian tersebut telah memberikan penekanan terhadap aspek yang perlu diambil berat oleh tenaga pengajar dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar bukan penutur jati. Antara aspek yang perlu dititikberatkan ialah strategi kemahiran membaca, penghasilan inovasi berteraskan PAK21 dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu yang meliputi teknik pengajaran dan inovasi dalam pengajaran bahasa, amalan penggunaan Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri (IPPK), Sistem Penarafan Bintang (SPB) yang bertunjangkan pemantauan penguasaan bahasa Melayu secara berterusan serta pengamalan penggunaan warna dalam PdP.

STRATEGI KEMAHIRAN MEMBACA

Strategi pembelajaran ialah teknik atau tabiat yang digunakan dalam proses mempelajari sesuatu bahasa supaya lebih mudah untuk memahami dan diingati. Namun begitu, pengajaran yang efektif tidak semestinya memadai untuk memastikan seseorang murid bukan penutur jati bahasa Melayu untuk menguasai konteks pembelajaran dengan berkesan. Hal ini kerana, setiap pengajaran memerlukan proses pemerolehan, penyimpanan, pengingatan, dan penggunaan semula supaya setiap murid dapat menjiwai pembelajaran tersebut dan terpahat dalam minda untuk jangka masa yang panjang. Keempat-empat proses yang dinyatakan dalam Rajah 3 dikaitkan dengan strategi pembelajaran bahasa yang meliputi strategi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, membaca, dan menulis.

Rajah 3: Proses Pengajaran



Kemahiran mendengar dan bertutur akan diaplikasikan secara semula jadi sejak dilahirkan berdasarkan persekitaran sekeliling. Manakala kemahiran menulis pula dapat dimantapkan dengan adanya teknik membaca yang berkesan. Meneliti akan kepentingan strategi pembelajaran bahasa, murid bukan penutur jati didapati mengambil leka malah kurang mengaplikasi strategi pembelajaran bahasa dalam penguasaan bahasa Melayu. Selain itu, murid bukan penutur jati juga didapati kurang fasih dalam aspek membaca sesuatu ayat bahasa Melayu walaupun mereka telah didedahkan dengan bahasa Melayu dari prasekolah (Usha Nagasundram dan Vijayaletchumy Subramaniam, 2020). Strategi kemahiran membaca melibatkan daya kognitif yang melibatkan daya memahami, menguasai, dan menganalisis bahan yang dibaca. Penggunaan strategi yang efektif berkemampuan untuk mengubah daya kognitif kepada daya metakognitif yang melibatkan aspek tingkah laku dan mental. Strategi kemahiran membaca terbahagi kepada tiga peringkat utama, iaitu kemahiran membaca di dalam kelas, kemahiran membaca di luar kelas, dan juga kemahiran membaca semasa peperiksaan (Zamri Mahamod, 2015).

Strategi kemahiran membaca yang diadaptasi daripada Zamri Mahamod (2015) setelah diubahsuai telah diaplikasikan dalam kalangan murid bukan penutur jati. Kajian membuktikan bahawa strategi kemahiran membaca dapat mempertingkatkan pengetahuan seseorang murid. Di samping itu, pengaplikasian strategi kemahiran membaca juga melibatkan sikap dan motivasi murid terhadap penguasaan bahasa Melayu. Murid bukan penutur jati yang cemerlang mempunyai sikap dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Mereka menggunakan ketiga-tiga strategi, iaitu kemahiran membaca di dalam kelas, kemahiran membaca di luar kelas, dan kemahiran membaca semasa peperiksaan. Kajian juga merumuskan terdapat jurang pencapaian yang sangat ketara antara murid cemerlang dengan murid lemah dalam penguasaan bahasa Melayu. Berikut merupakan strategi yang sering digunakan oleh murid cemerlang (Usha Nagasundram dan Vijayaletchumy Subarmaniam, 2019).

Rajah 4: Strategi Pembelajaran Murid Cemerlang



Sebaliknya, murid bukan penutur jati yang lemah dalam penguasaan bahasa Melayu didapati memfokuskan kemahiran membaca semasa peperiksaan sahaja. Penekanan dalam kemahiran ini oleh murid lemah adalah atas desakan ibu bapa. Kesedaran mereka terhadap bahasa Melayu hanya sekadar untuk lulus malahan bukan bertujuan untuk menguasai bahasa tersebut. Dapatan ini disokong oleh kajian Chew Fong Peng (2016). Setelah meneliti secara mendalam, punca utama yang menjadi penghalang utama dalam kalangan murid bukan penutur jati ialah sikap dan motivasi yang lemah. Murid lemah cepat berputus asa dan berpendapat sukar untuk memahami bahasa Melayu. Tambahan, mereka tidak mengamalkan strategi kemahiran membaca yang berupaya membantu mereka menguasai bahasa Melayu dengan mudah. Hal ini menjadi punca kepada murid bukan penutur jati tidak mahu membaca atau mempelajari bahasa Melayu yang mereka tidak memahami.

Kesimpulannya, murid cemerlang menggunakan strategi kemahiran membaca dalam menguasai bahasa Melayu dengan cemerlang. Oleh yang demikian, strategi kemahiran ini harus diperkenalkan dalam kalangan murid lemah supaya mereka dapat memahirkan diri dalam amalan membaca yang merupakan kemahiran asas dalam penguasaan bahasa. Murid bukan penutur jati harus didedahkan dengan strategi kemahiran membaca supaya mereka dapat menguasai dan mendalami bahasa Melayu

dengan mudah dan teliti (rencam). Para pendidik bahasa Melayu harus menggalakkan pengamalan strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid bukan penutur jati bahasa Melayu supaya mereka dapat memanfaatkan penguasaan bahasa Melayu yang merupakan bahasa kedua (Usha Nagasundram dan Vijayaletchumy Subarmaniam, 2019).

PENGHASILAN INOVASI BERTERASKAN PAK21 DALAM PDPC BAHASA MELAYU

Setiap tenaga pengajar perlu mempunyai kefahaman tentang PAK21 dan bersedia untuk melaksanakannya agar proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berlaku dengan berkesan kerana dianggap penting sebagai proses melengkapkan keperluan pelajar bukan penutur jati yang begitu dinamik. Justeru, guru yang mempunyai kompetensi tertentu akan mengembangkan kemahiran, bakat, potensi dan pengetahuan murid dalam pelbagai bentuk. Guru yang mengajar dengan baik dapat mengubah persepsi murid terhadap sesuatu mata pelajaran. Guru-guru seharusnya mempunyai strategi pengajaran melalui pemilihan dan perancangan dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif pengajaran. Maka transformasi bilik darjah perlu dilaksanakan untuk melahirkan generasi modal insan yang seimbang dan mampu menghadapi cabaran dunia semasa. Dalam konteks ini, PdP bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kepada penutur bukan jati dapat dikendalikan dengan lebih berkesan.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2010 memberikan penekanan untuk membangunkan modal insan yang kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan negara dalam PAK21. Pelaksanaan elemen kreativiti dan inovasi dalam pendidikan akan memangkin agenda transformasi negara. Dalam konteks pendidikan, kreativiti dan inovasi saling bergandingan bagi memastikan kedua-dua proses tersebut dilaksanakan dalam PdP. Matlamat pembangunan kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid bertujuan untuk melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif. Individu yang kreatif dan inovatif berkeupayaan menghasilkan idea serta berdaya cipta yang berkualiti agar menjadi amalan dan budaya dalam kehidupan mereka. Objektif pembangunan inovasi dalam PdPc bahasa Melayu

adalah untuk membolehkan murid menghasilkan idea kreatif dan inovatif, mempunyai keterampilan diri dan personaliti individu kreatif, menguasai kemahiran dalam proses kreativiti, berkebolehan berkomunikasi dalam menyampaikan idea, mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan masalah. Rajah 5 menunjukkan sikap murid menerusi pengajaran secara inovatif.


Rajah 5: Sikap Murid Menerusi Pengajaran Secara Inovatif



TEKNIK GAD

Selaras dengan itu, satu teknik pengajaran yang menekankan pengajaran dan pembelajaran secara berperingkat, iaitu grafik, akrostik, dan dadu telah dihasilkan untuk membantu tenaga pengajar mengendalikan sesi pengajaran dengan lebih interaktif terutamanya kepada penutur bukan jati. Aspek yang ditekankan dalam teknik GAD merupakan aspek yang diperlukan oleh murid dalam mencapai matlamat PAK21. Rajah 6 menunjukkan langkah yang terlibat dalam teknik pengajaran GAD. Langkah pertama pengajaran ialah penggunaan bahan-bahan grafik dalam PdPc untuk memudahkan pemahaman murid. Seterusnya, pembangunan kaedah akrostik untuk mengukuhkan dan menguatkan pemahaman murid. Akhirnya, penghasilan dadu untuk memantapkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid.

Rajah 6: Langkah dalam Teknik Pengajaran GAD



GRAFIK

Grafik bermaksud penggabungan antara gambar, lambang, simbol, huruf, angka, perkataan, lukisan dan lakaran yang dijadikan sebagai satu media penyampaian maklumat supaya konsep atau idea yang sukar diterangkan dalam teks daripada pengirim kepada kumpulan sasarannya. Persembahan maklumat memainkan peranan yang penting dalam menentukan penyimpanan maklumat dalam ingatan jangka pendek secara kekal atau sementara. Maklumat yang berbentuk grafik mudah diingati berbanding dengan maklumat yang berbentuk perkataan (Pavitira Nagaraju & Vijayaletchumy Subramaniam, 2020). Oleh sebab itu, penggunaan elemen grafik dalam pengajaran dapat mengukuhkan pemahaman murid terutamanya murid yang terdiri daripada penutur bukan jati dan membantu untuk mengingati konsep pengajaran untuk jangka masa yang panjang. Penggunaan simbol atau lambang dalam menyampaikan pengajaran lebih berkesan berbanding dengan penggunaan ayat yang panjang dalam menjelaskan sesuatu maklumat. Tenaga pengajar memainkan peranan yang penting dalam mengenal pasti keinginan atau tahap perkembangan minda anak murid dan membangunkan bahan pengajaran berasaskan kehendak mereka untuk melancarkan pengaliran ilmu semasa

PdPc. Di samping itu, kaedah ini turut dapat mengurangkan beban guru kerana tidak perlu memberikan penjelasan yang panjang (Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam, 2016). Persembahan bahan pengajaran berbantukan grafik boleh menimbulkan unsur keseronokan dan melahirkan sikap yang positif dalam kalangan penutur bukan jati semasa pembelajaran bahasa Melayu.

AKROSTIK

Memori merupakan bahagian yang amat penting kepada manusia untuk memasukkan dan menyimpan sesuatu yang baru didengar. Namun demikian, proses menyimpan maklumat dalam memori ini berbeza mengikut tahap kemampuan yang dimiliki oleh setiap individu, terutamanya murid yang terdiri daripada penutur bukan jati. Kegagalan dalam menguasai bahasa kedua bukan sebab ketidakupayaan kognitif, tetapi kegagalan dalam pemilihan strategi kognitif yang sesuai. Oleh sebab itu, satu kaedah diperlukan untuk membolehkan murid mengingati sesuatu maklumat, terutamanya maklumat yang kompleks agar dapat mewujudkan motivasi dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Salah satu teknik yang berkesan ialah teknik mnemonik, iaitu teknik yang memacu ingatan untuk mengingati fakta dengan mengaitkannya dengan maklumat serta data yang sedia ada dengan lebih ringkas dan mudah. Antara teknik mnemonik yang biasa digunakan ialah kaedah loci, sistem kata kunci, chunking, teknik akronim, dan teknik akrostik. Setelah meneliti teknik yang disyorkan dalam mnemonik, teknik akrostik didapati lebih sesuai untuk diaplikasikan dalam pembelajaran pelajar bukan penutur jati.

Akrostik bermaksud "mindfulness" iaitu, aspek yang berkaitan dengan pemikiran dan minda. Teknik akrostik ini bermaksud kaedah yang mengetengahkan huruf-huruf kunci untuk menghasilkan konsep abstrak yang lebih konkrit supaya mudah diingati. Oleh sebab itu, teknik ini dapat membantu murid untuk memahami dan mengingati rumus bahasa dengan mudah (Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam, 2019). Salah satu contoh akrostik yang telah dibangunkan dalam mengingati konsep penggantian yang terlibat dalam proses pengimbuhan, iaitu ***s**ony **f**aha**m** **p**a**m** **t**i**n** **k**oso**ng***. Huruf yang terlibat dalam proses penggantian bagi membentuk kata terbitan ialah **'s'**, **'f'**, **'p'**, **'t'** dan **'k'** telah digabungkan


dalam bentuk akrostik supaya murid mudah mengingati konsep penggantian.

Di samping itu, akrostik boleh dibangunkan mengikut tahap perkembangan minda anak murid dan boleh dijadikan sebagai satu aktiviti semasa waktu PdPc untuk mewujudkan suasana pembelajaran dua hala. Akrostik yang dibangunkan juga boleh disertakan dengan unsur jenaka yang berfungsi sebagai salah satu strategi untuk merangsang suasana pembelajaran yang ceria, mengurangkan tekanan serta kerunsingan murid semasa PdPc. Jenaka atau dikenali sebagai kecindan merupakan kebolehan seseorang, objek, situasi atau perkataan yang membangkitkan perasaan terhibur dan gembira (Shaffe Mohd Daud et.al, 2011). Justeru, penggunaan akrostik dalam penguasaan bahasa kedua akan mengurangkan beban guru serta memberikan pilihan kepada pelajar bukan penutur jati untuk menghasilkan sesuatu serta mencetuskan pemikiran kritis dan kreatif murid selaras dengan PAK21.

DADU

Kaedah pembelajaran sambil bermain dapat mengungkitkan perasaan ingin tahu dan mencetuskan kreativiti pelajar bukan penutur jati (Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam, 2016). Aktiviti pembelajaran bahasa dapat membuatkan murid melibatkan diri secara langsung dalam proses pembelajaran dan guru hanya bertindak sebagai pembimbing (Vijayaletchumy Subramaniam, Nadia Shuhada & Amirra Shazreena, 2018). Salah satu contoh aktiviti pembelajaran yang dibangunkan dalam membantu pelajar bukan penutur jati menguasai alomorf yang terlibat dalam proses pengimbuhan ialah penghasilan dadu yang merangkumi enam permukaan sebagai satu aktiviti kepada murid. Pengenalan aktiviti penghasilan dadu menguatkan pemahaman murid terhadap alomorf yang terlibat dalam proses pengimbuhan dan huruf yang mengikuti imbuhan tersebut. Selain itu, aktiviti penghasilan dadu dalam pembelajaran imbuhan terbukti dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta berfungsi sebagai bahan bantu mengajar (BBM) yang efektif kepada murid dan guru (Pavitira Nagaraju & Vijayaletchumy Subramaniam, 2020). Rajah 7 menjelaskan contoh proses penghasilan dadu untuk menjelaskan alomorf yang terlibat dalam pembentukan imbuhan.

Rajah 7: Proses Penghasilan Dadu



PENGHASILAN KIT INOVASI KATA BERIMBUHAN BERTERASKAN PAK21

Penghasilan inovasi yang seterusnya ialah pembangunan kit untuk membantu penutur bukan jati menguasai imbuhan dengan lebih mudah. Kit boleh ditakrifkan sebagai set bahagian yang sedia untuk dipasang, manakala inovasi pula bermaksud sesuatu yang baharu diperkenalkan seperti kaedah atau sistem (Kamus Dewan Edisi keempat, 2005). Dalam kajian N. Siva Perumal a/l Narayanan & Vijayaletchumy Subramaniam (2020), kit inovasi kata berimbuhan dapat disimpulkan sebagai satu set kaedah permainan yang diperkenalkan untuk menguasai kemahiran imbuhan dengan cara bermain berpandukan PAK21. Kit inovasi kata berimbuhan yang direka khas untuk penutur bukan jati mengandungi pelbagai bahan aktiviti permainan imbuhan. Kit ini disediakan secara sistematik membina kemahiran kata berimbuhan mengikut huraian sukatan pelajaran BM KSSR. Kit inovasi kata berimbuhan ini dapat membantu penutur bukan jati meluaskan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam kata berimbuhan. Hal ini demikian kerana, kit inovasi kata berimbuhan ini menarik dan sesuai dengan bakat serta minat penutur bukan jati untuk menguasai kata berimbuhan mengikut acuan PAK21.

Kit inovasi merupakan bahan sokongan untuk mempelajari kata berimbuhan. Matlamat utama kit pembelajaran ini adalah untuk melonjakkan prestasi penutur bukan jati dalam PdPc kata berimbuhan. Contohnya, kit inovasi kata berimbuhan ini berperanan

sebagai bahan alternatif aktiviti PdPc imbuhan, bahan sokongan untuk mempelbagaikan teknik pengajaran serta menyediakan pelbagai variasi soalan yang menjurus kepada penguasaan kata berimbuhan ke arah PAK21. Kit inovasi memiliki keunikan yang tersendiri. Antaranya termasuklah arahan yang mudah diamalkan, sesuai untuk pelbagai aras pencapaian penutur bukan jati, aktiviti yang dapat membantu penutur bukan jati mempelajari kata berimbuhan serta manual penggunaan yang mudah dan mesra pengguna. Komponen kit inovasi kata berimbuhan yang terdiri daripada 4 elemen iaitu kad permainan kata berimbuhan, cari kata berimbuhan, tukar kod kepada kata berimbuhan dan uji minda kata berimbuhan yang terdiri daripada 4 jenis latihan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8.

Rajah 8: Komponen Kit Inovasi Kata Berimbuhan




Keempat-empat komponen dalam kit inovasi kata berimbuhan disusun secara hierarki, iaitu daripada mudah ke sukar untuk diaplikasikan sepanjang PdPc agar dapat memudahkan pemahaman murid yang terdiri sebagai penutur bukan jati. Setiap aktiviti mengintegrasikan empat kemahiran bahasa yakni kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Langkah-langkah aktiviti tersebut menekankan proses pembinaan pengetahuan melalui inisiatif sendiri. Aktiviti sebegini dapat mencetuskan semangat ingin belajar dalam kalangan murid penutur bukan jati untuk belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua secara rela hati dan melahirkan sikap yang positif serta motivasi yang tinggi. Rajah seterusnya menggambarkan keistimewaan penggunaan kit inovasi dalam kalangan penutur bukan jati.

Rajah 9: Keistimewaan Kit Inovasi



Pemberian latihan beraras dapat membantu murid penutur bukan jati untuk menguasai isi pembelajaran dengan lebih mudah. Setiap soalan yang ditanya dari aras rendah ke aras yang tinggi dapat memantapkan pemahaman murid. Rajah 10 menjelaskan keistimewaan latihan beraras.

Rajah 10: Keistimewaan Latihan Beraras




Penghasilan inovasi dalam pengajaran merupakan satu kaedah inovatif yang digunakan sebagai bahan bantu untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Inovasi harus dibangunkan dengan berpandukan aspek psikologi penutur bukan jati dan mengikut kemampuan serta kebolehan mereka dengan kemahiran yang berbeza. Pembinaan inovasi dalam pengajaran sangat menjurus kepada usaha untuk melahirkan penutur bukan jati yang mempunyai kemahiran komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif.

INSTRUMEN PENILAIAN PRESTASI KENDIRI (IPPK)

Pelajar bukan penutur jati seharusnya digalakkan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam aspek bahasa. Hal ini dapat membantu untuk mengubah persepsi murid tentang bahasa kedua. Justeru setiap penutur bukan jati harus mempunyai satu instrumen yang dapat menilai penguasaan bahasa mereka. Selaras dengan itu, Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri (IPPK) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu telah dibangunkan. IPPK mempunyai 17 klon sistem bahasa (S.B) yang terdiri daripada 12 aspek tatabahasa, 1 aspek seni bahasa dan 4 jenis kefahaman. Kesemua klon SB ini berdasarkan sukatan morfologi (penggolongan dan penggunaan kata) dan sintaksis (jenis ayat) yang terkandung dalam Dokumen Standard Kandungan Pembelajaran (DSKP). Amalan ini merupakan kaedah amali bahasa yang menarik dan memberangsangkan dalam kalangan guru dan pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu. Sesungguhnya, ia merupakan alat kawalan kualiti pembelajaran bagi seseorang pelajar. Peranannya bersifat seperti Jadual Spesikasi Ujian (JSU) yang merupakan alat kawalan kualiti pengajaran bagi seseorang pendidik. Dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah, pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mempengaruhi masa depan pelajar semasa di sekolah menengah, terutamanya dalam kalangan murid bukan penutur jati. Oleh itu, setiap murid wajar diberi pendedahan tentang cara menghitung kejayaan diri sendiri secara ala kendiri melalui instrumen yang sesuai. Perkara ini dapat mendekatkan pelajar dengan kaedah belajar, kaedah berfikir dan kaedah menjawab. Rajah 11 menunjukkan komponen yang terdapat dalam IPPK.

Rajah 11: Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri (IPPK)



JM	M	K	H
1	0	-	1
2	0	1	2
3	0	1,2	3
4	0,1	2	3,4
5	0,1	2,3	4,5

JM	M	K	H
6	0,1,2	3,4	5,6
7	0,1,2	3,4,5	6,7
8	0,1,2	3,4,5	6,7,8
9	0,1,2,3	4,5,6	7,8,9
10	0,1,2,3,4	5,6,7	8,9,10

IPPK menggalakkan keterlibatan langsung pelajar bukan penutur jati dalam proses pengukuran kejayaan kendiri dalam kertas pemahaman Bahasa Melayu. Dengan ini, pelajar dapat memperlihatkan potensi dirinya dalam bahasa Melayu. Rajah di bawah menunjukkan makna bagi setiap warna yang terdapat dalam IPPK.

Rajah 12: Maksud Warna dalam IPPK



Murid yang memperoleh warna merah boleh membuat aktiviti pembetulan dengan menyalin soalan dan menggariskan kata kunci merupakan antara aktiviti susulan untuk masa hadapan murid. Murid dapat mengimbas kesilapan atau kelemahan diri sendiri. Selain itu, murid dapat meneroka cara belajar untuk memahami soalan dan cara menjawab soalan. Murid dapat mengetahui zon kelemahan dan zon kekuatan dengan penggunaan projek ala inkuiri kejayaan ini serta mempunyai semangat, berasa seronok dan bangkit untuk menambah baik mutu pembelajarannya. Sungguhpun tidak mencapai tahap penguasaan minimum sebanyak 40 markah, pelajar masih dapat melihat potensi dirinya dalam klon sistem bahasa tertentu. Hal ini menyelamatkan pelajar daripada mempunyai perasaan syak terhadap potensi diri yakni, menganggap dirinya tergolong dalam kumpulan pelajar terkandas. Keadaan ini membangkitkan motivasi intrinsik untuk menghargai diri dan melonjakkan kejayaan sedikit demi sedikit.

IPPK turut membantu guru yang mengajar Bahasa Melayu kepada bukan penutur jati. Dengan melihat pencapaian setiap pelajar, guru dapat mengecam peratus pencapaian kelas dalam setiap klon S.B. Berikut ialah contoh pengenal pastian peratus pencapaian bagi sebuah kelas yang mempunyai bilangan pelajar seramai 10 orang. Baris mendatar pertama mengandungi nombor soalan manakala baris mendatar kedua merujuk bilangan pelajar yang mencapai markah penuh bagi setiap soalan seperti baris pertama. Katakan terdapat 3 soalan bagi klon KK (Kata Kerja), iaitu yang bernombor 2, 3 dan 21a. Bagi soalan bernombor 2, 5 orang pelajar yang mencapai markah penuh. Bagi soalan bernombor 3 pula, 2 orang pelajar yang mencapai markah penuh dan bagi soalan bernombor 21a, 6 pelajar yang memperoleh markah penuh. Maka, peratus keseluruhannya dikira dengan menggunakan rumus seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Contoh Pengiraan Markah

Jumlah Pelajar Betul _____ x 100% = Jumlah Soalan x Jumlah Pelajar dalam kelas	5+2+6 X 100% = 43.33% 3x10

KLON	No. Soalan dan Bilangan Betul(mencapai markah penuh)				%
KK	2	3	21a	-	43.33
	5	2	6	-	

Hal ini menjadi satu input kepada guru untuk mengenal pasti tahap keberadaan kelas dalam klon tersebut. Guru boleh menggunakan julat markah yang sama dalam IPPK dengan mengubah suai nilai JM 10 kepada 100% seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Julat Markah

JM	M	K	H
10	0,1,2,3,4	5,6,7	8,9,10
100 %	0,10,20,30,40	50,60,70	80,90,100

Maka, guru dapat membuat kesimpulan bahawa pencapaian 43.33% dalam klon KK masih di tahap rendah (zon MERAH). Dengan ini, guru dapat mengatur latihan intervensi yang sesuai untuk membantu pelajar menguasai klon S.B ke tahap yang mantap (zon HIJAU). Kesungguhan pelajar bukan penutur jati untuk mengetahui keberadaannya dalam S.B melalui kaedah pengekodan warna amat memberangsangkan.

Justeru penggunaan instrumen yang membolehkan seseorang untuk menilai diri sendiri dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar bukan penutur jati dan menganggap bahasa Melayu bukan lagi asing bagi dirinya. Keyakinan ini akan membantu pelajar bukan penutur jati untuk berinteraksi dengan orang lain tanpa segan silu dan menggalakkan peningkatan bilangan pengguna bahasa

kebangsaan pada masa akan datang. Kaedah ini dapat membantu setiap pelajar bukan penutur jati dan guru yang mengajar Bahasa Melayu kepada bukan penutur jati dalam soal mempertingkat kualiti pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Sistem Penarafan Bintang (SPB)

Kaedah seterusnya yang boleh diaplikasikan untuk melahirkan motivasi dalam kalangan pelajar bukan penutur jati untuk menguasai bahasa Melayu ialah pemantauan oleh guru terhadap tahap penguasaan bahasa seseorang pelajar. Pemantauan sebegini dapat membantu warga pendidik untuk memperkenalkan kaedah pengajaran berdasarkan tahap penguasaan pelajar. Selari dengan itu, Sistem Penarafan Bintang (SPB) telah dibangunkan untuk memantau tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar bukan penutur jati secara berterusan. Berdasarkan senario semasa di sekolah, murid terus dihantar ke darjah seterusnya tanpa dimantapkan kemahiran sistem tatabahasa dan analisis kurang dijalankan terhadap penguasaan kemahiran sistem tatabahasa. Maka, SPB dihasilkan dengan tujuan untuk memantapkan penguasaan murid dalam tatabahasa.

Dalam sistem ini, terdapat unsur kesinambungan atau ulangan aspek tatabahasa dari satu tahun ke tahun yang seterusnya supaya dapat dimantapkan dalam minda murid. Hal ini bermakna aspek yang dipelajari dalam satu tahun akan diimbas kembali sebelum aspek lebih mendalam diajar dan ujian diadakan berdasarkan aspek yang dipelajari semasa dan tahun sebelumnya. Misal kata, murid yang mendapat empat bintang dalam tahun satu untuk kata nama am manakala memperoleh 3 bintang dalam tahun 2 menunjukkan kewujudan masalah dalam PdP. Oleh itu, melalui sistem ini guru dan pihak sekolah dapat menganalisis perkembangan penguasaan kemahiran tatabahasa murid daripada penilaian yang diadakan berdasarkan pengajaran yang diberikan. Aplikasi ini boleh digunakan oleh guru mata pelajaran dan Ketua Panitia BM dalam menganalisis pencapaian penguasaan tatabahasa murid dari tahun ke tahun daripada penulisan manual laporan pencapaian murid dalam BM.


Dalam sistem tersebut, terdapat pembahagian sistem bahasa (golongan kata) tahap 1 yang perlu dikuasai oleh murid berdasarkan ujian bulanan yang diadakan. Markah ujian tersebut direkodkan dan dinilai dengan menggunakan rubrik. Tujuan penggunaan rubrik adalah untuk menilai prestasi murid berdasarkan kriteria tertentu dan membuat pemarkahan yang mudah dan telus. Sebelum ujian dijalankan, kriteria yang diinginkan disediakan terlebih dahulu dan dinilai pada skala 1-5. Skala-skala yang dibina itu dipadankan pula dengan markah-markah yang diperoleh. Skala tersebut mewakili bintang yang diterima oleh murid supaya prestasi murid dapat dinilai secara berterusan apabila melangkah ke peringkat atas. Rubrik tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Rubrik Pemarkahan UPSR

Skala	Gred	Skor (Bintang)	Kriteria
80-100	A	4 (Cemerlang) ★★★★	✔ pengetahuan sangat spesifik ✔ dapat mengenali dan menerangkan jenis kata dengan tepat ✔ penguasaan yang baik dan amat memuaskan
79-60	B	3 (Baik) ★★★	✔ dapat menjawab latihan yang diberikan ✔ penerangan jenis kata yang agak tepat ✔ penguasaan memuaskan
59-40	C	2 (Sederhana) ★★	✔ respons kurang memuaskan ✔ penerangan jenis kata kurang tepat ✔ penguasaan kurang memuaskan
39-0	D	1 (Lemah) ★	✔ respons lemah terhadap latihan yang diberikan ✔ tidak dapat menerangkan jenis kata ✔ penguasaan sangat lemah

(Sumber: http://www.panduanmalaysia.com/2013/06/sistem-gred-pemarkahan-bagi-upsr-pmr.html)

Rajah 13: Kandungan Sistem Penarafan Bintang (SPB)



Rajah 13 menunjukkan kandungan Sistem Penarafan Bintang. Pendek kata, sistem penarafan bintang ini memaparkan aspek tatabahasa yang perlu dikuasai oleh murid. Kemahiran tatabahasa disusun berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) yang diamalkan di setiap sekolah di Malaysia daripada aras rendah kepada tinggi. Justeru, guru dapat menilai setiap konstruk tatabahasa mengikut perkembangan tahap minda murid dan dapat merancang sistem pengajaran berdasarkan tahap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua oleh pelajar bukan penutur jati.

Pengamalan Penggunaan Warna dalam PdP

Manusia sentiasa dikaitkan dengan warna, terutamanya penggunaan warna dalam proses pengajaran serta pembelajaran. Secara semula jadi, kanak-kanak atau murid sekolah rendah berminat dengan benda atau bahan yang berwarna-warni kerana warna merupakan satu elemen yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi kecekapan, emosi, dan perhatian murid dalam pembelajaran. Menurut Chang, Xu & Watt (2018), penggunaan warna telah terbukti memainkan peranan yang penting dalam merangsang emosi yang berlainan serta membangkitkan perhatian

murid dalam PdPc. Tambahan, warna tertentu dapat memberikan kesan kepada ingatan kita terhadap sesuatu perkara yang dilihat atau dipelajari serta memudahkan kita untuk mengingati semula sesuatu, sama ada ingatan itu disimpan untuk jangka pendek atau panjang. Perkara ini sejajar dengan pendapat Dzulkifli & Mustafar (2013) yang mempercayai bahawa warna ialah pengalaman visual manusia yang paling penting dalam menyimpan sesuatu maklumat untuk jangka masa yang panjang.

Seterusnya, penggunaan warna dalam penyampaian maklumat berfungsi sebagai saluran maklumat yang memberikan kesan kepada sistem kognitif manusia dan didapati memainkan peranan yang penting dalam menguatkan ingatan (Olurinola & Tayo, 2015). Di samping itu, proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah, khususnya sekolah rendah, guru seharusnya menggunakan warna sebagai bahan bantu mengajar dalam PdP kerana penggunaan kepelbagaian warna dapat mempengaruhi hasil pembelajaran (Pavitira Nagaraju & Vijayaletchumy Subramaniam, 2020). Rajah seterusnya menunjukkan kebaikan penggunaan warna dalam bahan pengajaran.

Rajah 14: Kebaikan Penggunaan Warna dalam Bahan Pengajaran



Kepelbagaian warna yang wujud dapat dijadikan sebagai suatu alat pengurangan tempoh pencarian serta memungkinkan murid mencari maklumat dengan kadar yang lebih cepat. Penggunaan warna dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dapat menggalakkan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid. Hal ini kerana, mereka dapat memahami maklumat yang disampaikan melalui perbezaan warna yang digunakan. Penggunaan perkataan atau ayat yang panjang lebar dalam menjelaskan sesuatu rumus

bahasa didapati kurang memberikan kesan kepada ingatan murid. Oleh sebab itu, guru seharusnya menyediakan bahan pengajaran yang berwarna dan menepati tahap perkembangan minda murid supaya mereka dapat memahami maklumat yang disampaikan melalui penggunaan warna.

KESIMPULAN

Dunia kini mengalami perkembangan yang pesat lagi mencabar dalam kebanyakan aspek kehidupan termasuk pendidikan. Fenomena ini turut mengheret dunia pendidikan kepada cabaran dalam bentuk baharu dalam PAK21. Maka transformasi bilik darjah perlu dilaksanakan bagi melahirkan generasi yang seimbang dan mampu menghadapi cabaran dunia semasa. Justeru inovasi dan idea seperti strategi pembelajaran, teknik pengajaran GAD, kit pembelajaran, instrumen yang boleh menilai pencapaian diri sendiri, iaitu Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri (IPPK), dan pemantauan tahap penguasaan murid, iaitu Sistem Penarafan Bintang (SPB) sangat bertepatan dengan keperluan dunia pendidikan hari ini terhadap bahan sokongan akademik yang mampu membangunkan potensi individu penutur bukan jati. Tenaga pengajar memainkan peranan yang penting dalam melahirkan sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu terutamanya kepada pelajar bukan penutur jati. Bahan pembelajaran dan kaedah pengajaran yang dipilih amat mempengaruhi motivasi murid. Justeru, warga pendidik harus mengemas kini diri dengan maklumat mutakhir tentang kaedah pengajaran yang terkini dan bersesuaian dengan tahap perkembangan minda murid bukan penutur jati. Hal ini dapat memotivasikan pelajar bukan penutur jati untuk belajar bahasa Melayu bukan sekadar untuk lulus dalam peperiksaan, malahan melahirkan semangat menjiwai bahasa kebangsaan.

RUJUKAN

Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). International Journal of the Malay World and Civilisation, 7(1), 3-13.

Chang, Bo., Xu, Renmei, & Watt, Tiffany. (2018). The Impact of Colors on Learning. Adult Education Research Conference 2018, University of Victoria, Canda, June 7-10.

Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 6 (2), 10-22.

Dzulkifli & Mustafar. (2013). The influence of colour on memory performance: A review. Malaysia Journal of Medical Sciences, 20(2), 3-9.Linah Summase. (2009). Belajar Sambil Bermain. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL, 92-101. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching, 13 November 2009.

Noor Zila Md Yusuf & Vijayaletchumy Subramaniam. (2015). Strategi Komunikasi dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. Jurnal IPDA, 22, 109-122.

N. Siva Perumal a/l Narayanan & Vijayaletchumy Subramaniam. (2020). Keberkesanan Kit Inovasi Imbuhan dalam Meningkatkan Penguasaan Imbuhan Awalan, Akhiran, Apitan, dan Imbuhan Pinjaman Murid SJK(T). Prosiding dari Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kedua 2019. (SAPBaSBUM 2). Jerman: University Goethe, Frankfurt.

Olurinola, Oluwakemi. & Tayo, Omoniyi. (2015). Colour in Learn ing: It's Effect on Rate of Graduate Students. Journal of Education and Practice, 6(14), 2015, 1-6.

Ooi Chwee Hwa, Vijayaletchumy Subramaniam & Che Ibrahim Salleh. (2014). Pengaruh Bahasa Pertama dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina. Jurnal Pertanika Mahawangsa 1(2), 273-287.

Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam. (2016). Instructional Strategies in Developing Learning Site. Proceedings of the 10th International Malaysian Educational Technology Convention: Creative Pedagogies for Future Learning. (IMTEC 2016).

Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. Ulum Islamiyah, 20(4), 35-35.

Pavitira Nagaraju & Vijayaletchumy Subramaniam. (2020). Pembelajaran Kata Nama Terbitan dalam Kalangan Murid. Prosiding Seminar: Isu dan Cabaran dalam Pendidikan: Strategi dan Inovasi. Tanjung Malim, 268-286.

Usha Nagasundram & Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Strategi Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid SJK(T). Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 20(2019), 36-52.

Usha Nagasundram & Vijayaletchumy Subramaniam. (2020). Kepelbagaian Strategi Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid SJK(T). Prosiding Seminar: Isu dan Cabaran dalam Pendidikan: Strategi dan Inovasi. Tanjung Malim, 287-303.

Vijayaletchumy Subramaniam, Nadia Shuhada & Amirra Shazreena. (2018). Lajur Ampuh Membaca Bahasa Melayu (LAMBM) in the Teaching and Learning Process. Advances in Social Sciences Research Journal, 5(12).

Vijayaletchumy Subramaniam, Che Ibrahim bin Salleh, Sivaneswary Sivaratanam & Kavenia Kunasegran. (2020). The Application of The Fuzzy Delphi Technique on The Design and Development of The Star Grading System to Enhance Malay Language. Solid State Technology, Penwell Corporation, 63(4), 1-13.

Zamri Mahamod. (2015). Strategi Pembelajaran Inventori Cara Belajar Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1-289

Zulkifley Hamid. (2005). Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1-213

MAKALAH 4

Singapura Purba dalam Kaitan dengan Alam Melayu



Profesor Dr. John N. Miksic

ABSTRAK

Ramai yang beranggapan bahawa Sejarah Melayu atau yang lebih dikenali sebagai Sulalatus-Salatin merupakan sebuah karangan yang berbentuk khayalan dan dongeng yang dihasilkan oleh penulisnya. Namun, penemuan-penemuan artifak arkeologi yang ditemui di serata Singapura dan data-data sejarah yang lain jelas membuktikan bahawa Singapura bukanlah sebuah kota yang didirikan setelah kedatangan Raffles ke Singapura. Singapura yang nama asalnya Temasek sudah wujud sejak 700 tahun sebelum kedatangan Raffles. Penemuan-penemuan artifak yang digali membuktikan bahawa jauh sebelum kedatangan orang Barat, Singapura sudah mempunyai kehidupan dan peradaban mereka sendiri yang didirikan oleh orang Melayu. Singapura sejak abad ke-14, sudah terkenal sebagai tempat pemukiman masyarakat yang canggih, berdagang dan menjalin hubungan dengan dunia luar termasuk pedagang dari China dan India.

Tiada yang tahu bila aku lahir. Bibit saya berhasil ditanam sebelum kerajaan Singapura berdiri. Bibit ini disemaikan pada suatu tempat yang bernama Temasek – suatu pulau kecil dekat kerajaan kuno Melayu dan Sriwijaya.

Pada suatu ketika, datanglah sebuah kapal dari kerajaan Chola di India ke Temasek. Kedatangan Raja Shulan ke Temasek dalam rangka cita-citanya menyerang negara China. Tetapi orang Cina sudah mendengar bahawa Raja Shulan sedang dalam perjalanan, maka mereka mengutuskan awak kapal tua agar membawa sebuah kapal rosak ke Temasek. Lalu orang Cina dan India bertemu di Temasek. Ketika ditanya Raja Shulan berapa jauh lagi ke China, orang Cina menjawab bahawa mereka berangkat dari China waktu masa muda, maka terlalu jauh.

Menurut sumber lain, iaitu sebuah prasasti di Tanjor, ibu kota kerajaan Chola, sebuah armada pernah menyerang seluruh kawasan Sriwijaya. Tujuan peperangan ini supaya menghancurkan kongsi antara kerajaan Melayu di bahagian selatan selat Melaka (Srivijaya, Malayu) dengan kerajaan Malayu di bahagian utara selat Melaka (Kedah, Aceh, Barus, Tambralingga). Dalam sumber India, Maharaja ini bernama Rajendra Chola. Setelah kelahiran saya, namanya diubah sedikit menjadi Raja Shulan.

Lalu Raja Shulan memutuskan untuk membuat sebuah kota kaca agar dapat melihat dasar laut antara pulau Temasek dengan Batam. Setibanya di situ, ternyata Raja Shulan dapat bernafas. Lalu sambil berjalan-jalan, Baginda bertemu dengan sebuah kerajaan di dasar laut, kemudian berkahwin dengan puteri raja di sana. Pasangan itu melahirkan putera tiga orang. Lalu Raja Shulan berasa rindu tentang negara asalnya, ia naik kuda bersayap sampai ke darat, lalu turun di muara sungai Temasek. Di situ ia pesan seorang tukangnya agar memahat sebuah

prasasti pada batu dengan huruf Hindustan untuk merakam pengalamannya di kerajaan bawah laut. Di bawah batu tersebut disembunyikan perhiasan emas dan mutiara supaya dapat ditemukan puteranya pada waktu kelak. Lalu Raja Shulan pulang ke Vijayanagara, suatu kerajaan di India Selatan.

Mungkin tulisan pada batu inilah yang menjadi bibit saya. Mungkin juga tulisan pada batu ini yang ditemukan orang Inggeris di muara sungai Singapura dalam tahun 1820. Sayang sekali batu ini diledakkan orang Inggeris pada tahun 1843 agar meratakan tanah untuk mendirikan rumah kediaman perwira Benteng Fullerton. Sisanya berupa tiga pecahan dikirim ke markas Inggeris pada tahun 1844. Salah sebuah dikembalikan ke Singapura pada tahun 1918. Pecahan ini sedang dipamerkan di Muzium Nasional Singapura. Kedua pecahan lain dianggap masih di Kolkata, tetapi belum berhasil ditemukan kembali.

Orang ramai sekarang panggil saya Sejarah Melayu, akan tetapi nama saya yang benar ialah Sulalatu's-salatin. Naskhah pertama yang membawa salasilah raja-raja Melayu mungkin dikarang sekitar pertengahan abad ke-15 di Melaka. Menurut cerita, Raja Melayu pertama bernama Sang Nilatanam. Beliau merupakan anak bongsu dari Raja Shulan dan puteri kerajaan bawah laut antara Singapura dengan Pulau Batam. Sang Nilatanam diangkat oleh masyarakat kota Palembang di Sumatera Selatan sebagai rajanya dengan gelar Sri Tri Buana, yang berarti "Tuan dari tiga dunia" dalam bahasa Sansakerta. Setelah beberapa lama, Sri Tri Buana menjadi bosan tinggal di Palembang, dan berangkat dengan orang ramai ke pulau Bintan. Di situ beliau ketemu Ratu Sakidar Shah, lalu menjadi anak angkatnya. Tetapi masih belum puas di Bintan, lalu naik atas batu tinggi. Di seberang Selat Singapura, dilihatnya pantai dengan pasir yang putih mengkilau. Tertarik oleh pemandangan itu, Sri Tri Buana bertanya, "Apa nama tempat itu?", lalu dijawab "Itu pulau Temasek." Maka baginda berangkat ke sana.

Setelah mendarat, dilihat seekor makhluk yang ajaib: sedikit lebih besar dari seekor kambing, dengan badan merah, kepala hitam, dada berwarna putih. Tidak ada orang yang dapat mengenal jenis makhluk ini. Lalu mereka memutuskan untuk menyebut bahawa yang dilihatnya adalah seekor singa. Maka negeri yang didirikannya di Temasek diberi nama Singapura, "Kota Singa" dalam bahasa Sansekerta. "Maka Singapura pun besarlah; maka segala dagang pun berkampunglah terlalu ramai; maka masyhurlah kebesarannya itu pada segala alam" (R.O. Winstedt, "The Malay Annals of Sejarah Melayu", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society 1938, Vol 16 No 3: p. 62).

Setelah sekitar 100 tahun, Singapura diserang, tetapi rajanya berhasil menyelamatkan diri, lalu mendirikan pelabuhan baharu di Melaka. Mengenai siapa yang menyerang dan raja mana yang diserang, masih banyak hal yang kurang jelas. Setelah 1400, Singapura tetap ada; malah menjadi pusat angkatan laut Melaka. Ketua angkatan laut atau laksamana yang termasyhur bernama Hang Tuah. Singapura menjadi jajahannya.

Ternyata Singapura masih menjadi pelabuhan penting sampai awal abad ke-17; pada sebuah peta Portugis yang diterbitkan pada tahun 1604, ditulis "shahbandaria", pejabat shahbandar. Sepanjang abad ke-17, pulau Singapura masih merupakan tempat persinggahan untuk kapal yang sedang lewat.

PENGENALAN

Begitulah cerita yang mungkin diutarakan seandainya naskhah Sejarah Melayu dapat bertutur. Banyak pakar sejarah, termasuk O.W. Wolters, berpendapat bahawa naskhah ini tidak berguna sama sekali untuk melacak sejarah Singapura sebelum kedatangan orang Inggeris di bawah Sir Stamford Raffles. Tetapi sekarang semakin banyak data mulai terhimpun yang memberikan pandangan yang bertolak belakang dengan andaian tersebut.

Penelitian arkeologi di Singapura mulai dirintis pada tahun 1984. Sejak prakarsa itu, para peneliti telah mengumpul lebih dari setengah juta benda buatan manusia (artifact) yang dapat menjelaskan sejarah pemukiman, teknologi, ekonomi, dan kebudayaan pada pulau ini. Benda-benda tersebut dibahagi menjadi dua kelompok: yang dibuat pada zaman Temasek (abad ke-14 sampai ke-16) dan zaman Singapura (1819 sampai sekarang). Sumber-sumber tertulis dari abad ke-17 dan abad ke-18 menunjukkan bahawa pada kurun waktu itu, pulau Singapura masih berperanan aktif sebagai sumber daya manusia yang berketerampilan kelautan yang diandalkan para raja di wilayah hujung selatan Selat Melaka serta Riau yang bersaing untuk menguasai jalur-jalur pelayaran dan sumber daya setempat yang bermutu tinggi, seperti mutiara dan timun laut. Kapal-kapal asing yang sedang melalui Selat Singapura biasa mengambil kesempatan untuk memperoleh bekal seperti buah-buahan dan air minum, tetapi sampai sekarang baru dua keping pecahan seramik dari masa ini pernah ditemukan (dijumpai di halaman gereja St. Andrew).

Temuan dari penggalian secara ilmiah telah menghasilkan bukti bahawa Singapura pada abad ke-14 sudah mencapai tingkat perkembangan sebagai tempat pemukiman masyarakat yang canggih, yang berkaitan erat dengan tetangga di negara lain dalam jaringan hubungan dagang sebelum tahun 1350. Walaupun garis-garis luar pelabuhan Singapura pada zaman penjajahan makin jelas, namun masih ada pertanyaan lagi tentang Singapura pada masa lalu yang hanya dapat dijawab melalui penelitian baharu, baik dalam arkib mahupun makmal, selain dari penggalian dalam tanah. Antara pertanyaan yang perlu dijawab terdapat asal-usul benda buatan yang ditemukan di bumi Singapura tetapi dibawa dari tempat lain sebagai import (seperti logam emas, gangsa, dan timah); keadaan lingkungan alam dan ekologi Singapura pada masa lampau, dan

kesan kegiatan manusia terhadapnya; pelajaran tentang bentuk asli dari barang-barang yang sekarang tinggal pecahan sebahagian; penyelidikan statistik tentang perbezaan antara kerapatan jenis temuan tertentu seperti mata wang atau mangkuk putih halus pada tempat-tempat tertentu di Singapura pada zaman Temasek; dan perbandingan antara keanekaragaman dalam himpunan benda buatan antara Singapura dengan tempat lain pada zaman yang serentak, terutama tempat lain di wilayah alam Melayu. Apakah Singapura pada zaman Temasek dapat dikatakan serupa dengan pelabuhan Melayu lain, atau memiliki ciri tersendiri?

NASKHAH, LEGENDA, SERTA TEMUAN PERMUKAAN SULALATU'S-SALATIN/SEJARAH MELAYU

Telah terbukti oleh temuan artifak bahawa kehidupan sehari-hari di Singapura pada abad ke-14 dapat disebut mirip dengan pensifatannya dalam Sulalatu's-salatin sebagai sebuah pelabuhan ramai. Naskhah Sulalatu's-salatin tidak dapat dipercayai semata-mata sebagai sumber sejarah yang nyata; Sulalatu's-salatin telah dikarang dengan maksud tertentu, iaitu untuk mendukung pengakuan kerabat Melayu agar memegang kuasa di Melaka pada pertengahan abad ke-15, serentak dengan penggantian agama Buddha oleh Islam sebagai agama kerajaan Melaka. Berbagai-bagai naskhah Sulalatu's-salatin telah dikarang dan disalin antara abad ke-15 sampai abad ke-19. Yang tertua, dan paling dekat dengan versi pertama, sekarang dikenal sebagai Raffles MS 18. Naskhah ini mulai ditulis oleh Tun Sri Lanang di Batu Sawar. Johor, pada tahun 1612, kemudian diselesaikan di Aceh pada tahun 1614. Dalam Raffles MS 18 tidak dijelaskan kenapa Tun Sri Lanang telah pindah ke Aceh, tetapi diketahui dari sumber lain bahawa Singapura dan Johor diserang dan ditakluk oleh Sultan Aceh Iskandar Muda pada tahun 1613. Rupanya Tun Sri Lanang bersama penduduk Singapura yang lain dipindahkan ke Aceh. Gejala yang sama juga terjadi pada penduduk negeri Kedah pada waktu yang kira-kira sama. Pada masa itu kerajaan Aceh sedang berusaha agar menjadi pusat di alam Melayu.

Berkali-kali dalam bab yang membahas Singapura, Tun Sri Lanang telah berusaha agar meyakinkan para pembaca (atau pendengar; rupanya Sulalatu's-salatin dimaksudkan dipakai sebagai cerita lisan), bahawa penggambaran tentang Singapura

sebagai pelabuhan yang megah bukan khayalan, melainkan kenyataan. Berkali-kali disebut bahawa masih ada sisa dari peristiwa tertentu yang masih dapat dilihat di Singapura. Siasat ini mungkin dipergunakan oleh sebab Singapura sudah ditinggalkan penduduk setelah serangan Aceh. Teknik ini tidak dipakai pada bahagian-bahagian lain dari Sulalatu's-salatin, hanya terdapat pada bahagian tentang Singapura.

Dari sumber sejarah mahupun arkeologi, diketahui bahawa terdapat beberapa pelabuhan di alam Melayu, dari Kedah di utara Semenanjung Melayu sampai Palembang di Sumatera Selatan, yang pernah menjadi pusat dari perdagangan dan perhubungan laut. Memang dalam Sulalatu's-salatin Bukit Siguntang di Palembang diberi peranan penting sebagai tempat seorang pemuda yang bakal menjadi pendiri Singapura pertama kali muncul di bumi, dan dikenal sebagai lelaki yang akan menjadi orang ternama, tetapi setelah beberapa waktu ia meninggalkan Palembang dengan segala pengikutnya agar mencari tempat lebih baik agar mendirikan sebuah negeri.

Sebelum munculnya putera muda ini, hubungan antara beliau dengan Singapura sudah dimulai apabila ayahnya, seorang penakluk dari India Selatan, bertemu dengan utusan dari China yang dikirim untuk mencegahnya dari penaklukan China. Ayah lelaki muda itu bernama Raja Chulan, yang jelas merupakan samaran Rajaraja Cola, seorang nyata dari India Selatan yang telah menaklukkan Palembang dan pelabuhan Melayu lain pada tahun 1025 M. sehingga menyebabkan runtuhnya kerajaan Sriwijaya. Kecewa karena tidak mungkin sampai di negeri China, Raja Chulan memesan tukangnya supaya membuat kota kaca agar dapat menjelajahi dasar laut di bawah Selat Singapura. Di sana ternyata terdapat kerajaan bawah laut. Puteri kerajaan itu berkahwin dengan Raja Chulan, melahirkan tiga orang putera. Lama-kelamaan, Raja Chulan rindu terhadap tempat asalnya di India. Maka Raja Chulan pergi ke kuala Sungai Singapura dengan menunggang seekor kuda bersayap. Di situ para tukangnya disuruh memahat sebongkah batu dengan tulisan yang menceritakan tentang penjelajahan di bawah laut. Di bawah bongkah batu besar itu disembunyikan harta karun untuk ditemukan oleh para puteranya kalau mereka sudah jadi dewasa.

Cerita tentang seorang "Raja Seberang" yang berkahwin dengan seorang puteri bawah laut sering kali ditemukan di Asia Tenggara. Sumber-sumber China awal merakam cerita tentang perkahwinan seorang putera raja India bernama Kambu dengan seorang ratu naga. Keturunannya menjadi raja-raja Kambujadesa (Cambodia). Pada tahun 1296 seorang utusan dari China, Zhou Daguan, telah mendengar cerita yang sama. Legenda ini mirip tradisi asal-usul kerajaan Surakarta dan Yogyakarta di Pulau Jawa tentang perjanjian antara Pangeran Senapati dengan Ratu Roro Kidul, ratu dari kerajaan di bawah Laut Hindia. Tun Sri Lanang jelas telah berkenalan dengan tradisi ini.

APA YANG MASIH BELUM DIKETAHUI TENTANG SULALATU'S-SALATIN?

Bila cerita tentang raja dari seberang pertama kali muncul dalam kaitan dengan Singapura? Salah satu petunjuk dapat diperoleh dari sebuah arca dari timah hitam yang ditemukan di Empress Place, dekat muara Sungai Singapura dalam rangka penelitian arkeologi pada tahun 1998. [3] Arca ini merupakan satu-satunya arca timah hitam yang pernah ditemukan di Asia Tenggara. Lagi pula, arca ini merupakan satu-satunya penggambaran seorang lelaki yang sedang menunggang kuda bersayap sambil memegang semacam tombak atau bendera . Arca ini sangat tipis dan dibuat dengan gaya seperti wayang kulit yang mirip ukiran yang diukir pada dinding Candi Jago, Jawa Timur, pada akhir abad ke-13. Arca ini diduga mungkin diciptakan di Singapura pada abad ke-14 dan dimaksud sebagai perwujudan Raja Chulan sewaktu dihantar kembali ke darat dari dunia bawah air Selat Singapura.

Meskipun Sulalatu's-salatin tidak dapat digunakan sebagai petunjuk tentang sejarah Singapura secara harfiah, namun buku tersebut dapat memberi petunjuk mengenai pandangan tentang sejarah Singapura oleh orang Melayu sewaktu Sir Stamford Raffles pertama kali mendarat di pulau ini. Di samping itu, peranan utama yang dimainkan oleh Singapura dalam Sulalatu's-salatin dapat menjelaskan kenapa Singapura telah berkembang dengan pesat pada tahun 1820-an. Sebelum tiba di Singapura, Raffles sudah mengerti bahawa Singapura dianggap tempat bersejarah penting, sehingga dikenal luas oleh penduduk asli di sekitar hujung selatan Selat Melaka dan Semenanjung Melayu. Dari tulisan Raffles sendiri, dapat ditarik

kesimpulan bahawa dia telah membicarakan sejarah Singapura dengan orang Melayu, dipermudahkan oleh kemampuannya untuk bercakap, membaca, dan menulis bahasa Melayu, salah satu jenis keterampilan yang jarang ditemukan antara kakitangan dengan pejabat East India Company.

Walaupun pentingnya Sulalatu's-salatin untuk memahami jaringan sosio-budaya antara penduduk di hujung selatan Selat Melaka dan Riau, belum terdapat suatu versi buku itu yang berdasarkan atas naskhah-naskhah, yang berjumlah sekitar 30 contoh. Yang diperlukan ialah kajian perbandingan antara 30 contoh naskhah ini supaya memperoleh semacam "silsilah" untuk perkembangan sehingga naskhah asli atau inti dapat direkakan semula. Kajian ini merupakan salah satu tugas untuk para sasterawan yang perlu dilakukan pada masa depan.

SUMBER CHINA

Pada awal abad ke-20, sebuah karya yang ditulis semula pada tahun 1349 berjudul Daoyi Zhilue telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Penulisnya, Wang Dayuan, merupakan pedagang pertama yang pernah menulis tentang Asia Tenggara. Bukunya mencatat 99 tempat, tiga antaranya berkaitan dengan Singapura. Wang Dayuan tidak menyebut nama "Singapura". Salah satu antaranya bernama Longya men, "Selat Gigi Naga", yang mengacu kepada sebuah selat di antara dua bukit dari orang Danmaxi, yang dikuasai oleh seorang qiu zhang, "Kepala suku". Istilah ini dipakai orang Cina untuk menyebut seorang kepala suku yang telah mencapai kedudukannya sebagai pemimpin melalui charisma dan kemampuan peribadi, bukan keturunan. Di Temasek pun terdapat seorang Xiang fu atau "perdana menteri" yang telah mengeluarkan peraturan supaya lelaki dan perempuan harus hidup secara damai dengan orang Cina. [7] Rupanya orang Cina sudah mula berdagang di Singapura, malah menetap di sini selama berapa lama. Ini merupakan satu-satunya pelabuhan orang setempat dianjurkan supaya hidup serasi dengan orang Cina.

Pakaian yang dikenakan penduduk Selat Gigi Naga bersifat sederhana. Rambutnya gondrong, diikat membentuk sanggul. Barang dagangan yang dijual oleh orang Cina di sana terdiri dari kain berpola bunga, kuali besi, dan tembikar biasa.

Anehnya, pada catatan berikutnya Wang menulis bahawa orang Selat Gigi Naga merupakan bajak laut yang suka mencuri barang dagangan dari Quanzhou (sebuah pelabuhan utama di China. Kapal China yang berlayar ke Barat tidak diganggu, tetapi sewaktu kapal tersebut pulang ke China, 200-300 perahu akan menyerang. Orang Cina dan mereka yang tertangkap akan dibunuh. Kedua gambaran ini tentang Selat Gigi Naga tidak sejajar; mungkin Wang telah mendapat pengalaman yang berbeza pada dua kunjungan ke Singapura. Rupanya Wang telah singgah di Singapura untuk dua kali pada tahun 1330-an. Penjelasan bahawa orang telah hidup secara damai dengan orang Asia Tenggara hanya ditemukan satu kali lagi dalam buku Wang. Sebutan kedua tentang orang Cina yang hidup secara damai serasi dengan orang asli setempat hanya ditemukan dua kali dalam buku Wang. Penjelasan kedua terdapat dalam hubungan dengan sebuah tempat bernama Gulan Shan. Penduduk Cina di pulau ini telah diturunkan dari kapal pada pulau itu pada tahun 1293, apabila sebuah armada Mongol telah lewat pulau ini dalam pelayaran ke pulau Jawa untuk menyerang kerajaan Singasari di Jawa Timur kerana rajanya Kertanagara tidak bersedia tunduk kepada Kaisar. Antara perwira di armada ini ternyata ada sejumlah orang yang jatuh sakit kerana tidak biasa naik kapal. Pada tahun tahun 1330-an mereka masih di sana. Rupanya mereka tidak pernah dijemput oleh kapal Kublai Khan. Laporan ini memberi bukti kuat bahawa pada masa ini pedagang Cina hanya menetap di Temasek. [9]

Pada bahagian lain Wang membahas Banzu, yang berada pada bukit di belakang Selat Gigi Naga. Banzu merupakan tulisan China untuk Pancur. Di Pancur, penduduknya tinggal pada lereng-lereng bukit. Kemungkinan besar istilah Banzu merupakan ejaan China untuk "pancur". Nama ini tidak asing di wilayah Selat Melaka. Pelabuhan dengan nama Pancur juga pernah ada di pantai Barat Sumatra Utara (sekarang bernama Barus), di pulau Lingga di Riau, dan di tebing Sungai Johor. Ternyata nama ini merupakan petunjuk tentang keberadaan sumber air tawar, salah satu aset yang sangat berguna untuk sebuah pelabuhan di Selat Melaka, dan air dekat dengan pantai biasanya masin.

Watak penduduk Banzu/Pancur sangat berbeza daripada penduduk Selat Gigi Naga. Rambutnya pendek. Mereka memakai serban yang dibuat daripada kain satin yang dihiaskan dengan

pola emas palsu. Mereka melakukan pelbagai pekerjaan seperti pembuatan garam dan arak terbuat dari beras. Mereka dipimpin seorang ketua. Penduduk merupakan pedagang jujur. Barang dagangan setempat dibeli orang Cina dengan emas merah (mungkin suasa) dan porselin.

Wang juga melaporkan bahawa Temasek pernah diserang oleh orang Xian ("Shan", Siam. Pada abad ke-13 hingga abad ke-14, orang Siam sedang berusaha agar menguasai selatan Melaka. Orang Siam telah mengirim 70 buah kayak tetapi orang Temasek telah mempertahankan dirinya. Rupanya Pancur telah dilindungi oleh sebuah tembok. Sisa "Tembok Melayu Lama" masih kelihatan pada tahun 1822, tetapi diratakan pada tahun 1828 agar membangun Jalan Stamford.

Seperti halnya Sulalatu's-Salatin, belum terdapat terjemahan lengkap dari buku Wang Dayuan. Riwayat hidup Wang belum begitu jelas. Mudah-mudahan suatu waktu kelak mencelah dalam pengetahuan akan diisi supaya sejarah awal pada abad ke-14 dari Singapura akan jadi lebih jelas. Beberapa tempat di sekitar Singapura pada abad ke-14 belum diketahui. Yang jelas, kawasan Singapura telah menarik perhatian orang Cina pada masa itu.

BATU SINGAPURA

Pada tahun 1819 sebuah bongkah batu besar yang sengaja dibelah oleh manusia ditemukan di tanjung Singapura pada kuala Sungai Singapura. Salah satu permukaan batu ini dipakai untuk memahat sebuah tulisan dengan memakai semacam aksara yang dipakai di Sumatera serta Semenanjung Melayu. Para pakar sejarah belum sepakat tentang pertanggalan aksara itu mahupun isinya. Batu ini dihancurkan pada tahun 1843 untuk mendirikan Benteng Fullerton. Salah satu pecahannya dikembalikan dari Kolkata pada tahun 1918. Dua bongkah lain seharusnya masih terdapat di Muzium India di sana, tetapi usaha untuk menemukannya kembali sampai sekarang belum berhasil. Sudah diketahui bahawa aksara yang dipakai untuk prasasti ini mahupun bahasanya merupakan Melayu kuno, tetapi isinya belum jelas.

PENGETAHUAN INGGERIS TENTANG KAWASAN SINGAPURA PADA TAHUN 1818

Pada bulan Jun 1818 Kolonel William Farquhar telah diutuskan untuk menjelajahi bahagian dari Selat Melaka. Tujuan utamanya merupakan Pulau Karimun. Pada akhir abad ke-19 sebuah prasasti ditemukan pada pantai utara pulau itu. Prasasti ini sekarang diketahui telah dipahat antara abad ke-10 sampai abad ke-13. Bahasa Sansakerta; aksara merupakan Nagari, yang biasa diguna di vihara Buddha di Bengal serta Jawa Tengah pada abad waktu ini. Pada abad ke-14 pulau ini merupakan tempat pertemuan untuk kapal China supaya mempersiapkan pertahanan sebelum memasuk Selat Gigi Naga antara Pulau Temasek dan Sentosa. Pada abad ke-14, Orang Laut yang telah menghantar Parameswara ke Singapura telah menetap di Pulau Karimun. [14] Pada tahun 1699, Alexander Hamilton telah mengunjungi Singapura. Pada 1709, seorang ahli pemataan telah mencatat selat di hujung barat Pelabuhan Keppel. [15] Tidak diketahui apakah Stamford Raffles mengetahui tentang peta ini, atau sumber keterangan lain dimiliki Raffles pada tahun 1819 selain daripada Sulalatu's-salatin. Belum diketahui siapa yang telah menciptakan peta ini atau kenapa.

SINGAPURA PADA ZAMAN PRASEJARAH

Zaman prasejarah pulau Singapura merupakan tajuk lain yang belum diperdalam secara sistematis. Dua tapak sudah ditemukan di Singapura yang menghasilkan alat batu dari masa Neolitik yang dikenal dari tempat lain di Asia Tenggara. Salah satu antaranya merupakan Pulau Ubin. Yang kedua bernama Tanjung Karang pada hujung barat Pulau Singapura dekat Tuas. Belum dilakukan kegiatan cari gali, tetapi sebuah tapak lain sudah digali oleh sebuah regu dari Muzium Raffles di bawah pimpinan H.D. Collins. Tapak ini terdapat di pantai selatan Johor di seberang dari Tuas. Lokasi itu telah menghasilkan alat-alat batu dari zaman Neolitik yang berumur sekitar 4000 tahun. Laporan tentang penelitian tersebut tidak pernah diterbitkan tetapi ringkasan penggalian tersebut berhasil ditulis oleh mantan kepala Muzium Raffles. [16] Jadi dapat diperkirakan bahawa Singapura dihuni manusia pada waktu itu. Antara 4000 dan 7000 tahun lalu terdapat kurun waktu yang belum menghasilkan bukti tentang penduduk di Singapura. Tanjung Karang tertutup pada umum sehingga tidak dapat diselidiki.

Selama beberapa dasawarsa masih terjadi perselisihan pendapat antara para peneliti purbakala mengenai lokasi Temasek, Pancur, dan Selat Gigi Naga. Akhirnya teka-teki ini dapat dijawab dengan penelitian berupa penggalian sistematis di Bukit Larangan/ Fort Canning pada tahun 1984. Penelitian selepas tahun itu ditujukan pada penjelasan tentang keadaan di Singapura pada zaman Temasek. Tidak ada pelabuhan lain di Asia Tenggara dari abad ke-14 yang telah diselidiki seluasnya di Singapura. Padahal, belum ada pelabuhan dari abad ke-14 yang lain di Asia Tenggara yang pernah diselidiki oleh para pakar arkeologi. Maka untuk sementara belum ada contoh lain yang dapat dibandingkan dengan Singapura. Jadi sukar untuk mengukur Singapura purba dari segi kekayaan atau kerumitan masyarakat dan ekonominya. Keadaan ini patut disayangkan, sebab sampai sekarang Singapura pada zaman Temasek merupakan satu-satunya lokasi untuk mempelajari bukti bahawa orang Cina menetap di dunia Melayu pada abad ke-14. Sebelum abad ke-13, rupanya orang Cina berjalan keluar dari kerajaan mereka. Semua hubungan dijalankan oleh orang Melayu yang berlayar ke China. Pada abad ke-13, orang Cina mulai mampu membuat kapal dan berlayar keluar dari negara mereka.

Kebanyakan temuan di Singapura terdiri dari benda buatan manusia (artefak) terdiri dari seramik (gerabah, bahan batuan, serta porselin). Kira-kira separuh dari benda seramik ditukar dalam jumlah pecahan berasal dari luar Singapura; separuh yang lain diimport dari negara China. Mulai dari abad ke-9, negara China telah membuat seramik porselin dan bahan batuan (stoneware) khusus untuk dijual di luar negara mereka. Banyak kapal terkandas dari kurun waktu sebelum abad ke-16 telah diangkut oleh kapal Melayu. Bahan batu mahupun porselin ditemukan tersebar luas di Singapura, sehingga dapat disimpulkan bahawa seramik merupakan komoditi murah yang dapat dimiliki oleh semua lapisan masyarakat. Namun ada beberapa jenis porselin yang hanya ditemukan di Bukit Larangan. Kenyataan ini serta beberapa jenis temuan lain merupakan bukti kuat bahawa Bukit Fort Canning pernah merupakan istana raja-raja Singapura pada abad ke-14.

Orang Cina telah tukar seramik mereka untuk memperoleh hasil hutan dan laut yang sangat digemari oleh orang Cina dari golongan atas. Bahan dari laut terdiri dari komoditi seperti timun laut, batu karang, kulit penyu, dan mutiara. Komoditi dari gunung dan hutan termasuk emas, kemenyan, akar bahar, dan jenis kayu wangi lain.

Selain daripada barang eksport China, Singapura telah memperoleh import dari negara lain di Asia Tenggara mahupun Samudera Hindia. Tetapi barang import dari Samudera Hindia kebanyakan terdiri daripada bahan yang tidak mudah awet, seperti kain atau minyak wangi. Maka benda itu jarang ditemukan di tapak arkeologi Singapura.

Dua komoditi eksport khusus dari Singapura ke China menurut Wang Dayuan terdiri dari paruh burung enggang yang digemari di negara China untuk diukir dalam kotak kecil dan kayu hitam (jenis pokok tidak diketahui). Salah satu ciri lain daripada Singapura yang menarik perhatian para pelaut ialah kesediaan air tawar. Sumber air tawar merupakan salah satu keperluan pokok yang jarang terdapat di pantai selat Melaka. Kebanyakan air di kawasan ini bersifat asin. Pentingnya air tawar sudah ketara dari nama Banzu yang dipakai untuk pelabuhan di pinggir sungai Singapura. Dalam laporan Munsyi Abdullah disebut bahawa di lereng barat Bukit Larangan terdapat sebuah sumber air yang disebut Pancur Larangan. Nama ini menunjuk pada tempat mandi para puteri raja Singapura. Pancur ini masih ada pada tahun 1819. Sehingga tahun 1830 pancur ini merupakan sumber air utama untuk semua kapal yang berlabuh di Sungai Singapura. Akhirnya pada tahun 1830 air pancur itu belum mencukupi untuk memenuhi keperluan kota yang terus berkembang pesat. Sejumlah sumur digali di sekitar kaki bukit seperti di kawasan Tank Road. Akibatnya, sumur itu menjadi kering.

Menurut Munsyi Abdullah, gelaran Bukit Larangan diberi kerana pada masa lampau, istana nenek moyang Singapura berada di puncak itu. Pada tahun 1822 menurut John Crawfurd, penduduk Singapura dilarang menaiki bukit itu tanpa izin raja Singapura. Maka William Farquhar telah memesan sejumlah perwira untuk menarik sebuah meriam ke puncak bukit agar menembak sebuah bola meriam. Setelah itu, dianggap larangan itu sudah tidak berlaku lagi. Hutan pada bukit larangan ditebang. Crawfurd telah mendaki bukit itu. Menurut pengamatannya, seluruh lereng barat dan utara tertutup disebabkan bangunan batu bata yang berkualiti tinggi. Sebuah bangunan berukuran 12 meter persegi. Salah satu ditafsirkannya sebagai kuil agama Buddha. Bangunan lain memperlihatkan 14 alas tiang dari batu pasir, mungkin maksud untuk landasan atap kayu. Antara sisa bangunan tersebut, terdapat pecahan porselin dan tembikar lokal tersebar luas, serta mata wang China daripada Dinasti Tang dan Sung (abad ke-7 hingga ke-13).

Di kaki bukit sebelah tenggara (sekarang sekitar Jalan Armenian) terdapat kebun pohon buah-buahan yang diperkirakannya berumur ratusan tahun. Kawasan ini dianggap sisa kebun raja Singapura.

Di sebelah timur laut Bukit Larangan terdapat sebuah sungai air tawar yang mengalir dari Bukit Sophia ke laut melalui sisa padang. Di sebelah tenggara terdapat sebuah tembok tanah yang dipanggil orang Malay Wall. Kalau kita kaitkan dengan laporan Wang Dayuan dan Sulalatu's-Salatin, kemungkinan parit itu merupakan sebahagian daripada pertahanan yang disebut oleh Sulalatu's-Salatin sebagai tembok yang tertutup dan mampu pertahankan kota Singapura terdapat serangan Bhatara Majapahit sehingga dibuka pintunya oleh pengkhianat sehingga orang Jawa berhasil menghancurkan Singapura.

Salah sebuah peninggalan kuno yang disifatkan Crawfurd ialah Batu Singapura di muara Sungai Singapura. Pada waktu itu batu itu belum diledakkan oleh tentera Inggeris, tetapi sudah haus dan aksaranya sukar dilihat.

Maka pada tahun 1820-22 masih banyak peninggalan kuno di Singapura yang mengacu kepada sebuah kota prapenjajahan. Tetapi lama kelamaan peninggalan itu semua hilang. Pada awal abad ke-20 peninggalan itu tidak dikenang lagi kecuali dalam arkib lama. Sebagai akibatnya, para sejarahwan abad ke-20 sudah tidak percaya bahawa pernah ada peninggalan sebelum kedatangan Raffles. Bab tentang Singapura dalam Sulalatu's-salatin dianggap khayalan belaka. Sulalatu's-salatin diandaikan hanya ditulis sebagai cerita untuk menghiburkan para pendengar, tanpa sebutir kebenaran.

SEJARAH ARKEOLOGI DI SINGAPURA

Pada tahun 1984, beberapa orang kakitangan Muzium Nasional Singapura dan Arkib Nasional telah menerima laporan bahawa suatu perubahaan yang dilantik pemerintah telah mengusulkan supaya Bukit Larangan/Fort Canning yang pada waktu itu sepi dijadikan tempat hiburan orang ramai. Sebagai akibatnya, bukit bersejarah akan dijadikan benteng tanah yang sangat berbeza. Kakitangan Arkib Nasional menjadi prihatin, sebab semua kemungkinan untuk menguji hipotesis Raffles dan Crawfurd bahawa bukan salah tetapi berdasarkan atas kenyataan dengan adanya penggalian arkeologi. Maka Muzium Nasional dan Badan Pertamanan Nasional

diminta untuk berkerjasama untuk membentuk sebuah regu untuk melaksanakan projek arkeologi jangka ringkas (10 hari). Dana dicari penaja, dalam hal ini Royal Dutch Shell Petroleum telah setuju untuk memperuntukkan wang sebanyak seribu dolar Singapura. Ini kerana pada waktu itu belum ada seorang pakar arkeologi di Singapura, maka Dr. John N Miksic (pengarang makalah ini) telah diundang datang dari Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia, untuk memimpin projek penggalian tersebut. Dr. Miksic dibantu oleh kakitangan dari Muzium Nasional.

Sepuluh lubang telah digali di Bukit Larangan. Enam daripada lubang itu tidak menghasilkan artefak kuno, tetapi empat kotak di sebelah timur laut Keramat Iskandar Shah secara menakjubkan telah menghasilkan lebih daripada seribu benda dari abad ke-14, termasuk porselin, bahan batuan (stoneware), kedua-duanya dari China yang telah diperbuat pada abad ke-14 persis pada kurun waktu Temasek. Maka dalam waktu singkat kebenaran Sulalatu's-salatin serta laporan Raffles dan Crawfurd terbukti benar. Maka dalam sekejap gambaran bahawa Singapura pada masa prapenjajahan tidak lebih daripada kampung nelayan dan sarang lanun laut terbukti salah. Singapura memang memiliki sejarah 700 ratus tahun. Kota ini tidak didirikan oleh Raffles dan orang Inggeris tetapi oleh orang Melayu.

Masih ramai orang yang tidak percaya bahawa Singapura pernah menjadi pelabuhan dan kota yang penting jauh sebelum zaman penjajahan. Perincian dari perombakan mendasar masih ada dalam proses pembahasan, tetapi sekarang lebih setengah juta artifak ditemukan dalam penggalian secara sistematik sehingga tidak dapat disangkal bahawa Singapura pernah menjadi kota Melayu kuno. Sekarang sudah ada pengalaman 38 tahun dari pengumpulan data, dan penelitian arkeologi terus-menerus dilakukan. Sudah pasti bahawa penelitian ini akan diteruskan selama waktu lama sebelum semua data mengenai prapenjajahan Singapura akan dikumpul. Setelah tahap penggalian sudah selesai, masih banyak dasawarsa akan dihabiskan untuk mempelajarinnya.

Walaupun banyak aspek dari ekonomi Singapura masa lampau masih belum jelas, ada beberapa sudutnya yang sudah diketahui. Pertama, masyarakat Singapura abad ke-14 sudah mengenal wang ratusan keping mata wang China abad ke-12 hingga abad ke-13

ditemukan dalam penggalian di Singapura. Mata wang itu terdapat pada semua tempat di kota Singapura abad ke-14, sehingga menjadi bukti bahawa penggunaan mata wang sangat lazim di sini pada masa prapenjajahan.

Aspek kedua, sisa pengolahan logam ditemukan pada semua tapak di Singapura yang pernah diekskavasi. Oleh sebab bahan baku untuk benda logam tidak terdapat pada pulau Singapura, hal ini menandakan bahawa para tukang Singapura telah mengimport logam timah putih, timah hitam, gangsa, serta emas dari negara tetangga seperti Semenanjung Malaysia, Sarawak, Sumatra, malah hingga Filipina.

Singapura merupakan pusat dari suatu lingkaran timbal balik (Interaction sphere) Kepulauan Riau. Berdasarkan pengetahuan kita, Riau pada masa lampau telah menghasilkan macam-macam hasil laut yang dicari di pasaran China. Namun tidak terdapat bukti bahawa Riau telah menjalin hubungan dagang langsung dengan kawasan lain. Orang Riau telah datang ke Singapura untuk memperoleh barang-barang import dari negara lebih jauh seperti China dan India seperti seramik dan manik-manik kaca. Ternyata adat penguburan orang Riau sangat berbeza daripada Singapura. Sampai sekarang belum ditemukan sebuah kubur pun dari masa sebelum Islam di Singapura. Rupanya penduduk sini tidak menggali liang kubur; mereka telah membakar mayat (cremation). Sedangkan orang Riau telah menguburkan mayat dengan bekal kubur seperti seramik China, perhiasan emas, manik-manik, dan sebagainya. Adat penguburan seperti itu telah diterapkan secara umum di Asia Tenggara pada zaman prasejarah. Setelah menjalin hubungan dengan India, rupanya orang di kebanyakan wilayah seperti dataran rendah telah beralih adat membakar mayat, sedangkan yang lain yang tidak langsung menjalin hubungan dengan India telah mempertahankan adat-istiadat lama.

TAPAK-TAPAK PURBAKALA SINGAPURA

Bukit Larangan/Fort Cannlng

Tapak pertama yang diselidiki di Singapura terletak di lereng timur laut Bukit Larangan/Fort Canning. Pada tahun 1984 dipilih kawasan antara Keramat Iskandar Shah dengan Tanah Perkuburan Agama Kristian. Rupanya orang Inggeris telah menggunakan semula beberapa tempat yang semulanya digunakan untuk tujuan yang sama orang-orang Singapura awal. Rupanya tanah pemakaman itu terpilih sebab dianggap orang setempat sebagai makam Sultan Iskandar Shah pada abad ke-14. Mungkin tapak itu merupakan salah satu dari bangunan batu bata yang disebut oleh Munsyi Abdullah. Pancur Larangan dipakai sebagai tempat pemandian orang Inggeris yang tinggal di benteng Canning. Sewaktu diadakan penggalian, ditemukan beberapa bongkah batu-bata kuno, tetapi sisa bangun lama sudah hilang.

Penggalian yang dilakukan berkali-kali di sana telah menghasilkan bukti bahawa tapak dekat Keramat Iskandar Shah pernah berfungsi sebagai bengkel kerja oleh tukang emas dan peleburan kaca. Yang pertama dibuktikan oleh sisa wadah pelebur dan pecahan emas kecil yang merupakan sisa tukang yang telah jatuh dari meja tukang dan hilang dalam rumput.

Satu meter dari bengkel tukang emas ditemukan suatu konsentrasi arang, nampaknya sisa perapian untuk peleburan emas mahupun kaca. Di sekitar konsentrasi arang tersebut ditemukan ratusan gumpalan kaca yang telah dileburkan, lalu jatuh ke tanah. Di samping gumpalan tersebut, ditemukan ratusan serpihan kaca. Kaca itu jarang ditemukan di mana pun di dunia. Serpihan itu berasal dari botol kecil yang desainnya rumit, dengan garis-garis beranak warna. Pembuatannya telah memerlukan tingkat keterampilan tinggi. Contoh serupa itu belum pernah ditemukan di seluruh dunia kecuali salah satu yang dijumpai di Trowulan, Jawa Timur, lokasi ibu kota dari kerajaan Majapahit. Kerajaan ini mengaku bahawa Temasek merupakan jajahannya pada pertengahan abad ke-14. Temasek ialah nama asli untuk Singapura, yang telah disebut dalam laporan Wang Dayuan. Menurut Sulalatu's-salatin, Temasek merupakan nama lama untuk Singapura yang diubah oleh Sri Tri Buana sewaktu beliau mendirikan negerinya. Seperti gelarannya, Sri Buana, yang telah

menggunakan nama peribadinya Sang Naila Tanam, pergantian ini melambangkan perubahan dari bahasa Melayu menjadi bahasa Sansekerta, yang merupakan bahasa perdagangan internasional. Bilakah nama Singapura telah diciptakan untuk mengacu pada Temasek? Sumber China baru mulai menggunakan nama Singapura pada abad ke-15. Nama Temasek tetap digunakan hingga sekurang-kurangnya tahun 1365. Untuk sementara pertanyaan ini belum dapat terjawab.

Semua benda buatan yang ditemukan di Bukit Larangan berasal dari abad ke-14. Di tapak Singapura lain, terdapat artifak dari abad ke-15 sehingga awal abad ke-17. Rupanya Bukit Larangan memang dikosongkan setelah sebuah serangan sekitar tahun 1400, seperti dilaporkan orang Portugis, sedangkan bahagian lain dari kota tetap dihuni. Gejala ini sesuai dengan perpindahan kuasa dari Singapura sekitar tahun 1396.

Salah satu kenyataan yang mendukung hipotesis bahawa Bukit Larangan pernah menjadi tapak sebuah istana pada abad ke-14 selain bengkel tukang emas dan bangunan-bangunan bata di Bukit Larangan ialah temuan perhiasan emas pada tahun 1928 sewaktu menggali kolam air di puncak bukit. Perhiasan ini termasuk tiga buah anting-anting dan suatu benda yang terdiri beberapa rantai dan muka raksasa kala tidak jauh dari Keramat Iskandar Shah. Perhiasan ini rupanya telah dipakai di lengan bahagian atas. Sebuah perhiasan yang mirip ditemukan pada tali pinggang arca Adityawarman, raja kerajaan Melayu Dharmasraya di Pandang Roco, Sumatera Barat pada tahun 1330-an. Beliau telah menggunakan gelar Maharaja Melayu antara tahun 1330-1374. Perhiasan yang mirip telah ditemukan dari kurun waktu yang sama di Jawa Timur.

Barang temuan lain yang mendukung hipotesis bahawa Bukit Larangan pernah merupakan tapak istana pada abad ke-14 terdiri dari porselin China. Jenis mangkuk dan piring dengan hiasan biru terbuat dari zat kobalt dapat dipertanggalkan antara 1328-1352. Hiasan sejenis juga ditemukan di Trowulan. Rupanya kedua pelabuhan merupakan mitra dagang China yang mustahak. Porselain seperti itu jarang sekali ditemukan di tempat lain. Mungkin jenis ini telah dipesan khusus oleh penduduk Bukit Larangan.

Sebuah benda buatan yang ikut mendukung hipotesis bahawa Bukit Larangan pernah menjadi tapak istana raja ialah sebuah mangkuk yang dihiasai dengan warna hitam. Mangkuk ini pada dasar dalam dituliskan dengan huruf China. Huruf ini mewakili mata angin. Di pusatnya terdapat sebuah karakter yang bererti "menghitung". Pada kurun waktu ini orang Cina telah membuat kompas (alat petunjuk mata angin) dari lempengan gangsa. Contoh ini dari porselin merupakan satu-satunya yang pernah ditemukan di dunia.

Jumlah benda yang ditemukan di Bukit Larangan yang sangat langka termasuk di negara China sendiri mendukung kesimpulan bahawa benda ini dipesan khusus oleh penduduk bukit itu. Conton lain termasuk sejumlah pecahan dari sebuah bantal terbuat dari porselin putih kebiruan yang semula menggambarkan sebuah pentas dengan beberapa pemain yang sedang memberi petunjuk, dan sebuah pedupaan untuk membakar kemenyan, juga terbuat dari porselin putih kebiruan. Mungkin pedupaan dipakai dalam upacara pada sebuah kuil agama Buddha.

Selain dari benda yang diimport dari China, terdapat sebuah gelang tangan dari kaca yang telah didatangkan dari Gujerat, Barat daya India. Benda dari India sangat langka dalam penggalian arkeologi di Singapura; boleh jadi keadaan ini disebabkan oleh kenyataan bahawa kebanyakan barang import dari India mudah lapuk dan hilang, seperti kain.

Sebahagian besar dari benda buatan yang ditemukan di Bukit Larangan terdiri daripada tembikar (benda terbuat dari tanah liat) yang dibuat di Singapura. Pada abad ke-19 dilaporkan bahawa masih terdapat persediaan tanah liat yang sangat sesuai untuk pembuatan tembikar di kawasan Bras Basah. Sekarang kawasan itu telah diubah fungsinya menjadi kampus Singapore Management University. Benda ini terdiri dari berbagai-bagai bentuk yang lazim ditemukan di dapur di kawasan Melayu: kuali, belanga, tempayan, dan sebagainya. Tempayan sering berhiasan pola yang ditera dengan pengalas batu dan tatap kayu, salah satu teknik khas Melayu selama kira-kira 2000 tahun. Teknik dan pola ini pernah ditemukan di Thailand Selatan sampai ujung selatan Semenanjung Melayu, di seluruh pulau Sumatera, Kalimantan Barat, serta Jawa Barat. Ciri-ciri ini memberi dukungan kuat untuk menyimpulkan bahawa benda ini dibuat di Singapura oleh orang Melayu.

Parliament House Complex

Tapak di Parliament House telah digali pada tahun 1995. Penelitian ini merupakan penggalian penyelamatan sebab hanya beberapa bulan telah diperuntukkan untuk projek ini. Penelitian ini telah menghasilan bukti pertama bahawa sisa-sisa kehidupan abad ke-14 hingga abad ke-16 masih dapat ditemukan di dataran rendah di sebelah timur laut dari Sungai Singapura. Lokasi ini juga menghasilkan data mustahak untuk mendukung kesimpulan bahawa tebing timur laut Sungai Singapura telah dihuni pada abad ke-15 hingga abad ke-17, iaitu serentak dengan pendirian kesultanan Melaka serta Johor. Temuan ini juga membuktikan bahawa laporan yang terkandung dalam Sulalatu's-Salatin bahawa Singapura pada abad ke-15 pernah menjadi pangkalan dasar untuk angkatan laut Melaka memang berdasarkan pada kenyataan. Maka masuk akal bahawa Singapura telah ditunjuk sebagai jajahan dari para laksamana, termasuk Hang Tuah. Mungkin salah satu alasan untuk keputusan ini ialah jumlah tenaga orang dengan pengalaman berlayar di kawasan Riau (termasuk Singapura) jauh lebih banyak berbanding kawasan Melaka.

Salah satu kaitan antara Singapura dengan Riau ditemukan di Parliament House. Tanda hubungan ini merupakan sebahagian besar dari kulit seekor penyu. Riau sampai sekarang terkenal sebagai habitat dari macam-macam penyu. Kulit penyu sangat tinggi harganya di China. Pada masa silam kulit penyu dipakai untuk macam-macam fungsi, termasuk pembuatan benda berukir seperti sikat rambut.

Rupanya fungsi utama dari lokasi ini adalah sebagai bengkel tukang gangsa. Banyak tanda pengolahan gangsa ditemukan, seperti terak logam, butir-butir tembaga kecil, kawat dan mata kail, boleh jadi untuk dipakai para nelayan untuk pancing ikan. Hal ini masuk akal, sebab kemungkinan suatu peratusan besar dari masyarakat Singapura zaman dulu telah bekerja dalam bidang ini. Temuan lain terdiri daripada mata wang dalam jumlah banyak. Semuanya berasal dari negara China, kecuali sebuah contoh dari Sri Langka pada akhir abad ke-13. Sudah dianggap bahawa hubungan antara Singapura dengan Asia Selatan telah mencakup Sri Langka selain dari India. Temuan ini ikut mendukung kesimpulan itu.

1998: Empress Place

Projek penggalian yang kedua di tebing utara Sungai Singapura setelah Parliament House Complex dilaksanakan di Empress Place. Seperti diketahui, kawasan di sebelah selatan Sungai Singapura masih merupakan rawa pada waktu orang Inggeris tiba di sini, sehingga tidak dihuni. Penelitian jangka pendek ini dilaksanakan sebab rencana sudah diumumkan untuk mengalihkan fungsi gedung itu menjadi Asian Civilisation Museum. Temuan paling menarik dan luar biasa dari lokasi ini merupakan sebuah arca timah hitam yang bersifat orang lelaki naik kuda bersayap sambil memegang benda memanjang yang tidak jelas. Belum diketahui tempat arca ini dibuat, tetapi tidak di luar kemungkinan bahawa benda itu dibuat di Singapura sebab benda serupa belum pernah ditemukan di tempat lain di dunia. Bahannya terdiri dari timah hitam, yang boleh jadi diimport dari pulau Sumatera.

Selain dari arca ini, ciri khas dari lokasi Empress Place ialah jumlah besar seramik China dari abad ke-15 hingga abad ke-17. Pada abad ke-16, Singapura merupakan jajahan dari laksamana Melaka. Setelah runtuhnya Kesultanan Melaka pada tahun 1511, Singapura telah menjadi sebahagian daripada Kesultanan Johor. Pada abad ke-16, menurut peta da Eredia, seorang Portugis, sampai pada awal abad ke-17 terdapat tempat-tempat bernama Sungai Bedok, Tanah Merah, dan Belakang Mati, nama-nama yang masih terkenal sekarang. Peta tersebut juga mencatat tempat bernama Xabandaria, yang bererti "tempat shahbandar". Tempat ini terdapat di sekitar muara Sungai Singapura.

Pada tahun 1613 Singapura telah diserang oleh tentera Aceh. Pada waktu itu Tun Sri Lanang telah ditangkap dan dihantar sebagai tawanan ke Aceh. Sultan Aceh pada waktu itu, Iskandar Muda sekitar waktu yang sama telah menakluk Kedah di semenanjung serta menculik sekitar lima ribu jiwa dari sana yang dibawa ke Aceh. Keadaannya sangat menyedihkan, menurut orang Inggeris yang sempat menyaksikannya.

Nasib Tun Sri Lanang sangat berbeza daripada orang Kedah. Beliau telah mulai menulis naskhah Sulalatu's-Salatin di Batu Sawar dan setelah di Aceh naskhahnya diselesaikan pada tahun 1614. Jelas Tun Sri Lanang sempat memanfaatkan sumber lain yang lebih tua.

Selama 40 tahun berikutnya ia telah berkhidmat sebagai governor kawasan Samalangga. Mungkin Tun Sri Lanang telah menyebut tempat tertentu di Singapura dalam karangannya sebab ia tetap rindu terhadap Singapura.

Selama dua abad berikut, Singapura hampir dikosongkan penduduk kecuali orang laut yang menetap di perahunya, bukan di darat. Maka, antara kurun 1613 dengan 1811 hampir tidak menghasilkan peninggalan arkeologi sama sekali.

Porselin biru putih di sekitar muara Sungai Singapura membuktikan bahawa orang Singapura masih dapat memperoleh barang import pada akhir abad ke-16. Kesimpulan ini mendukung kesimpulan bahawa pejabat shahbandar yang terdapat pada peta awal abad ke-17 terletak di tebing utara Sungai Singapura, di Empress Place.

Sekitar sepuluh buah piring China yang bertanggal sekitar tahun 1600 telah ditemukan di teluk Kallang pada tahun 1960-an tetapi belum ditemukan sisa peninggalan pemukiman di situ sebelum awal abad ke-19. Mungkin kapal China atau Portugis mencari perlindungan dari angin timur laut di sana atau mencari air atau makanan segar dari penduduk setempat yang mungkin terdiri dari orang laut (orang Kallang) yang menetap di kapalnya di sana, tetapi tidak meninggalkan sisa kehidupan mereka di darat. Jumlah pecahan porselin Ming akhir di tapak Empress Place jauh lebih besar berbanding di Kallang.

Selain dari porselin dan bahan batuan, masih banyak pecahan tembikar dari bahagian lain di Asia Tenggara juga dijumpai di Empress Place. Temuan ini ikut mendukung kesimpulan bahawa pedagang dan pengunjung dari kawasan lain di alam Melayu juga ditemukan di Empress Place. Rupanya Empress Place telah berfungsi sebagai tempat tambatan perahu untuk berbagai-bagai perahu lain dari semenanjung Melayu, Kalimantan, Sumatra dan Jawa. Kemungkin besar Empress Place pada abad ke-14 hingga abad ke-16 merupakan kawasan dermaga, tempat bongkar muatan, pergudangan, dan pusat pentadbiran pelabuhan, termasuk pejabat shahbandar dan laksamana Melaka.

Pada awal abad ke-19, rumah Temenggung Abdul Rahman dibangun di sana. Setelah Singapura diambil alih oleh orang Inggeris, pejabat pelabuhan mereka juga dibangun di situ. Perundangan awal zaman penjajahan terletak di seberang sungai, di rantau yang sekarang bernama Boat Quay, setelah kawasan Chinatown ditimbun pada zaman Raffles dengan tanah yang digali dari sebuah bukit kecil yang semuanya berada di sana.

2000: Colombo Court (sekarang The Treasury)

Tapak ini hanya dapat digali selama waktu singkat kerana keperluan pembangunan gedung baharu. Peninggalan di sini termasuk himpunan seramik yang mirip tapak-tapak lain di jantung kota Singapura sekarang, baik dari China mahupun buatan lokal. Temuan yang menarik dari tapak ini terdiri daripada 52 keping mata wang Nederlandsch Indie. Mata wang ini digunakan di Singapura sehingga sekitar 1860. Temuan dari zaman Temasek termasuk tembikar bergaya Melayu, mata wang China, porselin China dari abad abad ke-14, dan porselin Vietnam dari abad ke-15. Temuan ini membuktikan bahawa tapak ini masih dihuni pada zaman kesultanan Melaka. Temuan lain yang tidak kalah menarik termasuk pecahan dari sebuah patung kecil dan sebuah kendi dari Jawa Timur. Tidak dapat dipastikan apakah patung ini berasal dari abad ke-14 atau abad ke-15, tetapi sudah jelas bahawa Temasek berhubungan dengan pulau Jawa pada zaman Majapahit.

Menurut Sulalatu's-Salatin, Singapura diserang oleh Bhatara Majapahit, dan Sultan Iskandar Shah terpaksa melarikan diri, tetapi menurut sumber China dan Portugis, Singapura pada akhir abad ke-14 dipimpin oleh seorang yang bernama Parameswara. Beliau berasal dari Palembang, diusir dari sana oleh orang Jawa kerana tidak mahu tunduk pada Majapahit. Parameswara melarikan diri ke Singapura. Lalu pemimpin Singapura dibunuh orang yang mendampinginya. Rupanya pemimpin Singapura yang meninggal merupakan menantu dari raja Patani, maka orang Patani berusaha menangkap Parameswara, tetapi beliau berhasil melarikan diri untuk kedua kalinya.

Walaupun sukar menentukan sejarah lengkap, Bukit Larangan tidak dihuni lagi setelah akhir abad ke-14. Namun tebing utara dari Sungai Singapura tetap berpenduduk selama dua abad lagi, sampai kira-kira tahun 1620 Masehi.

2000: Istana Kampung Gelam

Penggalian berikutnya dilakukan pada Istana Kampung Gelam pada tahun 2000. Kesempatan untuk menggali tapak ini telah muncul apabila istana dan tanah di sekelilingnya telah ditunjukkan sebagai tempat untuk dialih fungsinya menjadi Taman Warisan Melayu. Kerana tempoh waktu yang cukup lama diperuntukkan untuk proses perencanaan dan penggalian, telah diputuskan untuk menggali kotak pada keempat-empat sisi bangunan itu, serta sebuah lagi di kebun pohon mangga di sebelah timur gedung istana.

Penelitian terhadap tapak ini menyediakan berbagai-bagai kesempatan luar biasa untuk memperoleh data sejarah yang belum terdapat pada tapak lain. Diperkirakan bahawa Bukit Larangan pernah berfungsi sebagai tapak istana, tetapi tidak ada data sejarah yang kuat untuk mendukung kesimpulan ini. Namun, hipotesis itu didukung oleh data dari sumber arkeologi. Sebab sudah diketahui dari sumber sejarah bahawa Kampung Gelam pasti pernah berfungsi sebagai istana, maka perbandingan antara data arkeologi dari Istana Kampung Gelam dengan Bukit Larangan dapat memberi dukungan atas hipotesis itu.

Pada saat ini, belum ditemukan tapak istana dari abad ke-14 di negara lain di Asia Tenggara, baik di Alam Melayu atau daratan Asia Tenggara. Kalau tapak Bukit Larangan dapat disahkan sebagai tapak istana pada abad itu, maka data tersebut dapat digunakan sebagai tolak ukur untuk menguji kemungkinan bahawa tapak lain juga pernah merupakan tapak istana. Ada beberapa tapak lain seperti Bukit Gombak di Tanah Datar, Sumatra Barat, yang pernah diperkirakan sebagai istana dari kurun waktu yang sama, tetapi kesimpulan itu masih bersifat sementara kerana belum ada tapak lain iaitu data dari sejarah mahupun arkeologi dapat dibandingkan dengan himpunan arkeologi.

Tapak Istana Kampung Gelam sangat kaya dengan peninggalan arkeologi, baik artifak mahupun sisa ekologi seperti kayu, tulang, kerang, dan sebagainya. Deskripsi tertulis tentang gaya kehidupan sehari-hari dalam istana, khususnya pada abad ke-19 jarang sekali ditemukan. Sumber arkeologi merupakan satu-satunya untuk

memenuhi kekurangan ini. Salah satu jenis temuan yang tidak terduga merupakan keanekaragaman artifak dari porselin import, terutama dari Eropah. Telah memberikan suatu gambaran tentang selera penduduk istana akan piring, mangkuk, cawan, dan jenis-jenis lain dari Inggeris, Scotland, Belanda, Perancis, serta Jerman.

Walaupun para kerabat istana nampaknya suka minum teh gaya Inggeris, alat-alat dapur menunjukkan bahawa gaya masak dan menyediakan makanan telah mengikuti gaya Melayu tradisional. Alat dapur seperti belanga dan tempayan telah terbuat di Singapura dan dihiasi dengan pola yang tradisional di alam Melayu yang umurnya ribuan tahun.

Salah satu persamaan dengan Bukit Larangan terdiri sisa pengolahan logam. Di Bukit Larangan terdapat sisa bengkel kerja para pandai emas dan pelebur kaca. Rupanya pandai besi telah bekerja di halaman istana Kampung Gelam. Selain kawasan khusus untuk tukang yang berkhidmat di istana, persamaan lain antara Bukit Larangan dan Istana Kampung Gelam termasuk sumber air. Di lereng selatan Bukit Larangan terdapat Pancur Larangan yang masih mengalir sewaktu orang Inggeris datang; di depan pintu masuk istana Kampung Gelam juga dibangun pancuran air.

Di kaki Bukit Larangan pada kawasan yang kemudian menjadi Jalan Armenia, pada tahun 1822 masih ada pohon rambutan, duku, durian, dan jeruk Bali yang sudah berumur ratusan tahun. Tradisi menyediakan taman oleh raja sudah dikenal di Palembang sejak abad ketujuh (zaman Sriwijaya). Kebun buah-buahan (pokok mangga) masih ada di sebelah timur istana Kampong Gelam pada tahun 2000.

2002: Bras Basah Park

Penggalian singkat dilakukan pada tapak yang sekarang menjadi kampus Singapore Management University. Benda kuno tidak ditemukan di sana, tetapi ini tidak menghairankan; tanah ini terletak di luar benteng tanah yang merupakan batas utara dari pemukiman di Singapura pada abad ke-14 hingga abad ke-16. Menurut sumber Inggeris pada abad ke-19, kawasan Bras Basah merupakan sumber tanah liat yang sesuai untuk pembuatan tembikar. Kemungkinan besar tanah liat itu sudah dimanfaatkan oleh para tukang tembikar Melayu pada abad ke-14 hingga abad ke-16.

2002: Old Parliament House

Tapak ini digali secara cepat kerana gedung tersebut mahu dipulihkan dan dijadikan pusat kesenian. Tanpa diduga, banyak artifak dari zaman Temasek ditemukan di bawah dasar bangunan yang didirikan pada awal abad ke-19 itu. Temuan paling menarik terdiri dari 12 buah botol buatan China yang masih utuh. Hampir semua benda dari zaman Temasek dipakai sampai pecah, lalu dibuang. Jarang sekali ditemukan benda yang masih utuh. Belum diketahui kenapa botol-botol itu seolah-olah sengaja dipendamkan di tempat ini.

2003: Singapore Cricket Club

Tapak ini digali selama dua minggu dalam rangka percubaan untuk mengetahui apakah tapak yang disebut Padang pernah dipakai pada zaman Temasek. Ternyata dugaan tersebut memang betul. Sekali lagi, temuan di situ menunjukkan sisa pengolahan logam, terutama gangsa dan tembaga. Tetapi yang paling menakjubkan ialah temuan di bawah lapisan tanah yang berisi benda buatan abad ke-14. Temuan tersebut merupakan lapisan pasir putih mengkilap. Temuan ini jelas mengingatkan tentang cerita Sulalatu's-Salatin. Menurut cerita, Sri Tri Buana tertarik untuk menyeberang selat antara Bintan dengan Temasek oleh sebab melihat pasir putih. Ternyata bahawa pantai selatan pulau Singapura pada waktu pelabuhan dan kota pertama kali dibentuk memang merupakan pantai berpasir putih. Jadi, sekali lagi kita dihadapi oleh temuan yang membuktikan bahawa penjelasan tentang sifat-sifat Singapura pada masa Temasek bukan khayalan belaka, tetapi berdasarkan atas kenyataan yang sudah terlupa selama ratusan tahun. Setelah didirikan kota Singapura, pasir putih tersebut tertimbun oleh tanah hitam sehingga tidak kelihatan lagi. Penggalian selanjutnya di halaman St. Andrew's Cathedral dan Kampung Gelam menunjukkan bahawa pantai berpasir putih tersebut pernah terbentang sepanjang pantai selatan dari muara Sungai Singapura hingga ke Kampung Gelam. Meskipun pantai putih itu sudah tertutup tanah berwarna hitam dan tidak kelihatan lagi setelah awal abad ke-14, ternyata pasir putih masih teringat dan diceritakan secara lisan selama 300 tahun, sehingga dirakam oleh Tun Sri Lanang pada awal abad ke-17. Malah kenyataan

bahawa Bukit Larangan pernah menjadi tempat tinggal para raja masih diingati pada awal abad ke-19, iaitu 500 tahun setelah istana itu ditinggalkan.

2003-2004: St. Andrew's Cathedral

Tapak ini sempat dijadikan tempat penggalian arkeologi selama tujuh bulan. Jangka waktu agak lama ini menghasilkan sekitar 500,000 buah artefak, baik dari zaman Temasek mahupun masa penjajahan. Kegiatan apa yang dilakukan di sana pada zaman Temasek masih belum diketahui. Tidak banyak sisa yang mengarahkan kepada pengolahan logam atau bahan mentah lain. Kemungkinan kawasan itu pernah merupakan tempat pemukiman, tetapi hipotesis ini belum dapat dipastikan.

Hubungan-Riau-Singapura pada Zaman Temasek

Mungkin para pembaca akan bertanya apakah terdapat tapak lain di kawasan di sekitar pulau Singapura yang juga diduduki pada abad ke-14 atau lebih awal. Satu-satunya tapak yang telah menghasilkan tanda yang menunjukkan keberadaan masyarakat yang milik huruf yang lebih awal dari Temasek ditemukan di pulau Karimun. Pulau ini dapat dilihat dengan jelas kalau kita berlayar ke arah barat dari pulau Sentosa. Di pantai utara pulau ini terdapat pertambangan batu granit yang banyak dieksport ke Singapura untuk memenuhi keperluan akan bahan bangunan. Pada hujung utara tambangan ini dilestarikan sebuah lereng terjal dengan sebuah tembok persegi yang dibuat dari semen. Tembok ini dibuat oleh masyarakat setempat, yang menyebut dirinya sebagai Orang Akit. Mereka dapat dikelompokkan dengan suku lain yang sering disebut Orang Laut. Orang Akit memeluk agama Buddha, tetapi tidak sembahyang pada arca. Kuil mereka merupakan sebuah gubuk dengan atap daun nipah. Suku ini belum dipelajari oleh pakar antropologi. Mereka juga mengaku telah mendirikan tembok semen tadi untuk melindungi peninggalan bersejarah yang dipahatkan pada permukaan batu alam di dalamnya; sebuah prasasti.

Prasasti ini berbahasa Sansekerta yang tertulis dengan huruf Nagari. Huruf ini juga ditemukan di wilayah Bengal dan di pulau Jawa, biasanya untuk tulisan yang terkait dengan agama Buddha. Prasasti pulau Karimun dapat diterjemahkan sebagai berikut: "Ini

adalah bekas telapak kaki Gautama, pengikut Mahayana, pemilik alat bulat." Maksudnya, terdapat beberapa cekungan pada permukaan batu dekat dengan tulisan ini, yang diakui terbuat oleh kaki Gautama. Orang tersebut kemungkinan besar pernah berkuasa di Pulau Karimun. "Alat bulat" mengacu kepada sebuah alat kuno yang biasa dipakai untuk mengamati bintang, "armillary sphere" dalam bahasa Inggeris. Benda itu mungkin diperoleh dari kapal yang lewat, atau dari raja Sriwijaya. Bentuk tulisan ini dapat dipertanggalkan sekitar abad ke-10 hingga abad ke-11. Pada abad ke-13, pulau Karimun disebut sebagai tempat membayar pajak, yang biasanya dikutip oleh kerajaan Melayu yang menguasai pintu selatan dari Selat Melaka. Pada abad ke-11, kekuasaan di kawasan Karimun telah berpindah dari Palembang ke Jambi, tepatnya kerajaan Melayu Dharmashraya.

Pada abad ke-14, musafir Cina Wang Dayuan telah merakam kebiasaan kapal China untuk berkumpul di tepi Pulau Karimun sebelum masuk Selat Gigi Naga. Kebiasaan ini dimaksud untuk mempertahankan dirinya dari bajak laut yang tinggal di sekitar Pulau Sentosa (yang aslinya bernama Belakang Mati).

Sampai sekarang, belum diadakan penelitian mendalam untuk mencari pangkalan lanun laut di Pulau Karimun atau Pulau Sentosa. Pada tahun 1991, diadakan penjajakan Pulau Bintan untuk mencari sisa pemukiman lama. Ternyata penelitian ini berhasil menemukan tapak-tapak di pantai utara dan di tebing Sungai Riau. Tapak-tapak ini menunjukkan bahawa penduduk Pulau Bintan pada zaman Temasek mampu memperoleh seramik China. Tidak menghairankan bahawa dalam Sulalatu's-Salatin, disebut bahawa Bintan sudah merupakan kerajaan sebelum pulau Singapura.

Selain dari pulau Bintan, rombongan arkeologi juga naik kapal untuk berkunjung ke pulau Midai. Pulau kecil ini terletak di antara kawasan Pulau Tujuh dengan Pulau Natuna. Pulau ini diselidiki sebab masyarakat di Tanjung Pinang yang diwawancara melaporkan bahawa di Midai terdapat benda kuno. Pulau kecil ini pada abad ke-19 terkenal kerana banyak penyu menetas di sana. Kulit penyu ini kebetulan sangat digemari di negara China sehingga menjadi monopoli Kaisar.

Ketika berkunjung ke Pulau Midai, masyarakat setempat mengakui telah menggali harta karun dari kuburan lama yang banyak ditemukan di sana. Orang Midai pada masa silam telah menguburkan mayat dengan bekal kubur, termasuk perhiasan emas, manik dan gelang kaca, seramik China, tembikar buatan setempat, sampai kepada perahu lesung kayu. Maka ditafsirkan bahawa pada zaman Temasek, orang Midai dan mungkin Riau pada umumnya, telah pergi ke Temasek untuk menukar hasil dari laut, seperti teripang, mutiara, dan sebagainya, supaya memperoleh barang import yang kemudian dikebumikan dengan kerangka manusia. Kebiasaan ini bertentangan dengan penduduk pulau Singapura pada zaman Temasek. Rupanya orang Singapura tidak menguburkan mayat; mereka memakai sistem pembakaran mayat sesuai dengan adat agama Buddha.

Penelitian di Pulau Midai juga menghasilkan pengetahuan bahawa seramik dari Vietnam juga pernah sampai ke sana. Seramik ini berasal dari zaman Melaka.

Penelitian terbaharu sudah dilakukan di kawasan Natuna. Hasilnya sama: orang Natuna juga menerapkan adat perkuburan dengan bekal kubur, yang terdiri dari benda import. Laporan China dari zaman Melaka menasihatkan supaya tidak mendekati Natuna kerana laut yang ganas dan juga masyarakatnya suka merampas harta.

Penelitian lanjut sangat diperlukan untuk memperdalam hubungan antara Singapura dan kepulauan Riau pada masa lampau. Ternyata bahawa Singapura pernah berfungsi sebagai perantara yang menghubungkan wilayah yang luas di sekitarnya dengan jalur perdagangan jarak jauh. Salah satu temuan yang menarik merupakan perbezaan kebudayaan antara penduduk pelabuhan Singapura dengan masyarakat yang tinggal di kepulauan yang terbentang luas di sebelah selatannya.

PENUTUP

Penelitian arkeologi di Singapura sudah berjalan sejak 1984, tetapi masih banyak kawasan yang belum diselidiki. Misalnya pantai timur laut antara Pulau Tekong dengan Woodlands belum dijangkau para pakar arkeologi. Seorang anggota masyarakat pernah melaporkan

temuan pecahan dua arca gangsa yang bergaya Thailand sekitar abad ke-15. Pada waktu itu, Melaka terpaksa memberi penghormatan kepada raja Ayutthaya; nampaknya orang Siam pernah menyerang Singapura pada abad ke-14, menurut Wang Dayuan. Beberapa pecahan seramik Thailand sudah ditemukan di Bukit Larangan dan tapak-tapak di pinggir utara Sungai Singapura. Kalau wilayah penelitian dapat diperluas pada masa depan, kesempatan untuk menemukan tapak-tapak lain memang ada.

Kesimpulan utama yang dapat ditarik daripada penelitian arkeologi adalah bahawa gambaran lama tentang Singapura pada masa silam sebagai kampung nelayan dan sarang lanun tidak tepat. Singapura pada abad ke-14 mungkin berpenduduk sekitar 10,000 jiwa. Masyarakatnya menggunakan mata wang China dalam pertukaran sehari-hari. Banyak orang berketerampilan dalam bidang pengolahan bahan baku untuk membuat barangan emas, gangsa, tembaga, tembikar, kaca dan timah. Susunan pemerintah sudah cukup canggih, sehingga tenaga dapat diatur supaya membangunkan sarana pertahanan termasuk parit dan benteng tanah, dan tentera yang berhasil menolak serangan armada Siam.

Sekarang Singapura merupakan kota pelabuhan kuno yang paling banyak diteliti di Asia Tenggara. Mudah-mudahan proses penelitian akan terus berlanjut untuk menggali potensi untuk menambah pengetahuan tentang hubungan perdagangan antara Singapura dengan dunia yang luas.

RUJUKAN

Arkeologi Singapura:

Goh Geok Yian & John N. Miksic (2020). The Colombo Court Site Report. Southeast Asian Archaeological Site Reports https://epress.nus.edu.sg/sitereports/colombo DOI: https://doi.org/10.25717/304q-mx31

Goh Geok Yian & John N. Miksic (2021). Site Report on the Fort Canning Dig 2018 (September2–November 4) and Two Subsequent Visits. Southeast Asian Archaeological Site Reports https://epress.nus.edu.sg/sitereports/fortcanning DOI: https://doi.org/10.25717/ngs9-h5qr

Goh Geok Yian & John N. Miksic (2021). The Fort Canning Spice Garden Site Report. Southeast Asian Archaeological Site Reports. https://epress.nus.edu.sg/sitereports/spicegarden DOI: https://doi.org/10.25717/q0b4-byj0

Goh Geok Yian, & John N. Miksic, 2021 The Pulau Saigon Site Report, 1988-1989https://epress.nus.edu.sg/sitereports/pulausaigon DOI: https://doi.org/10.25717/nb67-ng8n

Goh Geok Yian and John N. Miksic, (2021). The St. Andrew's (STA) Preliminary Site Report,2003-2004. https://epress.nus.edu.sg/sitereports/sta DOI: https://doi.org/10.25717/sd70-865c

Goh Geok Yian and John N. Miksic (2022) The Istana Kampung Gelam (IKG) Site: A Preliminary Report, 2000. https://epress.nus.edu.sg/sitereports/ikg DOI: https://doi.org/10.56159/sitereport10

Miksic, John N. (1985). Archaeological Research on the ` Forbidden Hill' of Singapore: Excavations at Fort Canilng, 1984. SIngapore: National Museum.

Miksic, John N. (1986). "Hubungan Thai-Melayu dan perdagangan di Asia Tenggara pada abad ke-15." Kajian Malaysia 4, 2: 19-33

Miksic, John N. (1989). "Beyond the Grave: Excavations north of the Keramat Iskandar Syah, 1988." Heritage No. 10: 34-56

Miksic, John N. (1994). "Recently discovered Chinese Green Glazed Wares of the and Fourteenth Centuries in Singapore and Riau Islands." New Light on Chinese Yue and Longquan Wares: Archaeological Ceramics Found in Eastern and Southern Asia, A.D. 800-1400. Hong Kong: The University of Hong Kong Pp. 229-250.

Miksic, John N. (1995). "Fourteenth Century Chinese Glass Found in Singapore and the Riau Archipelago." South East Asia and China: Art, Interaction and Commerce. London: University of London, Percival David Foundation of Chinese Art and School of Oriental and African Studies. Pp. 252-273. R. Scott and J. Guy. Editors.(Miksic, John N. (2000). "Recent archaeological excavations in Singapore: a comparison of three fourteenth-century sites." Bulletin of the Indo-Pacific Prehistory Association 20: 56-61

Miksic, John N. (2002). "Sebuah arca timah hitam dari Tebing Sungai Singapura." Kumpulan Makalah Pertemuan Ilmiah Arkeologi VIII. Jakarta: Ikatan Ahli Arkeologi Indonesia, Pp. 425-428.

Miksic, John N. (2002). "Thai wares in the islands of Riau Provlnce." Sangkhalok-Sukhothai-Ayutthaya and Asia. Edited by Charnvit Kasetsiri. Samutprakan: Toyota Thailand Foundation. Pp. 147-151.

Pei-kai Cheng, Guo Li, and Chui Ki Wan. (Editors) (2005). "Yuan and Ming Dynasty ceramics excavated in Singapore."Proceedings of the International Conference: Chinese Export Ceramics and Maritime Trade, 12th-15th Centuries. Hongkong: Chinese Civilisation Centre, City University of Hong Kong. Pp. 253-266.

Miksic, John N. (2006). "Recent Archaeological Research in Singapore: New Evidence for Internal Settlement Patterning in 14th-Century Singapore." In Bacus, E., I.C. Glover and V.C. Piggott (eds.) Uncovering Southeast Asia's Past: Selected Papers from the 10th International Conference of the European Association of Southeast Asian Archaeologists. Singapore: NUS Press, Pp. 335-346.

Miksic, John N. (2010). "Temasek to Singapura: Singapore in the 14th and 15th centuries." Karl Hack and Jean-Louis Margolin, with Karine Delaye, Editors. Singapore from Temasek to the 21st Century. Reinventing the Global City. Singapore: NUS Press, Pp. 103-132

Miksic, John N. (2010). "Malays, trade and artefacts in ancient Singapore." Aileen T. Lau and Bernhard Platzdasch, eds., Malay Heritage of Singapore. Singapore: Suntree Media Pte. Ltd., Pp. 32-39.

Miksic, John N. (2011). "Singapore's archaeological heritage: what has been saved." John N. Miksic, Geok Yian Goh, and Sue O'Connor, Editors, Rethinking Cultural Resource Management in Southeast Asia. Preservation, Development, and Neglect. London, New York: Anthem Press. Pp. 217-231.

Miksic, John N. (2013). Singapore and the Silk Road of the Sea 1300-1800. Singapore: NUS Press/National Museum of Singapore.

Miksic, John N. (2017). "Sinbad, shipwrecks, and Singapore." Alan Chong and Stephen A. Murphy, eds. The Tang Shipwreck: Art and Exchange in the 9th Century. Singapore: Asian Civilisations Museum. Pp. 222-237.

Miksic, John N. (2017). "Singapore's maritime heritage." David Boey, ed., A Maritime Force for a Maritime Nation: Celebrating 50 Years of the Navy. Singapore: Republic of Singapore Navy. Pp. 18-21

Miksic, John N. (2017). "Three mountains in Malay history." Lin Shiyun, ed., Dapunta Hyang: Transmission of Knowledge. Singapore: National Arts Council, Pp. 101-122.

Miksic, John N. (2017). "The Archaeology of Singapore." Junko Habu, Peter V. Lape, and John W. Olsen, eds. Handbook of East and Southeast Asian Archaeology. New York: Springer. DOI 10.1007/978-1-4939-6521-2. Pp. 119-123

Miksic, John N. (2018). "Raffles, Archaeology, and the Malay Annals." Tommy Koh and Scott Wightman, eds., 200 Years of Singapore and the United Kingdom. Singapore: Straits Times Press. Pp. 26-37.

Miksic, John N. (2018). "Archaeology, pottery and Malay culture." Passage May-June. Pp. 14- 15.

Miksic, John N. (2019). "Temasek, Singapore, and Modern National Identity Construction." Anthony Webster and Nicholas J. White, eds. SIngapore 200 Years of the Lion City. London: Routledge, Pp. 200-220.

Miksic, John N. (2020). "Malays In SIngapore – from Srivijaya to Raffles." ZaInul Abidin Rasheed, Wan HussIn Zoohri, and Norshahril Saat, Editors, Beyond Bicentennial: Perspectives on Malays. SIngapore: World Scientific, Pp. 83-101.

Miksic, John N. (2021). "SIngapore as a Southeast Asian garden." Passage July-August. Pp. 14-15.

Miksic, John N. (2021). "Arkeologi, Sejarah, dan Keberadaan Hang Tuah." Rida K. Liamsi, Mul Akhyar, Fatih Muftih, and Rendra Setyadiharja, Seminar Internasional: Hang Tuah dan Jejak Sejarahnya. Singkep: Yayasan Jembia Emas bekerja sama dengan Dinas Kebudayaan Provinsi Kepulauan Riau dan Dinas Kebudayaan Kabupaten Lingga. Pp. 89-100.

Miksic, John N. (2022) "Issues and approaches to studying Singapore before 1819." In Kwa Chong Guan, ed., 1819 and Before: Singapore's Pasts. SIngapore: ISEAS Yusof Ishak Institute 2021. Pp. 11-22.

Miksic, John N. (2022). "An Overview of the Early History of Fort Canning Hill." Fort Canning Park: Heritage and Gardens. Singapore: National Parks Board. Pp. 11-19.

Karangan Bersama:

John N Miksic, Yap Choon Teck, Sam Fong Yau Li, dan Kebao Wan 2000 "EDXRF Analyses of Some Yuan Dynasty Artifacts Excavated in Singapore." Keji Kaogu luncong [Kajian Archaeometry] Volume 2. Pp. 228-236

John N. Miksic dan Cheryl-Ann Low Mei Gek 2004 Early Singapore 1300s-1819: Evidence In Maps, Text and Artefacts. Singapore: Singapore History Museum.

Malcolm H. Murfett, John N. Miksic, Brian P. Farrell, dan Chiang Ming Shun. 2010.Between Two Oceans. A Military History of Singapore from 1275 to 1971. Singapore: Marshall Cavendish.

John N. Miksic, Yap Choon Teck, dan Vijiyakumar 1996 "X-Ray Fluorescence Analysis of Glass from Fort Canning, Singapore." Bulletin de l'École Française d'Extrême-Orient 83: Pp. 187-202.

John N. Miksic dan Geok Yian Goh 2021 "Archaeological approaches and possibilities in humanities/social science education in Singapore." Teddy Y.H. Sim and Hwee Hwang Sim, Editors. FieldworkiIn Humanities Education in Singapore. Singapore: Springer, Pp. 155-174.

SULALATU'S-SALATIN:

Brown C.C. (1970). Sejarah Melayu Malay Annals. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Winstedt, R.O. (1938). "The Malay Annals or Sejarah Melayu. The earliest rescension from MS. No. 18 of the Raffles collection, in the Library of the Royal Asiatic Society, London." Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society XVI, III.

DAFTAR GAMBAR: SINGAPURA PURBA DALAM KAITAN DENGAN ALAM MELAYU

Oleh John N. Miksic

1. Peta Singapura dan Alam Melayu. Dari buku Singapore and the Silk Road of the Sea (Singapore: NUS Press, 2013), oleh John N. Miksic; peta dilukis oleh Goh Geok Yian.

2. Tapak Purbakala di Singapura. Dari buku Singapore and the Silk Road of the Sea (Singapore: NUS Press, 2013), oleh John N. Miksic; peta dilukis oleh Goh Geok Yian.

3. Batu Bersurat, sekarang di National Museum of Singapore.

4. Keramat Iskandar Shah, 1984.

5. Jaga Keramat Shah, 1984.

6. Penggalian 1984: Connie Sheares (puteri dari manten Presiden Singapura, pada tahun 1984 seorang kurator di Muzium Singapura), J.N. Miksic.

7. Penggalian 1992: Shah Alam Mohd Zaini (Alm.), Janet Donald (isteri duta besar Inggeris di Jakarta, kemudian Bejing).

8. NS Man, 1984.

9. Keramat Iskandar Shah (kiri) dan tempat temuan emas tahun 1928 (kanan).

10. Keramat setelah dipugar.

11. Tempat pameran terbuka.

12. Pameran Bukit Larangan.

13. Relief dekat tangga dari Hill Street.

14. Pancur Larangan.

ARTEFAK YANG DITEMUKAN DALAM PENGGALIAN DEKAT KERAMAT ISKANDAR SHAH:

15. Tembikar Melayu terbuat di Singapura dengan teknik hiasan tatap berukir. Bahan tanah liatnya mungkin diperoleh dari kawasan Bras Basah.

16. Pedupaan Melayu terbuat di Singapura.

17. Benda ini terbuat di Singapura. Fungsinya tidak dikenal, mungkin untuk dipakai oleh tukang.

18. Perhiasan emas yang ditemukan di antara Keramat Iskandar Shah dan waduk yang dibuat pada tahun 1928, kemungkinan besar dibuat pada tapak yang diselidiki mulai dari tahun 1984.

19. Manik-manik kaca dari China; lebih dari 11,000 ditemukan pada tapak penggalian Bukit Larangan

20. Pecahan botol kaca dari China

21. Pecahan botol kaca dari China

22. Contoh botol kaca China yang utuh, dari abad ke-14, ditemukan di kepulauan Riau

23. Lelehan kaca, limbah dari pengolahan kaca di Bukit Larangan.

24. Pecahan gelang kaca ditemukan pada penggalian Bukit Larangan, dibuat di tempat oleh tukang lokal.

25. Pecahan gelang kaca dari Gujerat, India, ditemukan pada tapak Keramat Iskandar Shah – salah satu tanda luasnya hubungan Singapura pada abad ke-14.

26. Mangkuk China abad 14 dengan tulisan yang menunjukkan mata angin; semacam kompas. Mangkuk ini merupakan satu-satunya kompas porselen yang pernah ditemukan di mana-mana, termasuk China sendiri. Mungkin kompas ini dipesan khususnya oleh raja Singapura.

27. Mangkuk China abad ke-14.

28. Hiasan pada mangkuk China.

29. Cap China pada tempayan

30. Mata wang China yang dipakai dalam kehidupan sehari-hari di Temasek pada abad ke-14 hingga ke-16

TAPAK PARLIAMENT HOUSE COMPLEX (PHC)

31. Pemandangan umum pada tapak penggalian (di bawah tenda berwarna biru).

32. Lapisan abad ke-14 yang padat dengan peninggalan kuno.

33. Kegiatan utama yang dilakukan pada tapak PHC pada abad 14 merupakan pengolahan logam tembaga dan timah untuk keperluan para nelayan seperti mata kail. Tembaga dan timah mungkin diimport dari pulau Sumatera.

34. PHC Kunci tembaga

35. Kepala arca tanah liat, mungkin diimport dari Pulau Jawa pada zaman Majapahit. Sebongkah lelehan besi terlekat padanya.

36. Kulit penyu. Bahan ini biasanya dibawa dari kepulauan Riau, terutama PulauTujuh. Kulit penyu sangat digemari orang Cina untuk pembuatan sikat rambut, perhiasan dan sebagainya. Boleh jadi orang Riau zaman Temasek membawa kulit penyu, timun laut, mutiara, dan sebagainya ke Singapura untuk ditukar dengan orang setempat untuk memperoleh emas, seramik China, kaca, dan kain.

37. Mata wang Sri Lanka, buatan sekitar akhir abad ke-13. Temuan ini menunjukkan keanekaragaman ekonomi Singapura pada abad ke-14.

OLD PARLIAMENT HOUSE (OPH)

38. Botol China, mungkin dipakai sebagai wadah untuk air raksa. Cairan logam ini dipakai dalam pelbagai industri, termasuk untuk pemurnian emas dan ubat.

39. Senjata terbuat dari besi ini ditemukan dalam keadaan sangat berkarat. Bilahnya sangat mirip bilah keris, tetapi mungkin juga dipakai sebagai hujung tombak.

EMPRESS PLACE (EMP)

40. Penggalian pada tapak Empress Place, di antara Asian Civilisations Museum dan tebing Sungai Singapura.

41. Para penggali sedang sibuk mengorek tanah.

42. Keadaan pada penggalian EMP sewaktu air pasang. Penggalian EMP dipersulit kerana kedalamannya mahupun hujan lebat yang menyebabkan banjir.

43. Bibir belanga buatan setempat.

44. Pecahan tembikar lokal dihiasi dengan tatap kayu dan pelandas batu.

45. Gacuk tembikar; penggunaannya belum diketahui.

46. Patung seorang lelaki penunggang kuda yang dibuat dari timah hitam. Satu-satunya patung seperti ini yang pernah ditemukan di dunia. Mungkin patung ini dimaksud untuk mewujudkan Raja Chulan sewaktu pulang ke muara Sungai Singapura setelah menjelajahi kerajaan di bawah Selat Singapura, seperti diceritakan dalam Sulalatus-Salatin. Mungkin dibuat di Singapura.

47. serpihan senjata, mungkin anak panah, terbuat dari gangsa, mungkin oleh tukang pada tapak PHC.

48. Tembikar bergaya Melayu tetapi bahan tanah liatnya bukan dari Singapura. Mungkin dibawa dari Pantai Timur Semenanjung Melayu (Kelantan) atau dari pantai utara Kalimantan (Sarawak, Brunei).

49. Tembikar dari Filipina, mungkin Luzon, menunjukkan luasnya jaringan perhubungan antara Singapura dan kawasan Asia Tenggara lain.

50. Arca anak lelaki dari China.

51. Mangkuk China dari abad ke-15 (zaman Melaka). Tapak EMP banyak menghasilkan temuan dari abad ke-15 dan ke-16, sesuai dengan peta Portugis yang menunjukkan kantor Shahbandar di sekitar muara Sungai Singapura pada pertengahan abad ke-16.

52. Tembikar Muangthai abad ke-15. Tembikar dari Vietnam juga diimport oleh Singapura pada abad ke-15.

53. Mangkuk dari fritware, terbuat dari pasir (bukan tanahliat) di kawasan Teluk Persia, abad ke-15. Ternyata Singapura juga sudah menjalin hubungan dengan Asia Baratdaya pada masa itu.

SINGAPORE CRICKET CLUB (SCC)

54. Penggalian di Padang Singapura.

55. Di luar dugaan, penggalian ini menghasilkan bukti bahawa pada awal abad ke-14, pantai selatan pulau Singapura merupakan pantai berpasir putih, persis seperti diceritakan dalam Sulalatu-s-Salatin. Di bawah lapisan hitam yang penuh dengan peninggalan abad ke-14, ditemukan lapisan pasir putih sekali. Temuan ini ikut membuktikan bahawa penjelasan rinci tentang Singapura yang terdapat dalam Sulalatu-s-Salatin bukan khayalan, tetapi berdasarkan atas kenyataan yang masih teringat pada abad ke-17.

ST ANDREW'S CATHEDRAL (STA)

56. Tapak penggalian St. Andrew's Cathedral

57. Para penggali sedang menapis pasir supaya menemukan benda halus. Di belakangnya terlihat lapisan putih, seperti terdapat pada tapak SCC.

58. Kawat emas, mungkin dibuat di bengkel tukang pada tapak Keramat Iskandar Shah.

59. Arca kecil dari batu. Fungsinya tidak jelas, tetapi kemungkinan dipakai sebagai batu penguji untuk mengukur kemurnian emas.

GAMBAR: SINGAPURA PURBA DALAM KAITAN DENGAN ALAM MELAYU

1.



Singapura dalam Alam Melayu

2.



Tapak arkeologi di Singapura

3.



Batu Bersurat

4.



Keramat Iskandar Shah 1984

5.



Jaga Keramat 1984

6.




1984 Fort Canning j. Miksic bersama Constance She

7.



1991 Shah Alam bersama Lady Janet Donald

8.




Canning NSman

9.



FTC Keramat (kiri) dan tempat temua emas 1928 (kanan)

10.



FTC Keramat dari Sebelah Selatan

11.



FTC Pameran Terbuka

12.



FTC Pameran 2019

13.



Hull St Relief

14.



FTC Pancur Larangan

15.



FTC Tembikar Melayu dengan Hiasan Tatap Berukir

16.



FTC Pedupaan Tembikar Melayu

17.



Alat Tembikar Melayu Fungsinya Tidak Diketahui

18.



FTC Emas Temuan Tahun 1928

19.



FTC Manik-manik kaca China

20.



FTC Serpihan Botol Kaca China

21.




Serpihan Mangkuk Kaca China

22.




FTC Botol Kaca Cina dari Riau

23.



FTC Lelehan Kaca Cina Bekas Peleburan untuk Pembuatan Gelang di Tapak Fort Canning

24.




FTC Hasil Pendauran Ulang Kaca Cina di Bukit Larangan

25.




FTC Gelang Kaca dari India

26.




FTC Mangkuk China Abad ke-14 dengan Tulisan Nama Mata Angin

27.




Mangkuk China Abad ke-14

28.



FTC Hiasan Cap Bunga pada Mangkuk China

29.



FTC Tempayan China dengan Cap

30.




FTC Wang China Zaman Song

31.




Parliament House Complex (PHC) Tahun 1995

32.




PHC Lapisan Tanah Padat dengan Temuan

33.



PHC Alat Tembaga Dibuat di PHC

34.



PHC Kunci Tembaga

35.



PHC Kepala Boneka dari Pulau Jawa

36.



PHC Kulit Penyu

37.



PHC Mata Wang Sri Lanka

38.



OPH (Old Parliament House) Botol Air Raksa

39.



OPH Keris

40.



Empress Place (EMP) pada Saat Penggalian

41.



EMP Penggalian

42.



EMP Air Pasang 26 5 98

43.



EMP Belangah Tembikar Melayu

44.



EMP Tembikar Berhias Tatap Berukir Melayu

45.




EMP Gacuk

46.




EMP Arca Timah Hitam

47.




EMP Mata Panah


48.



EMP Tembikar Melayu Diimport dari Kawasan Sekitar Singapura



EMP Tembikar dari Filipina



EMP Kepala Boneka Buatan China



EMP Mangkuk China Buatan Zaman Melaka abad ke-15



EMP Buatan Thailand Abad ke-15



EMP Pecahan Mangkuk dari Persia Abad ke- 15



SCC Penggalian Padang




SCC Pantai Pasir Putih



St. Andrew's Cathedral (STA) Tapak Penggalian Sebelah Kanan



STA Pasir Putih Sedang Ditapis



STA Kawan Emas



STA Batu Mungkin Batu Uji Emas

MAKALAH 5

Membaca Secara Kritis: Memanusiawi Pendekatan[1]



Dr. Sa'eda Buang
Pensyarah Kanan
Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang

ABSTRAK

Kepentingan membaca kritis untuk membina kemahiran literasi pelajar tidak dapat disangkal, terutama dalam menghadapi pelbagai cabaran dan ketidaktentuan kurun ke-21. Oleh yang demikian, kemahiran membaca bukan sahaja perlu melibatkan pemahaman pelajar, kebolehan membuat renungan, penggunaan dan pelibatan dalam penulisan teks demi membina pengetahuan dan potensi, tetapi juga kecekapan memahami konteks dan keterlibatan dalam masyarakat. Dengan menggunakan pendekatan Literasi Kritis (critical literacy) dan Dimensi Pembelajaran (dimensions of learning), kertas ini mengusulkan bahawa pendekatan membaca secara kritis memperkasakan para pengajar dan pelajar agar sentiasa sedar akan pelbagai konstruk sosio-sejarah dan pengalaman hidup mereka. Sebagai kesimpulan, kertas ini membuktikan bahawa membaca secara kritis sesuai dan wajar dilaksanakan walaupun di peringkat prasekolah, dan oleh sebab itu, ia harus diraikan dan bukan digeruni.

[1] Kertas ini disampaikan di Persidangan Guru & ExCEL Fest 2023 (TCEF 2023), sesi Spotlight, anjuran Kementerian Pendidikan, Singapura, 31 Mei 2023.

PENGENALAN

Membaca pernah diertikan sebagai memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahamkan makna kandungannya (DBP Online, 2017). Namun, ketika ini, dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang amat pesat, kemajuan teknologi informasi yang tidak terbendung, berserta pancaroba kehidupan yang semakin rencam dan mencabar, maka kemahiran membaca dan mencari makna dalam ruang lingkup teks yang dibaca sahaja sudah tidak memadai lagi bagi seseorang pelajar. Oleh yang demikian, kepentingan membaca kritis untuk membina kemahiran literasi pelajar tidak dapat disangkal, terutama dalam menghadapi pelbagai cabaran dan ketidaktentuan kurun ke-21. Ini bermakna kemahiran membaca bukan sahaja perlu melibatkan pemahaman pelajar, kebolehan membuat renungan, penggunaan dan pelibatan dalam penulisan teks demi membina pengetahuan dan potensi, tetapi juga kecekapan memahami konteks dan keterlibatan dalam masyarakat. Ringkasnya, pada masa kini, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif seseorang pelajar harus menjadi nadi yang mengaktifkan kegiatan membaca secara semula jadi dan bukan lagi sesuatu yang menjadi pilihan.

Adakah ini bermakna berfikir secara kritis dan membaca kritis merupakan kemahiran baharu yang datang dari tamadun luar dan yang akan 'membebankan' para pendidik dan pelajar? Jawapannya, jauh sekali. Ingin ditegaskan di sini bahawa berfikir secara kritis bukanlah suatu hal yang baharu lagi asing dalam masyarakat Melayu. Ia sudah lama terpahat dalam istilah 'budi' yang begitu rapat dengan masyarakat Melayu sehingga kini menjadi salah satu identiti masyarakat tersebut.

BERFIKIR SECARA KRITIS & 'BUDI' DALAM PANDANGAN HIDUP MELAYU

Budi berasal dari bahasa Sanskrit buddhi, yang bermakna daya intelek, kepintaran, kebijaksanaan dalam menyelesaikan sesuatu masalah, kesedaran tentang sesuatu, dan hal-hal yang berkaitan dengan pemikiran dan akal (Fitzgerald, 2017: 669). Pengertian 'budi' sebagai kebijaksanaan (wisdom), pertimbangan secara berhati-hati (discretion), pemahaman (understanding), gaya berfikir (turn of mind) dan kebaikan hati (kindness) tercatat dalam

A Malay-English Dictionary yang diusahakan oleh Wilkinson, R. J. (1867-1941). Ini menunjukkan bahawa pengertian sedemikian dimaklumi dan menjadi pegangan masyarakat Melayu lama sewaktu pengumpulan leksikon atau kamus tersebut dibuat. Dalam usahanya untuk menunjukkan keterkaitan yang erat antara proses mental dengan pengaruhnya atas sikap (budi), Asmah Haji Omar (2007) menegaskan bahawa budi bahasa yang merujuk kepada perilaku atau tingkah laku yang baik dari segi gerak-geri, tutur kata dan sikap amat bergantung pada keadaan mental (kognitif) seseorang. Oleh itu budi dikatakan berpunca dari keadaan mental atau kekuatan kognitif dan bahasa penuturnya.

Menariknya, pengertian 'budi' telah berkembang dan dalam pengalaman budaya masyarakat Melayu ia merujuk kepada tiga sfera yang berikut, yakni 1) akal, kebijaksanaan, 2) perangai, akhlak , tingkah laku, kelakuan, serta 3) perbuatan baik, kebajikan (Kamus Dewan Online 2017). Kini, makna dalam sfera kedua dan ketiga lebih dikenali dan digunakan seluas-luasnya dalam wacana Melayu kontemporari sehinggakan makna dalam sfera pertama menjadi asing. Perkembangan semantik ini memberi impak pada jiwa, pandangan hidup, dan tindak-tanduk sosio-budaya dan politik orang Melayu.

Adalah menjadi harapan kertas ini agar pengertian 'budi' yang merujuk kepada daya intelek, kepintaran berfikir dan kebijaksanaan dikuasai dan dikukuhkan kembali, sekukuh dan selazimnya orang Melayu dengan pengertian 'budi' sebagai akhlak atau perbuatan baik. Hal ini perlu dilakukan agar masyarakat Melayu menyedari bahawa berfikir secara kritis dan kreatif yang menjadi aktiviti intelek merupakan amalan basahan masyarakat tersebut. Yang demikian, membaca secara kritis tidak seharusnya menjadi suatu yang asing, sukar dan digeruni, malahan ia seharusnya dialu-alukan secara manusiawi.

Manusiawi bermaksud bersifat kemanusiaan, atau ciri-ciri hidup yang lebih mulia dan sebati dengan sifat serta unsur insan (Kamus Dewan Online 2017). Dalam usahanya mencari bukti-bukti 'manusiawi' dalam ayat-ayat al-Quran, Aksin Wijaya (2011, 224) mengaitkan manusiawi dengan kemanusiaan, hermeneutika dan "humanisme manusia". Manusiawi dianggap sebagai nilai-nilai humanisme manusia yang bersifat universal yang tidak terlembagakan dalam

sebuah aturan normatif dan perundangan (legal). Ia berbentuk ajaran moral yang bersifat abstrak dan universal, seperti hak asasi manusia, keadilan, persamaan darjat, toleransi, dan saling tolong-menolong. Yang demikian, adalah wajar untuk pendidik menerima lalu mengaplikasikan berfikir dan membaca secara kritis kerana ia merupakan kemahiran yang amat kritikal pada ketika ini. Mentelahan pula ia seharusnya menjadi kelaziman dalam masyarakat Melayu yang sudah menjadikan daya intelek dan kebijaksanaan terpahat dalam istilah 'budi' semenjak dahulu lagi. Adalah manusiawi untuk para pendidik meraih kembali kemahiran berfikir ini dalam proses pembelajaran para pelajar sebagai salah satu jati diri masyarakat.

Dalam bahagian seterusnya, kertas ini akan membincangkan teori, faedah dan contoh perancah bagi pendekatan membaca secara kritis di peringkat sekolah rendah dan menengah.

MEMBACA SECARA KRITIS – TUNTUTAN MASA KINI

Berfikir secara kritis merupakan dasar membaca secara kritis. Kaitan keduanya amat erat. Walaupun pada tahun 1990-an Bahktin (1994) dan Gee (1990) tidak menggunakan istilah membaca secara kritis, mereka telah memberikan takrifan yang berbeza daripada takrifan umum 'membaca'. Mereka mentakrif membaca sebagai 'melakukan sesuatu' dan bukan hanya mendengar penerangan dalam teks. Ini bermakna, membaca merupakan satu kegiatan yang aktif dan bukan pasif.

Apakah pula membaca secara kritis? Universiti Leicester (2009) menyenaraikan lima ciri membaca secara kritis, yakni, a) menyelidik bukti atau alasan-alasan yang diberi dalam teks, b) menyiasat sebarang pengaruh di sebalik bukti atau alasan yang diberi, c) memeriksa kekurangan dalam kaedah kajian atau fokus kajian, d) meneliti pelbagai interpretasi yang dibina, dan e) menentukan sejauh mana pembaca bersedia menerima alasan, pandangan dan kesimpulan penulis. Untuk menjadi seorang pembaca yang kritis, pembaca harus menyedari bahawa walaupun sesebuah teks itu dianggap objektif, teknikal atau saintifik, pengarang teks tersebut telah membuat banyak keputusan semasa menulis dan setiap keputusan tersebut wajar diteliti dan dibahaskan, dan bukan hanya diterima dengan membuta tuli. Namun demikian, Universiti Leicester

(2009) menegaskan bahawa membaca secara kritis tidak semestinya hanya untuk mencari kelemahan. Sebaliknya, ia merupakan strategi untuk menilai kekuatan bukti dan alasan sesuatu teks.

Menurut Lea & Street (2006) pula, membaca secara kritis membolehkan pembaca bukan sahaja mendengar/membaca pernyataan dalam teks, tetapi juga menyedari bahawa semua penerangan tersebut dikarang, atau ada pengarangnya yang menulis dengan matlamat tertentu (doing more than simply listening for the propositions expressed in text, but to recognise that these propositions are authored). Di sinilah membaca secara kritis berlaku secara aktif dan di luar ruang lingkup teks, yakni, pelajar dilatih untuk terlibat sama dalam kumpulan wacana yang mempunyai sejarah yang kompleks, budaya, wacana dan cara-cara menjalankan berfikir secara kritis (a discourse community which has a complex history, culture, discourses and ways of "doing" critical thinking). Selain itu, pembaca yang kritis harus menghormati dan cuba mendengar/membaca pandangan penulis dengan fikiran yang terbuka (Zipin & Brennan, 2006), serta terlibat sama berdialog dengan teks secara dinamis, yang akhirnya dapat membina makna dan bukan hanya menerima makna. Ini bererti guru bukan sahaja harus mengajar pelajar membaca untuk memahami idea utama tetapi juga berfikir secara kritis dan secara reflektif semasa membaca.

Kesimpulannya, kemahiran membaca secara kritis akan melahirkan pembaca yang bersiap siaga melalui proses berfikir, cekap membanding, mentaakul, merenung, suka bertanya, berfikiran terbuka, awas akan maksud yang tersurat dan tersirat, dapat mengenal pasti antara fakta dengan kepalsuan, sentiasa menimbang antara fakta dengan pujukan, menyedari apa dan siapa yang tidak diberikan ruang untuk berbicara, dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu pandangan, lalu bersedia membuat keputusan sejauh mana ia bersetuju atau membangkang pandangan penulis, serta bersedia menjadikan teks atau bacaan tersebut sebagai bahan renungan untuk mengenali diri dan dunianya.

MEMBACA SECARA KRITIS DAN PERANCAHAN YANG 'LUNAK'

Wilson (2016) berpandangan bahawa "Pedagogi membaca secara kritis boleh dilakukan dengan pelbagai cara, tetapi

usaha membentuk kecenderungan berfikir secara kritis* (critical disposition) dalam diri pelajar memerlukan perancahan yang lunak atau berhati-hati agar dapat menyokong pembentukan pelajar sebagai pembina makna yang kritis.

Perancahan yang lunak[2] menuntut guru membina kemahiran yang lebih mendalam dan kritis, namun guru sentiasa memastikan pelajar berasa selamat semasa aktiviti membaca dijalankan terutama dalam perbincangan yang melibatkan kepelbagaian budaya di dalam bilik darjah. Melalui perancahan sedemikian pelajar tidak berasa takut atau ragu-ragu, malahan amat yakin untuk menzahirkan pandangan yang menyokong atau menolak sesuatu pernyataan. Dengan ini, kecenderungan berfikir secara kritis dapat dibina dalam diri pelajar. Pelajar yang mempunyai kecenderungan berfikir secara kritis mempunyai ciri-ciri yang amat diperlukan dalam menghadapi kurun ke-21 yang penuh dengan ketidaktentuan. Ciri-ciri yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut, yakni keterbukaan kepada idea baharu, kesediaan untuk mendapatkan informasi sebaik mungkin dan menggunakan sumber yang sahih serta pemerhatian, bersedia mendengar dan menimbangkan pandangan orang lain, berkebolehan untuk mengambil pendirian dan mempertahankannya, dan juga bersedia untuk menangguhkan penilaian apabila sesuai dan menukar pendirian/keputusan sekiranya terdapat bukti dan alasan yang menyokong keperluan sedemikian.

KRITIS MEMBACA: LITERASI KRITIS (CRITICAL LITERACY APPROACH) DAN DIMENSI PEMBELAJARAN (DIMENSION OF LEARNING)

Dua pendekatan yang amat sesuai diterapkan dalam pedagogi membaca secara kritis adalah Literasi Kritis (LK) dan Dimensi Pembelajaran (DP).

LK berteraskan andaian bahawa dunia ini dibina atau dikonstruk untuk tujuan-tujuan tertentu oleh individu, kelompok dan pihak tertentu. Oleh itu, agar dapat membongkar tujuan-tujuan yang tersirat, menurut Janks (2014), LK harus memberi tumpuan ke atas isu-isu kuasa, kelainan dan kepelbagaian, akses, reka


[2] Wilson (2016) menggunakan istilah 'gentle scaffolding'.

[3] Petikan asal berbunyi "Critical literacy work has to pay attention to questions of power, diversity, access and both design and redesign, and to recognize their inter-dependence."

bentuk dan perekaan semula, dan dapat mengenal pasti saling keterkaitan kesemua isu ini[3]. Apabila diaplikasikan dalam pendidikan, LK merupakan pembelajaran membaca dan menulis sebagai sebahagian daripada proses menjadikan pelajar semakin sedar akan pengalamannya yang turut dibina dalam lingkungan hubungan kuasa tertentu (Anderson & Irvine, 1993). Menurut Luke (2000), LK mengalihkan fokus pelajar daripada "dirinya" semasa membaca kepada usaha mentafsirkan teks dalam konteks persekitaran dan budaya yang berbeza-beza. Yang demikian, strategi ini bukan sahaja memberikan guru dan pelajar peluang untuk membaca, menilai dan merenungi isi teks secara mendalam, tetapi juga memberikan mereka peluang melalui proses kreatif dengan membina dan membina semula teks secara aktif. Ringkasnya, LK melatih pelajar melihat dunia dengan waspada dan penuh kesedaran (consciousness), agar mereka bersedia membuat keputusan yang bijak dan menjalani kehidupan dengan pemikiran yang waras, dan adil. Matlamat ini boleh tercapai disebabkan LK mendidik pelajar membuat renungan secara kritis, mengenal pasti "siapa" yang membina sesuatu idea atau wacana, lalu mengkaji lapik-lapik tujuan yang disimpan oleh "siapa" tersebut, dan akhirnya mengambil langkah membetulkan keadaan yang dikenal pasti tidak positif atau tidak seimbang kepada situasi yang lebih harmonis, adil, dan saksama.

Pembelajaran tajaan Robert Marzano (2001) mengajukan model pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berteraskan kepercayaan bahawa proses pembelajaran termasuk membaca secara kritis berlaku apabila adanya interaksi antara lima dimensi pembelajaran, termasuk pemikiran kritis yang tersisip dalam beberapa dimensi. Sila lihat Rajah 1 berikut.

Rajah 1: Dimensi Pembelajaran (Robert Marzano 2001)



Dalam ruang esei yang terbatas ini, hanya Dimensi 3 dan 4 yang berkait rapat dengan pemikiran kritis akan dijelaskan.

Dimensi 3 merupakan P&P yang berfokus pada usaha guru 'melanjutkan dan memperhalusi pengetahuan' pelajar melalui proses berfikir secara kompleks. Dimensi ini, dalam konteks membaca secara kritis, menuntut guru membina kemahiran berfikir dengan memberikan pelajar peluang yang berikut:- a) membuat perbandingan, b) membina klasifikasi, c) mengenal pasti dan membincang yang abstrak – seperti tema atau generalisasi, d) menggunakan daya fikir induksi dengan membina andaian umum atau prinsip berdasarkan informasi atau pemerhatian, e) menggunakan daya fikir deduktif melalui generalisasi dan prinsip tertentu untuk membuat kesimpulan (infer) mengenai sesuatu, f) membina sokongan bagi sesuatu idea, g) menganalisis kesilapan dalam berfikir, dan h) mencerakin pelbagai pandangan terhadap sesuatu isu dan logik (Marzano, 2001). Manakala Dimensi 4 pula menyarankan supaya guru memberi tumpuan pada usaha pelajar 'menggunakan pengetahuan secara bermakna'. Di sini, guru perlu membina kemahiran pelajar yang berikut:- a) membuat keputusan dengan membina dan menggunakan kriteria pemilihan yang sesuai, b) menyelesaikan masalah, c) mengolah sesuatu yang baharu, d) membuat penyelidikan secara eksperimental, e) menjalankan penyelidikan lanjutan dengan mengenal pasti dan menyelesaikan isu yang mengelirukan dan bertentangan, dan f) mencerakin sistem dengan menganalisis bahagian-bahagian sesuatu sistem dan menentusahkan cara bahagian-bahagian ini saling berinteraksi.

Seringkali apabila kemahiran berfikir diperkatakan, lebih-lebih lagi pemikiran kritis, ada tanggapan bahawa kemahiran sedemikian belum sesuai digunakan di peringkat sekolah rendah berdasarkan andaian bahawa pemikiran kritis amat mencabar dan di luar keupayaan pelajar di peringkat tersebut. Andaian sedemikian tidak tepat, dan ini telah dibuktikan oleh kajian kes yang dilakukan di Korea Selatan oleh Kim, S. J. dan Cho, H. (2017).

Kim dan Cho (2017) amat berminat melihat kesan LK ke atas para pelajar Korea Selatan yang dikatakan kurang bertanya, sering mengharapkan arahan serta petunjuk guru, dan jarang mempersoalkan apa yang terdapat dalam teks kerana menganggap teks datangnya daripada pihak yang berwewenang atau sebagai simbol 'kuasa'. Sifat sedemikian dipercayai terbentuk hasil daripada falsafah Confucianism yang diterapkan melalui pendidikan di negara tersebut. Selama setahun, Kim dan Cho telah menyelidiki penggunaan LK di peringkat pra-sekolah yang terdapat 12 orang murid berumur 4 tahun. Dalam kajian tersebut, guru mengaplikasikan LK melalui pembelajaran bacaan dengan menggunakan cerita rakyat atau dongeng (fairy tales) seperti Snow White and the Seven Dwarves, Jack and the Beanstalk, The Ant and the Grasshopper, dan Little Red Riding Hood.

Matlamat penggunaan LK dalam pembelajaran bacaan agar murid dapat memberikan perspektif yang pelbagai dan mempersoalkan pandangan popular dalam teks. Pembelajaran membaca dilakukan dengan mengikuti beberapa langkah yang telah disusun oleh guru. Pertama, guru membacakan cerita dongeng kepada murid. Ini diikuti dengan perbincangan agar murid memahami cerita sebagai langkah kedua. Selanjutnya, (langkah ketiga) guru mengajak murid mengenal pasti 'suara' siapakah yang diketepikan atau disenyapkan dalam cerita dongeng yang dibaca. Langkah keempat, murid diminta memberikan pandangan mereka. Terakhir, atau langkah kelima, murid menulis semula cerita dengan menggunakan perspektif watak atau suara pilihan mereka yang perlu dibela, atau diberikan perhatian. Di peringkat ini, murid diberi pilihan untuk menyampaikan perspektif tersebut melalui tulisan atau lukisan. Menurut Kim dan Cho (2017), kajian ini telah membuktikan bahawa melalui LK murid pra-sekolah dapat dilatih melahirkan sudut pandangan yang pelbagai secara kritis dan aktif melalui pendekatan multimod (multimodality) dan permasalahan sebagai bahan rangsangan. Yang lebih utama, melalui LK murid dapat

berinteraksi secara kritis dengan teks dan memberikan interpretasi mereka yang pelbagai. Beberapa contoh soalan-soalan berteraskan LK yang digunakan oleh guru dalam kajian kes ini terdapat dalam Rajah 2. Perbincangan antara guru dan murid pula terdapat dalam Rajah 3 berikut.

Rajah 2: Contohan soalan-soalan berteraskan LK

Table 1. Examples of critical literacy questions.

Book	Questions
백설공주와 일곱 난쟁이 [Snow White and the Seven Dwarfs]	• Why did the queen hate the princess? • How would the story have been different if the princess was ugly? • How do you feel about the story?
잭과 콩나무 [Jack and the Beanstalk]	• Why did the giant live in a castle in the sky? • How would the giant have felt when he realized that Jack stole his harp? • Jack stole the giant's harp and became rich. What do you think about it?
개미와 베짱이 [The Ant and the Grasshopper]	• Why was the grasshopper singing the song? • How do you feel about the ant's hard work and no play? • How do you feel about the grasshopper's singing and his begging the ant for food?
빨간 모자 [Little Red Riding Hood]	• How would the story have been different if Red Riding Hood met a good wolf? • How do you feel about the wolf's behavior? • Why do wolves always do bad things?

So Jung Kima and Hyesun Chob (2017). Reading outside the box: exploring critical literacy with Korean preschool children.LANGUAGE AND EDUCATION, 2017, VOL. 31, NO. 2, 110 –129

Rajah 3: Perbincangan antara guru dan murid

Perbincangan antara guru dan murid tentang Jack and the Beanstalk.

Teacher: 근데 거인은 왜 굉장기워야 하늘 꼭대기에 살고있었을과? [Why do you think the giant lived in the sky?]

Young: 사람이 물건을 훔쳐갈까봐 [Because he was afraid that somebody would take his stuff.]

Taehee: 무서워하니까 [Because the giant was afraid of people.]

Minsoo: 왜냐하면 사람들이 자기 물건 뺏어가 [Because people could take his stuff.]

Teacher: 아 거인이 소중히 여기는 물건을 뺏어갈까봐 그래 겁이 나서 저기 위에 높이 살고있던거구나. 근데 만약에 거인이 제시 하프랑 닭이 없어진걸 알았을 때 기분이 어땠을과? [I see. So, he lived in the sky because he was afraid that people would take his stuff. Then how would he have felt when he realized that someone had taken his chicken and harp?]

Teacher: 나빴어요 [Bad.]

Minsoo: 너무 슬프고 [So sad.]

Hyun: 상했어요 [Hurt.]

Kajian Kim dan Cho (2017) bukanlah satu-satunya penyelidikan mengenai LK yang dilakukan di Korea Selatan. Cho, H. & Johnson, P. (2020), Jung, H (2021), Rod Pederson (2019) merupakan antara ramai pengkaji yang meneliti penggunaan dan impak LK terhadap pelajar, kurikulum, sekolah dan pendidikan di Korea Selatan. Kajian Kim dan Cho (2017) sengaja diturunkan dalam kertas ini kerana latar budaya

Asia yang mempunyai ciri-ciri pembelajaran di bilik darjah yang hampir sama dengan sikap pelajar di Singapura. Keupayaan LK mengubah sikap yang kurang bertanya dan tidak mahu mempersoalkan teks dalam diri murid-murid prasekolah di Korea kepada sikap gemar berinteraksi dengan teks sehingga dapat membina perspektif atau pengetahuan baharu secara kritis merupakan satu dapatan kajian yang harus direnungi sebagai inspirasi.

Esei ini disertai dengan Lampiran 1 dan 2 yang menghidangkan contohan perancah pembelajaran membaca kritis dengan menggunakan pendekatan Literasi Kritis dan Dimensi Pembelajaran di peringkat rendah dan menengah. Semoga perancah yang disiapkan sebagai satu eksperimentasi di peringkat awal itu dapat memberi sedikit manfaat kepada pembaca, guru dan pelajar.

KESIMPULAN

Membaca secara kritis merupakan kemahiran yang amat diperlukan dalam abad ke-21 dan seterusnya. Hal ini amat disedari oleh kebanyakan negara, dan Korea Selatan serta Singapura adalah antaranya. Limpahan informasi yang sukar dibendung disebabkan kemajuan teknologi dan informasi yang canggih dan luar biasa menyebabkan dunia pendidikan disuguhkan dengan keperluan memperkasakan pelajar dengan kemahiran berfikir kritis sehingga dapat menghadapi, menyaring, menilai dan menentukan mana yang intan dan permata antara kecelaruan informasi kini. Ini merupakan satu tuntutan yang tidak dapat dielakkan oleh pendidik.

Lebih penting lagi dan ibarat setiap anggota tubuh manusia mempunyai hak yang harus dipenuhi, berfikir secara kritis dan membaca secara kritis merupakan hak akal. Hak akal ini harus dipenuhi agar sifat manusiawi dapat dipelihara. Seperti yang telah ditekankan pada awal esei ini, tanggungjawab memelihara dan menjulang berfikir secara kritis dan membaca secara kritis tidak harus menjadi satu bebanan ke atas pendidik dan masyarakat kerana tuntutan berfikir kritis ini sudah lama terpahat dalam 'budi' yang menjadi jati diri masyarakat Melayu.

RUJUKAN

Aksin Wijaya (2011). Hermeneutika al-Qur'an: Memburu Pesan Manusiawi dalam al- Qur'an, Ulumuna, Volume XV, Nombor 2, h. 205-228.

Anderson, G., & Irvine, P. (1993). Informing Critical Literacy with Ethnography, C.Lankshear and P. McLaren (Eds.) Critical Literacy: Politics, Praxis, and The Postmodern. Albany, NY: SUNY Press.

Asmah Haji Omar (2007). Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bakhtin, M (1994). Toward a Reworking of the Dostoevsky Book, Problems of Dostoevsky's Poetics. Minneapolis-London: University of Minnesota Press, 1994, h. 283-302.

Cho, H. & Johnson, P. (2020). "We have to focus on improving our and our next generation's rights!" Exploring critical literacy in a third space for Korean female high school students, Critical Inquiry in Language Studies, Volume 18, Issue 2.

CPDD, MOE (2021), Mother Tongue Languages Syllabus Secondary, https://www.moe.gov.sg/-/media/files/secondary/syllabuses/mtl/2021-secondary-mtl-syllabus.ashx?la=en&hash=B964DDD361ECA31BCABE4A218E0B8703797A4DCB

enGauge 21st Century Skills: Digital Literacies for a Digital Age, https://www.researchgate.net/publication/234731444_enGauge_21st_Century_Skills_Digital_Literacies_for_a_Digital_Age

Fitzgerald, J.L. (2017). A Semantic Profile of Early Sanskrit "buddhi", Journal of Indian Philosophy, Vol. 45, No. 4, Special Issue on Locating Philosophy in the Mahābhārata (September 2017), h. 669-709.

Janks, H. (2014). Doing Critical Literacy – Texts and Activities for Students and Teachers. New York: Routledge.

Jung, H. (2021). Towards Critical Literacy in Korean High School Efl Classrooms: Narrative Inquiry into Teacher Emotions and The Use of Critical Materials, a Phd dissertation. Hawai'i: University of Hawai'i at Mānoa.

Kamus DBP Online (2017). https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=membaca

Kim, S. J. dan Cho, H. (2017). Reading Outside the Box: Exploring Critical Literacy with Korean Preschool Children, Language and Education, v31 n2, h.110-129.

Lea, M. R. & Street, B. V. (2006). The "Academic Literacies" Model: Theory and Applications, Theory Into Practice, 45:4, h. 368-377.

Luke, A. & Dooley, K. (2009). Critical Literacy and Second Language Learning, E. Hinkel (Ed.), Handbook of Research in Second Language Teaching and Learning (Vol II). Routledge, https://www.arts.unsw.edu.au/sites/default/files/documents/LukeDooleyCritical_Literacy_in_SLEDec09.pdf

Marzano, R (et. Al.) (2001). Dimensions of learning. USA: ASCD.

O'Byrne (2018). Defining Critical Literacy in Education, https://wiobyrne.com/critical-literacy/

Reid, A. (2016). Literary Experience and Literature Teaching Since the Growth Model, English in Australia, Vol. 51, Issue 3.

Rod Pederson (2019). A Theoretical Analysis of How Critical Literacy May Support the Progressive Goals of the Korean National Curriculum, English Teaching, Vol. 74, No. 4, h. 51-74.

University of Leicester (2009). What is Critical Reading, https://tcsedsystem.instructure.com/courses/47572/files/7907853/download?wrap=1

Wilkinson, J. R. (1867-1941). A Malay-English Dictionary. Singapore: Kelly & Walsh Limited.


Wilson, K. (2016). Critical Reading, Critical Thinking: Delicate Scaffolding in English for Academic Purposes (EAP https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1871187116301365?via%3Dihub

Zipin, L. & Brennan, M. (2006). Meeting the Literacy Needs of Pre-Service Cohorts: Ethical Dilemmas for Socially Just Teacher Educators. Asia-Pacific Journal of Teacher Education, 34(3), h. 333–351.

Literasi Kritis dan Dimensi Pembelajaran dalam Membaca Secara Kritis: Contoh Perancahan

Bahagian ini mengemukakan contohan pembelajaran membaca secara kritis di peringkat rendah dengan menggunakan pendekatan Literasi Kritis dan Dimensi Pembelajaran. Di tempat-tempat yang sesuai, teori Respons Pembaca (Reader Response) diselitkan untuk menambah keberkesanan sesi perbincangan.

Perancahan Membaca Secara Kritis: Peringkat Rendah Contoh 1



Pelajaran 2: Apa Daya Ana

Mahir Bahasa

Baca teks yang diberikan dan bincangkan.

Sementara di rumah, Ana duduk dan berehat di ruang tamu. Masih terngiang-ngiang cerita yang didengarnya semasa di perpustakaan.

Ibu : Apakah yang sedang Ana fikirkan?

Ana : Ana teringat tentang cerita yang Ana dengar tadi di perpustakaan. Sedih sungguh ceritanya, Ibu.

Ibu : Mengapakah Ana berkata begitu?

Ana : Cerita itu tentang keluarga yang menghadapi **kesempitan**. Ibunya seorang pesakit ginjal yang bekerja sambilan untuk **membiayai** rawatannya. Anaknya pula terpaksa belajar di kelong bila kerana tiada bekalan elektrik di rumahnya.

Ibu : Kasihan keluarga itu. Dahulu, keluarga ibu pernah mengalami nasib yang sama. Pada waktu itu, kami berkeluarga di kawasan perumahan kami yang serba kekurangan.

Ana : Ceritakanlah keadaan pada masa itu, Ibu.

Ibu : Pada waktu itu, Ibu masih kecil. Kami tidak ada banyak kemudahan. Setiap pemilik rumah terpaksa **bergantung** pada cahaya lilin apabila bekalan elektrik terputus. Ibu juga menggunakan lilin untuk membaca buku pada waktu malam.

Ana : Oh, begitu! Sekarang, Ana hanya mengalami keadaan yang seperti ketika *Earth Hour* di sekolah. Ana terpaksan kerana kipas dimatikan.

Ibu : Itulah yang berlaku pada masa dahulu, Ana. Pada waktu itu, kemudahan memang terhad.

MAKNA KATA

kesempitan	keadaan kekurangan wang
membiayai	belanja untuk sesuatu
bergantung	berharap kepada sesuatu

Cekap, BT6B, h. 5

- Pandangan siapakah/pihak manakah yang tidak ditampilkan? Apakah agaknya pandangan pihak tersebut?
- Menurut pelajar, apakah yang harus dilakukan oleh pihak tersebut? (*Critical Literacy Approach*)

•Menganalisis kesilapan dalam berfikir (Pendekatan *Critical Reading*, dan *Dimensi Pembelajaran, Marzano 2001*)

•Adakah punca/sebab keadaan yang ibu hadapi dahulu sama dengan punca kekurangan yang dihadapi oleh Farhan dan ibunya?

- Keterlibatan/ Respons peribadi pelajar.

Pramembaca

- Murid diminta mengimbas teks untuk mencari 'cerita' yang diketengahkan dengan melihat tajuk dan petanda visual.

Membaca

- Murid mendengar atau membaca teks dan memberi fokus pada isi kandungan (keseluruhan cerita, plot) dan/atau aspek tertentu (watak dan perwatakan, latar budaya, nilai) dalam teks.

- Murid memberikan respons awal mereka terhadap teks secara lisan atau tulisan (teori respons pembaca). Sebagai contoh, sikap murid terhadap pengalaman Farhan, dan keadaan ibunya yang sakit ginjal.

- Guru mengajukan soalan - Pandangan siapakah/pihak manakah yang tidak ditampilkan? Apakah agaknya pandangan pihak tersebut? Menurut pandangan murid, apakah yang harus dilakukan oleh pihak tersebut? Soalan ini memberikan murid peluang mengenal pasti perspektif 'siapa' yang tidak diketengahkan, lalu suara/perspektif tersebut diserlahkan (Literasi Kritis).

- Adakah punca/sebab keadaan yang ibu hadapi dahulu sama dengan punca yang dihadapi oleh Farhan dan ibunya? Soalan ini memberikan murid peluang 'menganalisis kesilapan dalam berfikir' (Dimensi Pembelajaran).

- Apakah yang boleh kamu lakukan untuk membantu individu seperti Farhan dan ibunya? Soalan ini memberikan murid peluang dalam aspek 'keterlibatan' (Dimensi Pembelajaran).

Pascamembaca

Contoh 2


Soalan-soalan berteraskan Literasi Kritis (LK) terdapat di sisi gambar berikut. Melalui LK, murid dididik supaya bersikap inklusif, menghargai kepelbagaian, dan sensitif terhadap 'watak' atau 'suara' yang tidak diwakili dalam teks.



Literasi Kritis dan Dimensi Pembelajaran dalam Membaca Secara Kritis: Contoh Perancahan

Bahagian ini mengemukakan contohan pembelajaran membaca secara kritis di peringkat menengah dengan menggunakan pendekatan Literasi Kritis dan Dimensi Pembelajaran. Di tempat-tempat yang sesuai, teori Respons Pembaca (Reader Response) diselitkan untuk menambah keberkesanan sesi perbincangan.

Perancahan Membaca Secara Kritis: Peringkat Menengah


MLE S3 hal. 13-14

PERSURATAN

Baca rujukan komentar ini dengan teliti.

KOMENTAR: Perubahan dasar dan sikap mungkin dapat bantu mencegah penderaan pembantu rumah hijrahan

...

Sejak sekurang-kurangnya 20 tahun yang lalu, perlindungan bagi pembantu rumah asing memerlukan kepihakan dalam kalangan para penggubal undang-undang. Kepihakan itu turut mendorong pihak berkuasa untuk meminda Kanun Jenayah pada 1998 yang berkuat kuasa sehingga ke hari ini.

Para majikan atau anggota keluarga mereka yang melakukan kesalahan terhadap pembantu rumah boleh dikenakan hukuman sehingga satu setengah kali lebih berat.

Langkah sedemikian bertujuan untuk memberikan pencegahan (deterrence) semasa menjatuhkan hukuman: hukuman lebih berat sepatutnya bertindak sebagai langkah pencegahan terhadap mereka yang berhasrat untuk melakukan penyalah.

Namun pada hakikatnya, hukuman penjara yang lebih berat setelah tidak berkesan untuk mencegah penganiayaan oleh majikan terhadap pembantu rumah mereka.

Sebelum polisi boleh diberi ia mula pengalihan, perbuatannya itu perlulah dikesan dan dilaporkan kepada pihak berkuasa terlebih dahulu.

Malangnya bagi kebanyakan kes dera pembantu rumah, mungkinkah mungkin setakat berdiam diri – mungkin kerana ketakutan dan seperti apa yang berlaku dalam kes baru-baru ini. Komunikasi dengan dunia luar disekat oleh majikannya dengan mangsa dikurung atau dirampas telefon bimbitnya.

...

CETUS KATA

penderaan
- perlakuan/sikap penyeksaan

bertanggungjawab
- berkewajiban

berkesan
- berupaya berjaya

pengalihan
- pengalihkan berkenaan undang-undang di mahkamah

KENALI PERSURATAN

Komentar mengulas satu situasi dan berikan fakta tentang sesuatu perkara atau isu. Isu yang dikomentari ini berkaitan pendapat kritikan pendek.

Untuk membaca komentar ini dengan lengkap, lihat pautan (link) https://berita.mediacorp.sg/komentar/komentar-perubahan-dasar-dan-sikap-mungkin-dapat-bantu-mencegah-2388

Para pembantu rumah yang tidak berpuas-hati luar perselisihan kerja mereka adalah mereka yang paling mudah terdedah kepada penderaan, menurut kebanyakan NGO dan agensi pembantu rumah yang ditemui bagi rencana Mediacorp ini.

Faktor-faktor lain termasuk kurang fasih berbahasa Inggeris dan tidak berupaya memundingkan syarat-syarat kontrak untuk menjamin keadaan hidup yang lebih baik.

Seorang pembantu rumah, 26 tahun, berkongsi dengan Mediacorp bahawa rakan-rakan sesegerannya "sakit untuk melawan cakap majikan" dan rumah "tidak fasih bertutur dalam bahasa Inggeris".

Beliau menambah, ramai pembantu rumah berasa kebetulan untuk memiliki bantuan daripada Kementerian Tenaga Manusia (MOM) kerana khuatir akan memburukkan "masalah besar" dan tidak mahu dihantar pulang ketika negara asal mereka masih dilanda krisis politik.

Ada pula sesetengah pembantu rumah lain yang setakat berdiam diri kerana tidak mahu menyusahkan rakan-rakan atau keluarga mereka sendiri.

Kesedaran sesetengah pembantu rumah untuk setakat berdiam diri menggelapkan dilanda kesulitan mungkin menghambat usaha pemerintah dan badan-badan bukan pemerintah untuk membangkitkan para pembantu rumah terserasi pelbagai wadah sedia ada seperti treno buat dengan MOM atau talian-talian bantuan bagi para pembantu rumah hijrahan.

(Dipetik daripada 'Komentar: Perubahan dasar dan sikap mungkin dapat bantu mencegah penderaan pembantu rumah hijrahan' dalam laman berita, terbitan Mediacorp, 2017. Versi asal dan terkini isu kemanusiaan/komentar perubahan dasar dan sikap mungkin dapat bantu mencegah-2388.)

CETUS KATA

NGO
- (Non Government Organisation) Pertubuhan Bukan Pemerintah

dilindungi
- dijaga

mendampingi
- mendekatkan diri dengan

LATIHAN BUKU AKTIVITI

Lengkapkan latihan dalam halaman 50.

Pramembaca

- Pelajar diminta mengimbas teks untuk mengenal pasti isu utama atau 'cerita' yang diketengahkan dengan melihat tajuk dan petanda visual.

Membaca

- Pelajar diminta untuk mengenal pasti tujuan penulis teks. Adakah rencana ini bertujuan untuk menyatakan sesuatu perkara, meyakinkan pembaca, atau mempengaruhi/memujuk pembaca?

Nota: Untuk menjawab soalan di atas, pelajar sudah harus dilatih untuk mengetahui sama ada sesuatu teks itu bersifat informatif (menyatakan sesuatu perkara) atau memujuk. **Teks informatif** termasuk yang memberi penghuraian, laporan mengenai sesuatu informasi, laporan penelitian dan mengenai sesuatu prosedur. Manakala **Teks yang ingin mempengaruhi pandangan pembaca** menggunakan rasional, logika dan pelbagai alasan untuk membuktikan bahawa sesuatu idea itu lebih wajar atau sahih daripada yang lain. Teks sebegini ingin membujuk pembaca agar mengambil sesuatu pendirian atau melakukan sesuatu tindakan. Wahana visual, grafik, multimedia juga boleh digunakan untuk memujuk dan mempengaruhi pandangan pembaca (Literasi Kritis).

- Bagaimanakah teks dan wahana visual atau grafik digunakan untuk menyampaikan tujuan tersebut? (Literasi Kritis)

- Adakah isi dan sumber teks tepat dan logika? (Dimensi Pembelajaran)

- Perspektif siapakah/pihak manakah yang tidak ditampilkan dalam teks? Apakah pandangan tersebut? Apakah andaian kamu tentang sebab pandangan itu tidak disertakan? (Literasi Kritis)

- Apakah keputusan kamu mengenai teks ini dan mengapakah kamu mengambil keputusan tersebut? (Dimensi Pembelajaran)

- Bagaimanakah kamu membina semula teks agar perspektif yang pelbagai dan inklusif dapat diutarakan? (Literasi Kritis)

Pascamembaca

- Pelajar diberi peluang mencari hipoteks (hypertext) atau teks awal yang menjadi sumber atau yang mempengaruhi teks yang dibaca. Latihan ini memberi pelajar peluang membuat renungan terhadap sikap dan keputusannya terhadap teks.

- Atau latihan lain yang dianggap sesuai.

MAKALAH 6

Dinamika Kewartawanan Melayu dalam Arus Perubahan Bahasa dan Budaya Melayu di Singapura



Mohd Raman Daud
Penulis

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menyorot sumbangan kewartawanan Melayu di Singapura sejak zaman penjajahan British sehingga kini. Ia menyusuri kesannya tetapi secara terhad sahaja iaitu pada perkembangan bahasa dan budaya Melayu di Singapura. Turut dikupas peranan dan tugas wartawan, terutama yang dianggap tokoh, dalam membawa kepada perubahan pemikiran masyarakat. Selanjutnya, makalah ini memaparkan trend hari muka media yang bakal mempengaruhi kewartawanan Melayu dalam suasana kosmopolitan Singapura dan pergolakan rumpun Melayu di Nusantara.

Kata Kunci: takrif warta/berita, wartawan dan kewartawanan, jiwa dan jati diri, bahasa, budaya, rumpun, tokoh, teknologi maklumat, cabaran, berita palsu, masa depan

MEMAHAMI 'WARTA'

Hari ini, ramai insan mendapatkan maklumat seperti fakta dan berita daripada telefon bimbit (HP).

Teknologi canggih elektronik telah mengatasi zaman percetakan. Antara lain, kemajuan teknologi digital telah membolehkan berita disampaikan dalam waktu sebenar (real time). Ini sekali gus seolah-olah melegakan 'dahaga' insan akan berita atau warta. Memandangkan kian ramai orang mempunyai akses kepada waktu sebenar berita, maka media cetak menjadi lapuk dan menanggung kerugian sehingga gulung tikar.

Tetapi adakah berita eletronik (e-berita) muktahir boleh dipercayakan atau diandalkan? Kian meluas ledakan fakta palsu terutama untuk tujuan penipuan (scamming), terutama mencuri data untuk menggelapkan wang di bank atau institusi kewangan,

Tentulah hanya berita yang **SAHIH** sahaja boleh diandalkan/ dipercayai atau cakap mudahnya tergolong '**BENAR**' (betul dan tepat) yang disampaikan oleh pembawanya.

Sejak silam, ungkapan 'pembawa berita' menampung pelbagai makna. Kekata 'nabi' (bahasa Arab) bererti pembawa berita daripada Tuhan. 'Nabbaa' bererti berita.

Dalam zaman dahulu, terdapat 'oracle' (kekata Yunani/Greek dan Latin) yang menjadi nara sumber berita masyarakat, iaitu zaman antara 700 SM sehingga 300M di banyak belahan dunia. Ia bermaksud 'peramal' dan lazimnya wanita tertentu yang dipilih oleh tuhan/dewa yang 'menurunkan' nasihat suci untuk disampaikan menerusi mereka.

Lazimnya, nilai berita terletak pada dwiunsur: **penting dan menarik**. Berita diolah menjadi bahan 'ilmu' untuk pelbagai tujuan seperti berkenalan, berinteraksi, berurusan sehinggalah membuat keputusan (seperti menggubal dasar negara).

Maka lahirlah bidang yang disebut pengurusan berita. Ia menjadi profesi atau kerjaya sehingga muncul istilah juruberita yang dipanggil: **wartawan (warta = berita, wan = juru)**

Ilmunya pula dipanggil **kewartawanan** atau jurnalisme. Ia dikatakan mula dipelajari sebagai ilmu di institut pengajian tinggi sejak 1908 di Universiti Missouri. Di Singapura, terdapat enam atau tujuh institusi menawarkan ilmu media dan kewartawanan, termasuk Sekolah Perhubungan Wee Kim Wee (1915-2005; mantan wartawan kanan dengan The Straits Times dan Presiden Keempat Singapura, 1985-1993).

Lazimnya, wartawan di mana jua berada, akan cuba berperanan untuk melaporkan berita dan menghiburkan pembaca. Namun segelintir wartawan mencapai taraf 'tokoh' kerana peribadinya sebagai pejuang dalam mendidik dan menggerakkan masyarakat untuk bertindak.

SEJARAH SINGKAT

Di China, lembaran berita yang dipanggil 'tipao' diedarkan dalam kalangan pegawai mahkamah pada akhir zaman Dinasti Han (206 Sebelum Masihi – 202 Masihi). Wartanya dicetak menggunakan bongkah kayu (wood block).[1]

Warta dalam zaman kerajaan Rom kuno, iaitu Acta Diurna, terbit kira-kira tahun 59 SM. Ia dipahat pada besi dan batu untuk dipamerkan kepada umum.

Antara 713 dan 734 M, Kaiyuan Za Bao (iaitu warta utama mahkamah) telah diterbitkan bagi menampung berita kerajaan Dinasti Tang. Ia merupakan tulisan tangan pada sutera untuk bacaan para pegawai kerajaan. Pada tahun 1582M semasa zaman mutakhir Dinasti Ming, terdapat rujukan yang pertama untuk lembaran berita persendirian yang diterbitkan di Beijing.

Bahan bacaan, termasuk berita, mengalami 'ledakan' sejak tahun 1450 setelah Johannes Gutenberg (1400-1468M) menghasilkan alat cetak jenis alih pertama di Eropah. Beliau telah meneroka inovasi percetakan yang menggunakan matriks dan acuan tangan, penyesuaian pada penekan skru, dakwat berasaskan minyak, dan penciptaan kertas yang lebih lembut dan boleh menyerap.

[1] Encyclopedia Britannica, edisi maya

Selanjutnya, lahir akhbar popular yang pertama dicetak iaitu Relation aller Fürnemmen und gedenckwürdigen Historien (berbahasa Jerman) pada 1605 oleh Johan Carolus di Strasbourg, Jerman.

Akhbar tertua di dunia sehingga kini ialah Gazzetta yang bermula pada 1644M di kota Mantova (1664), Itali.

DUNIA MELAYU

Sarjana setempat, Dr Hadijah Rahmat berpendapat bahawa Abdullah bin Abdul Kadir (@Munsyi Abdullah, 1796-1854M) yang pernah berkhidmat dengan mubaligh Kristian dan Raffles, telah merintis bidang kewartawanan dan percetakan Melayu. Kalangan muridnya telah membangun usaha percetakan kitab agama Islam dan persuratkhabaran Melayu.[2]

Akhbar pertama dalam bahasa Jawa telah diterbitkan di Batavia (kini Jakarta) pada 1855 iaitu Bromatani oleh pengusaha Belanda yang mendapat sokongan raja Jawa Tengah, Mangkunegara. Ia diikuti dengan Surat Kabar Bahasa Melaijoe (selama tiga bulan saja pada 1856M) yang juga milik pengusaha Belanda.

Kemudian bermunculan akhbar bahasa Melayu pasar atau bahasa Melayu rendah di sejumlah kota-kota besar Hindia Timur seperti Seloempret Melaijoe (1860) di Semarang. Namun akhbar yang dinilai 'Melayu' dari segi bahasa, isi dan nilai budayanya di Hindia Timur Belanda (nama lama Indonesia) ialah Medan Prijaji asuhan Tirto Adhi Suryo (1880–1918).[3] Akhbar ini dimiliki sepenuhnya oleh peribumi. Tokoh ini kebetulan kelahiran Blora iaitu kampung halaman, Pramoedya Ananta Toer (1925-2006), sasterawan besar Indonesia. Sosok Tirto, selaku pejuang kemerdekaan, dijelmakan pada watak 'Minke' dalam empat novel besar Pramoedya. Adikaryanya nyaris-nyaris meraih Hadiah Nobel bagi Kesusasteraan.

Akhbar Melayu yang pertama ialah Alamat Langkapuri (AL, Jawi: علامت لڠكڤوري), dwimingguan berbahasa Melayu dan menggunakan

[2] Hadijah Rahmat, Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. Dua Jilid. World Scientific. 2022

[3] Ahmat Adam, Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas. PUKM. 1992

abjad Jawi, yang pernah diterbitkan di Colombo, Sri Lanka, bermula pada Jun 1869. Ia dicetak secara litografi dengan menggunakan abjad Jawi dan berbahasa Melayu.

Baba Ounus Saldin (Ejaan sebenar dari bahasa Arab: Yunus Salahuddin) merupakan penerbit, editor, sekaligus litografer yang mencetak akhbarnya di syarikat Alamat Langkapuri Press. Akhbar ini juga dibaca kalangan masyarakat Muslim di Sri Lanka (Arab: Serandib) kerana kerap menerbitkan kepustakaan Melayu Muslim dan Tamil-Arab.

AL memuat pelbagai berita tempatan dan dunia, dengan disertai syair, pantun, dan berbagai bentuk puisi tradisional lainnya. Meskipun tujuan utamanya adalah bagi tebaran atau diaspora Melayu di Sri Lanka, akhbar ini turut dibaca Nusantara. Ia juga menampung iklan untuk jualan bahan pelajaran berbahasa sastera Melayu dan kamus Melayu-Inggeris. Ada iklannya ditulis dalam bahasa Tamil-Arab.

AL terhenti pada akhir 1870 ekoran merosotnya langganan. Penerbitan dilanjutkan lagi pada 1877, namun akhirnya terhenti dek rugi. Ounus Saldin telah cuba melancarkan Wajah Selong, pada 1895 tetapi kurang berjaya juga.

PERANAN SINGAPURA

Menurut para sarjana seperti Ahmat Adam, Proudfoot[4] dan Roff, Singapura merupakan pusat kecendekiawanan (intelligentsia) Melayu antara 1830 sehingga 1960. Singapura mengatasi kota-kota lain dari segi mewujudkan industri percetakan yang menumbuhkan pula penghasilan bahan bacaan – suratkhabar, buku dan majalah sehingga menarik bijak pandai terutama dari rantau ini. Dari Singapura, terhasil buku agama Islam yang dipanggil 'kitab kuning' (kerana kertasnya berwarna kekuning-kuningan). Selanjutnya muncul industri perfileman sehinggalah muzik Melayu.

Akhbar Melayu pertama di Singapura ialah Jawi Peranakkan (JP, جاوي فرانقن) iaitu akhbar mingguan (1876-1895). Akhbar tulisan jawi yang dicetak di Singapura ini telah diterbitkan pada hari Isnin

[4] Ian Proudfoot, Early Malay printed books: a provisional account of materials published in the Singapore-Malaysia area up to 1920. Academy of Malay Studies and the Library, University of Malaya. 1993

setiap minggu. Ia dirintis dan diasuh sementara oleh cendekiawan Peranakan India, Munsyi Mohammed Ali Al-Hindi dan kemudian berada lama di tangan Munsyi Muhammad Said bin Dada Muhyiddin.

Akhbar ini melaporkan berita dari kepulauan Melayu dan luar negara. Ia juga memetik berita dari akhbar Bahasa Inggeris yang diterbitkan di Negeri-negeri Selat. Bahagian lidah pengarang JP berisi ulasan politik berbentuk kritikan terhadap dasar kerajaan penjajah (rujuk kepada Ahmat Adam: Persuratkhabaran di Nusantara - Satu Sejarah Permulaan, 1994). Akhbar ini dijual dengan harga 15 sen. Memandangkan terdapat kekurangan buku teks Melayu, JP merupakan akhbar Melayu pertama yang digunakan sebagai bacaan di sekolah rendah aliran Melayu di Singapura dan beberapa kawasan di rantau ini.

Antara 1876 sehingga 1941, terdapat 147 akhbar dan majalah Melayu dihasilkan di Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura). Kebanyakan akhbar dan majalah tertumpu di Singapura (68 buah) dan Pulau Pinang (36 buah) dan lazimnya dalam tulisan Jawi.

Kebanyakan pengusaha akhbar Melayu ialah tokoh keturunan Peranakan India dan Peranakan Arab yang sudah menganggap diri mereka sebagai sebahagian rumpun Melayu. Peranakan Cina atau Peranakan Baba juga menerbitkan akhbar dalam bahasa Melayu. Pada tahap awal juga, Baba Peranakan (orang Cina kelahiran rantau ini yang boleh berbahasa dan berbudaya Melayu) turut gigih menerbitkan akhbar, majalah dan buku dalam bahasa Melayu. Antara lain, mereka telah menerbitkan The Straits Chinese Herald (1891) yang menyediakan ruang dalam bahasa Melayu. Muncul pula Bintang Timor yang merupakan akhbar sepenuhnya bahasa Melayu bertulisan rumi terbitan Baba Peranakan pada 1894.

ZAMAN KESEDARAN

Pada 1906, terbit Al-Imam asuhan Syaikh Mohd Tahir Jalaluddin yang kemudian digantikan pula Hj Abbas bin Mohd Taha. Ia dianggap majalah pembaharuan yang dipengaruhi aliran modernisme Islam atau pemikiran kemajuan dari Mesir seperti majalah Al-Manar di Kahirah.

Tiga tokoh penting iaitu Syed Sheikh Ahmad al Hadi, Sheikh Mohd. Salim al-Kalali dan Sheikh Tahir Jalaludin telah menganjurkan dan mendukung penerbitan al-Imam. Mereka digelar "Kaum Muda" dan bergiat menyebarkan fahaman baharu tentang Islam dan sekali gus menentang golongan berfahaman tradisional atau Kaum Tua yang mencampurkan Islam dan amalan tempatan.

Al-Imam diterbitkan dalam tulisan Jawi sebanyak 31 keluaran dari 23 Julai 1906 hingga bulan Disember 1908 di Singapura. Menurut Proudfoot (1992), al-Imam pernah dicetak sebanyak 5,000 naskhah iaitu jumlah pencapaian percetakan tertinggi oleh akhbar Melayu sebelum Perang Dunia II.

Polemik Kaum Muda lawan Kaum Tua berterusan sehingga akhir 1950-an seperti terpapar pada bahas sengit antara tokoh Kaum Muda, Ahmad Hassan (@Hassan Bandung, kelahiran Singapura, 1887-1958 dan penulis tafsir Al-Furqan[5]) dengan tokoh Kaum Tua, Kiai Fadhullah Muhammad Suhaimi, pengasas Madrasah Al-Ma'arif Singapura, wafat 1964)

Sesudah Al-Imam yang bertahan sehingga 1909, muncul pula Neraca yang terbit dwimingguan (1911-1915), diikuti pula dengan Tunas Melayu (1913) dan majalah Al-Islam (1914-1915).

TAHAP KEDUA

Antara 1906-1916, para pengkaji akhbar Melayu seperti Dr Ahmat Adam, berpendapat berlaku perubahan yang lebih ketara – benih kesedaran ke arah kemerdekaan mula tumbuh menyerlah.

[5] Singapura telah melahirkan tiga mufassir atau ahli tafsir Quran iaitu Hassan bin Ahmad (namun selalunya ditulis Ahmad Hassan atau Hassan Bandung), Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (1913-1996) dan Ahmad Sonhadji Mohamad Milatu (1922-2010)

Menurut Roff, pancaran azam menuntut kemerdekaan terpapar pada usaha Mohd Eunos Abdullah (1876-1933), editor akhbar Utusan Melayu (November 1907-1918). Akhbar ini terbitan The Singapore Free Press tetapi bukan dalam bentuk terjemahannya. Ia terbit tiga kali seminggu dalam tulisan Jawi tetapi berita utama dan lidah pengarangnya dalam tulisan Rumi.

Roff menjulang Mohd Eunos sebagai 'Bapa Kewartawanan Melayu' kerana daya rintisnya dalam persuratkhabaran. Eunos pernah memimpin harian, Lembaga Melayu, pada tahun 1914. Beliau juga pencetus dan pemimpin pengasas Kesatuan Melayu Singapura (KMS) pada 1926 di Istana Kampung Gelam. KMS dianggap badan separa-politik pertama di Dunia Melayu dan amat berpengaruh.[6]

Mohd Eunos juga tokoh Melayu pertama menjadi anggota Dewan Perundangan Singapura dan bertanggungjawab membela hak Melayu dengan meminta kerajaan British memperuntuk kawasan petempatan Melayu di Kaki Bukit. Beliau dan rerakannya telah melancarkan skim latihan menerusi Institut Melayu (Malay Institute) untuk meningkatkan mutu kemahiran anak Melayu.

Dalam tahap kedua, akhbar Melayu dikendalikan para pengarang Melayu dan tidak terikat dengan akhbar Inggeris, tetapi masih lagi dimiliki oleh bukan Melayu.

TAHAP KETIGA

Menurut Mark Emmanuel[7], dalam dekad 1930-an sehingga sebelum pecah Perang Dunia II di Asia Tenggara, terdapat banyak penerbitan Melayu, terutama majalah dan akhbar. Tempoh ini dianggap Zaman Emas Persuratkhabaran Melayu. Kebanyakannya berisi pelbagai pandangan (disebutnya sebagai "viewpapers") yang cuba menggugah orang Melayu untuk bangkit membela maruah, menentang penjajah, menimba ilmu dan dan mengejar kemajuan.

Dalam akhir abad ke-19 dan awal ke-20, ternyata para usahawan/pengarang Peranakan India, Peranakan Arab dan Baba

[6] William Roff, The Origins of Malay Nationalism. Yale University Press. 1967

[7] Emmanuel dalam eseinya, Viewspapers: The Malay Press of the 1930s, Journal of Southeast Asian Studies, Jilid 41, No. 1, Symposium on Malay Print Culture (Feb 2010), hal. 1-20 (20 pages), terbitan Cambridge University Press

Peranakan berperanan besar dalam penerbitan akhbar Melayu di Singapura. Namun sejak 1930-an, peranan orang Melayu, terutama yang muda, kian menonjol. Dalam tempoh ini, terpapar 81 majalah dan akhbar di Singapura dan Malaya.

Paling berpengaruh ialah Warta Malaya yang mulai terbit pada 1 Januari 1930 di Singapura. Ia terbitan Warta Malaya Press Ltd, anak syarikat Anglo-Asiatic Press, yang asaskan oleh tiga pengusaha pada 1929 iaitu Syed Hussain bin Ali Alsagoff, adiknya Syed Abdullah dan sepupu mereka, seorang wanita Sharifah Shaikhak. Bertulisan jawi, Warta Malaya bertujuan "menyedarkan orang Melayu akan apa yang berlaku" di dunia dengan menyediakan berita setempat dan asing, termasuk sosial dan agama. Ia mendakwa sebagai akhbar Melayu pertama memanfaatkan khidmat agensi berita dunia.

Akhbar bersaiz kajang (broadsheet) ini bermula 12 muka dan berkembang menjadi 16 dalam tempoh sebulan. Harga asalnya 10 sen dan naik kepada 16 sen mulai 1 Januari 1934 kerana kian laris dan bertambah iklan. Hasilnya, terdapat dua terbitan sampingannya iaitu Warta Ahad (edisi hujung minggu) mulai 1936 dan Warta Jenaka mulai 1936.

Editor pertama Warta Malaya ialah Onn bin Ja'afar. Ia mempunyai ramai wartawan prolifik termasuk Abdul Rahim Kajai dan Yusof bin Ishak.

Lidah pengarang Warta Malaya membincangkan banyak isu yang menjejas hak Melayu seperti pendidikan (sekolah rendah Melayu hanya sampai kelas 7 dan tiada sekolah menengah), keterbelakangan Melayu dalam ekonomi, hak politik dan dan meningkatnya pengaruh bukan Melayu.

Pada April 1941, Warta Malaya dibeli oleh Ibrahim Yaacob (1911-1979), guru dan wartawan serta pemimpin pengasas Kesatuan Melayu Muda yang melaungkan konsep 'Melayu Raya' itu penyatuan seluruh Nusantara (termasuk Filipinan). Beliau telah menyokong peluasan pengaruh Jepun dan bertindak sebagai ejen Tentera Jepun. Dengan dana dari Jepun, Ibrahim membeli Warta Malaya sebagai alat diayah menentang British.

Apabila Singapura jatuh ke tangan tentera Dai Nippon, Warta Malaya hanya diizinkan beroperasi selama beberapa bulan di bawah penyeliaan para pegawai Jepun. Ia ditutup pada 14 Ogos 1942.

Namun para bekas wartawan Warta Malaya terus aktif. Antara lain, ini terpapar pada perjuangan Onn bin Jaafar, editor pertama akhbar Warta Malaya (1930-1941). Beliau pernah menyandang Menteri Besar Johor dan pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno). Setelah berundur dari Umno, beliau menubuhkan parti berbilang kaum yang dipanggil Parti Negara yang tidak dapat bertahan lama.

Mengenang bakti Mohd Eunos Abdullah, KMS amat gigih berusaha menampilkan akhbar, Utusan Melayu yang kedua dari segi dana, perancangan dan kakitangannya merupakan tenaga Melayu sahaja. Akhbar ini mula terbit pada 29 Mei 1939[8] dalam tulisan Jawi di Singapura. Ia diuruskan oleh Yusof Ishak (1910-1970) yang kemudian menjadi Yang di-Pertuan Negara Singapura (1959-1965) dan Presiden pertama Singapura (1965-1970).

Ketua pengarang pertama Utusan Melayu ialah Abdul Rahim Kajai (1894-1943) yang dibantu Ishak Haji Muhammad (Pak Sako, 1909-1991). Pada 1941, tampil wartawan muda, Abdul Samad Ismail (1924-2008), atau lebih dikenali sebagai Pak Samad yang kemudian menjadi timbalan ketua pengarangnya. Pak Samad adalah antara pengasas Parti Tindakan Rakyat (PAP). Beliau juga yang dipertua pertama Persatuan Wartawan Melayu (PWMS) yang diasaskan di Singapura pada 1955.

Abdul Rahim Kajai juga diangkat sebagai 'Bapa Kewartawanan Melayu' oleh kalangan para wartawan terutama dari Utusan Melayu. Beliau telah merintis genre cerpen (cerita pendek) dan menampilkan kartun/komik satira Wak Ketuk oleh Ali Sanat.

---

[8] Tarikh ini diisytiharkan di Malaysia sebagai Hari Wartawan Nasional (@Hawana) sempena penerbitan edisi pertama akhbar Utusan Melayu (UM) pada 29 Mei 1939 di Singapura. Selepas beroperasi selama 80 tahun, UM pernah ditutup pada 2019 tetapi dihidupkan semula pada 2020.

HAWANA dilancarkan pada 11 April 2018 di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE (MECC) Kuala Lumpur bertemakan 'Membela Bangsa, Membina Nasional'. Seramai 1,000 pengamal media dari seluruh Malaysia terlibat dalam sambutan sulongnya. Hawana tidak diadakan selama tiga tahun sejak 2019 hingga 2021.

Setelah meninggalkan Utusan Melayu selaku timbalan ketua pengarangnya, Pak Samad diminta menubuhkan Berita Harian yang dalam tulisan rumi pada 1957 di Kuala Lumpur yang mempunyai edisi Singapura di bawah kelolaan syarikat akhbar Inggeris, The Straits Time Press Ltd yang menerbitkan akhbar The Straits Times di Singapura sejak 1835.

Selepas Perpisahan Singapura-Malaysia pada 1965 dan terhentinya penerbitan Utusan Melayu dua tahun kemudian di sini, Berita Harian menjadi harian tunggal berbahasa Melayu di Singapura sehingga kini. Asuhan Berita Harian yang asalnya berpangkalan dari Kuala Lumpur terhenti pada 1971.

Terdapat juga sejumlah majalah dan akhbar tabloid dalam bahasa Melayu di Singapura seperti Anika (tabloid dwimingguan kelolaan Hussein Jahidin yang terbit antara 1981 hingga 1990) dan tabloid, Arena kelolaan Mohd Ghazali Ismail (mantan Setiausaha Politik Pendidikan) antara 1985-1988.

ELIT MASYARAKAT

Menyusuri sejarah tiga tahap terdahulu, jelas menunjukkan bahawa pada awalnya, persuratkhabaran Melayu telah turut dikendalikan mubaligh Kristian dalam rangka penyebaran agama Kristian. Antara lain, ini melibatkan Munsyi Abdullah yang pernah berkhidmat di Melaka dan Singapura. Misi mubaligh Kristian berlaku di banyak kota di Hindia Timur atau Indonesia.

Namun ternyata mereka gagal kerana keteguhan majoriti rumpun Melayu berpegang pada Islam. Sebaliknya, ilmu percetakan Barat telah diserap dan dikembangkan oleh para usahawan Melayu yang gigih mencetak bahan bacaan Islam yang berbahasa Melayu (tulisan Jawi).

Hakikatnya, peranan akhbar atau wartawan Melayu terus mekar dengan kesedaran menentang penjajahan dan menuntut kemerdekaan tanah air. Apatah lagi telah berlaku peristiwa besar yang dipanggil 'Sumpah Pemuda' pada 28 Oktober 1928 yang berlangsung di Batavia (Jakarta). Ia mengisytiharkan -- sebuah negara Indonesia, sebuah bangsa Indonesia dan sebuah bahasa Indonesia.

Pada peringkat sebelum dan menjelang merdeka, wartawan dianggap antara 'elit' atau cendekiawan Melayu – selain guru, pengarang, usahawan dan profesional Melayu yang lain. Mengapa ini terjadi? Sebabnya jelas dan mudah: pertama-tama, peluang pekerjaan amatlah terbatas bagi orang Melayu, apatah lagi kaum wanitanya. Ini merupakan kesan daripada dasar penjajah British yang cuba 'membataskan' kemajuan peribumi.[9]

Antara lain, pada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III yang berlangsung pada 16-21 September 1956 yang diadakan di Singapura dan Johor Bahru, terpapar peranan wartawan. Misalnya, Abdul Samad Ismail (editor akhbar Utusan Melayu) turut ada dalam gambar para petugas utama kongres di tangga Bangunan Kerajaan Johor, Bukit Timbalan, Johor Bahru.

Selain itu, Kongres ketiga ini mendapat khidmat para wartawan Utusan seperti Asraf Hj Abdul Wahab, Usman Awang (@Tongkat Warrant), Kamaludin Muhammad (@Keris Mas). Mereka juga antara para penulis aktif dari Angkatan Sasterawan '50, badan yang berperanan dalam usaha mengadakan tiga kongres (yang pertama, 1952 di Singapura; kedua, 1954 di Seremban dan ketiga pada 1956 di Johor Bahru dan Singapura).

Jelaslah, tanggungjawab wartawan terhadap bahasa Melayu, bangsa atau rumpun Melayu dan pembangunan negara amatlah ketara. Tugas wartawan bukan setakat melapor dan menghiburkan pembaca, serta 'mendidik, tetapi juga 'menggerakkan' pembaca.

Kehadiran media elektronik bermula dengan radio (sejak 1930-an) turut menarik pelibatan wartawan Melayu. Misalnya, wartawan terkemuka, Othman Kalam (1903-1955) juga pernah berkhidmat dengan Radio Singapura Melayu pada tahun 1941 sehingga menjadi Pemangku Ketua RSM pada 1951. Digelar 'Pakcik Osman', suaranya lirih menyeru para perusuh agar kembali ke rumah masing-masing sewaktu rusuhan berdarah menentang kes Natrah pada 1950.

Erti warta: Yang penting dan menarik untuk diketahui pembaca atau pihak yang berkepentingan.
Peranan wartawan: f (lapor/beritahu, menghibur, mendidik dan menggerakkan)

[9] Syed Hussein Alatas, Myth of the Lazy Natives. Gerakbudaya. 2022

BAHAGIAN KEDUA

KEWARTAWANAN SEBAGAI ILMU/DISIPLIN

Seperti profesi lain, kewartawanan atau jurnalisme telah menjadi 'ilmu yang disusun' atau disiplin demi menjana berita tepat dan bukan berita palsu (fake news). Etika kewartawanan adalah bersandarkan fakta benar lagi sahih (dibuktikan), latihan dari segi mencari dan menyampaikan berita, penguasaaan bahasa dan bersikap profesional tanpa mahu menerima rasuah sehingga berita yang disampaikan tidak mencerminkan ketepatan dan keseimbangan yang saksama.

Dalam Al-Quran, fakta benar amat utama dan sering ditegur oleh Allah, seperti maksud petikan ayat suci berikut:

> *"Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu".*
> (Surah Al-Hujurat: 6)

Oleh itu, kewartawanan menuntut disiplin untuk memeriksa sumber berita, kesahihannya berdasarkan fakta dan latar belakang pemberi maklumat dan orang-orang yang berkaitan. Nama, umur, pekerjaan, kelulusan dan kaitan seorang perlu disahkan sebelum berita dapat disiarkan. Disiplin ini hanya ada pada pihak pengeluar berita yang berwenang. Misalnya, di Amerika Syarikat, akhbar the New York Times dianggap sebuah institusi yang berwenang sehebat Universiti Harvard.

Dari segi pemberitaan, wartawan dilatih untuk menghasilkan laporan yang padat dengan bahasa yang polos (plain language) lagi mudah difahami (easily understood) orang biasa (layman) atau majoriti masyarakat. Maka terbentuk kaedah piramid terbalik iaitu bahagian berita penting terdapat dalam satu hingga empat perenggan. Perenggan selanjutnya sekadar penghuraian lanjut. Terdapat angkujuk kabur (foggy index) yang menilai setiap ayat laporan wartawan. Lazimnya, ayat wartawan hendaklah ringkas – tidak melebihi 15 perkataan dan menggunakan istilah yang dapat difahami orang biasa.

Untuk laporan lebih panjang pula, terdapat cerakinan (analysis/analisis) dan ulasan (komentar/commentary). Analisis merupakan usaha menyelongkar apa di sebalik sesuatu berita atau perkembangan dengan memanfaatkan kajian dan pandangan pakar dari pelbagai latar ilmu atau bidang. Pandangan/komentar boleh dibuat oleh wartawan sendiri atau seseorang pakar – ini dipanggil pojok atau column dan penulisnya dipanggil kolumnis (columnist) atau penulis pojok. Misalnya, Prof Paul Krugman (seorang pakar ekonomi dan bukan wartawan) merupakan kolumnis terkenal di akhbar The New York Times. Ada kalanya wartawan komentar mendapatkan pelbagai pandangan pakar dan membuat kesimpulannya sendiri untuk mauduk isu yang dibincangkan.

Memandangkan jurnalisme melibat pelbagai bidang – dari politik sehingga kesihatan – maka muncullah simbiosis atau kesepaduan iaitu seorang doktor bertindak sebagai wartawan untuk melaporkan berita kesihatan seperti masalah Covid 19 dan sebagainya. Atau peguam menjadi wartawan untuk memberi komentar tentang perubahan pada sistem kehakiman atau tindakan Hakim Besar mengarahkan pejabat pendakwa raya mengikuti kelas ihsan.

Menurut almarhum Hussein Jahidin (1932-2014), mantan wartawan terkemuka Utusan Melayu, editor berita bahagian Melayu bagi Radio dan Televisyen Singapura (RTS) dan editor kedua Berita Harian di Singapura:

"Wartawan perlu menyelami jiwa masyarakat terbanyak – apakah masalah yang mereka hadapi, apakah yang membuat mereka serbasalah. Jika $1 juta diberikan kepada orang Melayu dalam awal 1960-an, adakah mereka tahu memanfaatkannya sehingga duit tadi boleh bertambah atau 'beranak'? Oleh itu, wartawan perlu mendedahkan masalah masyarakat dan menggerakkan pemimpin dan negara untuk mencari huraiannya," hujah beliau.

Beliau tidak menolak konsep 'sensasi' yang digunakan oleh sesetengah akhbar untuk menarik minat pembaca. Namun, yang utama ialah akhbar atau wartawan mesti mendedahkan hal-hal 'benar' yang penting dan menarik untuk menjadi tatapan pembaca.

SALAH TANGGAP

Antara para pemimpin pengasas Singapura yang pernah menjadi wartawan veteran ialah Yusof Ishak (1910-1970), Timbalan Perdana Menteri dan arkitek dasar luar, S Rajaratnam (1915-2006) dan Hj Othman Wok (1924-2017). Di Indonesia, Adam Malek pernah lama menjadi menteri luar dan beliau juga mengasaskan agensi berita, Antara.

Ketokohan wartawan dinilai pada mutu kerjanya dan juga perwatakannya yang jujur lagi berhemah. Ukurtara ini berlaku juga pada semua profesi. Namun dampak pena wartawan atau akhbar (media) pernah dianggap sebagai 'kuasa keempat' (the fourth estate) sejak abad ke-18M iaitu selepas kuasa institusi parlimen, pemerintah dan kehakiman. Ini memandangkan 'pengaruhnya' ke atas setiap lapisan masyarakat.

Oleh itu, terdapat wartawan yang tidak jujur kerana kepentingannya atau kerana disuruh oleh sistem pemerintahan. Karl Marx (1818-1883), pengasas faham komunisme, telah menyatakan bahawa pemerintah tidak wajar sama sekali mengenakan penapisan ke atas kebebasan kewartawanan atau akhbar kerana kelak berita yang tersiar hanyalah berita yang menggembirakan pemerintah saja. Namun, ternyata kebanyakan negara sosialis-komunis amat ketat menapis hebahan maklumat, termasuk di media massa.

Dalam hal ini, terdapat usaha antarabangsa untuk mengenal pasti kebebasan akhbar di seluruh dunia iaitu Press Freedom Index (Angkujuk Kebebasan Akhbar). Pada 2017, Singapura berada di kedudukan 151 daripada 180 negara. Hal ini boleh dirujuk di internet. Tetapi, adakah kebebasan akhbar memastikan berita yang tepat, tepat dan tepat? Hal ini boleh dibahaskan.

KESAN PADA BAHASA

Adakah wartawan wujud kerana bakat alamnya atau hasil latihannya – melalui pengalaman dan pengambilan ilmu? Hal ini boleh dibahaskan.

Wartawan yang dianggap tokoh kerana terpapar pada kerjanya di media – apakah tertonjol ketajaman minda dan penguasaan bahasa yang sangat baik dalam setiap penulisannya.

Di Indonesia, daripada lebih 40 wartawan yang dianggap 'tokoh', tersenarai nama-nama Adam Malik (1917-1984), mantan menteri luar dan pengasas biro berita, Antara; Mochtar Lubis (1922-2004) yang juga seorang sasterawan, Rosihan Anwar (1922-2011, juga seorang sasterawan) sehingga Goenawan Mohamad (1941, pengasas majalah Tempo).

Ada wartawan yang bertindak sebagai sasterawan seperti A. Samad Ismail, Ishak Haji Muhammad dan tentulah, Haron Mohd Amin (@Harun Aminurashid, sasterawan paling prolifik dan pernah mengasuh beberapa majalah dan akhbar termasuk Melayu Raya yang diharamkan British pada 1952 – atas tuduhan mengapi-apikan selepas rusuhan Natrah, pada Disember 1950).

Selain rajin membaca dan mencampuri setiap lapisan masyarakat, wartawan perlu menguasai bahasanya dan menjadi 'tukang kata' dalam mencari istilah baru.

Misalnya, kekata Inggeris 'survival' pernah diterjemahkan sebagai 'kelansungan' atau 'penerusan' sehinggalah muncul kekata 'penakatan' sejak 1985 di Berita Harian Singapura.

Memandangkan Singapura merupakan kota raya kosmopolitan terawal di Asia Tenggara, banyak kekata asing (terutama Inggeris) digunakan. Maka akhbar Berita Harian Singapura telah memanfaatkan kepakaran Cikgu Muhammad Ariff Ahmad (1924-2016) dalam mendapatkan istilah baru yang tidak terdapat dalam Kamus Dewan atau Kamus Dwibahasa, contohnya:

void deck = kolong flat
one man operation bus = bas tabung
surrogate mother = ibu titipbenih
groundbreaking = pembetonan (kemudian digunakan 'pecah tanah')

Bahasa kewartawanan hendaklah ringkas dan mudah. Ia merupakan laras bahasa (language register) tidak sama dengan laras bahasa sekolah, ilmiah dan penulisan kreatif.

Contoh:
Empat orang penumpang turun dari bas => Empat penumpang turun dari bas.

Laras bahasa wartawan perlu menjunjung 'hemat/jimat bahasa' (economy of language). Oleh itu, ia sering menggugurkan 'penjodoh bilangan' dengan alasan ia lewah (redundant). Misalnya, 'penumpang' memang merujuk kepada 'orang tertentu'.

Contoh 'lewah':
Jikalau sekiranya hal ini berlaku di sini => Jika ia berlaku di sini.
Acara itu telah dianjurkan Pusat Bahasa => Acara itu anjuran Pusat Bahasa.

Penulisan kewartawanan terdiri daripada beberapa jenis – wawancara, ulasan, laporan, berita dan rencana. Setiap satu dengan fungsi yang berlainan. Penggunaan laras bahasanya juga agak berbeza antara satu sama lain.

- Penulisan wawancara menjurus pada soal-jawap (Q&A). Setiap pertanyaan yang diajukan mempunyai jawapan hasil daripada temu ramah yang dilaksanakan sama ada secara lisan mahu pun tulisan.

- Penulisan berbentuk ulasan pula ialah penilaian atau pentafsiran yang ditulis berdasarkan perkara yang penting dan perlu diperjelaskan kepada pembaca dan khalayak masyarakat. Ulasan kewartawanan mestilah sahih dan disokong dengan fakta. Fakta perlulah konkrit, tepat dan bersumber.

- Penulisan berbentuk laporan pula ialah pemberitahuan yang jelas tentang sesuatu kejadian dan bukanlah paparan atau luahan perasaan walaupun pendapat peribadi adalah dibenarkan tetapi hendaklah terhad. Cakap mudah, lapor pada apa yang sudah, sedang berlaku dan dijangkakan berlaku. Itu sahaja.

- Penulisan berita pula berbentuk penyataan sesuatu maklumat tentang sesuatu peristiwa yang telah, sedang atau akan berlaku. Terdapat berita yang ditulis berbentuk kontroversi, sensasi dan basi - bergantung pada jenis akhbar.

- Penulisan rencana komentar atau analisis pula ditulis untuk menyatakan buah fikiran yang mampu merangsang minda dan perasaan pembaca. Rencana yang baik diolah berdasarkan ketepatan fakta dan sumber selain menzahirkan pandangan peribadi penulis dalam bentuk cadangan atau hujahan yang relevan.

Kewartawanan perlu menjadikan yang BIASA menjadi LUAR BIASA untuk menarik pembaca. Ini suatu taktik penuh mencabar.

Bahasa wartawan hendaklah tepat dan betul agar dapat difahami dengan mudah. Ini kerana berita digunakan sehingga dalam menggubal undang-undang!

Laras bahasa kewartawanan tidak perlu menggunakan istilah jargon, luahan yang emotif dan ayat yang dramatik. Penerangan yang berlebih-lebihan juga perlu dielakkan dalam penulisan kewartawan agar yang hendak disampaikan benar-benar tepat dan padat.

MEDIA BAHARU

Sejak bersara, saya sering merenung dan memikirkan masa depan masyarakat Melayu dan Singapura sejak peristiwa 11 September 2001 atau 9/11. Sekurang-kurangnya dua perkembangan pesat telah mengubah wajah dunia iaitu kewujudan media sosial seperti Facebook dan era generasi alaf baru (the millennials) yang antara lain, mencetuskan Revolusi Arab (Arab Spring, 2010-2014) dan Revolusi Melur di China (2011).

Di Timur Tengah, antara 17 Disember 2010 sehingga Disember 2012, revolusi tadi tercetus dengan kes bunuh diri Tarek el-Tayeb Mohamed Bouazizi di Tunisia. Kisah pilu dan hampanya disebarkan oleh media sosial para pelajar di negaranya dan di luar negaranya. Ramai pemuda-pemudi Arab yang menganggur dan berdepan dengan pemerintahan yang kurang meyakinkan.

Dalam masa dua minggu saja, pemerintahan Presiden Zine El Abidine Ben Ali ditumbangkan. Ia turut mencetuskan pemberontakan di Mesir dengan membawa kejatuhan orang kuat tentera, Hosni Mubarak dan Muammar Gaddafi di Libya serta perang saudara di Syria.

Hari ini muncul istilah 'citizen journalism' iaitu apabila orang biasa atau rakyat bertindak macam wartawan dengan menghimpunkan kenyataan beserta gambar atau video mengenai pelbagai peristiwa sebelum 'wartawan yang digaji' sempat membuat liputan. Beza wartawan yang digaji dengan wartawan sukarela ini tentulah mutu berita – setakat mana tepat dan adakah dibuktikan?

Kehadiran blog atau ruang peribadi di internet pernah dicap 'goblok' oleh Menteri Penerangan Malaysia, Zainuddin Maidin @ Zam, mantan ketua editor Utusan Melayu. Ternyata beliau tersilap kerana kalah dalam pilihan raya! Hal ini berlaku apabila terdapat kesangsian terhadap media arus perdana yang terkongkong, maka lahirlah media baharu di internet seperti Malaysiakini.

Perkembangan media digital memang telah menjejas media cetak yang kian pupus bak dinosaur. Mentelah timbul dakwaan bahawa banyak pokok perlu ditumbangkan untuk dijadikan kertas. Hal ini menjejas alam sekitar. Hakikatnya, setakat manakah generasi muda kini suka membaca media untuk mendapatkan berita daripada wartawan?

Kewartawanan menjadi lebih penting tetapi kurang mantap, menurut laporan baharu yang mengenal pasti lima trend tentang masa depan kewartawanan dan potensi kesannya terhadap masyarakat.

Menurut Laporan Institut Reuters, ada lima perkara yang semua orang perlu tahu tentang masa depan kewartawanan, menyerlahkan risiko yang ditimbulkan oleh ketidaksamaan maklumat yang semakin meningkat, model perniagaan kewartawanan yang bergelut dan peranan platform media sosial.

Ia juga menggariskan bahawa media digital mendorong lebih banyak diet berita yang pelbagai dan berpendapat bahawa, walaupun menghadapi cabaran, kewartawanan terbaik adalah lebih baik daripada sebelumnya.

Dengan teknologi canggih, terutama kehadiran kecerdasan buatan atau AI, maka berlaku perubahan pada cara orang mengakses berita, transformasi dalam kewartawanan profesional dan perniagaan berita, serta mengubah persekitaran politik di beberapa bahagian dunia.

Lima perkara yang semua orang perlu tahu tentang masa depan kewartawanan:

- Kini zaman organisasi media sudah menjadi penjaga pintu kepada dunia iaitu media masih mencipta agenda berita, tetapi syarikat platform (seperti Google, Microsoft dll) mengawal akses kepada khalayak

- Perpindahan ke media digital mendorong orang ramai ke lebih banyak sumber maklumat yang rencam, termasuk daripada blog peribadi.

- Kewartawanan sering kalah dalam perjuangan untuk menarik perhatian orang ramai dan di sesetengah negara untuk 'diyakini' orang ramai

- Model perniagaan yang membiayai berita telah dicabar. Ini melemahkan kewartawanan profesional dan menjadikan media berita lebih terdedah kepada tekanan komersial dan politik.

- Berita kini lebih pelbagai berbanding sebelum ini. Kewartawanan kian memikat pelbagai lapisan masyarakat daripada ahli politik paling berkuasa kepada syarikat swasta terbesar.

Laporan Institut Reuters berpendapat bahawa lima aliran ini akan berlaku - dengan variasi disebabkan oleh konteks budaya, ekonomi, politik dan sosial - di seluruh dunia pada tahun-tahun akan datang.

HARAPAN

Menurut Pendeta Dr Hj Muhammad Ariff Ahmad (@MAS, 1924-2016), selagi orang Melayu sedar akan dirinya 'Melayu', maka dia akan cenderung untuk membaca bahan Melayu, termasuk berita Melayu. Begitulah dengan orang Melayu Singapura yang perlu sedar akan dirinya sebagai 'peribumi' (menurut Perlembagaan Singapura) dengan Bahasa Kebangsaan merupakan bahasa Melayu dan ikatannya dengan Lautan Rumpun Melayu, Asia Tenggara.

Dari segi Islam, semua insan berasal daripada satu iaitu Nabi Adam, yang telah beranak-pinak menjadi kabilah, puak, kaum dan negeri (Quran Surah Al-Hujurat, ayat 13). Dari segi kajian antropologi pula, orang Melayu dikenali sebagai satu daripada empat cabang keturunan manusia selain Mongoloid, Kakausoid dan Negroid).

Namun, tegas Dr MAS, orang Melayu kian merujuk kepada sebuah rumpun yang wujud dan berkembang dalam tempoh yang panjang. Telah terdapat kawasan dinamakan Sungai Melayu di Jambi, Sumatera. Dari sinilah muncul sebuah kerajaan Melayu yang kemudian dikalah dan diserapkan ke dalam Empayar Sriwijaya (650-1337M) yang memerintah selatan Thailand, seluruh Semenanjung Tanah Melayu, seluruh Sumatera dan tiga suku Pulau Jawa.

Memandangkan Sriwijaya merupakan empayar maritim yang kuat dan lama, maka banyak kesan pentadbirannya yang berbekas. Ini termasuklah penggunaan bahasa Melayu kuno. Lama-kelamaan bahasa ini tersebar sebagai bahasa pengantar (Latin: lingua franca) di pesisir kepulauan Asia Tenggara, khususnya sejak pengislaman rantau ini. Bahkan menurut Prof James T. Collins (Bahasa Melayu Bahasa Dunia, 2005), bahasa Melayu merupakan bahasa dunia yang amat luas sekali tebarannya – dari Taiwan sehingga New Zealand dan dari Malagasy (Madagascar) sehingga Hawaii.

TAKRIF MELAYU: BAHASA, BUDAYA ISLAM, PENGAKUAN, PENGIKTIRAFAN

Prof Syed Muhammad Naquib Al-Attas (dilahirkan 1931) berpendapat bahawa rumpun Melayu menjadi menonjol kerana bahasanya yang menggunakan aksara Arab yang dipanggil 'tulisan jawi'. Malah kerana Islamlah, semakin akrab terjalin suku-suku kaum Melayu seperti Jawa (terbesar) sehingga Boyan di rantau Asia Tenggara.

Lama-kelamaan terdapat semacam gerakan untuk menyifatkan orang yang berbahasa, mengamalkan budaya yang hampir seiras (dari segi makanan, pakaian sehingga seni bina) dan dirangkum sebagai sebuah daripada golongan terbesar umat Islam itu dipanggil sebagai 'rumpun Melayu'. Terdahulu, pedagang dan mubaligh Arab yang menyebarkan Islam di rantau Asia Tenggara, telah memberikan

nama 'jawi' kepada rumpun Melayu. Mentelah lagi orang-orang dari rantau ini telah membentuk pemukiman atau petempatan Melayu di tanah suci.

Sewaktu zaman menuntut kemerdekaan dan menentang penjajah Barat, baik di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Borneo sehingga di Jawa dan mahupun Filipina, tercetus seruan kebangsaan atau nasionalisme dalam rangka menentang penjajah. Antara lain, seruan itu menjurus kepada pembentukan perikatan Melayu yang besar atau dipanggil 'Melayu Raya':

- Di Malaya, seruan itu dicanangkan Ibrahim Hj Yaacob (1911-1979), guru, wartawan, pejuang gerila;

- di Hindia Timur (Indonesia) pula oleh Muhammad Yamin (1903-1962), seorang sejarawan dan ahli politik,

- sementara di Filipina pula, himbauan dibuat oleh peguam dan ketua kumpulan gerila menentang Jepun, Wenceslao Q. Vinzon (1910-1942).

Mereka berpendapat bahawa semua insan sawo matang yang mempunyai banyak persamaan dari segi tempat kelahiran (iaitu rantau kepulauan Asia Tenggara), pengalaman sejarah, bahasa dan budaya di rantau ini layak menganggap diri mereka anggota daripada sebuah keluarga Melayu yang besar. Pernah tiga pemimpin rantau ini, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dari Malaysia, Presiden Sukarno dari Indonesia dan Presiden Macapagal dari Filipina membincangkan percantuman yang dipanggil Malphilindo, namun tinggal sebagai gagasan saja.

Dari segi perundangan, takrif atau definisi Melayu juga dipaparkan, misalnya dalam Fasal 160 Perlembagaan Malaysia yang menyebut bahawa orang Melayu ialah insan yang mempunyai tiga penanda diri: berbahasa dan berbudaya Melayu serta beragama Islam. Memandangkan Singapura pernah menjadi sebahagian Malaysia antara 1963 hingga 1965, maka takrif itu pernah dipakai di republik ini.

Apabila Singapura membentuk kawasan undi perwakilan (GRC) demi memastikan penyertaan minoriti dalam Parlimen, maka antara lain, muncullah takrif Melayu – "orang yang mengaku dirinya Melayu dan diterima/iktiraf oleh masyarakat Melayu sebagai anggotanya". Untuk mengesahkan asal-usul minoriti seseorang calon Melayu, India dan Serani, maka dibentuk beberapa jawatankuasa khas yang dianggotai para tokoh daripada kaum masing-masing. Para tokoh ini akan menemuramah calon berkenaan dari segi pengetahuan, amalan berbahasa dan berbudaya serta kepercayaan, selain mengesahkan fakta 'kaum' yang tertera pada kad pengenalannya.

Singapura menyanjung amalan berbilang kaum yang ditancapkan pada dasar pemerintah (polisi) dan perundangannya. Misalnya, terdapat Dasar Dwibahasa yang memastikan setiap anak belajar bahasa bondanya sebagai penanda jati diri, selain belajar bahasa kerja iaitu bahasa Inggeris. Malah anak daripada perkahwinan campur, juga berhak menentukan jati diri – sama ada menurut keturunan ayahnya (sering ini menjadi kelaziman) atau ibunya, dalam mempelajari sesuatu bahasa bonda.

Dengan bahasa Melayu, seorang anak Melayu di Singapura dapat terjalin dengan 300 juta penutur bahasa Melayu di rantau ini, atau mungkin di diaspora (tebaran) sejauh Surinam di Amerika Selatan dan Pulau Cocos di selatan Lautan Hindi. Oleh itu, bak hujah Profesor Hamka (Haji Abdul Malik Karim Amrullah, 1908-1981), bahawa majunya "sesebuah bangsa kerana bahasanya dapat menampung banyak ilmu berguna sehingga menempatkan seseorang pemakainya dalam sebuah peradaban". Hal ini yang terpapar dalam maksud "bahasa menunjukkan bangsa".

Antara cara bahasa dikembangkan adalah menerusi persuratan yang meliputi tulisan dalam pelbagai bidang ilmu, termasuk kewartawanan. Sesungguhnya, kewartawanan turut menyumbang kepada penyuburan bahasa, terutama dari segi penemuan istilah, pembentukan nahu sehingga penyebaran maklumat. Ini disebabkan insan memerlukan berita atau warta sejak permulaan zaman. Apabila kehidupan menjadi bertamadun iaitu bersusila dan berteknologi, maka konsep warta juga berubah -- daripada sekadar pemberitaan umum tetapi bercorak hiburan, pendidikan dan pencetus kesedaran serta gerakan massa.

Kewartawanan masih diperlukan dunia. Oleh itu, kewartawan Melayu masih relevan selagi masih ada minat dalam masyarakat Melayu untuk mendengar/menonton serta membaca berita yang penting dan menarik yang tepat dalam bahasa Melayu.

Hakikatnya, teknologi telah mengubah kehidupan. Begitulah kesannya ke atas kewartawanan yang dulunya amat bergantung pada revolusi percetakan, tetapi kian berubah dan menjurus ke bidang elektronik. Dengan persaingan untuk menarik minat manusia untuk membaca maklumat dek ledakan internet, maka kewartawanan kian tersepit.

Akibatnya, dunia kini berdepan dengan banyak berita palsu (fake news) dan yang bersifat tohmah dan khianat yang menyusup ancaman pengganasan dan segala macam kejahatan. Di sini terpapar cabaran besar tetapi juga peluang bagi kemanusiaan untuk memikirkan bagaimana melembagakan bidang kewartawanan dengan pengiktirafan tinggi.

Pemerintah Singapura telah mengambil tindakan berani setelah mendapati industri berita kerugian besar dan nyaris gulong tikar. Trend sedemikian berlaku di seluruh dunia.

Demi memelihara kewartawanan Singapura, termasuk dalam empat bahasa, pemerintah memperuntuk dana (dari wang pembayar cukai) untuk menjamin tradisi kewartawanan setempat. Ini merupakan benteng bukan sahaja dari segi maruah negara tetapi juga dalam memastikan maklumat benar tersebar.

Tetapi apakah model niaga demi menjamin kewartawanan Singapura dapat dikekalkan dalam jangka panjang?

Semuanya bergantung pada permintaan dan penawaran.

Pembaca yang berada di pihak permintaan perlu memastikan hanya mutu kewartawanan yang tinggi dapat dijana. Wartawan selaku pembekal atau penawar pula perlu mengisi keperluan permintaan yang terus berubah-ubah.

Dalam bidang kewartawanan Melayu, suasana dominan Inggeris amat menjejas penguasaan bahasa Melayu wartawan

setempat. Zaman wartawan yang merupakan lulusan aliran Melayu telah berakhir. Mereka digantikan oleh wartawan muda yang bahasa Melayunya merupakan bahasa kedua, tetapi bahasa Inggeris sebagai 'bahasa pertama'. Namun dalam zaman penyejagatan, wartawan perlu memiliki sejumlah bahasa. Bagi wartawan Melayu, mungkin tiga bahasa diperlukan iaitu Melayu, Inggeris dan Arab yang berkaitan dengan Islam. Malah dengan penonjolan China, mungkin wartawan Melayu di Singapura perlu tahu bahasa Mandarin untuk menakat.

Oleh itu, wartawan muda perlu diasuh agar lebih selesa dan yakin menggunakan bahasa Melayu demi menepati piawai dalam rangka disiplin kewartawanan. Jika tidak, isi berita tidak dapati difahami masyarakat, apatah lagi dihayati untuk menjadi panduan dan ikutan.

MAKALAH 7

Segar, Sedar, Peduli: Pedagogi dan Penilaian Bahasa Melayu 2.0



Dr Roszalina Rawi
Pensyarah
Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang

ABSTRAK

Ceramah Spotlight TCEF 2025, Segar, Sedar, Peduli: Pedagogi dan Penilaian Bahasa Melayu 2.0, membincangkan prinsip-prinsip integrasi teknologi pendidikan secara sengaja dalam pengajaran Bahasa Melayu, dengan penekanan kepada pendekatan pedagogi dan penilaian yang berwawasan. Dalam dunia yang sedang mengalami perkembangan teknologi yang pesat, pengetahuan tentang kepelbagaian teknologi dalam pendidikan sahaja tidak mencukupi. Ceramah ini menggalakkan penggunaan teknologi yang bermatlamat, berpusatkan pelajar, dan dapat memperkayakan pembelajaran tanpa menjejaskan kualiti interaksi antara guru dan pelajar. Dengan menekankan pendekatan yang segar dan inovatif, penuh kesedaran tentang bagaimana teknologi mempengaruhi pembelajaran, dan peduli terhadap kesejahteraan sosioemosi guru serta pelajar, para pendidik dapat memartabatkan pengajaran Bahasa Melayu untuk era digital masa kini. Peserta akan memperoleh pandangan tentang bagaimana integrasi teknologi pendidikan yang berprinsip dapat meningkatkan keterlibatan, kolaborasi, dan keseronokan, sekaligus menjadikan bilik darjah Bahasa Melayu sebagai ruang yang menggalakkan interaksi bermakna antara guru dan pelajar.

Kata Kunci: Pengajaran Bahasa Melayu; Integrasi Teknologi; Pedagogi Inovatif

PENDAHULUAN

Dalam beberapa dekad terakhir, perkembangan teknologi dalam pendidikan telah membawa pelbagai perubahan ketara terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran Bahasa Melayu tidak terkecuali daripada arus ini, dengan peningkatan penggunaan teknologi pendidikan seperti kecerdasan buatan (Artifical Intelligence, AI), pembelajaran berasaskan platform digital, serta integrasi realiti maya dan gamifikasi dalam bilik darjah. Semua ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran lebih interaktif, menyeronokkan, dan sejajar dengan keperluan pelajar abad ke-21.

Namun, di sebalik manfaat yang ditawarkan oleh teknologi, terdapat perdebatan sama ada peningkatan penggunaan teknologi dalam pendidikan benar-benar membawa hasil yang diharapkan atau sebaliknya memberi kesan negatif kepada pembelajaran murid. Beberapa negara seperti Sweden, Sepanyol, Perancis, United Kingdom, dan Brazil telah mengambil langkah untuk mengurangkan penggunaan teknologi di bilik darjah setelah mendapati bahawa penggunaan berlebihan teknologi membawa kepada gangguan tumpuan, kebergantungan yang tidak sihat terhadap peranti digital, dan penurunan prestasi akademik dalam aspek literasi asas (Forsler & Guyard, 2023, UNESCO, 2023).

Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu, penting untuk kita turut meneliti hubungan antara penggunaan teknologi, kemahiran pengawalseliaan kendiri (self-regulation), serta minat individu pelajar dalam pembelajaran bahasa. Kajian terkini oleh Lai et al., (2024) dalam konteks pembelajaran Bahasa Inggeris menunjukkan bahawa integrasi teknologi yang disengajakan serta mengambil kira minat peribadi pelajar dapat meningkatkan motivasi, penglibatan, dan keberkesanan pembelajaran secara signifikan. Dapatan ini amat relevan untuk bilik darjah Bahasa Melayu di Singapura, kerana ia mencadangkan bahawa penggunaan teknologi haruslah dirancang secara strategik dengan mengambil kira minat individu pelajar serta membimbing pelajar dalam menguruskan pembelajaran mereka secara berdikari dan terarah. Dengan pendekatan sebegini, pembelajaran Bahasa Melayu tidak sekadar bergantung kepada teknologi sebagai alat semata-mata, tetapi menjadikannya sebahagian daripada proses pembelajaran yang lebih mendalam, bermakna, serta berdaya tahan dalam jangka masa panjang.

Dengan mengambil kira situasi ini, makalah ini akan membincangkan trend global dalam pedagogi dan penilaian, mengkaji cabaran yang timbul akibat integrasi teknologi yang tidak terkawal dalam pendidikan, serta mencadangkan strategi untuk memastikan teknologi digunakan secara berkesan tanpa mengabaikan aspek interaksi sosial dan kesejahteraan pelajar Bahasa Melayu.

TREND TERKINI DALAM PENGAJARAN DAN PENILAIAN: PERSPEKTIF GLOBAL DAN TEMPATAN

Dalam era globalisasi yang serba dinamik serta perkembangan teknologi yang begitu pesat, landskap pengajaran dan pembelajaran di sekolah, merentas pelbagai mata pelajaran, telah mengalami transformasi yang mendalam. Khusus dalam konteks pengajaran bahasa, pelbagai pendekatan inovatif telah diperkenalkan untuk meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran, termasuklah melalui integrasi teknologi digital serta penerapan pendekatan yang berpusatkan pelajar (UNESCO, 2023). Namun demikian, setiap pendekatan turut membawa implikasi kritikal yang perlu dikaji secara mendalam.

Integrasi Teknologi dalam Pengajaran Bahasa

Penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa kini semakin berkembang dengan kemunculan alat seperti AI, aplikasi pembelajaran adaptif, dan realiti terimbuh (Augmented Realiti, AR). Teknologi seperti chatbot, sistem maklum balas automatik, serta aplikasi yang boleh menyesuaikan kandungan mengikut keperluan pelajar telah membantu menjadikan pembelajaran dan penilaian bahasa lebih menarik, responsif dan peribadi. Selain itu, platform digital juga membolehkan pelajar belajar dan menilai pembelajarannya secara kendiri atau kolaboratif, sekali gus memperkayakan pengalaman mereka dalam penguasaan bahasa.

Dalam landskap pendidikan Bahasa Melayu di Singapura, perubahan turut dipengaruhi oleh kemunculan Generasi Alfa—kanak-kanak yang lahir selepas tahun 2010—yang membesar sepenuhnya dalam persekitaran digital (Lee, Mohd & Tasir, 2024). Mereka merupakan pengguna aktif peranti mudah alih dan kandungan visual sejak usia awal, dengan kecenderungan tinggi terhadap bahan pembelajaran yang pantas, interaktif, dan bersifat visual. Kajian Lee et al. (2024) menunjukkan bahawa pelajar Generasi

Alfa lebih bermotivasi apabila guru bersikap ceria, interaktif, dan menggunakan pendekatan yang menyeronokkan seperti permainan, kuiz, dan video pendek. Ini memberi implikasi bahawa pendekatan konvensional yang terlalu bergantung pada slaid atau ceramah sahaja, mungkin tidak lagi mencukupi untuk mengekalkan perhatian pelajar masa kini.

Namun begitu, kejayaan penggunaan teknologi ini sangat bergantung pada cara guru merancang dan menggunakannya secara bermatlamat dan beretika. Donnelly, McGarr dan O'Reilly (2011) menegaskan bahawa integrasi teknologi yang berkesan memerlukan guru yang yakin, berpengetahuan tentang pedagogi berkenaan kegunaan teknologi, dan disokong dengan latihan profesional yang berterusan. Dalam konteks Singapura, meskipun infrastruktur teknologi adalah kukuh, keberkesanan pedagogi bergantung kepada kemampuan guru untuk mengaitkan teknologi dengan keperluan sebenar pelajar.

Dalam usaha memperkukuh penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu, prinsip reka bentuk pembelajaran yang dikemukakan oleh Kukulska-Hulme dan Traxler (2013) boleh dijadikan panduan. Mereka mencadangkan lima prinsip utama:

- **Penyesuaian menurut keperibadian pelajar:** Dalam era digital, teknologi pendidikan memberikan peluang untuk menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan unik setiap pelajar. Ini termasuk menyesuaikan kandungan, aras kesukaran, dan kaedah penyampaian mengikut gaya pembelajaran (visual, auditori, kinestetik) serta kadar pemahaman pelajar. Dengan adanya teknologi seperti platform pembelajaran adaptif, guru dapat memberikan tugasan atau bahan pembelajaran yang relevan dan bermakna, sekaligus meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar.

- **Autentik:** Pembelajaran yang autentik bermaksud aktiviti atau tugasan pembelajaran direka agar mencerminkan cabaran dunia sebenar. Melalui integrasi teknologi, pelajar boleh terlibat dalam simulasi, kajian lapangan maya, atau projek yang menuntut mereka menggunakan kemahiran bahasa dalam konteks yang relevan seperti membuat vlog, menulis ulasan, atau menghasilkan kandungan digital. Ini membina kebolehan pelajar untuk memindahkan ilmu yang diperoleh di bilik darjah ke situasi kehidupan sebenar secara autentik.

- **Kolaborasi:** Teknologi membolehkan pembelajaran kolaboratif yang lebih dinamik dan melangkaui batas bilik darjah fizikal. Melalui platform seperti Google Workspace, Padlet, atau forum perbincangan dalam talian, pelajar dapat bekerja secara berkumpulan, berkongsi idea, dan membina ilmu bersama. Ini bukan sahaja mengembangkan kemahiran sosial dan komunikasi, malah mengasah kebolehan berfikir secara kritis dalam suasana saling menyokong.

- **Pembelajaran Bersituasi:** Pembelajaran bersituasi menekankan pengalaman pembelajaran yang kontekstual, yang berlaku dalam persekitaran sebenar pelajar. Dengan sokongan teknologi mudah alih seperti telefon pintar atau tablet, pelajar boleh menjalankan tugasan luar kelas seperti membuat dokumentasi visual, temu ramah, atau pemerhatian lokasi tertentu. Pendekatan ini menjadikan pembelajaran lebih bermakna kerana ia berkait langsung dengan pengalaman dan latar belakang pelajar.

- **Sokongan Pembelajaran Tidak Formal:** Teknologi juga berperanan penting dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat dan pembelajaran kendiri. Di luar waktu kelas, pelajar boleh mengakses bahan tambahan seperti video, podcast, atau permainan bahasa interaktif yang memperkukuh apa yang telah dipelajari. Ini membuka peluang untuk pembelajaran yang lebih fleksibel dan berpusatkan pelajar, di mana pelajar boleh belajar mengikut masa dan cara yang paling sesuai dengan mereka.

Dengan berpandukan prinsip-prinsip di atas, guru Bahasa Melayu dapat merancang penggunaan teknologi dalam pengajaran secara lebih strategik dan autentik. Ini sekaligus menjadikan pembelajaran lebih menarik, relevan, dan berkesan dalam meningkatkan penglibatan serta kefasihan berbahasa pelajar.

Pendekatan Berpusatkan Pelajar dan Minat Mereka

Pendekatan berpusatkan pelajar seperti pembelajaran berasaskan projek (Project-Based Learning, PBL) dan pembelajaran berasaskan inkuiri telah lama mendapat tempat dalam pendidikan bahasa kedua. Alizah Lambri dan Zamri Mahamod (2015) mengesahkan keberkesanan pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam pembentukan pelbagai kemahiran peribadi yang penting. Menurut kajian mereka, yang melibatkan pelajar tahun satu program Bahasa Melayu di universiti, pendekatan berpusatkan pelajar secara efektif dapat meningkatkan kemahiran interpersonal, komunikasi dan sosial, kemahiran berfikir secara kritis, penyelesaian masalah, kepimpinan, kerja berpasukan, serta penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan pelajar. Dapatan ini jelas menunjukkan pentingnya bilik darjah Bahasa Melayu dirancang untuk menggalakkan penyertaan aktif pelajar, pembelajaran secara kendiri serta interaksi bermakna, sekali gus melahirkan pelajar yang bersedia menghadapi cabaran sebenar dunia luar dan pasaran kerja yang semakin sengit.

Menurut kajian Lai et al. (2024), pelajar menunjukkan peningkatan yang ketara dalam motivasi, penglibatan, dan pembelajaran kendiri apabila aktiviti pembelajaran digital dikaitkan secara langsung dengan minat peribadi mereka. Kajian tersebut membezakan antara pelbagai jenis aktiviti yang melibatkan penggunaan teknologi—seperti aktiviti berbentuk arahan (instruction-oriented), maklumat (information-oriented), hiburan, dan sosial—dan mendapati bahawa minat individu memainkan peranan utama dalam mendorong pelajar untuk melibatkan diri secara aktif, terutamanya dalam aktiviti berbentuk maklumat dan hiburan. Pada masa yang sama, kejayaan pelajar dalam pembelajaran kendiri turut bergantung pada kemampuan mereka untuk mengawal, merancang dan memantau sendiri proses pembelajaran mereka.

Pastinya, guru-guru Bahasa Melayu di Singapura perlu pertimbangkan dengan teliti pedagogi mereka apabila melaksanakan pendekatan berpusatkan pelajar. Integrasi teknologi dalam bilik darjah Bahasa Melayu juga, harus bukan sahaja mengambil kira aplikasi atau platform yang digunakan, tetapi juga sejauh mana ia dapat membina hubungan dengan minat pelajar dan menyokong pembangunan kemahiran pengurusan kendiri.

Gamifikasi dalam Pembelajaran Bahasa

Gamifikasi merujuk kepada penggunaan elemen permainan, secara digital, untuk meningkatkan penglibatan, motivasi dan pencapaian dalam pembelajaran. Dalam pengajaran bahasa, gamifikasi telah muncul sebagai salah satu pendekatan pedagogi yang semakin popular, terutamanya dalam kalangan pelajar generasi digital yang gemar pengalaman pembelajaran yang pantas, interaktif dan menyeronokkan.

Koivisto dan Hamari (2018) melalui analisis sistematik terhadap 128 kajian empirikal mendapati bahawa kebanyakan inisiatif gamifikasi dalam pendidikan berpusat pada elemen pencapaian seperti pengumpulan mata, lencana, dan papan kedudukan. Walaupun elemen ini terbukti mampu meningkatkan penglibatan dan motivasi pelajar, mereka juga menegaskan bahawa penggunaan gamifikasi masih kurang menekankan aspek kolaboratif dan naratif yang lebih mendalam.

Evurulobi et al., (2024) pula menekankan bahawa gamifikasi bukan sahaja digunakan secara meluas dalam pembelajaran bahasa secara kendiri melalui aplikasi seperti Duolingo, malah semakin diintegrasikan dalam sistem pendidikan formal. Ini termasuklah penggunaan pendekatan berasaskan tahap-tahap pencapaian (achievement levels), maklum balas segera, dan simulasi permainan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran. Kajian tersebut juga mengaitkan keberkesanan gamifikasi dengan keupayaan teknologi untuk memberikan pengalaman yang khusus bagi setiap pelajar secara individu, secara adaptif dan imersif—termasuk penggunaan AI, realiti maya (Virtual Reality, VR), dan AR.

Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu, pendekatan yang lebih menyeluruh dapat dibentuk dengan memasukkan elemen-elemen gamifikasi bagi mendorong interaksi sosial, menggalakkan kreativiti, dan memperkukuh pemahaman terhadap nilai serta budaya bahasa. Gamifikasi boleh dimanfaatkan bukan sahaja untuk meningkatkan motivasi, tetapi juga untuk menghubungkan pelajar dengan warisan bahasa dan budaya. Contohnya, aktiviti seperti kuiz-kuiz permainan pendek berasaskan pepatah Melayu, cabaran

kosa kata yang boleh dimainkan secara berpasukan dalam talian, atau simulasi realistik dalam suasana pasar atau majlis adat boleh membantu pelajar mempelajari bahasa dalam konteks yang lebih hidup dan bermakna.

Guru Bahasa Melayu harus disokong dan digalakkan untuk merancang pengalaman gamifikasi yang seimbang—menggabungkan elemen luaran seperti ganjaran dengan elemen dalaman seperti rasa ingin tahu, keseronokan dan kaitan dengan identiti budaya pelajar. Penggunaan gamifikasi yang strategik bukan sahaja mampu menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu lebih menarik, tetapi juga memperkukuh kefahaman dan apresiasi terhadap bahasa itu sendiri.

Penggunaan Audio Siar (Podcast) sebagai Media Pembelajaran

Penggunaan podcast dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa bukan sahaja membolehkan pelajar mendengar kandungan pembelajaran bila-bila masa dan di mana-mana, tetapi juga menyokong pembelajaran kendiri, meningkatkan kefahaman pendengaran, serta memupuk kemahiran sebutan dan kosa kata dalam konteks autentik (Yaman, 2016). Dalam kajian Bushi dan Kristo (2024) yang terfokus kepada penggunaan podcast dalam pengajaran bahasa Jerman, didapati bahawa podcast membantu meningkatkan kemahiran pendengaran, memperkayakan pemahaman pelajar tentang budaya dan isu semasa, serta memperkukuh motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing. Selain itu, podcast juga membolehkan pengajaran yang berpusatkan pelajar dengan memberi mereka kawalan terhadap kadar pembelajaran dan pemilihan topik yang diminati.

Dalam konteks bilik darjah Bahasa Melayu, podcast boleh digunakan sebagai bahan sokongan yang melengkapi pengajaran tradisional atau sebagai alat utama untuk mengasah kemahiran lisan dan kefahaman. Misalnya, guru boleh memperkenalkan episod yang berkait rapat dengan nilai budaya Melayu, sejarah tempatan atau peribahasa, yang kemudian dibincangkan semasa sesi kelas untuk memperkukuh makna dan penggunaan bahasa. Podcast juga

boleh dijadikan sebagai tugasan luar kelas untuk menggalakkan pembelajaran berasaskan minat dan memperkukuh pembelajaran kendiri.

Namun, penggunaan podcast tidak bebas daripada cabaran. Yaman (2016) menjelaskan bahawa guru yang tergolong sebagai "pendatang digital"—iaitu individu yang tidak membesar dalam era teknologi digital—sering menghadapi cabaran dan memerlukan sokongan atau latihan tambahan untuk menggunakan podcast secara berkesan dalam pengajaran. Selain itu, cabaran seperti kekangan infrastruktur, kekurangan kandungan yang sejajar dengan tahap dan minat pelajar, serta gangguan digital boleh menjejaskan keberkesanan penggunaan podcast. Kajian Bushi dan Kristo (2024) turut melaporkan bahawa antara cabaran utama termasuk kekangan masa dalam kurikulum dan kekurangan latihan untuk guru dalam mengintegrasikan podcast secara berkesan.

Justeru, untuk memastikan penggunaan podcast dalam pembelajaran Bahasa Melayu benar-benar memberi impak, perlu ada perancangan strategik. Guru perlu diberi latihan tentang cara memilih atau mencipta kandungan podcast yang sesuai dengan tahap pelajar. Sementara itu, pelajar perlu dibimbing agar dapat memanfaatkan podcast bukan sahaja sebagai bahan hiburan, tetapi sebagai sumber pembelajaran yang menyeluruh. Apabila digunakan dengan tepat, podcast bukan sahaja menyokong pembelajaran bahasa yang fleksibel, tetapi juga memperkayakan pengalaman pembelajaran dengan konteks budaya, komunikasi autentik dan penglibatan pelajar yang lebih aktif.

Pembelajaran Dalam Talian

Walaupun pembelajaran dalam talian menawarkan fleksibiliti dan akses yang luas kepada pelajar, kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa ia juga membawa pelbagai cabaran yang perlu diberi perhatian serius, khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa.

Salah satu cabaran asas yang dikenal pasti ialah isu ketersambungan internet dan persekitaran teknikal yang tidak stabil. Kajian oleh Zboun dan Farrah (2021) terhadap pelajar universiti di Palestin mendapati bahawa kelemahan sambungan internet merupakan cabaran paling ketara yang menjejaskan penglibatan

dan tumpuan pelajar semasa kelas dalam talian. Dalam kajian tersebut, pelajar melaporkan kurangnya interaksi bermakna dalam pembelajaran secara dalam talian. Mereka melaporkan bahawa mereka kurang berpeluang untuk memberi dan menerima maklum balas secara langsung daripada guru dan rakan sekelas, menjadikan mereka kurang bermotivasi dan cepat bosan.

Tambahan pula, pembelajaran dalam talian menuntut tahap pengurusan kendiri yang tinggi daripada pelajar. Kajian Benek (2025), melaporkan bahawa walaupun guru-guru bersetuju teknologi AI menawarkan potensi besar dalam menyesuaikan pengalaman pembelajaran bagi setiap individu, pelajar yang tidak mempunyai kemahiran pengurusan kendiri yang mantap dan cenderung untuk mengalami gangguan, hilang fokus, atau menggunakan alat digital untuk tujuan bukan akademik. Ini sejajar dengan dapatan Lai et al. (2024) yang menunjukkan bahawa pelajar yang kurang kemampuan mengatur proses pembelajaran sendiri sering terperangkap dalam penggunaan teknologi yang bersifat permukaan dan tidak membantu pencapaian pembelajaran.

Di peringkat guru pula, kurangnya latihan pedagogi khusus untuk pembelajaran dalam talian sering menjadi penghalang utama. Sun (2011) menegaskan bahawa ramai guru yang mengajar dalam talian masih belum memiliki kemahiran pedagogi dalam talian yang mencukupi, terutamanya dalam reka bentuk kurikulum, penilaian formatif, dan pengurusan interaksi dalam talian. Menurutnya lagi, pembelajaran dalam talian yang meniru model tradisional secara langsung — seperti ceramah satu hala dalam "bilik darjah maya" — gagal membina komuniti pembelajaran yang aktif dan kolaboratif. Ini menyebabkan pembelajaran dalam talian tidak efektif dan membosankan bagi pelajar. Keadaan ini membuktikan bahawa sokongan pembangunan profesional secara berterusan amat penting bagi memastikan guru dapat merancang dan melaksanakan pembelajaran dalam talian dengan pendekatan yang sesuai dan berkesan.

Cabaran-cabaran yang dibincangkan di atas turut wujud dalam konteks pembelajaran di Singapura, khususnya bagi pelajar daripada latar belakang sosioekonomi rendah atau kawasan berpendapatan sederhana yang mungkin menghadapi kekangan dalam mengakses peranti digital berkualiti atau ruang pembelajaran yang kondusif di

rumah. Dalam pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian, kualiti interaksi amat penting kerana ia melibatkan komunikasi lisan dan pertukaran makna—kemahiran asas yang kini semakin diperlukan dalam dunia pascapandemik yang semakin beralih kepada interaksi dalam talian sebagai norma.

Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Kedua Berteraskan Teknologi

Kajian oleh Korkmaz dan Öz (2021) menekankan peranan penting platform permainan interaktif seperti Kahoot! dalam membentuk sikap pelajar yang lebih positif terhadap pembelajaran bahasa kedua. Dalam kajian tersebut, pelajar universiti di Turki yang sedang mempelajari bahasa Inggeris didedahkan kepada penggunaan Kahoot! sebagai sebahagian daripada aktiviti pembelajaran mereka, terutamanya dalam komponen pemahaman bacaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan elemen gamifikasi melalui Kahoot! bukan sahaja meningkatkan skor pemahaman bacaan secara signifikan, tetapi juga mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan bersemangat.

Lebih menarik lagi, pelajar menunjukkan peningkatan dalam penguasaan kosa kata serta sikap yang lebih proaktif dalam menyertai sesi membaca secara interaktif. Ini berlaku apabila mereka diberi peluang untuk bersaing secara sihat dalam kuiz berasaskan permainan, yang direka bentuk dengan elemen masa sebenar, papan markah, dan ganjaran simbolik. Pelajar yang pada awalnya pasif atau kurang bermotivasi dilaporkan menjadi lebih yakin dan terlibat apabila suasana pembelajaran menggabungkan keseronokan, elemen cabaran, dan maklum balas segera.

Kajian ini mengukuhkan dapatan bahawa elemen keseronokan (fun factor) bukanlah sesuatu yang remeh atau sekadar hiburan dalam pendidikan, tetapi sebenarnya berfungsi sebagai pemacu afektif yang kuat terhadap keterlibatan kognitif dan tingkah laku pelajar. Dalam konteks pembelajaran berasaskan teknologi digital, elemen gamifikasi seperti yang ditawarkan oleh Kahoot! memberi impak berganda—ia bukan sahaja menyokong hasil pembelajaran akademik, tetapi juga membina sikap yang lebih terbuka, ingin tahu, dan responsif terhadap penggunaan teknologi dalam bilik darjah.

Lebih luas lagi, kajian ini mencadangkan bahawa apabila teknologi digunakan untuk menyokong motivasi intrinsik pelajar—seperti perasaan pencapaian, rasa keseronokan, dan penglibatan sosial—kesannya terhadap keberkesanan pembelajaran bahasa menjadi lebih ketara dan mampan. Maka, guru perlu melihat teknologi bukan semata-mata sebagai alat penyampaian, tetapi sebagai medium untuk membina emosi positif terhadap bahasa yang dipelajari, terutama bagi pelajar yang mungkin bergelut dengan keyakinan atau minat dalam bahasa kedua.

Walau bagaimanapun, dalam konteks penggunaan teknologi yang lebih canggih seperti ChatGPT, sikap pelajar terhadap pembelajaran menjadi lebih kompleks dan berlapis. Menurut kajian oleh Cai, Lin, dan Yu (2024), keberkesanan pembelajaran bahasa yang dibantu oleh ChatGPT tidak boleh ditentukan semata-mata berdasarkan ketersediaan teknologi tersebut. Sebaliknya, ia sangat bergantung kepada beberapa faktor utama, termasuk kualiti sistem maklumat yang disediakan (seperti ketepatan, kebolehpercayaan, dan kemesraan pengguna sistem), motivasi pelajar yang dipacu oleh minat dan elemen keseronokan dalam aktiviti pembelajaran, serta keupayaan pelajar untuk mengawal dan mengurus pembelajaran kendiri secara aktif.

Kajian Cai et.al (2024) membuktikan bahawa pelajar lebih terdorong untuk berinteraksi secara mendalam dengan teknologi berasaskan AI apabila pengalaman pembelajaran itu bersifat menyeronokkan, interaktif, dan memberi mereka rasa agensi. Ini berbeza dengan situasi pembelajaran yang hanya berasaskan pematuhan terhadap arahan guru atau keperluan menyiapkan tugasan semata-mata. Dalam erti kata lain, AI seperti ChatGPT boleh memperkayakan pembelajaran bahasa jika ia digunakan dengan cara yang menggalakkan rasa ingin tahu, memberi peluang eksplorasi kendiri, dan menyokong gaya pembelajaran pelajar yang pelbagai.

Tambahan pula, penggunaan ChatGPT secara reflektif dan strategik boleh mengukuhkan kemahiran metakognitif pelajar, seperti kebolehan menilai respons, menyemak kefahaman sendiri, dan menyesuaikan strategi pembelajaran. Namun begitu, ini juga menuntut adanya bimbingan yang bijaksana daripada guru untuk memastikan penggunaan AI tidak menggalakkan ketergantungan pasif, tetapi sebaliknya menjadi pemangkin kepada pembelajaran

yang aktif, kritis, dan beretika.Jelas, pelajar yang memiliki sikap positif terhadap teknologi cenderung untuk lebih terlibat dan bermotivasi dalam pembelajaran, manakala mereka yang bersikap pasif atau skeptikal mungkin tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada potensi alat digital.

Pembinaan sikap yang betul terhadap pembelajaran bahasa kedua bukan sekadar bergantung pada keberadaan teknologi atau kemudahan akses. Ia menuntut pendekatan yang mempertimbangkan dimensi emosi, kognitif dan tingkah laku pelajar, serta keupayaan guru untuk mengimbangi antara keseronokan dan ketekunan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun sikap positif pelajar terhadap teknologi amat bermanfaat, ia tetap harus disertai dengan bimbingan guru untuk memastikan penggunaan teknologi tersebut menyumbang kepada pembelajaran yang bermakna.

CABARAN YANG TIMBUL AKIBAT INTEGRASI TEKNOLOGI YANG TIDAK TERKAWAL DALAM PENDIDIKAN

Pendidikan Bahasa Melayu memerlukan pendekatan yang seimbang, yang bukan sahaja merangkumkan penggunaan teknologi terkini, tetapi juga berpaksikan kepada prinsip pedagogi yang jelas dan berasaskan nilai. Dalam usaha memahami bagaimana sistem pendidikan boleh bertindak balas terhadap kesan negatif penggunaan teknologi secara berlebihan, adalah bermanfaat untuk meninjau bagaimana beberapa negara telah mengambil langkah untuk menarik balik atau menyemak semula strategi digital mereka dalam bilik darjah. Kajian-kajian kes di negara-negara berikut, memberi cerminan penting kepada para pendidik di Singapura tentang perlunya penyepaduan teknologi yang lebih teliti, beretika, dan mempertimbangkan kesejahteraan murid serta keberkesanan pembelajaran secara menyeluruh.

Sweden: Kembali kepada Asas Demi Pemulihan Literasi Awal Pelajar

Sweden merupakan salah sebuah negara terawal yang berani menerapkan pendekatan digital sepenuhnya dalam sistem pendidikan rendah dan menengahnya. Kerajaan Sweden mengambil langkah proaktif dengan menggantikan bahan pembelajaran bercetak dengan peranti digital dan sumber dalam talian sebagai sebahagian daripada usaha mentransformasi

pendidikan abad ke-21. Pada peringkat awal, pendekatan ini dilihat sebagai langkah progresif yang sejajar dengan perkembangan global dalam bidang teknologi pendidikan. Ia disambut baik kerana menjanjikan kemudahan akses kepada maklumat, pemperibadian pembelajaran, dan penyesuaian kandungan secara digital.

Namun, selepas beberapa tahun pelaksanaan intensif, muncul kebimbangan yang semakin ketara daripada pendidik, ibu bapa dan penyelidik tentang kesan jangka panjang penggunaan skrin yang meluas terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak. Kajian oleh Forsler dan Guyard (2023) mendapati bahawa pendedahan awal dan berlebihan kepada bahan digital dalam bilik darjah telah menyebabkan penurunan ketara dalam pencapaian literasi asas, khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah. Kemahiran membaca mendalam, pemahaman teks, serta keupayaan untuk mengekstrak makna daripada bahan bercetak dilaporkan merosot dengan ketara dalam cohort pelajar yang banyak bergantung pada peranti digital berbanding buku teks tradisional.

Penyelidik mengkritik pendekatan asal Sweden yang terlalu berorientasikan teknologi, tanpa mengambil kira keseimbangan antara kecanggihan digital dan keperluan asas perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Pendekatan tersebut dilihat mengabaikan asas neurokognitif perkembangan awal kanak-kanak yang memerlukan interaksi dengan bahan fizikal, tumpuan yang mendalam, serta aktiviti literasi yang tidak terganggu oleh gangguan visual atau pemberitahuan dari peranti.

Sebagai respons kepada dapatan tersebut, kerajaan Sweden kini mengambil langkah pembetulan dasar dengan mengembalikan penggunaan buku teks bercetak, terutamanya di peringkat sekolah rendah. Menurut laporan oleh Jordans (2023), langkah ini bertujuan untuk mengukuhkan semula asas kemahiran literasi dan membina kebiasaan membaca yang stabil sebelum murid terdedah secara meluas kepada pembelajaran berasaskan skrin. Langkah ini turut disokong oleh pakar pendidikan kanak-kanak yang menekankan pentingnya pembangunan keupayaan tumpuan, imaginasi, dan pemprosesan makna secara linear melalui teks bercetak—yang mana sukar dicapai jika kanak-kanak terlalu awal dibiasakan dengan skrin.

Dalam konteks Singapura, pendekatan Sweden ini amat relevan dan wajar dijadikan teladan, khususnya dalam pengajaran Bahasa Melayu di peringkat rendah. Ini kerana pengajaran Bahasa Melayu pada peringkat ini memberi penekanan yang tinggi terhadap pembentukan kemahiran asas literasi seperti membaca, menulis, dan bertutur—kemahiran yang menjadi asas penting dalam pembangunan kecekapan bahasa pelajar. Di peringkat awal persekolahan, murid perlu membina hubungan yang kukuh dengan struktur bahasa, mengenal suku kata dan ayat, serta memupuk pemahaman melalui pembacaan mendalam dan penghasilan teks yang bermakna. Semua ini memerlukan tumpuan, pengulangan yang konsisten, serta interaksi yang langsung dengan teks bercetak.

Sekiranya kebergantungan kepada bahan digital berlaku secara melampau tanpa kawalan dan keseimbangan pedagogi, murid-murid di Singapura mungkin akan mengalami cabaran yang sama seperti yang dilaporkan dalam kajian di Sweden. Penggunaan skrin yang berlebihan berpotensi mengganggu tumpuan, mengurangkan kecekapan membaca linear, dan menjejaskan pemahaman mendalam terhadap kandungan teks. Dalam pengajaran Bahasa Melayu, yang turut memerlukan penghayatan terhadap nada bahasa, penggunaan peribahasa, serta pemahaman konteks budaya, interaksi yang terlalu cepat atau bersifat visual semata-mata boleh menyebabkan murid tidak sempat membina pemahaman yang utuh.

Kajian dari Sweden membuktikan bahawa pedagogi pengajaran bahasa pada masa kini perlu disusun secara strategik untuk mengimbangi antara dua bentuk sumber pembelajaran: pertama, bahan bercetak tradisional yang memainkan peranan penting dalam memperkukuh asas literasi seperti kecekapan fonetik, struktur ayat dan kemahiran menulis; dan kedua, bahan digital yang dapat melengkapi pembelajaran dengan unsur interaktif, visual, dan motivasi pelajar yang lebih tinggi. Imbangan ini bukan sahaja membantu memperkaya pengalaman pembelajaran, tetapi juga memastikan bahawa penggunaan teknologi tidak mengorbankan matlamat jangka panjang dalam membentuk pelajar Bahasa Melayu yang celik huruf secara menyeluruh, mampu berfikir secara kritis, dan berkomunikasi dengan berkesan.

Pastinya, sebarang integrasi teknologi dalam bilik darjah Bahasa Melayu haruslah disandarkan kepada prinsip pedagogi yang teliti—dengan teknologi bertindak sebagai pemangkin, bukan pengganti—agar matlamat jangka panjang untuk melahirkan pengguna bahasa yang fasih, berbudaya dan reflektif dapat terus dicapai.

Sepanyol (Madrid): Mengehadkan Waktu Skrin Demi Tumpuan, Literasi dan Interaksi Sosial

Madrid, ibu negara Sepanyol, baru-baru ini memperkenalkan langkah drastik dengan mengehadkan penggunaan komputer dan tablet kepada hanya dua jam seminggu bagi pelajar di sekolah rendah (UNESCO, 2023). Langkah ini berpunca daripada keprihatinan yang serius bahawa penggunaan peranti digital yang berlebihan mengurangkan daya tumpuan pelajar serta melemahkan penguasaan kemahiran literasi dan numerasi asas. Kajian yang menyokong polisi ini menegaskan bahawa murid sekolah rendah memerlukan interaksi lebih nyata dengan bahan pembelajaran fizikal dan interaksi langsung dengan guru dan rakan sebaya, yang penting dalam perkembangan sosioemosi serta pembelajaran mendalam.

Sebagai tambahan, Moreno-Morilla et al. (2021) melalui satu kajian berskala besar melibatkan 1,540 pelajar sekolah rendah di Sepanyol, mendapati bahawa bentuk dan sifat kemahiran literasi yang dibina di luar sekolah melalui media digital sangat berbeza daripada yang diasah di dalam bilik darjah formal. Kajian ini mendedahkan bahawa di sekolah, pelajar cenderung terlibat dengan teks bercetak yang bersifat akademik, seperti buku teks, bahan bacaan rujukan, dan nota yang disediakan guru. Teks-teks ini biasanya memerlukan tumpuan mendalam, pengekalan maklumat, serta kefahaman terhadap struktur tatabahasa dan kosa kata secara formal.

Sebaliknya, di luar waktu persekolahan, pelajar lebih aktif menggunakan teknologi digital dalam bentuk yang lebih santai dan tidak berstruktur. Mereka membaca dan menulis melalui aplikasi seperti blog, WhatsApp, media sosial, dan pelbagai laman web, namun kebanyakan penggunaan ini bersifat dangkal, sepintas lalu, dan lebih bertujuan untuk hiburan, komunikasi ringkas, atau bersosial. Walaupun aktiviti ini tetap melibatkan penggunaan bahasa, ia

sering kali tidak membantu secara langsung dalam memperkukuh kemahiran literasi akademik yang dituntut dalam sistem pendidikan formal.

Jurang yang wujud antara dua ruang literasi ini – iaitu antara literasi formal di sekolah dan literasi digital tidak formal di luar sekolah – pastinya menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penyelidik dan pendidik. Ia menyoroti persoalan kritikal tentang sejauh mana sistem pendidikan mampu dan bersedia untuk menjambatani kedua-dua bentuk pengalaman literasi ini. Sekiranya jurang ini tidak ditangani, ada risiko bahawa pelajar akan terus melihat pembelajaran di sekolah sebagai sesuatu yang terpisah daripada realiti dan minat harian mereka. Ini boleh menjejaskan motivasi mereka untuk belajar dan membina kemahiran membaca dan menulis yang lebih kukuh serta kontekstual.

Kajian ini menggesa keperluan untuk mengembangkan pendekatan pedagogi yang bukan sahaja mengiktiraf kehadiran dan pengaruh dunia digital dalam kehidupan pelajar, tetapi juga yang mampu memanfaatkan pengalaman digital tidak formal sebagai titik mula untuk pengajaran di bilik darjah. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan bentuk komunikasi yang biasa bagi pelajar seperti mesej ringkas, ulasan blog, atau catatan media sosial sebagai asas untuk aktiviti literasi yang lebih formal, dengan membimbing pelajar agar menilai, memperhalus, dan memperluas penggunaannya ke arah bentuk yang lebih akademik dan reflektif.

Dapatan Moreno-Morilla et al. (2021) membuka ruang kepada perbincangan yang lebih luas tentang keperluan menyepadukan pembelajaran formal dan tidak formal secara lebih strategik dan kreatif. Hal ini penting agar pendidikan bahasa tidak terpisah daripada realiti digital pelajar, tetapi sebaliknya menjadi jambatan yang menghubungkan dunia mereka dengan matlamat pembelajaran jangka panjang yang lebih bermakna.

Langkah Sepanyol yang strategik dalam mengawal penggunaan teknologi menjadi contoh penting bagi Singapura untuk mengelakkan ketagihan digital dan memastikan penggunaan teknologi dalam bilik darjah benar-benar bertujuan memperkayakan pembelajaran, bukan sebaliknya. Bagi bilik darjah Bahasa Melayu, kita harus memastikan berlakunya interaksi bersemuka yang kaya dengan aktiviti komunikasi lisan serta interaksi guru-pelajar yang autentik.

Tambahan pula, kebimbangan terhadap jurang digital antara pelajar pelbagai latar sosioekonomi di Sepanyol mengingatkan kita agar berhati-hati dalam merancang integrasi teknologi agar ia tidak menambah ketidaksamarataan dalam pendidikan.

Perancis: Menyaring Gangguan Digital Demi Persekitaran Pembelajaran yang Kondusif

Perancis telah mengambil langkah tegas dalam menangani impak negatif teknologi terhadap pelajar dengan melaksanakan larangan penuh terhadap penggunaan telefon pintar di sekolah, khususnya bagi pelajar gred 1 hingga 9. Langkah ini dilaksanakan sebagai tindak balas langsung terhadap peningkatan kebimbangan nasional berkenaan isu kesihatan mental pelajar, gangguan keupayaan menumpu perhatian di bilik darjah, dan ketagihan terhadap media sosial dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah rendah (UNESCO, 2023). Larangan ini bukan sekadar bertujuan untuk menghapuskan gangguan teknologi, tetapi mencerminkan usaha sistem pendidikan Perancis untuk memulihkan tumpuan kepada pembelajaran bersemuka, hubungan sosial, dan kesejahteraan pelajar.

Kajian oleh Gath et al. (2024) mengukuhkan rasional di sebalik dasar tersebut. Dalam kajian rentas negara yang dijalankan, guru dan pelajar dari beberapa buah negara, termasuk Perancis, menyenaraikan telefon pintar sebagai antara punca utama gangguan pembelajaran. Peranti ini sering mengalih perhatian pelajar daripada tugas utama mereka, membawa kepada penurunan keaktifan dalam kelas dan peningkatan tingkah laku pasif seperti "scrolling" tanpa sedar. Selain itu, telefon pintar turut dikaitkan dengan isu keselamatan dan etika, seperti rakaman tanpa izin, penyebaran kandungan sensitif, serta gangguan sosial yang boleh menjejaskan suasana bilik darjah dan hubungan antara pelajar.

Walaupun terdapat segelintir pelajar dan pengkritik dasar yang menyuarakan kebimbangan bahawa larangan menyeluruh ini mungkin menyekat peluang untuk melatih kawalan kendiri digital dan keupayaan membuat keputusan sendiri, majoriti pendidik menyambut baik langkah tersebut. Mereka berpendapat bahawa dalam fasa pembentukan sikap dan disiplin pembelajaran, pelajar memerlukan struktur yang jelas dan persekitaran yang bebas daripada gangguan digital untuk membina asas tumpuan, interaksi

sosial sebenar, dan kecekapan akademik. Dalam hal ini, pengharaman dilihat bukan sebagai sekatan, tetapi sebagai bentuk perlindungan yang membolehkan pembelajaran berlaku dalam suasana yang lebih kondusif, fokus, dan selamat.

Usaha kerajaan Perancis turut diperkukuh dengan pelaksanaan dasar praktikal di peringkat sekolah. Di banyak sekolah di seluruh negara, pelajar dikehendaki menyimpan telefon pintar mereka dalam loker khas atau menyerahkannya kepada pihak sekolah sebaik sahaja tiba di premis. Prosedur ini dilaksanakan secara konsisten dan disokong oleh kebanyakan guru kerana ia terbukti dapat mengurangkan tekanan sosial yang berkait dengan pemilikan gajet, serta menggalakkan pelajar untuk memberi tumpuan kepada perbualan bersemuka, aktiviti pembelajaran aktif, dan pembentukan hubungan interpersonal yang lebih sihat (Gath et al., 2024).

Pendekatan Perancis ini menunjukkan bahawa pengurusan teknologi dalam pendidikan memerlukan keseimbangan antara kebebasan dan struktur, serta antara pembinaan literasi digital dan keutamaan terhadap kesejahteraan pelajar. Dalam era pasca-pandemik yang menyaksikan peningkatan ketara dalam penggunaan peranti, langkah-langkah seperti ini mengingatkan kita bahawa teknologi, meskipun penting, perlu dikawal secara berprinsip demi menjamin matlamat pedagogi dan kesihatan mental jangka panjang pelajar.

Persekitaran pengajaran Bahasa Melayu yang bebas daripada gangguan telefon pintar pastinya mampu meningkatkan interaksi bersemuka secara autentik antara guru dan pelajar serta dalam kalangan pelajar sendiri. Dalam bilik darjah yang bebas daripada notifikasi berterusan, godaan media sosial, atau gangguan skrin, pelajar berpeluang untuk benar-benar hadir dalam proses pembelajaran. Ini amat penting dalam pengajaran Bahasa Melayu yang amat bergantung kepada komunikasi lisan yang mantap di dalam kelas Bahasa Melayu, kemahiran mendengar secara tekun, sebutan yang tepat, serta penglibatan aktif setiap pelajar, yang pastinya sukar dibangunkan dalam suasana terganggu.

Namun begitu, dalam dunia digital masa kini, pendekatan pengurusan teknologi secara terancang dan berprinsip wajar diutamakan berbanding sekadar pelaksanaan larangan mutlak.

Kita juga akur, pengharaman yang bersifat menyeluruh mungkin menyelesaikan masalah jangka pendek, tetapi tidak semestinya membina kecekapan jangka panjang yang diperlukan oleh pelajar untuk hidup dan belajar secara beretika dalam dunia yang sarat dengan teknologi. Justeru, apa yang lebih penting ialah memperkenalkan pendekatan pedagogi yang membimbing pelajar ke arah penggunaan teknologi secara bijak, bertanggungjawab, dan bermakna.

Ini termasuk menyediakan ruang dan waktu yang khusus untuk penggunaan teknologi dalam konteks yang terkawal—contohnya untuk carian maklumat semasa projek, merekod latihan pertuturan, atau mencipta kandungan bahasa seperti video pendek atau blog dalam Bahasa Melayu. Melalui bimbingan guru, pelajar Bahasa Melayu boleh mempelajari etika penggunaan peranti, seperti menghormati privasi orang lain, tidak mengambil rakaman tanpa izin, serta mengurus masa skrin dengan bijak. Pendekatan seperti ini bukan sahaja menanam nilai kawalan kendiri dan tanggungjawab, tetapi juga memperlihatkan bagaimana teknologi boleh menjadi alat yang memperkaya pembelajaran, dan bukannya gangguan.

United Kingdom: Pendekatan Berperingkat dan Kolaboratif dalam Mengurus Penggunaan Telefon di Sekolah

United Kingdom tidak mempunyai dasar pusat yang mewajibkan larangan penggunaan telefon pintar di sekolah, namun kebanyakan sekolah telah memperkenalkan sekatan secara autonomi. Tinjauan nasional oleh Children's Commissioner for England mendapati bahawa 99.8% sekolah rendah dan 90% sekolah menengah di England telah pun melaksanakan dasar tertentu untuk menghadkan penggunaan telefon sepanjang hari persekolahan (The Guardian, 2025)[1] . Pendekatan ini merangkumi larangan menyeluruh, keperluan menyimpan telefon di dalam beg, serta penggunaan bekas berkunci. Ibu bapa juga digesa agar membuat pilihan yang tegas dan bijak dalam menangani ketagihan media sosial dan kandungan yang tidak sesuai dalam kalangan anak-anak di UK.

Randhawa et al. (2024) melaporkan bahawa kebanyakan sekolah menengah di England cenderung memilih pendekatan yang restriktif terhadap penggunaan telefon pintar, bukan sahaja

sebagai usaha untuk mengekang gangguan terhadap pembelajaran, tetapi juga sebagai strategi untuk meningkatkan prestasi akademik, memperkukuh keselamatan digital, dan menegakkan kawalan sosial di dalam bilik darjah. Larangan ini sering dilaksanakan dengan matlamat untuk mewujudkan persekitaran yang lebih teratur, fokus dan bebas daripada gangguan luaran yang boleh mengalihkan perhatian pelajar daripada tugasan akademik. Ia juga bertujuan untuk membina budaya bilik darjah yang kondusif bagi pembelajaran kolaboratif, interaksi bersemuka, serta pengawalan kendiri.

Namun begitu, kajian ini turut menekankan bahawa kejayaan pelaksanaan dasar larangan telefon pintar tidak boleh bersifat sehala atau ditentukan semata-mata oleh pihak atasan sekolah. Sebaliknya, ia perlu melibatkan pelajar, guru, dan pihak pengurusan sekolah secara kolektif dalam proses pembentukan dasar. Apabila pelbagai pihak terlibat dalam merangka dan menyelaraskan pelaksanaan dasar, ia dapat mewujudkan rasa pemilikan bersama (shared ownership) yang seterusnya menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan. Dalam banyak kes yang dikaji, sekolah yang mengamalkan pendekatan perundingan bersama berjaya membina pemahaman dan sokongan yang lebih meluas dalam kalangan pelajar, sekaligus meminimumkan konflik dan pelanggaran dasar.

Menariknya, meskipun sesetengah sekolah membenarkan penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran apabila diarahkan oleh guru—seperti menjalankan kuiz dalam talian, merakam pembentangan, atau mengakses maklumat digital—data menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar sendiri menyokong sekatan yang dikenakan. Mereka mengakui bahawa larangan tersebut membantu mengekalkan fokus, meningkatkan disiplin kendiri, dan mengurangkan tekanan sosial yang sering timbul akibat perbandingan media atau keterdedahan berlebihan kepada dunia dalam talian.

Menariknya, data dari University of Birmingham (2025)[2] memberikan perspektif yang lebih seimbang terhadap keberkesanan larangan ini. Walaupun larangan telefon pintar di sekolah-sekolah di UK dilaporkan berjaya mengurangkan penggunaan peranti di dalam bilik darjah secara purata sebanyak 40 minit sehari, ia tidak

[1] https://www.theguardian.com/technology/2025/apr/20/parents-must-make-tough-choices-on-smartphones-says-childrens-commissioner-for-england

menunjukkan kesan yang signifikan terhadap masa skrin keseluruhan pelajar, tahap kesihatan mental, mahupun pencapaian akademik mereka secara umum. Ini mencerminkan hakikat bahawa larangan semata-mata, tanpa pendekatan yang lebih menyeluruh dan reflektif, tidak mencukupi untuk membentuk tabiat penggunaan teknologi yang sihat.

Implikasinya, pendekatan larangan perlu disokong dengan strategi yang lebih komprehensif yang merangkumi pendidikan literasi digital, pembangunan nilai kawalan kendiri, serta bimbingan tentang etika penggunaan teknologi. Sekolah bukan hanya perlu mengehadkan akses kepada peranti, tetapi juga membina kefahaman dalam kalangan pelajar tentang bagaimana dan bila teknologi boleh digunakan secara produktif dan bertanggungjawab. Ini termasuk mengintegrasikan topik seperti jejak digital, kesejahteraan dalam talian, pengurusan masa skrin, dan kesan psikologi media sosial ke dalam kurikulum atau aktiviti pengayaan. Hanya dengan pendekatan holistik ini, barulah matlamat pendidikan digital dapat dicapai secara lestari—bukan sekadar dengan penguatkuasaan, tetapi melalui pendidikan dan pembudayaan nilai yang mendalam.

Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu di Singapura, pendekatan yang bersifat seimbang amat diperlukan. Menghadkan penggunaan peranti peribadi di dalam bilik darjah Bahasa Melayu boleh membantu mengekalkan interaksi lisan secara langsung serta membina kemahiran komunikasi dalam suasana yang bebas daripada gangguan digital. Namun, seperti yang telah dibincangkan, larangan semata-mata tidak mencukupi; pendidikan literasi digital dan kerjasama dengan ibu bapa juga penting bagi membentuk pelajar yang bukan sahaja fasih berbahasa, tetapi juga celik teknologi secara etika dan bertanggungjawab.

[2] https://www.birmingham.ac.uk/news/2025/school-bans-alone-not-enough-to-tackle-negative-impacts-of-phone-and-social-media-use

Brazil: Pendekatan Tegas Terhadap Teknologi Demi Kesejahteraan Psikososial Pelajar

Brazil telah mengambil langkah yang amat tegas dalam menangani kesan negatif penggunaan teknologi secara berlebihan dalam kalangan pelajar. Pada tahun 2024, kerajaan negara tersebut meluluskan undang-undang baharu yang mengehadkan penggunaan telefon bimbit di sekolah, kecuali untuk tujuan akademik atau keperluan kesihatan mental (AP News, 2024)[3]. Tindakan ini berpaksikan pelbagai dapatan kesihatan awam yang menunjukkan hubungan langsung antara penggunaan berlebihan peranti digital dengan peningkatan gejala keresahan, kemurungan dan gangguan tidur dalam kalangan remaja sekolah rendah dan menengah.

Namun begitu, pelaksanaan sekatan ini berlaku dalam konteks cabaran struktur yang signifikan. Costa dan Doretto (2020) menjelaskan bahawa banyak sekolah awam di Brazil beroperasi dalam keadaan prasarana yang serba kekurangan—sambungan internet yang tidak stabil, bilangan peranti digital yang terhad, serta jurang digital yang ketara antara pelajar dari pelbagai latar belakang sosioekonomi. Di samping itu, wujud juga ketegangan budaya sekolah yang melihat teknologi bukan sebagai alat utama pengajaran, tetapi sebagai sesuatu yang perlu dikendalikan dengan berhati-hati berdasarkan keperluan sebenar pembelajaran. Justeru, tindakan menghadkan penggunaan teknologi di sekolah Brazil bukan sahaja bersifat reaktif terhadap kesan psikososial, tetapi turut mencerminkan realiti sistemik pendidikan yang menuntut pendekatan yang lebih insani dan kontekstual.

Langkah Brazil ini menggambarkan keprihatinan tinggi terhadap keperluan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih sihat dari sudut emosi dan kognitif. Ia menandakan peralihan daripada fokus terhadap akses teknologi semata-mata kepada penekanan terhadap kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan pelajar.

Dalam konteks Singapura, pendekatan Brazil ini memberikan teladan penting bagi pendidikan Bahasa Melayu, terutamanya apabila pelajar berdepan tekanan digital yang tinggi. Integrasi

[3] https://apnews.com/article/smartphones-brazil-restrictions-children-bab6fd0ac6a277441bbaab235f9bbad2

teknologi perlu berlaku secara berprinsip dan strategik—bukan hanya untuk meningkatkan 'penggunaan alat', tetapi untuk memperkukuh matlamat pembelajaran, interaksi sosial dan kesejahteraan mental murid. Pendidikan Bahasa Melayu tidak boleh kehilangan unsur perikemanusiaan dan interaksi bermakna hanya kerana terlalu ingin memodenkan bilik darjah.

Denmark: Mengehadkan Skrin Demi Pembelajaran Bermakna dan Hubungan Sosial

Denmark, yang sering dikenali sebagai negara progresif dalam dasar pendidikan, turut menyertai arus negara-negara yang mengehadkan penggunaan peranti digital di sekolah. Pada tahun 2024, Kementerian Pendidikan Denmark menyarankan agar sekolah mengehadkan penggunaan telefon pintar dan peranti lain selepas beberapa kajian nasional menunjukkan bahawa teknologi yang tidak dikawal telah memberi kesan negatif terhadap kemahiran literasi asas, interaksi sosial dan fokus pelajar dalam bilik darjah (Euronews, 2024)[4].

Sekatan ini tidak bermaksud menolak teknologi sepenuhnya, tetapi menekankan prinsip pedagogi yang mengekalkan interaksi bersemuka dan hubungan sosial sebagai teras pembelajaran yang mendalam dan autentik. Pelajar di Denmark dilaporkan menunjukkan peningkatan dalam kemahiran membaca, penulisan dan numerasi serta berinteraksi dengan lebih aktif dalam komuniti sekolah apabila penggunaan peranti dikawal secara berstruktur.

Satu lagi aspek kritikal yang semakin mendapat perhatian di kalangan sekolah-sekolah di Denmark ialah isu datafication — proses pengumpulan, analisis dan pengewangan data pelajar oleh syarikat teknologi yang menyediakan perkhidmatan pendidikan digital. Menurut kajian oleh Lai, Andelsman, dan Flensburg (2024), sebanyak 45 aplikasi dan laman web yang digunakan guru-guru di sekolah rendah Denmark telah diselidiki, dan didapati hampir kesemua perkhidmatan ini dikendalikan oleh syarikat komersial yang bukan sahaja mengumpulkan data pelajar untuk tujuan fungsi asas, tetapi turut menggunakannya untuk tujuan komersial seperti pengiklanan. Malah, kebanyakan versi percuma yang digunakan

[4] https://www.euronews.com/next/2024/10/08/back-to-old-school-schools-in-denmark-lock-in-smartphones-during-the-school-day

oleh pelajar di Denmark memuatkan pelbagai tracker pihak ketiga menjadikannya kurang selamat dari segi privasi. Penemuan ini menimbulkan persoalan tentang tanggungjawab guru dan sekolah-sekolah di Denmark dalam melindungi data pelajar supaya tiada eksploitasi data yang berlaku dalam usaha menggalakkan digitalisasi dalam pendidikan.

Situasi ini memberikan pengajaran penting untuk sistem pendidikan Bahasa Melayu di Singapura. Dalam konteks bilik darjah BM, yang menekankan komunikasi dan jalinan sosial, penggunaan teknologi perlu dipertimbangkan secara lebih kritikal agar tidak menjejaskan hubungan guru-pelajar, interaksi kumpulan, dan kebajikan digital murid. Teknologi seharusnya menjadi alat untuk memperkaya pembelajaran, bukan saluran komersialisasi yang tidak kelihatan. Pengalaman Denmark memberi peringatan bahawa perlindungan data, pemantauan polisi, dan pendekatan berhemah dalam pemilihan aplikasi pendidikan adalah sebahagian daripada tanggungjawab pedagogi masa kini.

STRATEGI SEGAR, SEDAR, PEDULI UNTUK PENGGUNAAN TEKNOLOGI YANG BERMAKNA DALAM KELAS BAHASA MELAYU

Konsep Pedagogi dan Penilaian Bahasa Melayu 2.0 melangkaui idea peningkatan teknologi semata-mata. Ia mewakili suatu anjakan paradigma ke arah pendekatan pembelajaran dan penilaian yang lebih reflektif, bersifat manusiawi, dan selaras dengan realiti pelajar zaman kini. Ia menggabungkan kemajuan digital, kesedaran pedagogi, dan kepedulian terhadap kesejahteraan—mewujudkan kelas Bahasa Melayu yang bukan sahaja berteknologi tinggi, tetapi juga berperikemanusiaan tinggi.

"2.0" bermaksud:

- Pembelajaran lebih kontekstual dan berasaskan pengalaman pelajar (Yong et al., 2024)

- Penilaian bersifat formatif, autentik, dan membina kefahaman (Benek, 2025; Donnelly et al., 2011)

- Teknologi yang disepadukan secara strategik, bukan dominan

- Ruang kelas yang mengutamakan komunikasi, kesejahteraan dan suara pelajar

Berbekalkan kerangka ini, tiga strategi utama: Segar, Sedar, dan Peduli, ditawarkan sebagai panduan untuk menjadikan pengajaran dan penilaian Bahasa Melayu lebih relevan, bermakna, dan berpaksikan kesejahteraan guru dan pelajar. Strategi ini dibina berasaskan dapatan kajian tempatan dan antarabangsa yang menunjukkan keperluan mendesak untuk menilai semula cara kita menggunakan teknologi dalam pendidikan.

Ia tidak bertujuan menolak kemajuan digital, tetapi menuntut kita untuk menggunakan teknologi dengan lebih berprinsip, berimbang dan berperikemanusiaan. Dalam bahagian-bahagian berikut, setiap strategi akan dihuraikan secara mendalam, bukan sekadar sebagai slogan kosong, tetapi sebagai kerangka tindakan untuk pendidikan Bahasa Melayu yang lebih segar dalam idea, sedar dalam pelaksanaan, dan peduli ke atas kesejahteraan sosioemosi pelajar dan guru.

Segar: Mencipta Pengalaman Pembelajaran yang Inovatif dan Relevan

Pendekatan Segar menekankan keperluan untuk menyuntik kreativiti, ketulenan (authenticity) dan keseronokan dalam pembelajaran Bahasa Melayu agar lebih serasi dengan cara berfikir, belajar dan berinteraksi pelajar Generasi Alfa (Yong, Zaid & Tasir, 2024). Generasi ini dibesarkan dalam persekitaran digital yang sangat visual, interaktif dan serba pantas—dunia di mana maklumat hadir dalam bentuk video pendek, cerita interaktif dan kandungan multimedia yang sentiasa berkembang. Oleh itu, strategi pengajaran yang terlalu linear, statik atau berasaskan hafalan semata-mata berisiko gagal menambat perhatian dan imaginasi mereka.

Sebaliknya, pembelajaran Bahasa Melayu perlu berani berevolusi, dengan membuka ruang untuk pelajar menjadi pencipta makna, bukan sekadar penerima ilmu. Ini bermakna memberi mereka peluang

untuk mengekspresikan diri dalam pelbagai medium, merangka naratif peribadi dan kolektif, serta mengaitkan pembelajaran bahasa dengan dunia sebenar yang mereka alami. Keberanian ini bukan semata-mata tentang menggunakan alat teknologi baharu, tetapi tentang mengubah cara guru melihat potensi pelajar sebagai komunikator, kreator dan penggerak masyarakat.

Segar juga membawa maksud melepaskan diri daripada bentuk penilaian dan pengajaran yang membosankan atau mekanikal, dan menggantikannya dengan pengalaman pembelajaran yang kontekstual, berasaskan projek dan memberi impak emosi. Apabila pelajar merasakan bahawa pembelajaran Bahasa Melayu bukan semata-mata untuk menjawab soalan peperiksaan, tetapi boleh digunakan untuk menyampaikan mesej, berkongsi suara dan membina hubungan dengan masyarakat, maka penglibatan mereka menjadi lebih bermakna.

Contohnya:

- **Podcast murid** sebagai bahan bagi penilaian kendiri lisan: pelajar merakam perbincangan isu sosial semasa, mengasah keupayaan bertutur, menyusun hujah dan kefasihan berbahasa (Bushi & Kristo, 2024).

- **Vlog projek komuniti:** pelajar merakam aktiviti masyarakat setempatnya atau warisan keluarganya dalam bentuk video dan membentangkannya dalam bahasa Melayu—menggabungkan literasi lisan, penulisan skrip dan kemahiran berfikir kritis.

- **Book Creator dan Canva** merupakan antara aplikasi yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar untuk menerbitkan penulisan kreatif dan rekaan visual mereka dalam format digital yang lebih hidup

Gamifikasi dalam pengajaran Bahasa Melayu tidak seharusnya terbatas kepada elemen permainan semata-mata, tetapi harus dimanfaatkan untuk membina pemahaman yang lebih mendalam dan kontekstual. Majuri et al. (2018) menegaskan bahawa pendekatan gamifikasi yang berkesan perlu merangkumi elemen kolaboratif dan naratif, bukannya sekadar memberi ganjaran seperti mata atau lencana. Dalam konteks kelas BM, pelajar boleh digalakkan untuk

mencipta watak dalam hikayat moden dan melakonkan peranan tersebut dalam suasana simulasi yang realistik—sama ada melalui platform realiti maya atau pentas bilik darjah—sebagai satu pendekatan pengajaran kemahiran lisan dan komunikasi yang segar, kreatif dan menyeronokkan.

Sedar: Integrasi Teknologi yang Bertujuan dan Terancang

Dalam era di mana pelbagai alat digital tersedia hanya dengan satu klik, cabaran sebenar dalam pendidikan bukan lagi tentang kekurangan akses kepada teknologi, tetapi tentang bagaimana dan mengapa ia digunakan. Pendekatan Sedar menekankan kepentingan integrasi teknologi yang bertujuan, beretika dan selari dengan niat pedagogi yang jelas. Ia menuntut guru untuk berfikir secara kritikal dan reflektif tentang setiap pilihan teknologi yang dibawa masuk ke dalam bilik darjah—bukan semata-mata mengikuti arus atau kerana arahan dasar, tetapi kerana ia benar-benar menyokong pembelajaran yang lebih mendalam dan bermakna.

Dalam konteks ini, **Sedar** bermaksud guru mampu menjawab tiga soalan asas sebelum menggunakan sebarang alat teknologi:

1) **Mengapa** saya menggunakan teknologi ini? Apakah nilai tambahnya terhadap pemahaman pelajar?

2) **Bagaimana** teknologi ini menyokong objektif pelajaran? Adakah ia memperkaya interaksi, membina kemahiran atau memudahkan refleksi?

3) **Bilakah** masa yang sesuai untuk tidak menggunakan teknologi (kerana kadangkala, sekadar pena dan kertas, atau perbualan bersemuka, lebih berkesan dan tulen).

Pendekatan ini menolak pandangan bahawa lebih banyak teknologi bermaksud lebih baik. Sebaliknya, ia menekankan bahawa keberkesanan teknologi bergantung pada kejelasan tujuan dan keupayaan guru mengarahkan penggunaannya secara strategik. Ini termasuk menilai kesesuaian alat digital berdasarkan konteks pelajar, kesediaan mereka, tahap keselesaan guru sendiri, serta kesan teknologi tersebut terhadap suasana emosi dan interaksi dalam kelas.

Kajian oleh Lai et al. (2024) menyokong prinsip ini dengan menunjukkan bahawa apabila teknologi digunakan untuk menghubungkan pembelajaran dengan minat dan pengalaman peribadi pelajar, tahap penglibatan dan motivasi meningkat secara signifikan. Sebagai contoh, apabila pelajar diberi ruang untuk menulis refleksi melalui platform seperti Padlet—dalam bentuk teks, gambar, atau video—mereka bukan sahaja menguasai kosa kata atau struktur bahasa, tetapi juga menemui suara peribadi mereka dalam bahasa yang dipelajari.

Pendekatan **Sedar**, justeru, bukan hanya berkenaan kawalan alat peranti, tetapi tentang penghayatan pedagogi yang bermakna. Ia menggalakkan guru menjadi pengguna teknologi yang arif—yang tahu bila untuk memperkenal, bila untuk menarik diri, dan bila untuk memberi ruang kepada pelajar untuk menggunakan teknologi dengan cara yang membina dan autentik.

Begitu juga, penggunaan teknologi untuk penilaian mestilah formatif dan membina, bukan sekadar mekanikal:

- **Lembaran kerja digital dengan maklum balas automatik** boleh dimanfaatkan untuk menilai penguasaan aspek-aspek seperti tatabahasa dan kosa kata secara berkesan dan pantas.

- **e-Portfolio digital** boleh digunakan oleh pelajar untuk merekod dan memantau perkembangan kemahiran menulis atau bertutur mereka secara berterusan dari semasa ke semasa

- **Rubrik digital** yang disediakan lebih awal dan boleh diakses oleh pelajar untuk menilai diri sendiri atau rakan sebaya

Dalam pendekatan **Sedar**, satu aspek yang pastinya diberi tekanan ialah kepekaan guru untuk mengenal pasti saat yang sesuai untuk mengetepikan penggunaan teknologi. Aktiviti seperti berbincang bersama teman, berbahas, berbual di depan kelas berkenaan topik-topik semasa secara spontan, dan pergaulan sosial kekal relevan dalam membina kecekapan komunikasi yang autentik serta membantu pelajar membentuk keyakinan diri dalam penggunaan Bahasa Melayu secara langsung.

Peduli: Menyantuni Kesejahteraan Sosioemosi Pelajar dan Guru

Akhirnya, pendekatan **Peduli** mengangkat dimensi insani dan emosi dalam pengajaran Bahasa Melayu 2.0. Di tengah-tengah desakan untuk memodenkan pendidikan dan mempercepatkan integrasi teknologi, kita tidak boleh mengabaikan bahawa guru dan pelajar adalah manusia—bukan mesin yang mampu menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan tanpa sokongan emosi dan mental. Pendekatan **Peduli** menuntut agar kesejahteraan murid dan guru sentiasa berada di pusat pertimbangan pendidikan digital, bukan hanya sebagai tambahan selepas semua alat telah dipasang dan sistem dilaksanakan.

Kelas Bahasa Melayu yang berpaksikan **Peduli** memberi perhatian bukan sahaja kepada apa yang dipelajari, tetapi bagaimana pelajar dan guru merasakan pengalaman pembelajaran itu. Adakah mereka rasa dihargai? Didengari? Diberi ruang untuk menjadi diri mereka yang sebenar? Teknologi tidak seharusnya melampaui keperluan ini, apatah lagi menggantikannya. Sebaliknya, ia perlu digunakan untuk menguatkan hubungan guru-murid, memperkasa suara pelajar, dan menyokong perkembangan sahsiah serta emosi mereka.

Kajian oleh Kulesza et al. (2011) mengetengahkan kebimbangan yang semakin relevan hari ini: tanpa kemahiran pengurusan kendiri dan literasi digital yang kukuh, penggunaan teknologi boleh membawa kesan sampingan yang merugikan. Ini termasuk tekanan emosi akibat maklumat berlebihan, gangguan tumpuan yang kronik, serta keletihan digital yang menjejaskan semangat dan kesihatan mental pelajar. Dalam dunia pasca-pandemik, pelajar menghadapi beban bukan sahaja dalam bentuk kerja sekolah, tetapi juga dalam bentuk pemberitahuan, perbandingan sosial dalam talian, dan jangkaan untuk sentiasa "berada dalam talian."

Oleh itu, pendekatan **Peduli** menggesa kita untuk bukan hanya mengajar pelajar bagaimana untuk menggunakan teknologi, tetapi juga bila untuk berehat daripadanya—dan mengapa itu penting. Ia menekankan keperluan membina pelajar yang sedar, reflektif dan berdaya tahan, yang mampu menggunakan teknologi dengan seimbang, bertanggungjawab dan beretika. Dalam hal ini, guru

juga perlu diberi ruang untuk menjaga diri mereka—melalui amalan pedagogi yang lestari, budaya kerja yang menyokong, dan kolaborasi yang berasaskan empati.

Pendekatan **Peduli**, dalam erti kata sebenar, menyeru kita untuk memanusiakan semula ruang pembelajaran digital, menjadikan kelas Bahasa Melayu bukan sekadar tempat untuk memindahkan ilmu, tetapi ruang untuk membina hubungan, ketahanan emosi dan nilai kemanusiaan dalam diri generasi baharu.

Dalam kelas Bahasa Melayu, ini boleh dilakukan melalui:

- **Refleksi digital mingguan:** "Bagaimana saya menggunakan masa saya secara produktif untuk tugasan ini?"

- **Jurnal emosi belajar** dalam Google Docs atau audio log: "Bagaimana perasaan saya ketika membuat tugasan ini?"

Guru juga perlu diberi kuasa membuat pilihan yang bijak tentang penggunaan teknologi, tanpa rasa tertekan untuk menggunakannya secara berterusan apabila pendekatan bukan digital lebih berkesan. Seperti contoh:

- Menggunakan platform pembelajaran digital atau alat interaktif hanya apabila bersesuaian dengan objektif pengajaran dan keperluan pelajar

- Menyertai komuniti pembelajaran profesional untuk berkongsi tekanan dan kejayaan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran digital

- Pemarkahan automatik seperti rubrik digital serta penilaian rakan sebaya (yang disokong rubrik yang sah) harus diiktiraf sebagai kaedah penilaian yang baik dan menyokong, di samping membantu mengurangkan beban pemarkahan berulang bagi guru.

Jelas, penting untuk kita memastikan guru mempunyai autonomi profesional untuk menentukan pendekatan yang paling sesuai bagi pelajarnya—kerana kepedulian yang sebenar dalam pendidikan merangkumi kesejahteraan kedua-dua pihak: pelajar dan guru.

KESIMPULAN

Dalam arus pendidikan yang semakin dipacu oleh teknologi dan data, makalah ini mengusulkan satu kerangka yang lebih seimbang dan bermakna dalam pengajaran dan penilaian Bahasa Melayu—kerangka yang berakar kepada prinsip Segar, Sedar dan Peduli. Konsep Pedagogi dan Penilaian Bahasa Melayu 2.0 bukan sekadar merujuk kepada penggunaan alat digital baharu, tetapi menandakan peralihan cara berfikir yang mendalam: daripada pengajaran yang berpusatkan kandungan kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar; daripada penilaian semata-mata untuk penggredan kepada penilaian sebagai alat pembinaan kefahaman, jati diri dan kesejahteraan.

Strategi Segar menyuntik inovasi dan keberkaitan dalam pembelajaran—menggunakan teknologi bukan untuk menggantikan guru, tetapi untuk memperluas horizon pelajar, memberi makna kepada bahasa yang dipelajari, dan menghubungkan mereka kepada budaya dan komuniti. Strategi Sedar memperingatkan kita bahawa teknologi harus digunakan dengan niat dan rancangan yang teliti, bukan mengikut arus atau trend. Guru memainkan peranan penting sebagai perancang pengalaman pembelajaran yang relevan, fleksibel dan berstruktur. Manakala strategi Peduli menuntut agar kita tidak melupakan asas pendidikan yang sebenar: hubungan antara guru dan pelajar, kesejahteraan emosi, dan pembinaan manusia yang utuh dan berdaya tahan.

Negara-negara seperti Sweden, Sepanyol, Perancis, United Kingdom, Brazil dan Denmark telah menunjukkan bahawa kemajuan teknologi dalam pendidikan harus ditangani dengan hati-hati dan pertimbangan yang mendalam. Singapura boleh belajar daripada langkah-langkah ini untuk membentuk ekosistem pembelajaran Bahasa Melayu yang lebih lestari dan holistik.

Akhirnya, pendidikan Bahasa Melayu dalam era digital memerlukan kita sebagai guru untuk berani menyegarkan pendekatan, sedar akan implikasi, dan peduli bukan sahaja terhadap kesejahteraan pelajar yang kita kasihi, tetapi juga kesejahteraan kita sendiri, sebagai pendidik. Hanya dengan gabungan ketiga-tiga nilai ini, kita dapat memastikan bahawa teknologi menjadi alat yang menyokong—bukan menggantikan—matlamat pendidikan yang sebenar. Pedagogi dan Penilaian Bahasa Melayu 2.0 ialah panggilan untuk merangka semula bukan hanya intipati yang diajarkan, tetapi bagaimana, mengapa dan untuk siapa kita mengajar.

RUJUKAN

Alizah Lambri & Zamri Mahamod (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar. Jurnal Personalia Pelajar, 18(1), Article 1. https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/147

Benek, K. (2025). EFL learners' and teachers' perceptions of AI-powered language learning technologies: Benefits and challenges. International Journal of Instruction, 18(2), 103–120. https://doi.org/10.29333/iji.2025.1827a

Bushi, J., & Kristo, E. (2024). Harmonizing technology and language: The innovative role of podcasts in German language learning in Albania. 9th International Modern Sciences Congress, Baku, Azerbaijan, 102–114.

Cai, Q., Lin, Y., & Yu, Z. (2023). Factors influencing learner attitudes towards ChatGPT-assisted language learning in higher education. International Journal of Human–Computer Interaction, 40(22), 7112–7126. https://doi.org/10.1080/10447318.2023.2261725

Costa, D., & Doretto, J. (2020). Limiting the digital in Brazilian schools: Structural difficulties and school culture. In C. Donnelly, K. G. Kinder, & A. G. Taylor (Eds.), The Routledge Companion to Digital Media and Children (1st ed., pp. 10). Routledge. https://ebrary.net/286826/sociology/limiting_digital_brailian_schools_structural_difficulties_school_culture

Donnelly, D., McGarr, O., & O'Reilly, J. (2011). A framework for teachers' integration of ICT into their classroom practice. Computers & Education, 57(2), 1469–1483. https://hdl.handle.net/10344/2340

Evurulobi, C. I., Dagunduro, A. O., & Ajuwon, O. A. (2024). Language learning technologies: A review of trends in the USA and globally. World Journal of Advanced Research and Reviews, 23(3), 2697–2707. https://doi.org/10.30574/wjarr.2024.23.3.2851

Forsler, I., & Guyard, C. (2023). Screens, teens and their brains. Discourses about digital media, learning and cognitive development in popular science neuroeducation. Learning, Media and Technology, 1–14. https://doi.org/10.1080/17439884.2023.2230893

Gath, J., Westling Allodi, M., Hatami, J., & Gebremichael, M. D. (2024). Smartphones at School: A Mixed-Methods Analysis of Educators' and Students' Perspectives on Mobile Phone Use at School. Education Sciences, 14(4), 351. https://doi.org/10.3390/educsci14040351

Jordans, F. (2023, September 5). Sweden brings back textbooks and handwriting practice to combat screen overuse in schools. AP News. https://apnews.com/article/1dd964c628f76361c43dbf3964f7dbf4

Koivisto, J., & Hamari, J. (2018). The rise of motivational information systems: A review of gamification research in education and learning. Dalam J. Koivisto & J. Hamari (Eds.), Proceedings of the 2nd International GamiFIN Conference (GamiFIN 2018), Pori, Finland, May 21–23, 2018 (pp. 11–19). CEUR Workshop Proceedings, Vol. 2186. http://ceur-ws.org/Vol-2186/

Korkmaz, S., & Öz, H. (2021). Using Kahoot to improve reading comprehension of English as a foreign language learners. International Online Journal of Education and Teaching (IOJET), 8(2), 1138–1150.

Kukulska-Hulme, A., & Traxler, J. (2013). Design principles for mobile learning. Dalam H. Beetham & R. Sharpe (Eds.), Rethinking pedagogy for a digital age: Designing for 21st century learning (2nd ed., pp. 244–257). Routledge.

Kulesza, J., DeHondt, G., & Nezlek, G. (2011). More Technology, Less Learning? Information Systems Education Journal, 9(7), 4–13. https://eric.ed.gov/?id=EJ1136848

Lai, C., Chen, Q., Wang, Y., & Qi, X. (2024). Individual interest, self-regulation, and self-directed language learning with technology beyond the classroom. British Journal of Educational Technology, 55(1), 379–397. https://doi.org/10.1111/bjet.13366

Lai, S. S., Andelsman, V., & Flensburg, S. (2024). Datafied school life: The hidden commodification of digital learning. Learning, Media and Technology, 49(3), 371–387. https://doi.org/10.1080/17439884.2023.2219063

Lee, Y. K., Mohd Zaid, N., & Tasir, Z. (2024). Optimizing online learning for Generation Alpha: Insight from elementary students in Malaysia. Innovative Teaching and Learning Journal, 8(1), 123–134.

Majuri, J., Koivisto, J., & Hamari, J. (2018). Gamification of education and learning: A review of empirical literature.

Moreno-Morilla, C., Guzmán-Simón, F., & García-Jiménez, E. (2021). Digital and information literacy inside and outside Spanish primary education schools. Learning, Culture and Social Interaction, 28, 100455. https://doi.org/10.1016/j.lcsi.2020.100455

Randhawa, A., Pallan, M., Twardochleb, R., Adab, P., Al-Janabi, H., Fenton, S., Jones, K., Michail, M., Patterson, P., Sitch, A., Wade, M., & Goodyear, V. A. (2024). Secondary school smartphone policies in England: A descriptive analysis of how schools rationalize, design, and implement restrictive and permissive phone policies. Journal of Research on Technology in Education. https://doi.org/10.1080/15391523.2024.2363204

Sun, S. Y. H. (2011). Online language teaching: The pedagogical challenges. Knowledge Management & E-Learning: An International Journal, 3(3), 428–442.

UNESCO. (2023). 2023 GEM report: Technology in education: A tool on whose terms? - UNESCO Digital Library. https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000386165

Yaman, I. (2016). The potential benefits of podcasts for language learning. Journal of Educational and Instructional Studies in the World, 6(1), 60–66.

Zboun, J. S., & Farrah, M. (2021). Students' perspectives of online language learning during Corona pandemic: Benefits and challenges. Indonesian EFL Journal, 7(1), 13–20. https://doi.org/10.25134/ieflj.v7i1.3986

MAKALAH 8

Penerapan Digital dan Pedagogi Inovatif dalam Mempelajari Artifak Budaya

Muhamad Rafi Abu Bakar
Guru Pakar



Nurul Huda Muhammad Yassin
Guru Kanan



Elyyah Kamsin
Guru Kanan



ABSTRAK

Mempelajari artifak budaya merupakan satu cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Perkara ini menjadi lebih mencabar dalam mendidik peribumi digital (Digital Natives) yang terpisah jauh dengan artifak budaya baik dari segi pengetahuan dan ilmu mahupun mengapresiasi nilai artifak budaya. Kajian ini bertujuan untuk meninjau impak pendigitalan dan pedagogi inovatif dalam mempelajari artifak budaya dalam kalangan peribumi digital yang berada di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kajian yang bersifat eklektik ini menggabungkan kajian kualitatif dan kuantitatif. Dua pedagogi inovatif telah diterapkan untuk menjadikan pembelajaran mesra pelajar iaitu Pedagogi Gamifikasi dan Pedagogi Pembelajaran berasaskan Pengalaman. Bagi menyokong perlaksanaan ini, penggunaan portal pelajar yang dikenali sebagai Student Learning Space (SLS) atau Ruang Pembelajaran Pelajar telah digunapakai untuk memudahkan pelaksanaan pembelajaran ini. Dapatan awal yang berupa maklum balas 7245 orang pelajar mendapati pelajar berasa seronok mempelajari artifak budaya, pelajar juga mahu mendalami pengetahuan mereka tentang artifak budaya yang lain dan berpendapat, penggunaan media baharu yang pelbagai dapat membantu pelajar dalam mempelajari artifak budaya. Dapatan ini juga mengesahkan pembelajaran tentang artifak budaya ini dapat menambah nilai pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Kata Kunci: pedagogi inovatif; pembelajaran artifak budaya; pedagogi gamifikasi; pedagogi pembelajaran berasaskan pengalaman

PENGENALAN

Bahasa dan kebudayaan merupakan dua hal yang berbeza, namun mempunyai hubungan yang sangat erat, sehingga tidak dapat dipisahkan (Abusyairi, 2013). Dalam sistem pendidikan di Singapura, Visi Arif Budiman menetapkan satu hala tuju bagi guru dan pelajar Bahasa Melayu untuk membina kefasihan berbahasa dan penghayatan nilai dan budaya Melayu serta memberikan sumbangan kepada pembangunan masyarakat dan negara (MOE, 2021a). Justeru, dalam sistem pendidikan bahasa ibunda di Singapura, pembelajaran artifak budaya menjadi salah satu perkara yang penting dalam pemerolehan dan pemahaman pelajar terhadap budaya masyarakat Melayu.

Mempelajari artifak budaya merupakan satu cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Justeru itu, Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) berusaha menghidupkan pengajaran dan pembelajaran artifak budaya melalui program Jejak Budaya. Program Jejak Budaya merupakan program lawatan sambil belajar. Dalam program ini sekolah-sekolah akan hadir secara bersemuka di MLCS untuk meneroka beberapa bidang budaya melalui pelbagai aktiviti permainan stesen di sekitar MLCS. Guru-guru dari sekolah yang terpilih akan datang ke MLCS bersama-sama pelajar untuk menjalani pembelajaran tentang artifak budaya. Program ini menjadi rebutan kerana bilangan tempat yang amat terhad. MLCS hanya dapat menampung bilangan maksimum 10 buah sekolah (sekolah rendah dan sekolah menengah) pada setiap tahun bagi seluruh Singapura. Bilangan ini juga tertakluk pada jadual yang telah ditetapkan MLCS. Jika jadual sekolah tidak mengizinkan, tempat bagi sekolah yang dipilih akan diberikan kepada sekolah yang lain. Tambahan, setiap kali program pembelajaran budaya ini dijalankan, ia akan melibatkan kakitangan di MLCS yang berjumlah 20 orang.

Melalui program ini, pelajar dikenalkan dengan artifak budaya Melayu seperti busana dan perhiasan wanita - sanggul, dokoh dan pending, persenjataan Melayu seperti keris dan sumpit, jenis-jenis ikat kepala seperti tanjak dan semutar, peralatan muzik Melayu seperti gendang dan rebana, permainan tradisional Melayu seperti gasing, lambung kain, kelereng dan banyak lagi artifak yang terdapat di pusat sumber MLCS. Program ini telah dijalankan sejak tahun

2015. Bilangan sekolah yang dapat memanfaatkan program ini pada 2019 misalannya berjumlah sebanyak 9 buah sekolah iaitu 6 sekolah rendah dan 3 sekolah menengah. Bilangan purata pelajar yang dapat ditampung menjalani program ini berjumlah 384 orang pelajar. Secara umumnya, program yang mengutamakan pembelajaran artifak budaya ini mendapat sambutan yang memberangsangkan. Usaha ini telah dijalankan dengan jayanya selama lima tahun dari 2015 hingga 2019.

Namun begitu, ketika pandemik COVID-19 melanda, program ini terpaksa diberhentikan. Program ini telah terhenti untuk jangka masa 4 tahun (2019 hingga 2022) atas sebab-sebab mengekang penularan virus dan langkah-langkah keselamatan awam yang telah ditetapkan pemerintah. Pandemik COVID-19 benar-benar menguji daya bingkas sistem pendidikan, guru-guru, para pelajar dan juga pemegang taruh dalam dunia pendidikan. Program Jejak Budaya terpaksa dihentikan atas dasar mengawal penularan wabak COVID-19.

Sebaik sahaja keadaan mula reda pada tahun 2021, secara berdikit-dikit, permintaan daripada guru-guru dan pihak sekolah mula didengari semula melalui maklum balas guru dan pertanyaan-pertanyaan yang dibuat guru mengenai program ini. Namun, keadaan pada ketika itu masih belum lagi pulih sepenuhnya. Maka, MLCS perlu memikirkan cara memenuhi permintaan guru dan pihak sekolah agar pembelajaran budaya melalui artifak ini dapat dihidupkan semula dan pada masa yang sama dijalankan dalam keadaan selamat daripada penularan yang masih belum reda. Menghidupkan semula program ini merupakan satu usaha yang sangat mencabar. Pada ketika itu, keadaan kesejahteraan pelajar telah menjadi keprihatinan banyak institusi pendidikan kerana aspek keseimbangan psikologikal, sosial, emosi dan fizikal pelajar merupakan aspek yang sangat penting (Flinchbaugh et al., 2012; Mahatmya et al., 2018) lebih-lebih lagi pada zaman pandemik. Keprihatinan tentang kebajikan pelajar juga turut mendapat perhatian Kementerian Pendidikan (MOE, 2021b) yang senantiasa memantau keadaan COVID-19 yang dikatakan telah meningkatkan tekanan terhadap pelajar.

Justeru itu, Program Jejak Budaya (dalam talian) dimulakan pada tahun 2023 sebagai pengganti program lawatan sambil belajar yang sebelum ini diadakan secara bersemuka di MLCS agar dapat

dimanfaatkan oleh lebih ramai guru dan pelajar di Singapura dalam proses pembelajaran dan penghargaan artifak budaya Melayu. Yang nyata, program ini tidak dapat dilaksanakan seperti zaman sebelum COVID-19 kerana suatu kaedah pembelajaran budaya yang dapat dikembalikan dan dijalankan dengan mudah, selamat dan tidak membimbangkan pelbagai pemegang taruh pendidikan diperlukan. Seperti mana yang digagaskan (Ali, 2020; Webb et al., 2020) perlu untuk mentransformasikan bentuk pembelajaran kepada bentuk dalam talian yang memerlukan set kemahiran, proses dan kaedah yang berbeza. Justeru, dengan melakukannya dalam talian, program ini dapat menggabungkan sumber multimedia interaktif, seperti video, animasi, dan simulasi maya, serta menjadikan pembelajaran bahasa dan budaya Melayu lebih menarik dan boleh diakses oleh pelajar dari semua peringkat (dalam situasi ini, peringkat sekolah rendah dan menengah di Singapura). Mentelah lagi, pelajar masa kini merupakan pelajar peribumi digital atau Digital Natives. Sebagai peribumi digital, sepanjang hidup mereka sudah diterapkan dengan teknologi, dan menjiwai kemahiran teknikal yang canggih dan mempunyai kecenderungan tertentu terhadap pembelajaran yang sering kali tidak disediakan dalam sistem pendidikan tradisional (Bennett, Maton, & Kervin, 2008). Golongan pelajar ini juga terpisah jauh dengan artifak budaya baik dari segi pengetahuan dan ilmu mahupun mengapresiasi nilai artifak budaya.

Antara pendekatan yang dipertimbangkan adalah dengan menggunakan wahana digital kerana mahu memaksimumkan penggunaan teknologi digital yang terdapat di sekolah-sekolah. Penggunaan ini pula perlu disokong dengan pedagogi yang inovatif, berkesan dan bermakna. Maka, kajian ini bertujuan untuk meninjau impak penerapan digital dan pedagogi inovatif dalam mempelajari artifak budaya dalam kalangan peribumi digital yang berada di peringkat sekolah rendah dan menengah.

KAJIAN LEPAS

Sepanjang dekad yang lalu, penyebaran teknologi maklumat dalam pendidikan telah berkembang dengan pesat. Penggunaan meluas telepersidangan (teleconferencing), e-pembelajaran, dan kemajuan lain yang melibatkan teknologi telekomunikasi telah banyak mempengaruhi proses pendidikan dengan cara yang melengkapi dan kadang kala menggantikan kaedah tradisional

seperti sesi pengajaran bersemuka (Bennet, Mims, & Mckenzie, 2002; Donovan, Figlio & Rush, 2006; Figlio, Rush & Yin, 2013; Kearsley, 2000; Schreiber & Berge, 1998). Semenjak kehadiran COVID-19, pembelajaran dalam talian serta pendigitalan pembelajaran pelajaran sudah menjadi satu norma dalam masyarakat dan sistem pendidikan. Vorobyov (2024) berpendapat bahawa pendidikan sedang menjalani satu transformasi revolusi dalam era yang ditandai dengan pesatnya kemajuan teknologi. Jika pada satu masa dahulu, teknologi yang digunakan dalam dunia pendidikan dilihat sebagai wahana pemudah cara, kini teknologi dalam pendidikan membentuk bagaimana pelajar berinteraksi dengan rakan pelajar, dengan kandungan pelajaran, berinteraksi dengan guru dan menggunakan wadah dan wahana teknologi di sekolah. Penggunaan teknologi kini mendefinisikan semula kaedah pembelajaran tradisional dan membuka ruang dan peluang terhadap rasa kepemilikan pendidikan yang mampu membina kekuatan komuniti pembelajaran. Ini termasuklah meraikan kepelbagaian kemahiran dan latar anggota, menggalakkan rasa kebersamaan dan komuniti yang menggalakkan kolaborasi dan komunikasi yang membuka ruang kepada dialog yang terbuka, mendengar dan memberikan hak bersuara. Apa yang kita perlu jelas ialah penerapan teknologi digital memerlukan pendekatan yang pelbagai yang melibatkan institusi pendidikan, kementerian, malah syarikat-syarikat pengendali teknologi juga memainkan peranan dalam menyediakan aplikasi mahupun portal-portal pendidikan. Antara persoalan yang perlu difikirkan secara mendalam adalah cara program ini mahu dihidupkan kembali dengan cara yang lebih selamat memandangkan pada waktu itu, ibu bapa pelajar masih lagi berasa bimbang dan bersikap berhati-hati. Justeru, teknologi dapat menyokong dalam mereka bentuk pembelajaran artifak budaya di samping mengatasi cabaran pembelajaran.

Artifak budaya merupakan objek buatan manusia yang merupakan cerminan budaya bangsa. Artifak budaya juga menjadi cerminan sejarah, amalan, nilai, kepercayaan dan juga teknologi sesuatu bangsa ketika sesuatu artifak itu dicipta dan diguna pakai. Crossman (2020) menyifatkan artifak budaya sebagai bahan budaya yang dihasilkan sesebuah masyarakat. Artifak ini boleh berbentuk seperti alat-alat pertukangan, hasil kerja seni dan juga manuskrip kuno. Dalam rujukan dunia moden, wujud bahan seperti buku, muzik, filem malah kandungan-kandungan yang dihasilkan

dalam bentuk digital. Artifak ini sebenarnya menjadi saksi bagaimana sesuatu bangsa itu hidup dan menceritakan perihal kisah-kisah tentang manusia yang hidup dalam zaman tersebut. Menurut Olick (1999), artifak budaya merujuk kepada apa jua simbol yang mudah didapatkan orang awam dan menjadi pemangkin bagi penciptaan dan pengekalan memori budaya. Maka itu, ia penting untuk mendidik para pelajar tentang artifak budaya Melayu yang mungkin telah terpisah jauh dari memori pengetahuan mereka. Program ini dapat merapatkan jurang, menambahkan ilmu tentang budaya dan kebudayaan Melayu kepada pelajar. Dengan mengajarkan tentang artifak budaya, pelajar dapat memahami secara mendalam dan bermakna akan budaya sesuatu bangsa. Dalam hal ini, yang mahu disasarkan adalah budaya Melayu.

Sehubungan itu, pendigitalan telah mentransformasi kemahiran yang diperlukan dunia moden dan warga yang bekerja sekiranya mereka melibatkan diri dengan jayanya dalam ekonomi moden yang bersifat global. Pendigitalan juga telah mengubah cara pelajar belajar dan cara institusi menyampaikan pendidikan (Webb et al., 2020). Ware, T.(2022) menyenaraikan 20 manfaat yang akan diraih syarikat perniagaan sekiranya melakukan transformasi digital. Menurut Ware lagi, 20 manfaat ini bila digabungkan akan menghasilkan satu proses yang menjimatkan kos, meningkatkan produktiviti dan pulangan yang lebih. Yadav (2024) pula berpendapat bahawa pembelajaran secara digital sudah menjadi satu revolusi dalam dunia pendidikan yang senantiasa berubah dengan pantas, mencabar paradigma pengajaran dan pembelajaran yang sudah mantap. Pembelajaran secara digital merangkumi kaedah pengajaran yang luas, kursus dalam talian, bilik darjah dalam talian, simulasi yang bersikap interaktif dan pembelajaran secara adaptif. Pentingnya pembelajaran secara digital menawarkan banyak manfaat dalam mempersiapkan pelajar untuk menghadapi abad ke-21. Dalam hal ini, sekiranya artifak budaya Melayu diterapkan dalam usaha pengajaran dan pembelajaran, pasti banyak juga manfaat yang akan diraih. Ini disebabkan pelajar peribumi digital ini akan menjadi lebih teruja dan dapat menyerap pembelajaran dengan lebih mendalam.

Pembelajaran Digital juga boleh menjadi jambatan kepada jurang kedaerahan atau geografi. Pelajar dapat mengakses pembelajaran dan kandungan pelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja mengikut profil dan kebolehan mereka. Pembelajaran secara

digital sudah pasti dapat melibatkan pelajar dalam pembelajaran. Bahan pembelajaran digital juga dapat dicorakkan dan dibina secara interaktif agar pelajar dapat berinteraksi dengan bahan, dengan rakan dan dengan guru secara dalam talian. Dalam hal ini perkongsian ilmu juga dapat digalakkan. Pelajar juga dapat berkolaborasi dan berkomunikasi secara dalam talian dan didedahkan dengan wahana teknologi yang dapat menjadikan pelajaran lebih bermakna. Justeru, dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi yang begitu pantas, pembelajaran secara digital perlu diteroka untuk memastikan pelajar kita tidak ketinggalan dalam usaha menimba ilmu dan menyediakan pelajar kita untuk menghadapi kehidupan abad ke-21.

Bahana itu, dalam program Jejak Budaya dalam talian, pelaksanaan pembelajaran secara digital perlu disokong dengan pedagogi yang tepat dan berkesan agar dapat memaksimumkan pengajaran dan pembelajaran. Pedagogi merupakan nadi dalam pengajaran dan pembelajaran dan mampu menjadikan pelajar, seorang pelajar sepanjang hayat yang dilengkapkan dengan pengetahuan dalam satu-satu subjek dan kemahiran sosial yang berkesan memerlukan pengetahuan yang mendalam tentang bagaimana pedagogi itu mempengaruhi pembelajaran. Miller (2018) pula berpendapat, guru sebenarnya ialah seorang pereka pembelajaran yang mampu menciptakan ruang dalam memperkasakan setiap pelajar untuk belajar.

Dalam memilih pedagogi yang terbaik, OECD (2018), mengetengahkan 6 kelompok pedagogi inovatif. Keenam-enam kelompok pedagogi tersebut ialah Pembelajaran Teradun, Gamifikasi, Pelbagai Literasi, Pembelajaran Terkandung, Pembelajaran Pengalaman dan Pemikiran Pengkomputeran (sila rujuk Rajah 1). Keenam-enam kelompok pedagogi inovatif ini digunakan untuk mereka cipta persekitaran pembelajaran yang membuat pelajar melibatkan diri, berkesan dan berpusatkan pelajar. Pedagogi yang disenaraikan ini dapat membina pembelajaran yang mendalam, pemikiran kritis, dan membina kemahiran utama yang penting untuk mencapai kejayaan dalam abad ke-21.

Rajah 1: 6 Kelompok Pedagogi Inovatif (OECD)



Dua pedagogi pilihan yang aktif diterapkan dalam program mempelajari artifak budaya ini ialah pedagogi Gamifikasi dan pedagogi Pembelajaran Pengalaman yang dianggap sebagai pedagogi inovatif yang sesuai jika diterapkan dalam penerapan digital dalam mempelajari artifak budaya.

Pedagogi Pembelajaran Pengalaman merujuk kepada pendekatan yang menitik beratkan aktiviti amali, pengalaman dunia sebenar sebagai kunci utama kaedah bagi pengajaran dan pembelajaran. Pedagogi ini juga meluaskan peluang pembelajaran berasaskan pengalaman yang wujud apabila peserta yang bertanggungjawab secara peribadi memproses pengetahuan, kemahiran, dan/atau sikap secara kognitif, afektif, dan tingkah laku dalam situasi pembelajaran yang dicirikan oleh tahap penglibatan aktif yang tinggi (Gentry, 1990). Dalam program Jejak Budaya (dalam talian), guru bertindak selaku fasilitator yang memandu pengajaran dan pembelajaran dan bukan sekadar penyampai maklumat. Guru menyesuaikan bahan yang disediakan MLCS untuk profil pelajar masing-masing, lantas, mengarahkan pengalaman pembelajaran pelajar masing-masing. Justeru, pedagogi ini fokus kepada memberikan pengalaman yang praktikal yang dapat membantu pelajar membina pengetahuan, kemahiran dan pemahaman terhadap sesuatu bidang subjek. Pedagogi ini dapat membantu pelajar memahami isu-isu kompleks dan memperoleh kemahiran yang berharga yang penting dalam kehidupan mereka.

Pedagogi Gamifikasi merujuk kepada strategi dan prinsip gamifikasi untuk memperbaik proses pengajaran dan pembejalaran. Secara ringkas, gamifikasi dipercayai dapat menyokong pembelajaran yang berkesan (Connolly, Boyle, MacArthur, Hainey, & Boyle, 2012; Wouters, van Nimwegen, van Oostendorp, & van der Spek, 2013), meningkatkan proses pemikiran (Sánchez & Olivares, 2011; Yang, 2015), dan meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah (Akcaoglu & Koehler, 2014; van de Sande, Segers, & Verhoeven, 2015) dalam diri pelajar. Pendekatan ini mengintegrasikan elemen permainan seperti cabaran, ganjaran dan maklum balas digunakan dalam aktiviti pembelajaran untuk meningkatkan motivasi, dan keupayaan mengekalkan maklumat yang dipelajari dan ini dapat meningkatkan juga pelibatan pelajar dalam pembelajaran. Dengan menerapkan gamifikasi sebagai pedagogi, guru dapat mencipta lebih banyak ruang interaksi, persaingan yang sihat dalam kalangan pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Ini akan menggalakkan pelibatan aktif pelajar, memberikan pelajar pengalaman berkolaborasi dalam pembelajaran dan meningkatkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar. Langkah ini penting untuk menyediakan pelajar melangkah masuk dalam abad ke-21.

Pengajaran berasaskan pengalaman dapat menyediakan peluang praktikal kepada pelajar dan pedagogi gamifikasi dapat menggabungkan elemen berasaskan permainan untuk memupuk motivasi, cabaran dan keseronokan dalam pembelajaran. Program Jejak Budaya direka bentuk dengan tujuan untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong yang membolehkan penerokaan pelajar, di samping memberikan bimbingan dan maklum balas yang jelas. Ia menggabungkan aktiviti yang memberi pengalaman yang menarik bagi pelajar dengan mengintegrasikan unsur budaya dan tradisi Melayu ke dalam kurikulum untuk menjadikan pengalaman pembelajaran lebih relevan dan bermakna untuk pelajar. Ini boleh membantu membina asas yang kukuh untuk pemahaman dan penghayatan budaya (Azilawati Jamaludin, 2024).

METODOLOGI

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan responden dari 79 sekolah rendah dan menengah dan melibatkan 7245 orang pelajar sekolah di Singapura. Pelajar-pelajar ini merupakan kumpulan perintis yang menggunakan program Jejak Budaya dalam talian yang menggunakan artifak budaya sebagai kandungan bahan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini telah dijalankan pada akhir tahun akademik November 2023.

Melalui pascaprogram yang dijalankan, guru-guru dan pelajar diminta untuk melengkapkan tinjauan bagi MLCS meneliti dan menganalisis data dalam usaha memperbaik program dan aktiviti yang dijalankan dalam talian. Data yang diambil merupakan data analisis kualitatif dan kuantitatif berdasarkan tinjauan yang dilakukan yang melibatkan guru dan pelajar. Selain maklum balas guru dan pelajar sebagai data kualitatif, gambar-gambar pelajar melakukan aktiviti yang dikirimkan juga dianalisis dan dikod mengikut tema-tema tertentu bagi menilai keberkesanan program.

Fasa Kajian

Kajian ini telah dijalankan secara berfasa-fasa. Proses ini penting bagi memastikan pemantauan secara berterusan dapat dilakukan dan pelajar dapat berasa seronok semasa menjalani proses pembelajaran:


1. **Fasa Pertama** – Fasa Persediaan.

2. **Fasa Kedua** – Fasa Uji Cuba.

3. **Fasa Ketiga** – Fasa Pelaksanan Bahan Digital di sekolah.

4. **Fasa Keempat** – Fasa Maklum Balas. Sila rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Empat Fasa Kajian



Fasa persediaan telah dijalankan bermula pada tahun 2022 dengan konseptualisasi bahan kandungan yang mahu didigitalkan, diperhalusi dan dijadikan prototaip. Ini diikuti dengan lakaran carta alir peta perlaksanaan yang mencartakan aktiviti dalam dan di luar talian, meneroka peralatan seperti kamera Insta360, kamera GoPro dan aplikasi dalam talian yang terkini yang mesra pelajar yang terdapat di pasaran. Satu lagi pemilihan yang perlu dipertimbangkan adalah pedagogi yang akan menyokong pelaksanaan pendigitalan bahan ini. Perkara ini penting bagi memastikan guru dan pelajar dapat melaksanakan program ini dengan berkesan dan bermakna.

Fasa kedua atau fasa uji cuba ini dilaksanakan dengan mengenal pasti sekolah-sekolah yang mempunyai prasarana teknologi dan tenaga pengajar yang 'mahir teknologi'. Perkara ini juga perlu mendapat sokongan pengetua sekolah. Setelah mengenal pasti beberapa buah sekolah untuk dijalankan uji cuba, hanya sebuah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah bersedia menyahut cabaran. Setelah uji cuba dijalankan, maklum balas guru dan pelajar diterima untuk menambah nilai kandungan program. Berdasarkan maklum balas, bahan digital ini dibaik pulih dan ditambah nilai. Antara tambah nilai yang dilakukan adalah menyediakan fitur bagi guru memerancah pembelajaran dan memantau perkembangan pelajar sepanjang menjalani pembelajaran digital ini. Perlunya juga dipertimbangkan keperluan pelajar yang mempunyai pelbagai profil pembelajaran. Penerapan pendekatan Differentiated Instruction atau Pengajaran Pembezaan juga turut menjadi pertimbangan agar guru dapat mencorakkan pengajaran mengikut profil pelajar dan melibatkan setiap pelajar.

Fasa Ketiga merupakan fasa pelaksanaan iaitu pasukan pengkaji memasarkan program ini kepada sekolah-sekolah melalui pelbagai cara. Pertama, MLCS telah berusaha memasarkan program ini kepada sekolah-sekolah pada awal tahun melalui pemberitahuan dan poster (Sila rujuk Rajah 3) semasa pertemuan awal tahun dan melalui e-mel secara massa. Banyak usaha meyakinkan guru dan pihak sekolah telah dijalankan. Jika dahulu pihak MLCS akan menyediakan segala peralatan dan bahan-bahan aktiviti dengan lengkap, pada kali ini guru-guru di sekolah perlu menyediakan segala peralatan dan kelengkapan untuk memastikan akitivi yang dijalankan akan berlangsung dengan jayanya. Pemantauan pelaksanaan program dilakukan dengan teliti. Kedua, MLCS juga berusaha untuk memastikan komunikasi secara dalam talian dengan pihak guru dan sekolah yang harus digalas dengan pantas dan jelas. E-mel rasmi yang dihantarkan perlu mengikut protokol dan segala urusan surat menyurat dilaksanakan oleh pasukan pengkaji seramai 3 orang pegawai.



Fasa keempat merupakan fasa menganalisis maklum balas. Pada dasarnya, setiap maklum balas yang diterima akan dipantau sebaik sahaja diterima. Peringatan dari masa ke masa juga diberikan kepada pihak sekolah agar proses memberikan maklum balas tidak diabaikan, Jadual 1 merupakan ringkasan pelaksanaan fasa demi fasa program ini.

Jadual 1: Perancangan dan Pelaksanaan Program

Tahun	Perkara	Tindakan
Fasa Persediaan - Fasa Penjanaan Idea		
2022	• Konseptualisasi Idea • Meneroka peralatan dan aplikasi dalam talian • Pertimbangan Pedagogi Inovatif - 6 Pedagogi Inovatif yang disarankan OECD	• Proses meneroka dan membaca bahan yang relevan • Proses sumbang saran, perbincangan dan menjana idea • Melakukan kajian internet • Meneroka perisian-perisian dalam talian yang mesra pengguna dan mudah digunakan pelajar
Fasa Kedua – Fasa Uji Cuba		
2022	• Menjalankan Uji Cuba di sekolah-sekolah	• Menjalankan Uji Cuba di sebuah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah • Menambah nilai berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh sekolah-sekolah uji cuba

Tahun	Perkara	Tindakan
Fasa Ketiga – Fasa Pelaksanaan		
2023	• Memasarkan Program kepada sekolah melalui Pertemuan dan e-mel secara massa ke semua sekolah • Program Digital Dalam Talian Dijalankan (Jan-Nov)	• Program rintis ini melibatkan 79 buah sekolah (47 sekolah rendah 32 sekolah menengah)
Fasa Keempat – Maklum Balas		
2023 Nov	• Mengumpul dan menganalisis maklum balas guru dan pelajar yang mengambil bahagian	• Pengumpulan maklum balas dari 79 buah sekolah (47 sekolah rendah 32 sekolah menengah)

Setiap fasa kajian ini perlu melalui proses kitaran kajian tindakan yang melibatkan proses merancang, mengambil tindakan, memantau dan melakukan refleksi. Sesi kolokium di akhir setiap fasa membantu mencerahkan persoalan dan menghuraikan sebarang masalah yang timbul. Turut menjadi tumpuan, pemantauan impak kuantitatif dan kualitatif yang dipantau setiap masa untuk memastikan segala permasalahan teknikal atau kegenjotan bahan digital dapat dianalisis untuk menambah nilai program pendigital bahan dalam usaha mengajarkan artifak budaya kepada para pelajar. Yang menjadi keutamaan, pelajar dapat mempelajari atifak budaya yang diketengahkan dengan berkesan dan mendatangkan makna dan pengetahuan (sila rujuk Rajah 4).

Rajah 4: Kitaran Kajian Tindakan



PELAKSANAAN PENERAPAN DIGITAL DALAM MEMPELAJARI ARTIFAK BUDAYA MELALUI PROGRAM JEJAK BUDAYA

Melalui penerapan digital untuk mempelajari artifak budaya, dua artifak telah dipilih sebagai bahan pembelajaran dalam talian kali ini. Ini disebabkan dua artifak ini sememangnya dapat menarik perhatian para pelajar. Keris merupakan senjata unik orang Melayu dan gasing merupakan alat permainan yang terdapat dalam bentuk yang pelbagai dan dimainkan merentas benua. Maka itu dua artifak pilihan ini diberikan sebagai pilihan kepada pihak sekolah. Proses penerapan digital ini dilaksanakan secara berurutan seperti berikut:

- **Pertama:** Penerokaan dan pembelajaran dalam talian di portal Ruang Pembelajaran Pelajar atau Student Learning Space. Di portal inilah Gamifikasi sebagai pedagogi diterapkan untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang mempunyai fungsi permainan atau games.

- **Kedua:** Penerokaan dan pembelajaran melalui aplikasi Nearpod dan Thinglink, dua aplikasi yang digunakan untuk memesrakan pelajar dengan pengalaman pembelajaran secara digital yang mendedahkan mereka kepada khazanah informasi yang relevan dengan program ini. Lambakan informasi ini dipermudahkan agar pembelajaran menjadi lebih bermakna dengan menggunakan wahana-wahana yang dekat dengan zaman media baharu.

- **Ketiga:** Penghasilan artifak budaya yang dipelajari – Di sini, pedagogi pengalaman pembelajaran dilaksanakan untuk memastikan pelajar menjalani pengalaman pembelajaran yang berbeza. Sesi amali yang melibatkan kerja tangan sengaja direka agar pelajar benar-benar dapat mengaplikasikan sesuatu yang telah mereka pelajari. Dalam hal ini, artifak budaya yang telah mereka fahami melalui informasi yang diberikan dengan lebih mendalam (sila rujuk Rajah 5 bagi ringkasan pelaksanaan aktiviti yang melibatkan teknologi dan pedagogi).

Rajah 5: Proses Aktiviti Pembelajaran



Pertama - Portal Ruang Pembelajaran Pelajar [Student Learning Space (SLS)]

Dalam proses ini, pelajar akan log masuk ke dalam portal SLS. SLS merupakan satu inisiatif utama Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) untuk menyediakan ruang pembelajaran bagi pelajar sekolah di Singapura. Melalui penggunaan portal ini, pelajar melibatkan diri dalam mod pembelajaran yang berbeza, termasuk pembelajaran terarah kendiri dan secara kolaboratif. Setiap pengetua, guru dan pelajar di sekolah pemerintah mempunyai akses kepada SLS (MOE, 2023). Ini memudahkan pihak MLCS untuk mengagihkan bahan program kepada sekolah-sekolah di Singapura melalui sambungan pautan yang diemelkan. Pedagogi Gamifikasi diterapkan melalui SLS, yang membolehkan guru mereka cipta dan membentuk pengalaman pembelajaran pelajar dan menyediakan ruang bagi pelajar melakukan tugasan. Seperti contoh dalam kajian ini, pelajar diberikan satu senario untuk diteliti. Pelajar diperlukan mengambil peranan tertentu untuk menyelesaikan suatu misi. Contoh misinya adalah seperti berikut:

"Sekarang: Tahun 2043
Kamu seorang ejen yang bertugas di Pusat Bahasa Melayu Singapura. Radar di komputer kamu menunjukkan jumlah penduduk dunia yang tahu bertutur dalam bahasa Melayu dan mengenali budaya Melayu semakin merosot (Makna: menjadi kurang sangat) Sebelum bahasa dan budaya Melayu pupus (Makna: habis semua sekali, hilang lenyap), misi kamu adalah untuk melengkapkan semua tugasan yang diberikan agar bahasa dan budaya Melayu dapat terus dilestarikan (Makna: dikekalkan)."


Semasa mengemukakan senario, ciri teknologi seperti Tooltip yang terdapat dalam portal SLS telah digunakan untuk menyokong pembelajaran dengan memudahkan penjelasan makna kepada pelajar. Tooltip merupakan bahagian-bahagian teks pendek yang boleh dipautkan pada satu-satu perkataan, sebagai satu cara interaktif untuk menerangkannya tentang sesuatu kepada pengguna (Team UC, 2023). Melalui penggunaan Tooltip, program Jejak Budaya telah memperkenalkan kosa kata yang berkaitan dengan senario yang diberikan supaya dapat menyokong pemahaman pelajar. Usaha ini dapat memperkenalkan kosa kata utama dalam modul budaya yang dipaparkan kepada pelajar.

Selain itu, SLS juga telah menyokong pembelajaran kolaboratif dengan adanya wahana-wahana seperti Interactive Thinking Tool dan fungsi undian (poll), guru boleh merangsang minat pelajar melalui pengumpulan dan perkongsian maklumat secara kolektif bersama pelajar. Melalui fungsi undian atau poll juga, guru dapat memantau dan mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar dan membolehkan pelajar lain berkongsi dengan rakan yang lain hasil dapatan mereka melalui butang 'Lihat Hasil Penghantaran Kelas' (Rujuk Rajah 5). Melalui cara ini juga, pelbagai pendekatan pendidikan telah dapat menggabungkan usaha intelek bersama pelajar dengan pelajar, serta pelajar dengan guru (Smith & MacGregor, 1992) dan memaparkannya dalam satu ruangan yang sama.

Setelah selesai penerokaan, pelajar akan kembali ke ruangan SLS untuk menyelesaikan kuiz yang disediakan. Kuiz ini juga telah digamifikasikan untuk meningkatkan persaingan dan pelibatan pelajar. Di portal SLS, gamifikasi membolehkan elemen berasaskan permainan diperkenalkan dalam modul yang disediakan. Elemen

berasaskan permainan yang diperkenalkan termasuk Mata Pengalaman (Experience Points (XP)) dan Peringkat-peringkat tertentu (Levels), Penceritaan Dalam Permainan (Game Stories) dan Pencapaian Pelajar (Achievements) (SLS Info-Site, 2023). Menurut Ott dan Tavella (2009), peningkatan motivasi dan penglibatan dalam pembelajaran merupakan pemacu utama untuk penggunaan teknik gamifikasi, iaitu untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan, akhirnya, lebih berkesan (Caponetto, Earp & Ott, 2014).

Rajah 5: Tangkap Layar SLS Interactive Thinking Tool




Portal SLS juga membolehkan pengguna memautkan aplikasi luaran yang serasi seperti Nearpod (Rujuk Rajah 6), Thinglink dan sebagainya. Maka, pelajar hanya perlu log masuk pada satu lagi lelaman yang akan membawa mereka melungsuri pelbagai lelaman baharu dengan interface atau paparan yang baharu untuk memaksimumkan pengalaman pembelajaran. Hal ini membantu memastikan program dapat dijalankan dengan lebih lancar kerana telah memudahkan akses pada pelbagai lelaman atau aplikasi teknologi hanya pada satu platform sahaja.


Setelah log masuk dan mengumpulkan maklumat daripada rakan sekelas di portal SLS, pelajar akan dibawa ke lelaman Nearpod yang sudah disisipkan (embedded) dalam portal SLS (rujuk Rajah 6). Dalam ruangan Nearpod, kata laluan diberikan kepada sekolah yang mendaftar untuk ikut serta pada jangka masa tertentu. Pembelajaran melalui Nearpod bersifat interaktif dan kaya dengan

pelbagai pengalaman pelbagai media, yang boleh membantu memastikan pelajar sentiasa terlibat dan berminat dengan bahan yang dikemukakan. Nearpod juga mampu mengintegrasikan realiti maya (virtual reality (VR) dalam bilik darjah dan menjadikan pembelajaran menarik (Samiya , 2022). Dalam program Jejak Budaya, aplikasi Thinglink yang membolehkan penerokaan artifak secara VR dijalankan untuk membantu pelajar meneroka informasi dan artifak yang terdapat di Pusat Sumber, MLCS, tanpa perlu hadir secara bersemuka (rujuk Rajah 7 dan 8).


Rajah 6: Tangkap Layar Penyisipan Nearpod dalam SLS



Rajah 7: Tangkap Layar Penyisipan Realiti Maya (VR) dalam Jejak Budaya



Rajah 8: Pemaparan Informasi Melalui Penyisipan Thinglink dalam Nearpod



Kedua – Penerokaan Maklumat Melalui Ruangan Nearpod dan Thinglink di SLS

Aplikasi Nearpod juga membantu guru menggantikan alat pembentangan tradisional dengan Nearpod. Slaid PowerPoint boleh disisipkan dalam Nearpod untuk membolehkan interaksi pelajar yang lebih baik dan membantu guru meraih maklum balas dengan berkesan di dalam bilik darjah (Samiya, 2022). Dalam Jejak Budaya pula, pengagihan bahan Jejak Budaya telah menjadi lebih mudah dan pantas dengan bantuan Nearpod. Pihak MLCS hanya menyediakan kata laluan Nearpod dan juga bahan SLS untuk dikirimkan kepada sekolah tanpa memerlukan guru untuk melanggan atau mempunyai akaun Nearpod. Guru hanya mengakses bahan di Nearpod melalui bahan SLS sahaja.

Ketiga - Penghasilan Artifak Budaya

Setelah selesai meneroka maklumat yang terdapat pada Aplikasi Nearpod dan Thinglink yang direka pasukan pengkaji, pelajar akan belajar cara-cara menghasilkan artifak budaya yang berkaitan dengan modul yang dipilih oleh pihak sekolah. Dengan Nearpod, guru boleh menambahkan ciri interaktif pada pembentangan dengan mudah, seperti kuiz, tinjauan pendapat dan video (Samiya, 2022). Dalam hal ini, video penghasilan artifak telah ditambah dalam perisian Nearpod untuk membimbing pelajar menghasilkan artifak tersebut. Dalam Rajah 9, video yang dipaparkan menunjukkan cara-cara penghasilan gasing kertas dalam modul Gasing.

Rajah 9: Tangkap Layar Video Penghasilan Artifak Gasing dalam Ruangan Nearpod



Perisian Nearpod dan SLS dapat diakses pada pelbagai peranti, daripada telefon bijak kepada komputer riba dan bermacam-macam lagi. Dengan berbekalkan kata laluan Nearpod yang diberikan, guru hanya perlu mendapatkan pelajar untuk log masuk ke lelaman SLS. Guru juga tidak perlu menggunakan akaun Nearpod sendiri kerana melalui penyisipan dalam SLS, guru masih boleh memantau pembelajaran pelajar. Pelajar boleh menyertai pelajaran dari mana-mana alat peranti dengan sambungan Internet. Justeru itu, melalui program Jejak Budaya, guru dapat mencipta pengalaman pembelajaran jauh yang dapat diperibadikan (personalised) kepada setiap pelajar, lantas menggalakkan pembelajaran terarah kendiri.

DAPATAN

Dalam kajian ini analisis data dibuat secara kuantitatif dan kualitatif. Data dikumpulkan melalui borang tinjauan maklum balas dalam talian yang telah dilengkapkan oleh pelajar dan guru sebaik sahaja pelajar melengkapkan pembelajaran mengenai artifak budaya. Analisis respons kededua guru dan pelajar telah diperincikan.

Impak Kuantitatif

Penyertaan sekolah yang mengambil bahagian dalam program pembelajaran digital untuk mendalami pengetahuan tentang artifak budaya melonjak naik dari 9 buah sekolah pada tahun 2019 kepada 79 buah sekolah pada 2024. Hal ini berlaku disebabkan bentuknya yang bukan lagi bersemuka tetapi dalam talian. Ini

telah memudahkan guru melaksanakan pembelajaran digital. Hal ini jelas dapat dilihat dalam Rajah 10 yang menunjukkan bahawa 100% guru bersetuju bahawa program Jejak Budaya yang diadakan secara dalam talian berguna bagi guru.

Rajah 10: Peratusan Guru yang Mendapati Program Jejak Budaya dalam talian Berguna




Salah satu sebab utama berlakunya angka penyertaan yang melonjak ialah pihak sekolah tidak lagi perlu mengikut jadual yang diberikan pihak MLCS. Mereka boleh menyesuaikan pelaksanaan program digital mengikut jadual sekolah mereka. Tambahan pula, pendaftaran juga telah dibuat secara dalam talian dan pihak sekolah diberikan jangka masa dua minggu untuk melaksanakan program dalam talian mengikut kesesuaian jadual sekolah masing-masing. Tiada had yang diberikan juga pada jumlah pelajar yang boleh ikut serta. Ekoran daripada itu juga, bilangan pelajar yang mengambil bahagian juga telah meningkat daripada 384 orang pelajar pada tahun 2019 kepada 7245 orang pelajar pada tahun 2023. Penyesuaian ini telah memaksimumkan pelibatan sekolah-sekolah kerana tidak lagi perlu mengikut jadual yang padat dan jumlah pelibatan pelajar.

Rajah 11: Peratusan Pemahaman Pelajar Berdasarkan Video dan Bahan Interaktif




Daripada maklum balas pelajar-pelajar yang ikut serta, 93.8% pelajar bersetuju bahawa penggunaan video dan pembelajaran digital yang dilakukan secara interaktif membantu mereka memahami pembelajaran artifak budaya (rujuk Rajah 11), 94% pelajar berasa seronok menjalani pembelajaran secara digital (rujuk Rajah 12) dan yang lebih menarik lagi, 91.8% pelajar melahirkan minat untuk melakukan inkuiri dan mempelajari dengan lebih mendalam lagi tentang budaya Melayu (rujuk Rajah 13). Dua artifak budaya yang menjadi bahan digital merupakan keris dan gasing. Data ini menunjukkan bahawa pribumi digital atau digital natives ini berminat mendalami budaya Melayu melalui artifak budaya. Penggunaan wahana digital juga menjadikan mesra pengguna dan mudah diakses oleh pelajar. Dalam hal ini, bahan mesra pelajar disokong dengan pelaksanaan pedagogi inovatif seperti Pedagogi Gamifikasi dan Pedagogi Pembelajaran berasaskan Pengalaman. Dua daripada enam pedagogi inovatif yang disarankan OECD ini sememangnya merupakan pedagogi yang dapat melibatkan pelajar sesuai dengan profil pelajar di samping melatih pelajar menjadi pelajar yang mampu belajar secara kendiri.

Rajah 12: Keseronokan Pelajar Menjalani Program Jejak Budaya (dalam talian)



Rajah 13: Peratusan Pelajar yang Menyatakan Minat Melakukan Inkuiri Budaya Melayu



100% guru yang bertanggungjawab menjalankan progran Jejak Budaya dalam talian ini bersetuju bahawa aktiviti dan bahan yang disediakan untuk pembelajaran digital ini amat berguna bagi pembelajaran mengenai artifak budaya. 98% guru bersetuju bahan dan pendekatan pedagogi yang diguna pakai dapat membuat mereka melibatkan pelibatan pelajar di dalam bilik darjah. Berdasarkan maklum balas terbuka ini, dapat dirungkai bahawa guru mampu mempelbagaikan bahan digital ini mengikut profil pelajar

masing-masing. Hal ini menjadi satu petanda bagaimana bahan digital dalam pengajaran atifak budaya ini memperkasa guru untuk menggunakannya secara inovatif, merancang bentuk pelaksanaan pembelajaran mengikut profil pelajar masing-masing dan seperti mana yang diharapkan dapat membangkitkan rasa kepemilikan terhadap pembelajaran pelajar mereka di bilik darjah. Dengan cara yang sedemikian, guru dapat menajamkan pengetahuan mereka merancang dan mampu meningkatkan perkembangan profesional mereka sebagai seorang pendidik.

IMPAK KUALITATIF

Berdasarkan maklum balas yang diberikan serta gambar-gambar yang dikirimkan oleh guru, pemerhatian yang dijalankan dapat melihat bagaimana pelajar terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran semasa program ini dijalankan. Hal ini membuka ruang kepada pelajar untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam tentang artifak budaya melalui kandungan yang telah memperkaya pengalaman pelajar. Perkara seperti mimik muka dan perasaan pelajar serta pelibatan aktif pelajar menjadi antara perkara yang diteliti. Melalui analisis dan perbandingan data borang tinjauan maklum balas serta analisis gambar pelaksanaan aktiviti kiriman guru, pengkaji dapat menyimpulkan beberapa butiran kuantitatif dan kualitatif berikut:

(a) Pembelajaran yang Berautonomi

Pendigitalan bahan untuk pengajaran artifak budaya ini membuka ruang kepada pelajar untuk belajar secara kendiri. Gambar yang dikirimkan oleh guru jelas menunjukkan pelibatan aktif pelajar. Pelajar dapat menjalankan tugas secara kendiri dan guru bertindak selaku fasilitator dalam bilik darjah. Hal ini jelas menonjolkan keberkesanan Jejak Budaya sebagai program pendidikan yang menarik yang menunjukkan potensinya dalam memupuk rasa ingin tahu dan menggalakkan pembelajaran terarah kendiri dalam kalangan pelajar. Program ini justeru berjaya mencetuskan penglibatan pelajar yang bersemangat dalam aktiviti pelajaran. Ini sekali gus mencerminkan keseronokan belajar yang tulen, yang seterusnya menggalakkan pembelajaran terarah kendiri. Hubungan simbiotik antara keseronokan dan autonomi ini menandakan peralihan daripada metodologi pengajaran berpusatkan guru ke

arah pendekatan yang lebih berpusatkan pelajar. Ini sudah pasti membina kesediaan pelajar dalam landskap pembelajaran abad ke-21.

(b) Pembelajaran yang Sesuai dengan Profil Pelajar

Penggunaan bahan digital yang disokong pedagogi inovatif membolehkan pelajar meneroka pembelajaran mengikut kebolehan sendiri, mengikut tahap pembelajaran mereka dan ini sebenarnya menjurus kepada rasa kejayaan dalam diri pelajar. Integrasi Teknologi dalam program ini juga telah berjaya membolehkan guru menyesuaikan program mengikut profil pelajar mereka. Dalam era digital, teknologi memainkan peranan penting dalam pendidikan. Penambahbaikan pada bahan pelajaran yang dibolehkan bagi guru dalam ruangan SLS telah membolehkan guru-guru menggabungkan alat teknologi yang berkaitan dengan lancar ke dalam amalan pengajaran mereka, lantas meningkatkan kemahiran literasi digital pelajar dan menyediakan mereka untuk berjaya dalam dunia yang semakin dipacu teknologi. Ini dapat dilihat melalui integrasi SLS, Nearpod dan Thinglink dalam program Jejak Budaya.

Keseronokan yang dilihat dan dirasai pelajar dapat memupuk motivasi intrinsik dalam mempelajari budaya Melayu. Pada abad ke-21, terdapat pengiktirafan yang semakin meningkat tentang kepentingan motivasi intrinsik dalam memacu hasil pembelajaran. Kegembiraan pembelajaran berfungsi sebagai pendorong intrinsik yang kuat dan telah dapat menyemarakkan rasa ingin tahu, semangat dan komitmen pelajar terhadap pembelajaran. Hal ini dikukuhkan lagi dengan data kuantitatif seperti mana yang pelajar berminat mencari maklumat lanjut berkenaan budaya Melayu ekoran program ini seperti yang dipaparkan dalam Rajah 13. Justeru, dalam era yang dicirikan oleh kemajuan teknologi yang pesat dan cabaran global yang kompleks, memupuk rasa kegembiraan dan kepuasan dalam proses pembelajaran adalah penting untuk mengekalkan penglibatan dan semangat pelajar di tengah-tengah pelbagai gangguan dan tuntutan yang bersaing terhadap perhatian mereka.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berbalik kepada tujuan kajian yang ingin meninjau impak penerapan digital dan pedagogi inovatif dalam mempelajari artifak budaya

dalam kalangan pribumi digital yang berada di peringkat sekolah rendah dan menengah, dapatan yang diraih menampakkan hasil yang menarik dan positif. Seperti mana dinyatakan Walters, H. (2022), Jonathan. (2022) pendigitalan pembelajaran artifak menyenaraikan beberapa kelebihan yang sama seperti dapatan kajian ini. Pendigitalan program pembelajaran memudah cara kolaborasi, sumber ilmu dan kandungan pelajaran yang luas, pelibatan pembelajaran yang lebih baik, pembelajaran yang bersifat peribadi, memudah cara strategi pembelajaran digital yang baharu, dan dapat memantau kemajuan pelajar.

Keterlibatan dan keseronokan yang dialami pelajar dalam pembelajaran berkait rapat dengan kreativiti, inovasi dan penyelesaian masalah—kemahiran penting yang dituntut dalam pemerolehan kemahiran abad ke-21. Apabila pelajar mengalami kegembiraan dan kepuasan dalam proses pembelajaran, mereka lebih cenderung untuk meneroka, mencuba dan mengambil risiko intelektual. Kebebasan untuk meneroka dan berinovasi ini memupuk budaya kreativiti dan keusahawanan, memperkasakan individu untuk menjana idea, penyelesaian dan produk baharu yang menangani cabaran kompleks dan memacu perubahan positif dalam masyarakat.

Dua pedagogi inovatif yang diketengahkan OECD (2018) dan juga diterapkan untuk menjadikan pembelajaran lebih bermakna iaitu Pedagogi Gamifikasi dan Pedagogi Pembelajaran berasaskan Pengalaman juga berkesan dalam menyokong pelaksanaan program ini. Pedagogi gamifikasi telah diterapkan dan digabungkan dalam portal pembelajaran SLS manakala Pedagogi Pembelajaran berasaskan Pengalaman telah diguna pakai untuk memberikan kesan yang mendalam dalam penghasilan artifak dalam bentuk kraftangan yang sangat digemari pelajar. Ini jelas dipaparkan dalam dapatan kuantitatif daripada 7245 pelajar yang merumuskan keseronokan pelajar serta minat pelajar untuk mendalami pengetahuan mereka tentang budaya secara kendiri. Dapatan ini juga mengesahkan pembelajaran tentang artifak budaya ini dapat menambah nilai pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pedagogi Gamifikasi yang digunakan dalam bentuk permainan secara tidak langsung telah mencabar pelajar mengukuhkan pemahaman mereka tentang artifak budaya Melayu iaitu keris dan gasing. Banyak fakta tentang artifak budaya yang perlu dibaca pelajar, difahami dalam bentuk

permainan dan diaplikasikan dalam pembelajaran dalam talian yang menggunakan gabungan portal SLS yang dapat memantau dan menyediakan ruang permainan. Aplikasi Nearpod juga telah menjadikan pelajaran bersifat interaktif dan perisian Thinglink telah mampu menyediakan informasi yang padat. Apa yang penting, guru dapat mencorak pembelajaran dan menyesuaikannya mengikut profil pelajar masing-masing. Pelajar dapat mencipta, menghias dan memuatnaikkan hasil kerja mereka secara dalam talian dan hal ini telah menambah keseronokan pembelajaran pelajar.

Pendaftaran secara dalam talian melalui lelaman MLCS serta komunikasi kepada guru yang mendaftar secara dalam talian telah memudahkan tugas guru dalam mendaftar dan memberikan ruang kepada pelajar mengalami pengalaman belajar tentang budaya Melayu melalui artifak. Arahan pelaksanan yang mudah membuat bahan ini mesra pengguna dan pihak sekolah boleh berkomunikasi secara langsung dengan pegawai MLCS sekiranya terdapat masalah. Maka, tidak hairanlah sekiranya pendigitalan pendaftran ini menyumbang pada peningkatan angka penyertaan yang telah melonjak dari 9 hingga ke 79 buah sekolah.

Selain itu, pendigitalan program ini telah memberikan ruang kepada guru untuk merancang dengan tepat akan masa yang sesuai untuk menjalankan program ini. Jangka masa dua minggu yang diberikan telah memberikan guru kebebasan untuk merancang mengikut jadual sekolah lebih awal. Sehubungan dengan itu, penggunaan bahan digital yang telah digunakan juga telah dipelbagaikan guru. Jika konsep awal ini dianggap guru sebagai satu program pengayaan, dengan pendigitalan bahan ini, guru telah mempelbagaikan bahan ini untuk digunakan sebagai program pengayaan, aktiviti pascapeperiksaan, program perhimpunan sekolah untuk bahasa-bahasa ibunda, tugasan semasa cuti, program bacaan ekstensif, perkhemahan budaya silang budaya, aktiviti dwimingguan bahasa, aktiviti kelab budaya Melayu, bahan pembelajaran di rumah, bahan bagi mempromosi unit bahasa Melayu. Malah, ada juga guru yang menggunakan aktiviti penghasilan artifak budaya ini sebagai satu pertandingan dalam kalangan pelajar. Hal ini menonjolkan keberkesanan pendigitalan program ini.

Peningkatan jumlah pelajar daripada 384 orang pelajar pada tahun 2019 dan melonjak kepada 7245 pelajar. Dalam jumlah ini,

3994 pelajar merupakan pelajar sekolan rendah dan 3251 orang pelajar dari sekolah menengah. Ini merupakan satu petanda baik yang menunjukkan bahawa pembelajaran ini akan dapat bercambah dan berkembang, lantas memaksimumkan bahan digital yang telah dihasilkan. Jika dahulu program ini dijalankan secara bersemuka, transformasi digital ini menjadi menarik dengan penggunaan perisian Thinglink dan aplikasi Nearpod, menyediakan lawatan secara maya dan pembelajaran yang digamifikasikan. Yang penting, guru dapat berkongsi dan mengubahsuai pelajaran mengikut objektif pembelajaran yang akan ditentukan guru itu sendiri dan profil pelajar.

Pendigitalan program ini juga telah mengurangkan bebanan tugas pegawai di MLCS. Jika sebelumnya, sewaktu program ini dijalankan secara bersemuka, pelaksanaan program memerlukan tenaga kerja kesemua 20 orang pegawai di MLCS. Kali ini, program ini hanya dikendalikan oleh 3 orang pegawai sahaja. Ini memberikan penjimatan kepada MLCS dari segi kos dan tenaga kerja pegawai yang terlibat dalam program ini.

Penyertaan pelajar juga semakin bersifat inklusif iaitu kesemua pelajar mempunyai peluang untuk melibatkan diri secara aktif dengan menggunakan wahana teknologi yang pelbagai. Maklum balas dalam talian yang diberikan kepada pelajar membolehkan mereka memberikan maklum balas kepada rakan sebaya secara dalam talian dan akhir sekali pembelajaran kendiri. Pelajar secara tidak sedar akan dapat belajar, mengemudi lawatan secara maya, menjawab soalan-soalan kuiz, mengendalikan pelajaran dengan menggunakan Nearpod dan akhir sekali melakukan kerja-kerja kraftangan dengan cara dan ciptaan individu.

Namun begitu, terdapat beberapa kendala semasa menjalankan kajian ini. Keterbatasannya termasuk masalah pelaksanaan yang berlaku di pihak sekolah yang terlibat. Umpamanya, untuk mengikuti jadual yang dipersetujui. Terdapat beberapa sekolah yang terlepas pandang akan tarikh pelaksanaan yang telah dipilih lebih awal. Lantas, mereka tidak menjalankan program ini seperti yang dijadualkan. Bagi sekolah-sekolah ini, MLCS telah memberikan jadual pelaksanaan yang baharu. Terdapat juga sekolah-sekolah yang memerlukan masa pelaksanaan yang lebih lama untuk mengatasi isu-isu pentadbiran di sekolah yang tidak dapat dielakkan. Bagi sekolah-sekolah ini pula, MLCS telah melanjutkan tempoh pelaksanaan di sekolah.

Justeru, ekoran sambutan yang menggalakkan bagi pembelajaran dua artifak budaya iaitu Keris dan Gasing pada tahun 2023, dua lagi artifak telah diperkenalkan pada tahun ini iaitu Modul Anyaman dan Modul Batik (rujuk Rajah 13).

Rajah 14: Poster Pemasaran Jejak Budaya (dalam talian) 2024



Penambahan modul yang memaparkan pelbagai amalan budaya dan artidak dalam budaya Melayu jelas menunjukkan impak penerapan digital dan pedagogi inovatif dalam mempelajari artifak budaya dalam kalangan pribumi digital yang berada di peringkat sekolah rendah dan menengah. Program ini diharapkan akan terus berkembang dan bertambah pada modul-modul pembelajaran artifak yang berbeza pada masa hadapan.

RUJUKAN

Abusyairi, K. (2013). Pembelajaran bahasa dengan pendekatan budaya. Dinamika Ilmu, 13(2).

Ali, W. (2020), "Online and remote learning in higher education institutes: a necessity in light of COVID-19 pandemic", Higher Education Studies, Vol. 10, pp. 16-25, available at: http://www.ccsenet.org/journal/index.php/hes/article/view/0/42784.

Akcaoglu, M., & Koehler, M. J. (2014). Cognitive outcomes from the Game-Design and Learning (GDL) after-school program. Computers & Education, 75, 72-81.

Azilawati Jamaludin. (n.d.). Seminar Bahasa Melayu 2024: Memarak Inovasi, Memekar Pedagogi. In Mengoptimumkan Pembelajaran Bahasa Melayu: Perspektif Neurosains untuk Menginovasi Pedagogi . Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Akademi Guru Singapura (AST), Kementerian Pendidikan (MOE). Retrieved from https://issuu.com/oxfordgraphic/docs/mlcs_sbm_2024-v6?fr=xKAE9_zU1NQ.

Bennett, E., Mims, N., & McKenzie, B. (2002). Assessing distributed learning: Student perceptions and future directions. In Society for Information Technology & Teacher Education International Conference (pp. 2379-2382). Association for the Advancement of Computing in Education (AACE).

Bennett, S., Maton, K., & Kervin, L. (2008). The 'digital natives' debate: A critical review of the evidence. British journal of educational technology, 39(5), 775-786.

Caponetto, I., Earp, J., & Ott, M. (2014, October). Gamification and education: A literature review. In European conference on games based learning (Vol. 1, p. 50). Academic Conferences International Limited.

Connolly, T. M., Boyle, E. A., MacArthur, E., Hainey, T., & Boyle, J. M. (2012). A systematic literature review of empirical evidence on computer games and serious games. Computers & education, 59(2), 661-686.

Crossman, Ashley. (2020, August 28). The Study of Cultural Artifacts via Content Analysis. Retrieved from https://www.thoughtco.com/content-analysis-3026546

Donovan, C., Figlio, D. N., & Rush, M. (2006). Cramming: The effects of school accountability on college-bound students.

Figlio, D., Rush, M., & Yin, L. (2013). Is it live or is it internet? Experimental estimates of the effects of online instruction on student learning. Journal of Labor Economics, 31(4), 763-784.

Flinchbaugh, C. L., Moore, E. W. G., Chang, Y. K., and May, D. R. (2012). Student well-being interventions: the effects of stress management techniques and gratitude journaling in the management education classroom. J. Manage. Ed. 36, 191–219. doi:

Gentry, J. W. (1990). What is experiential learning. Guide to business gaming and experiential learning, 9(1), 20-32.

Jonathan. (2022, March 23). The Top 15 Benefits of Digital Learning. Mussila. https://mussila.com/the-top-15-benefits-of-digital-learning/

Kearsley, G. (2000) Online Education: Learning and Teaching in Cyberspace (Toronto, ON: Wadsworth).

Mahatmya, D., Thurston, M., and Lynch, M. E. (2018). Developing students' well-being through integrative, experiential learning courses. J. Stud. Affairs R. Pract. 55, 295–307. doi: 10.1080/19496591.2018.147475610.1177/1052562911430062

MOE. (2021a). Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah). Curriculum Planning and Development Division, Ministry of Education

MOE. (2021b) Impact of covid-19 pandemic on students' learning. Ministry of Education (MOE). (n.d.-a). https://www.moe.gov.sg/news/parliamentary-replies/20211005-impact-of-covid-19-pandemic-on-students-learning

MOE. (2023). Student learning space (SLS). Ministry of Education (MOE). https://www.moe.gov.sg/education-in-sg/student-learning-space

OECD (2018), "Six clusters of innovative pedagogies", in Teachers as Designers of Learning Environments: The Importance of Innovative Pedagogies, OECD Publishing, Paris, https://doi.org/10.1787/9789264085374-6-en.

Olick, J.K. (1999) Collective memory: The two cultures -. (n.d.-a). https://journals.sagepub.com/doi/10.1111/0735-2751.00083

Ott, M., & Tavella, M. (2009). A contribution to the understanding of what makes young students genuinely engaged in computer-based learning tasks. Procedia - Social and Behavioral Sciences. 1(1), pp. 184-188. Elsevier.

Samiya , R. (2022, December 29). What is nearpod? features and uses in the classroom - upeducators - helping teachers, educators, tutors, tuitions and parents in online teaching with technology. upEducators. https://www.upeducators.com/blog/what-is-nearpod-features-and-uses-in-the-classroom/

Sánchez, J., & Olivares, R. (2011). Problem solving and collaboration using mobile serious games. Computers & Education, 57(3), 1943-1952.

Schreiber, D. A., & Berge, Z. L. (1998). Distance training. How innovative organizations are using.

Smith, B. L., & MacGregor, J. T. (1992). What is collaborative learning.

Team, U. C. (2023, February 21). 8 tooltip examples to inspire you in 2023. Thoughts about Product Adoption, User Onboarding and Good UX | Userpilot Blog. https://userpilot.com/blog/tooltip-examples-saas/#:~:text=A%20tooltip%20is%20a%20short,of%20an%20extended%20experience%20flow.

van de Sande, E., Segers, E., & Verhoeven, L. (2015). The role of executive control in young children's serious gaming behavior. Computers & Education, 82, 432-441.

Vorobyov,D. (2024, Feb 1). Technology-Driven Education: A New Era Of Learning. Forbes Technology Council. https://www.forbes.com/sites/forbestechcouncil/2024/02/01/technology-driven-education-a-new-era-of-learning/

Walters, H. (2022, January 27). The top 10 benefits of digital learning. eLearning Industry. https://elearningindustry.com/the-top-benefits-of-digital-learning

Ware,T.(2022) 20 Digital Transformation Benefits in 2022 sign time https://www.signtime.com/en/blog/20-digital-transformation-benefits-in-2022/

Webb, A. (2020), "State of the art review of higher education institutions/universities responses to digitalization - Scotland country report", Report for the ERASMUS project, available at: https:// escalate.projects.uvt.ro/.

Webb, A., McQuaid, R.W. and Webster, C.W.R. (2021), "Moving learning online and the COVID-19 pandemic: a university response", World Journal of Science, Technology and Sustainable Development, Vol. 18 No. 1, pp. 1-19. https://doi.org/10.1108/WJSTSD-11-2020-0090

Wouters, P., Van Nimwegen, C., Van Oostendorp, H., & Van Der Spek, E. D. (2013). A meta-analysis of the cognitive and motivational effects of serious games. Journal of educational psychology, 105(2), 249.

Yadav,N. (2024) The Impact of Digital Learning on Education. International Journal of Multidisciplinary Research in Arts, Science and Technology https://doi.org/10.61778/ijmrast.v2i1.34

Yang, Y. T. C. (2015). Virtual CEOs: A blended approach to digital gaming for enhancing higher order thinking and academic achievement among vocational high school students. Computers & Education, 81, 281-295.

Biodata

Dr. Mohamed Fatris bin Bakaram
fatris_bakaram@yahoo.com.sg

Dr. Mohamed Fatris Bakaram berkhidmat sebagai mufti ketiga Singapura dari 2011 hingga 2020. Dilahirkan pada 1969 di Kampung Pasir Panjang kepada seorang bapa yang merupakan guru agama, beliau menuntut pendidikan Islam dari madrasah tempatan hingga ke universiti antarabangsa, memperoleh ijazah dari Universiti Al-Azhar (Mesir), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan Universiti Birmingham. Sebelum menjadi mufti, Dr. Fatris membezakan dirinya dalam bidang pendidikan Islam, berkhidmat sebagai pengetua Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah di mana beliau memperkenalkan pendidikan menengah. Sebagai mufti, beliau mengeluarkan fatwa-fatwa penting yang menangani isu-isu kontemporari masyarakat Muslim dan memperjuangkan dasar-dasar agama yang progresif, terutamanya membangunkan Skim Pengiktirafan Asatizah yang wajib bagi guru-guru agama. Seorang penulis yang prolifik, beliau mengarang buku-buku dan kerap menyumbang artikel kepada akhbar tempatan mengenai isu-isu sosio-agama. Sejak berundur pada 2020, Dr. Fatris mengendalikan Ma:een, sebuah perusahaan Islam yang menawarkan kelas-kelas agama dalam tafsir Al-Quran dan sejarah kenabian, sambil terus memberikan ceramah di masjid-masjid.

Dr. Raudhah Yahya
Pakar Kanan Kurikulum Bahasa Melayu Institut Nasional Pendidikan Awal Kanak-Kanak (NIEC HQ)

Dr Raudhah Yahya merupakan pakar kurikulum kanan dan pensyarah kanan di Institut Kebangsaan Pembangunan Awal Kanak-kanak (NIEC). Pengalaman pembelajaran dan pengajarannya di Singapura, Malaysia, United Kingdom, Kanada dan Oman telah membolehkannya memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang pelajar dengan keperluan yang pelbagai dari kumpulan umur yang berbeza, bermula dari kanak-kanak hingga pelajar pascasiswazah. Dr Raudhah telah berkongsi kepakarannya di pelbagai persidangan dan acara tempatan serta antarabangsa yang berkaitan dengan Pendidikan Awal Kanak-kanak. Minat penyelidikannya termasuk pedagogi bermain, wacana rumah-sekolah, pemikiran kanak-kanak, kepercayaan dan amalan guru, serta amalan inklusif di sekolah.

Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
vletchumy@upm.edu.my

Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam merupakan seorang penyelidik bahasa Melayu yang terkemuka dan pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Beliau menamatkan pengajian dari UPM dengan ijazah dalam Bahasa Melayu dan Linguistik (1998), diikuti dengan ijazah Sarjana (2000) dan PhD (2004) dalam bidang yang sama. Dengan pengalaman lebih dua dekad, Dr. Vijayaletchumy telah memberikan sumbangan yang besar kepada pendidikan bahasa Melayu melalui kaedah pengajaran yang inovatif. Beliau baru-baru ini memenangi dua emas dan satu gangsa di Konvensyen Bahasa Melayu 2021 untuk inovasi pendidikannya, termasuk kit pembelajaran interaktif dan teknik-teknik pengajaran. Beliau telah mengarang kira-kira 10 buku kanak-kanak, termasuk karya khusus untuk kanak-kanak yang menghidap disleksia. Selain bidang akademik, beliau juga seorang ahli sukan wanita yang berjaya dengan penyertaan dalam 162 pertandingan antara 2004-2014, memenangi 26 anugerah dan mendapat gelaran 'Olahragawati Kebangsaan' pada 2009. Misinya tetap menyebarkan kesedaran dan meningkatkan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia, terutamanya guru dan pelajar.

Profesor Dr. John N. Miksic

Prof. John Norman Miksic (1946-2025) merupakan seorang ahli arkeologi kelahiran Amerika yang menjadi tokoh perintis dalam arkeologi Asia Tenggara. Dilahirkan di Rochester, New York, beliau memperoleh ijazah dari Dartmouth College, Ohio University, dan Cornell University, di mana beliau menerima Anugerah Lauriston Sharp untuk disertasi PhDnya pada 1978. Selepas berkhidmat sebagai sukarelawan Peace Corps di Malaysia dan bekerja untuk USAID di Indonesia, Miksic menyertai Universiti Kebangsaan Singapura pada 1987, membantu menubuhkan Program Pengajian Asia Tenggara. Beliau menjalankan kerja arkeologi yang penting di seluruh rantau ini, termasuk di Borobudur dan banyak tapak di Singapura seperti Katedral St. Andrew dan Empress Place. Sering dipanggil "Indiana Jones sejarah Singapura," Miksic merevolusikan pemahaman tentang masa lampau prakolonial Singapura, menemui bukti kepentingannya sebagai pusat perdagangan abad ke-14. Penyelidikannya membawa kepada perubahan kurikulum di sekolah-sekolah Singapura dan memperolehnya Hadiah Sejarah Singapura yang sulung pada 2018. Beliau meninggal dunia pada Oktober 2025, berusia 78 tahun.

Dr. Sa'eda Buang
Pensyarah Kanan
Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang

Dr Sa'eda binte Buang merupakan Pensyarah Kanan dalam Kumpulan Akademik Bahasa dan Budaya Asia di NIE sejak 2001, berkhidmat sebagai Penolong Ketua (Melayu) dari 2016-2019. Penyelidikannya memfokuskan kajian sastera dan budaya, manuskrip Jawi, dan pembaharuan kurikulum, mengetuai beberapa projek penyelidikan yang dibiayai termasuk kajian mengenai manuskrip Melayu sebagai warisan budaya dan hubungan Sriwijaya-Temasek. Beliau mempunyai pengalaman luas dengan Kementerian Pendidikan, berkhidmat dalam Jawatankuasa Pembelajaran dan Promosi Bahasa Melayu sejak 2013 dan sebagai perunding kurikulum untuk kurikulum Bahasa Melayu Menengah 2021. Antologi suntingannya "Begitulah Kata-kata" (2013) digunakan sebagai buku teks peringkat A. Sebagai penulis yang berjaya, Dr Sa'eda memenangi beberapa Hadiah Sastera dari Majlis Bahasa Melayu Singapura (2003, 2005). Beliau berkhidmat sebagai wakil pakar Singapura di MASTERA dan penasihat industri sastera. Cerpen beliau "Razi" dipilih untuk projek ONE STORY Lembaga Perpustakaan Negara pada 2021, bagi mempromosikan dialog sastera merentas budaya.

Mohd Raman Daud
Penulis

Mohd Raman Daud merupakan mantan wartawan kanan Berita Harian (1984-2016), penulis skrip drama pentas dan televisyen seperti Bicara, cerpen, dan esei sastera, pengarang dan aktivitis masyarakat. Selain itu beliau juga mantan penulis skrip tetap bagi Perbadanan Penyiaran Singapura (1980-1984). Beliau juga menjadi editor atau penyunting sejumlah buku termasuk Perjalanan MAS: Memoir Muhammad Ariff Ahmad, Nilam: Nilai Melayu Menurut Adat yang merupakan adikarya Pendeta Dr Muhd Ariff Ahmad dan Muzik Melayu Sejak 1940-an oleh Yusnor Ef. Beliau juga antara anggota pengasas Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Dr Roszalina Rawi
Pensyarah
Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang

Dr. Roszalina Rawi merupakan Pensyarah di Kumpulan Akademik Bahasa dan Budaya Asia (Asian Languages & Cultures – ALC), Institut Pendidikan Nasional (National Institute of Education – NIE), Universiti Teknologi Nanyang (Nanyang Technological University – NTU). Sebelum menyertai NIE pada tahun 2010, beliau berkhidmat sebagai guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di Singapura. Pada masa ini, beliau memegang peranan sebagai Ketua Praktikum bagi Kumpulan Akademik ALC serta merupakan ahli Pasukan Petugas Penilaian NIE. Dalam bidang pembangunan profesional guru, Dr. Roszalina aktif mengendalikan bengkel berkaitan Penilaian untuk Pembelajaran (Assessment for Learning) bagi menyokong amalan penilaian yang berkesan dalam bilik darjah. Selain itu, beliau turut menyelia pelajar prasiswazah dalam penulisan kertas projek Penyelidikan Pendidikan serta projek URECA. Kepakaran beliau dalam bidang penilaian juga diiktiraf melalui peranannya sebagai perunding pentaksiran bagi Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan National Institute of Early Childhood. Dari segi khidmat profesional, Roszalina pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Semakan Sukatan Pelajaran Peperiksaan Bahasa Melayu GCE Peringkat O dan N tahun 2024. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai hakim bagi Anugerah Guru Arif Budiman anjuran Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Bahasa Melayu (MLLPC) dari tahun 2019 hingga 2021.

Muhamad Rafi Abu Bakar
Guru Pakar
Pusat Bahasa Melayu Singapura

Cikgu Rafi mendapat Diploma Pendidikan pada tahun 1993. Beliau melanjutkan pengajian di peringkat ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) di NTU/NIE pada tahun 2003 dan peringkat Sarjana pada tahun 2010 daripada universiti yang sama. Beliau berpengalaman mengajar di sekolah rendah dan menengah. Cikgu Rafi pernah menjawat jawatan Ketua Jabatan (PE/CCA, Bahasa Ibunda dan Disiplin) semasa mengajar di sekolah rendah dan menengah. Beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Perancangan Kurikulum sebelum dipindahkan ke Pusat Bahasa Melayu Singapura. Cikgu Rafi mempunyai pengalaman membina kurikulum dan membina bahan buku teks sekolah menengah sewaktu bertugas di Kementerian Pendidikan (2009). Beliau dilantik sebagai Guru Pakar pada tahun 2012. Bidang kepakaran beliau dalam pendidikan guru ialah e-Pedagogi, Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Metakognisi, Penulisan, Kajian Pengajaran,Kajian Pengajaran, Literasi Visual, Teknik-Teknik Penyoalan dan pembinaan bahan aplikasi mudah alih dan e-buku. Beliau juga memenangi beberapa anugerah Innergy Award Kementerian Pendidikan Singapura, terkini pada tahun 2024 dan 2025.

Nurul Huda Muhammad Yassin
Guru Kanan
Sekolah Menengah Damai

Cikgu Nurul Huda Muhammad Yassin merupakan seorang Guru Kanan di Sekolah Menengah Damai. Beliau berpegang pada keyakinan bahawa setiap pelajar memiliki potensi dan keunikan yang tersendiri, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran. Bagi beliau, tugas seorang pendidik Bahasa Melayu adalah untuk membimbing setiap pelajar mengenali kekuatan diri dan membina keyakinan melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa dan budaya Melayu. Di dalam bilik darjah, beliau menekankan interaksi yang berkualiti melalui dialog dan penyoalan yang bermakna. Dengan memupuk perbualan yang lebih mendalam, beliau berusaha mengembangkan pemikiran pelajar daripada aras rendah kepada aras yang lebih tinggi, dengan tujuan membentuk keupayaan berfikir secara kritis pelajar yang diperlukan dalam kemahiran abad ke-21.

Elyyah Kamsin
Guru Kanan
Sekolah Rendah Qihua

Cikgu Elyyah Kamsin merupakan seorang Guru Kanan di Sekolah Rendah Qihua yang mempunyai minat yang mendalam terhadap inovasi berterusan, dan sentiasa meneroka strategi pedagogi baharu serta memanfaatkan teknologi pendidikan untuk membina perancah pembelajaran yang berkesan dan menarik bagi pelbagai profil pelajar. Saya percaya bahawa pendidikan adalah tentang memperkasa pelajar untuk mengambil tanggungjawab atas perkembangan mereka sendiri. Teras amalan saya adalah komitmen yang padu terhadap penilaian—bukan sekadar sebagai titik akhir pembelajaran, tetapi sebagai alat refleksi yang membantu pelajar menyerlahkan kekuatan unik mereka serta mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan secara aktif. Dengan menyepadukan alat teknologi pendidikan yang interaktif, matlamat saya adalah untuk menjadikan pembelajaran yang kompleks mudah diakses dan jelas agar semua pelajar boleh berjaya.

Jawatankuasa Penerbitan

DIAN BAHASA

JILID 3



Penasihat
Encik Abdul Harris Sumardi
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura

Ahli Jawatankuasa
Rahmat Subadah
Muhamad Rafi Abu Bakar
Siti Faridah Omar
Haryati Surana
Salina Hussin
Arshid Abdullah

Sekalung Budi

Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura menghulurkan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

- **Dr. Mohamed Fatris Bakaram** yang telah menyumbangkan kertas kajian;
- **Dr. Raudhah Yahya** telah menyumbangkan kertas kajian;
- **Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam** yang telah menyumbangkan kertas kajian;
- **Profesor Dr. John Miksic** yang telah menyumbangkan kertas kajian;
- **Dr. Sa'eda Buang** yang telah menyumbangkan kertas kajian;
- **Encik Mohamed Raman Daud** yang telah menyumbang kertas kajian;
- **Dr. Roszalina Rawi** yang telah menyumbangkan kertas kajian;
- Para pegawai Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyumbangkan kertas kajian:
  - **Muhamad Rafi Abu Bakar**, Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura
  - **Puan Nurul Huda Muhammad Yassin**, Guru Kanan (mantan Jurulatih Pusat)
  - **Puan Elyyah Kamsin**, Guru Kanan (mantan Jurulatih Pusat)
- **Profesor Madya Dr. Goh Geok Yian**, kerana memberikan keizinan untuk menerbitkan 2 peta yang dipaparkan dalam makalah tulisan Prof. John Miksic.
- dan sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan penerbitan **DIAN BAHASA JILID 3**.

Academy of Singapore Teachers
lead. care. inspire.

Ministry of Education
SINGAPORE